



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI SABAH TAHUN 2005



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	v
BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS	
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	1
Majlis Daerah Keningau	
Pengurusan Aktiviti Penguatuasaan	1
Undang-undang Dan Peraturan	
Lembaga Industri Getah Sabah	
Skim Pekebun Kecil Getah	37
Jabatan Tanah Dan Ukur	
Pengurusan Pemberimilikan Tanah Negeri	80
Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Sabah	
Pengurusan Program Bantuan Murid Sekolah Rendah Dan Tadika	107
Jabatan Air Negeri Sabah	
Program Pengurangan Air Tak Berhasil	
Melalui Projek Penggantian Paip	135
Kementerian Pembangunan Perindustrian	
Pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu	169
Jabatan Pengairan Dan Saliran	
Projek Menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan	206
Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Negeri Sabah	
Pengurusan Kemudahan Terminal Feri	
Dan Pusat Tukar Barangani (<i>Barter Trade</i>) Tawau	232

BAHAGIAN II : PERKARA AM

Pendahuluan	257
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun Lepas	257
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Sebelum Tahun 2004 Dan Masih Belum Selesai	262
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agenzi	263
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	263
PENUTUP	264

LAMPIRAN

Lampiran I	Jabatan Air Negeri Sabah Jenis Paip, Kelebihan Dan Syor Pemasangan	265
------------	---	-----

KATA PENDAHULUAN

1. Seksyen 6 Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program/aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan tersebut melalui kaedah pengauditan prestasi yang bertujuan untuk menentukan sama ada program/aktiviti tersebut telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Laporan mengenainya dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentang di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah mengarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah.
2. Laporan saya mengenai program/aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2005 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dirancang sepanjang tahun 2005. Sebanyak 8 program/aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri telah dipilih dan dikaji pada tahun 2005. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan penguatkuasaan, pertanian, pembinaan dan pelbagai kajian lain.
3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini turut mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2004 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.
4. Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap; menetapkan matlamat pelaksanaan program/aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan program/aktivitinya, tidak banyak kemajuan dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan telah diperhatikan berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan; penyeliaan yang kurang rapi serta tanpa pemantauan yang berterusan.
5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan program/aktiviti Kerajaan Negeri dan Agensinya boleh terus dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SKILL** – Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Setiap pegawai/kakitangan hendaklah mematuhi segala peraturan/undang-undang yang ditetapkan dengan jujur dan amanah.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

PUTRAJAYA
3 Julai 2006

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. Majlis Daerah Keningau : Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Undang-undang Dan Peraturan

Aktiviti penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan undang-undang dan peraturan sentiasa dipatuhi oleh orang awam. Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang dijalankan di Majlis Daerah Keningau (Majlis) adalah lemah dan memerlukan penambahbaikan. Hasil pemeriksaan Audit ke 72 premis perniagaan dan 3 kawasan setinggan mendapati 92 kes pelanggaran undang-undang seperti perniagaan tanpa lesen, lesen operasi tamat tempoh, peniaga tidak mematuhi syarat lesen dan pengubahsuai bangunan tanpa kelulusan. Hal ini menyebabkan kerugian hasil dianggarkan sejumlah RM66,086 kepada Majlis dan RM39,925 kepada Kerajaan Negeri setiap tahun. Antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh Majlis berhubung pengurusan aktiviti penguatkuasaan ialah penyediaan perancangan, prosedur kerja, peralatan dan kenderaan, jadual pemeriksaan ke premis perniagaan, penyelenggaraan rekod dan latihan kepada kakitangan. Selain itu, penyeliaan dan pemantauan daripada pegawai kanan secara sepenuh masa serta khidmat nasihat daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan berkaitan perundangan juga perlu diberi perhatian.

2. Lembaga Industri Getah Sabah : Skim Pekebun Kecil Getah

Skim Pekebun Kecil Getah merupakan satu aktiviti pembangunan sosio ekonomi Kerajaan yang diperkenalkan oleh Lembaga Industri Getah Sabah (Lembaga). Skim ini diperluaskan sejajar dengan permintaan getah yang semakin bertambah seterusnya harga getah semakin stabil berikutan pertambahan industri berasaskan getah dalam negara dan luar negara. Objektif utama skim ini ialah untuk meningkatkan pengeluaran getah melalui perluasan kawasan getah dengan menanam benih getah klon bermutu tinggi, meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang terlibat dan mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan. Skim pekebun kecil yang dilaksanakan di 5 Bahagian Sabah disertai oleh 17,749 pekebun kecil. Melalui skim ini, pekebun kecil telah berjaya mengeluarkan sejumlah 177,374 tan metrik getah dengan nilai RM671.44 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 iaitu melepassi sasaran 159,596 tan metrik bernilai RM560 juta. Lembaga telah berjaya menjual 177,374 tan metrik kepada pembeli tempatan dan mengeksport ke 30 negara pada harga RM721.44 juta.

3. Jabatan Tanah Dan Ukur : Pengurusan Pemberimilikan Tanah Negeri

Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah dipertanggungjawabkan merancang pengurusan pemberimilikan tanah untuk memastikan tanah diagih dan diguna secara optimum bagi menjana pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah. Jabatan Tanah Dan Ukur telah menyediakan satu garis panduan bagi menerangkan prosedur dan proses pemberimilikan

tanah dan juga telah menyediakan satu piagam pelanggan di mana permohonan tanah yang diterima dengan lengkap akan diproses dan diluluskan sehingga geran draf disediakan dalam tempoh 2 tahun. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, pengurusan pemberiman tanah mengalami kelewatan pemprosesan yang ketara. Kelewatan ini secara tidak langsung menyebabkan projek pembangunan negeri turut tergendala. Bagi mengatasi masalah tersebut, langkah yang boleh diambil adalah dengan menetapkan norma kerja bagi setiap kakitangan yang terlibat dengan penyemakan dan pemprosesan permohonan tanah, mewujudkan sistem maklumat data komputer secara berkesan, serta mengkaji semula struktur organisasi, guna tenaga dan proses kerja. Kaedah penyelesaian ini akan dapat membantu memastikan Piagam Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah dicapai demi kepuasan pelanggan dan memaksimumkan kutipan hasil tanah Kerajaan Negeri Sabah.

4. Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Sabah: Pengurusan Program Bantuan Murid Sekolah Rendah Dan Tadika

Program bantuan murid sekolah rendah dan tadika diwujudkan sejak tahun 1979. Pada tahun 1991 program ini dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Sabah (Kementerian). Matlamat program ini adalah untuk mendorong mempertingkatkan mutu pendidikan di Negeri Sabah dan memberi peluang kepada murid memperoleh pendidikan secara formal serta meringankan bebanan ibu bapa. Bantuan yang diberikan adalah pakaian seragam dan kasut, alat tulis dan bekalan minuman susu. Tiga pembekal telah dilantik oleh Kementerian untuk membekalkan 3 jenis bantuan tersebut. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 sejumlah RM56.32 juta telah dibelanjakan untuk membantu seramai 289,257 murid di 2,098 sekolah rendah dan tadika. Semakan Audit mendapati bantuan bagi minuman susu tidak dibekalkan mengikut jadual yang ditetapkan menyebabkan pengagihan susu kepada murid tidak mengikut hari peminuman dan jumlah pek yang sepatutnya. Pihak sekolah juga menghadapi masalah tempat penyimpanan susu. Penyelengaraan rekod dan laporan di peringkat sekolah juga tidak disediakan dengan teratur.

5. Jabatan Air Negeri Sabah : Program Pengurangan Air Tak Berhasil Melalui Projek Penggantian Paip

Jabatan Air Negeri Sabah menghadapi masalah kehilangan air tak berhasil atau *Non Revenue Water* (NRW) setiap tahun. Mengikut *Malaysia Water Industry Guide 2004*, peratus kehilangan NRW di peringkat Kebangsaan pada tahun 2002 adalah 40.6% dan tahap NRW yang boleh diterima adalah 25%. Manakala, kadar purata kehilangan air di Negeri Sabah adalah sebanyak 68% bagi tempoh tahun 2000 hingga 2004. Faktor utama yang mengakibatkan NRW adalah kebocoran paip lama yang kebanyakannya dianggar berusia lebih 20 tahun. Program NRW mengandungi 9 komponen kerja projek di mana projek penggantian paip merupakan salah satu daripada kompenan utama. Projek NRW telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dengan kos berjumlah RM127 juta yang dibiayai melalui pakej pinjaman Kerajaan Persekutuan. Di bawah program ini, Jabatan Air telah merancang untuk menjalankan 10 projek penggantian paip

di 10 daerah. Bagaimanapun, pelaksanaan sebenar hanya membabitkan 4 daerah sahaja kerana peruntukan yang diterima hanya berjumlah RM68.3 juta. Daerah yang terlibat adalah Kota Belud, Sipitang, Sandakan dan Tawau. Pada keseluruhannya, projek penggantian paip di bawah program NRW telah membantu Jabatan mencapai matlamatnya untuk mengurangkan kadar NRW di Negeri Sabah khususnya di daerah yang terbabit. Mengikut rekod, NRW di Negeri Sabah pada tahun 2005 telah dikurangkan kepada 57%.

6. Kementerian Pembangunan Perindustrian : Pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu

Projek Taman Perindustrian Kota Kinabalu (Taman Perindustrian) merupakan projek perindustrian bersepadu iaitu industri berasaskan sumber asli dan industri bukan berasaskan sumber asli. Kawasan Taman Perindustrian adalah seluas 3,367.10 hektar dan dibahagikan kepada 10 komponen iaitu Kediaman, Perindustrian, Komersial, Pejabat Kerajaan dan Institusi, Kemudahan Pendidikan dan Komuniti, Landskap dan Kawasan Lapang, Taman Rekreasi dan Pelancongan, Taman Semulajadi, Jalanraya, Keretapi dan Kemudahan Awam serta Kawasan Pertanian. Sejumlah RM4.3 billion diperlukan untuk membangunkan Taman Perindustrian bermula dalam tempoh tahun 1993 hingga 2016. Pembangunan Taman Perindustrian dibiayai melalui pemberian geran oleh Kerajaan Negeri serta pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan bank komersial. Selaku agensi pelaksana, Kota Kinabalu Industrial Park Sdn. Bhd. (KKIPSB) bertanggungjawab membangunkan Taman Perindustrian melalui penjualan lot dan projek usahasama. Semakan Audit mendapati penjualan tapak lot industri, kediaman dan komersial telah mencapai sasarannya. Bagaimanapun dari segi kemajuan projek, hanya komponen industri yang telah dibangunkan. Pertumbuhan pembangunan Taman Perindustrian juga adalah perlahan disebabkan oleh sumber kewangan yang terhad. Pemantauan di peringkat KKIPSB dan Kementerian ada dijalankan bagi memastikan pembangunan Taman Perindustrian dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

7. Jabatan Pengairan Dan Saliran : Projek Menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan

Projek Menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan dilaksanakan oleh kerana kawasan ini selalu mengalami banjir di musim tengkujuh. Perbelanjaan sebenar bagi menyiapkan projek ini adalah RM3.45 juta. Semakan Audit mendapati kontraktor yang dilantik terus oleh Kerajaan Negeri telah menyerahkan kerja ini kepada kontraktor lain tanpa kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri. Bagaimanapun, projek ini telah disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu selama 2 tahun yang bermula pada awal bulan Jun 2002. Walaupun pelaksanaan projek ini terdapat beberapa kelemahan tetapi secara keseluruhannya projek ini telah disiapkan mengikut spesifikasi dan berjaya memberi faedah kepada penduduk sekitar serta pengguna jalan raya oleh kerana selepas projek ini disiapkan banjir tidak lagi berlaku.

8. Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Negeri Sabah : Pengurusan Kemudahan Terminal Feri Dan Pusat Tukar Barangian (*Barter Trade*) Tawau

Terminal Feri Dan Dermaga Tawau telah wujud sejak tahun 1870-an sebagai tempat pendaratan feri dan kapal perdagangan dan pusat tukar barang antara negara Indonesia, Filipina dan Malaysia. Kemudahan yang terdapat di pusat ini telah uzur dan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.06 juta pada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) untuk menaik taraf dan membina kemudahan di pusat ini. Semakan Audit mendapati kerja menaik taraf kemudahan terminal feri dan pengurusan pusat tukar barang adalah memuaskan. Namun begitu, kesesakan penumpang feri dan kapal masih berlaku di pusat ini kerana kawasan yang terlalu sempit. Oleh itu, pembinaan pusat yang baru di tempat yang lebih luas dan selesa perlu dilaksanakan dengan cepat supaya pusat tukar barang ini dapat berdaya maju dan berdaya saing di peringkat negeri dan antarabangsa.

BAHAGIAN I
AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Berdasarkan kepada Seksyen 6 Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit program atau aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, sebanyak 8 aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi telah dipilih dan dikaji pada tahun 2005. Hasil kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan dan isu yang dibangkitkan dilaporkan di **Bahagian ini**.

MAJLIS DAERAH KENINGAU

PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

2. LATAR BELAKANG

2.1 Majlis Daerah Keningau (Majlis) ditubuhkan pada bulan Januari 1962 di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961. Keluasan kawasan perkadarannya ialah 1,371 hektar dengan bilangan penduduk melebihi 100,000 orang. Objektif Majlis adalah untuk membangun dan mengurus tadbir daerah Keningau dengan persekitaran yang bersih, teratur, selamat dan selesa untuk didiami oleh penduduk. Untuk mencapai objektif tersebut, Majlis menjalankan fungsi seperti berikut:

- a) memberi perkhidmatan berkaitan dengan kebersihan, keindahan dan kesihatan awam seperti perkhidmatan mengutip sampah dan memotong rumput;
- b) mengawal aktiviti pembangunan di kawasan perkadaran;
- c) menyediakan dan mengurus kemudahan awam dan infrastruktur seperti taman rekreasi, lorong pejalan kaki dan perhentian bas;
- d) memproses pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi bagi pelbagai aktiviti perniagaan;
- e) mengawal pembinaan dan pengubahsuaian bangunan termasuk rumah setinggan; dan
- f) mengawal binatang yang berkeliaran.

2.2 Sehubungan dengan itu, Majlis telah menggubal 22 Undang-undang Kecil antara tahun 1956 hingga tahun 1998. Selepas tahun 1998 tidak ada Undang-undang Kecil baru telah digubal dan diwartakan. Undang-undang Kecil tersebut antara lain berkaitan dengan peraturan bagi mengawal aktiviti perniagaan, mengawal pembinaan dan keselamatan bangunan di kawasan Majlis serta mengawal kebersihan di Daerah Keningau bagi

menjamin keselesaan penduduk. Selain itu, pentadbiran Majlis juga turut menguatkuasakan Ordinan Hiburan Awam 1958 untuk mengawal aktiviti perniagaan hiburan serta pekeliling dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan dari semasa ke semasa. Undang-undang ini akan dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang bagi memastikan ia sentiasa dipatuhi oleh orang awam.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

4. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Jabatan Audit Negara melaksanakan kajian terhadap aktiviti penguatkuasaan di Majlis Daerah Keningau berdasarkan kepada kepentingan aktiviti ini terhadap pematuhan semua undang-undang dan peraturan Majlis yang berkuatkuasa. Skop pengauditan adalah meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaan bagi tahun 2004 dan 2005. Sebanyak 72 premis perniagaan di sekitar pekan Keningau telah dipilih dan dilawati untuk menentukan aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan adalah mematuhi undang-undang dan syarat yang ditetapkan. Premis perniagaan yang dipilih adalah terdiri daripada pusat hiburan, pusat rekreasi keluarga, biliard, salun, *cyber cafe*, hotel/rumah penginapan dan bengkel. Undang-undang yang terlibat untuk diaudit adalah berkaitan dengan pematuhan syarat lesen perniagaan, bangunan, kebersihan dan tempat letak kereta. Semakan Audit terhadap fail, laporan kewangan, rekod dan daftar yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan. Penyiasatan juga telah dibuat dengan cara menemu bual pegawai dan pasukan penguatkuasa di Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang serta pegawai dari Bahagian Pelesenan, Bahagian Kesihatan Dan Operasi, Bahagian Pentadbiran serta Bahagian Pembangunan Dan Kejuruteraan.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1 PERANCANGAN

Perancangan adalah penting bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta selaras dengan undang-undang yang berkaitan. Oleh itu, perancangan yang teliti dan komprehensif perlu mempunyai garis panduan yang jelas, kakitangan, peralatan dan peruntukan kewangan yang mencukupi. Semakan Audit terhadap aspek perancangan mendapati perkara seperti berikut:

5.1.1 Undang-undang Dan Peraturan

Undang-undang yang digubal perlu dikuatkuasakan selaras dengan dasar Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan untuk memastikan Pihak Berkuasa Tempatan memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada penduduk. Kerajaan juga memberi perhatian yang serius kepada usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penguatkuasaan supaya isu berkaitan perlanggaran undang-undang dapat ditangani di peringkat daerah. Sehubungan dengan itu, Majlis hendaklah memastikan urus tadbir Daerah Keningau dilaksanakan selaras dengan undang-undang yang berkaitan. Melalui kuasa yang dinyatakan di Seksyen 50 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Majlis boleh menggubal Undang-undang Kecil untuk mengurus tadbir Daerah Keningau.

Sebanyak 22 Undang-undang Kecil digubal untuk mengawal aktiviti perniagaan, pembangunan dan sosial seperti pembinaan dan pengubahsuaian bangunan, menjaga kebersihan tempat awam dan tempat letak kenderaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 Undang-undang Kecil adalah untuk mengawal aktiviti perniagaan bukan bercorak hiburan seperti hotel, restoran, kedai dobi, bengkel dan salun. Undang-undang Kecil tersebut menetapkan syarat yang perlu dipatuhi oleh peniaga seperti kebersihan, keselamatan dan kadar bayaran lesen. Undang-undang Kecil tersebut antaranya ialah Undang-undang Kecil (Perniagaan Merbahaya) 1973 dan Undang-undang Kecil (Hotel Dan Penginapan) 1969.

Selain itu, satu Undang-undang kecil digubal untuk aktiviti melibatkan pembinaan dan pembangunan iaitu Undang-undang Kecil (Bangunan) 1983. Undang-undang Kecil tersebut digunakan oleh Majlis sebagai garis panduan untuk mengawal pembinaan dan pengubahsuaian atau penyambungan bangunan termasuk premis perniagaan dan rumah setinggan. Menurut Undang-undang Kecil tersebut, pelan tapak dan pelan bangunan termasuk pengubahsuaian perlu disemak dan diluluskan oleh Majlis dengan mengambil kira kesesuaian tapak, keselamatan bangunan dan pengguna, pembinaan jalan, perparitan dan sebagainya.

Tiga Undang-undang Kecil digubal berkaitan mengawal kesihatan dan kebersihan iaitu Undang-undang Kecil *Conservancy And Hygiene* 1981, Undang-undang Kecil (Rumah Penyembelihan) 1981 dan Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984. Peraturan yang perlu dipatuhi antaranya ialah tanggungjawab pemilik premis menyediakan tong sampah dan memastikan kebersihan premis mereka serta larangan membuat kekotoran di tempat awam. Sementara itu, Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta) 1998 digubal berkaitan peraturan meletak kenderaan di kawasan Majlis. Peraturan yang perlu dipatuhi antaranya ialah tanggungjawab pemilik kenderaan meletak kenderaan di petak yang disediakan dan membayar caj yang dikenakan oleh Majlis. Sementara itu 8 Undang-undang Kecil lagi digubal berkaitan pelbagai aktiviti sosial seperti penggunaan lorong dan tempat awam serta pemeliharaan binatang.

Undang-undang Kecil yang terlibat antaranya ialah Undang-undang Kecil (Lorong Dan Tempat Awam) 1981 dan Undang-undang Kecil (Kawalan Binatang) 1981.

Selain daripada Undang-undang Kecil, Majlis turut menguatkuasakan Ordinan Hiburan Awam 1958 yang digubal oleh Kerajaan Negeri dan surat arahan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa untuk mengawal aktiviti perniagaan bercorak hiburan seperti karaoke, MTV, disko, pusat rekreasi, dan pementasan (*theatrical performance*) seperti sarkis, wayang kulit dan opera. Ini disebabkan Majlis tidak menggubal Undang-undang Kecil yang khusus untuk mengawal aktiviti perniagaan tersebut. Ordinan tersebut menghuraikan syarat yang perlu dipatuhi oleh peniaga antaranya ialah berkaitan masa beroperasi, kadar lesen, pelan struktur premis perniagaan, kesesuaian lokasi, kebersihan premis, pengudaraan yang mencukupi dan mempunyai ciri keselamatan seperti pintu kecemasan dan alat pemadam kebakaran. Syarat berhubung masa pusat hiburan awam dibenarkan untuk beroperasi dan kadar bayaran lesen operasi juga diperjelaskan melalui surat arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan serta Kaedah Teater Dan Hiburan Awam (Pindaan) 1993. Selain itu, sijil pengesahan dari pihak polis yang mengesahkan ciri keselamatan, kebersihan dan kesesuaian premis tersebut untuk dijadikan pusat hiburan perlu diperolehi sebelum lesen operasi pusat hiburan diluluskan oleh Majlis.

Kerajaan Negeri turut mengeluarkan *Money Lender Rules*, 1985 untuk mengawal aktiviti perniagaan memberi pinjam wang. Berdasarkan kepada peraturan tersebut, Kementerian Kewangan perlu bertindak sebagai Jawatankuasa yang meluluskan permohonan perniagaan memberi pinjam wang sementara Pegawai Daerah atau Presiden Majlis Perbandaran adalah bertanggungjawab sebagai pegawai penguatkuasa. Tanggungjawab pegawai penguatkuasa adalah untuk memastikan perniagaan memberi pinjam wang beroperasi dengan lesen yang sah serta mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh *Money Lender Ordinance, Capture 81*. Peraturan yang perlu dipatuhi antaranya ialah perniagaan tersebut perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan, setiap pinjaman perlu mempunyai perjanjian pinjaman yang dibuat secara bertulis dan kadar faedah yang dikenakan terhadap pinjaman tidak lebih 15% atau 24% satu tahun berdasarkan kepada cagaran.

Selain daripada syarat dan peraturan, undang-undang yang digubal turut menetapkan tindakan yang boleh dilaksanakan oleh Majlis seperti pembatalan lesen dan denda yang boleh dikenakan sekiranya syarat lesen tidak dipatuhi. Ordinan Hiburan Awam (Pindaan) 2003 pula membenarkan Majlis untuk menutup dan menyita premis pusat hiburan yang tidak mematuhi syarat lesen. Manakala Undang-undang Kecil (Bangunan) 1983 membenarkan Majlis meroboh bangunan yang dibina atau diubah suai tanpa kelulusan. Majlis juga boleh mengenakan kompaun kepada orang awam dan peniaga yang melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984 dan Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta) 1998.

5.1.2 Prosedur Penguatkuasaan

Majlis mempunyai Manual Prosedur (Penguatkuasaan) yang menghuraikan prosedur berhubung aktiviti dan tindakan yang perlu diambil oleh anggota penguatkuasa. Manual tersebut menetapkan 3 prosedur penguatkuasaan iaitu pemeriksaan terhadap aduan awam, pemeriksaan berkala dan operasi pemeriksaan bersama yang melibatkan bantuan daripada pihak luar seperti polis.

Manual Prosedur (Penguatkuasaan) tersebut hanya menyatakan prosedur pemeriksaan terhadap aduan awam. Menurut Manual tersebut, aduan awam yang diterima akan direkod ke Borang Permohonan Tindakan Pembetulan oleh Pembantu Tadbir gred N9. Aduan yang melibatkan pelanggaran undang-undang dan syarat lesen akan diserah kepada Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang supaya siasatan dan tindakan diambil dengan segera terhadap aduan itu. Penolong Pegawai Penguatkuasa akan melakukan siasatan untuk mengesahkan aduan melibatkan pelanggaran undang-undang atau syarat lesen. Hasil siasatan akan direkod ke Borang Permohonan Tindakan Pembetulan asal dan akan diserah kepada Pegawai Kerja.

Anggota penguatkuasa akan mengambil tindakan berdasarkan prosedur yang ditetapkan sekiranya mendapati syarat lesen atau undang-undang tidak dipatuhi semasa pemeriksaan dilakukan. Berdasarkan kepada Manual tersebut, Notis Amaran satu, dua dan tiga akan dikeluarkan supaya tindakan pematuhan syarat atau undang-undang dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tindakan pembetulan tidak diambil selepas Notis Amaran ketiga dikeluarkan, Penolong Pegawai Penguatkuasa akan membuat satu laporan berhubung kesalahan tersebut dan memohon kepada Pegawai Kerja untuk mengambil tindakan mahkamah atau melaksanakan penyitaan terhadap barang perniagaan. Bagaimanapun, sekiranya kesalahan tersebut boleh dikenakan tindakan kompaun seperti membuat kekotoran di tempat awam, Tawaran Kompaun akan dikeluarkan. Tindakan mahkamah akan diambil sekiranya kompaun tidak dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan.

5.1.3 Perancangan Penguatkuasaan

Bagi memastikan undang-undang sentiasa dipatuhi, Majlis perlu menyediakan rancangan untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan secara berterusan. Semakan Audit terhadap rancangan penguatkuasaan Majlis mendapati perkara berikut:-

a) Pemeriksaan Premis Perniagaan

Pemeriksaan berkala ke premis perniagaan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk memastikan peniaga mempunyai lesen yang sah dan mematuhi syarat yang ditetapkan. Perancangan pemeriksaan berkala akan disediakan oleh Majlis yang menunjukkan jadual lawatan seperti tempat, tarikh dan pasukan yang terlibat. Mengikut rekod Majlis, terdapat 801 unit premis perniagaan di kawasan perkadarannya terdiri daripada 644 unit rumah kedai dan 157 unit kedai industri. Jumlah ini tidak termasuk penjaja yang beroperasi setiap hari di 4 pasar umum dan

1 pasar malam serta penjaja di pasar tamu yang beroperasi pada hari Khamis, Sabtu dan Ahad. Untuk melaksanakan penguatkuasaan, Majlis mempunyai 4 pasukan penguatkuasa dengan 5 ahli setiap pasukan. Namun demikian, Majlis tidak mempunyai perancangan untuk menyesuaikan beban kerja dengan keanggotaan.

b) Pemeriksaan Harian

Selain membuat pemeriksaan ke premis perniagaan, pasukan penguatkuasa juga akan membuat pemeriksaan harian di sekitar zon yang ditetapkan. Ia bertujuan untuk memastikan tidak ada aktiviti yang menyalahi peraturan dan undang-undang, memastikan kebersihan tempat awam serta mengawal kegiatan penjaja haram. Semasa menjalankan pemeriksaan harian, anggota penguatkuasa yang diberi kuasa akan mengambil tindakan mengkompaun orang awam dan peniaga yang melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984 dan Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta) 1998. Anggota penguatkuasa juga boleh mengambil tindakan merampas barang perniagaan yang tidak mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan. Bagi kesalahan yang tidak boleh dikenakan tindakan kompaun atau rampasan barang, Notis Peringatan akan dikeluarkan. Pemeriksaan harian tersebut perlu direkod setiap hari di Buku Laporan Pemeriksaan Harian dan dikemukakan kepada Penolong Pegawai Penguatkuasa untuk diperiksa pada setiap minggu.

c) Operasi Bersepadu

Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang perlu menyediakan perancangan untuk melaksanakan operasi bersepadu. Untuk itu, Majlis perlu menetapkan tujuan operasi bersepadu yang akan dilaksanakan seperti membentras peniaga tanpa lesen, membentras kegiatan menjual VCD cetak rompak dan sebagainya. Majlis juga perlu memastikan bilangan anggota penguatkuasa, peralatan dan kenderaan mencukupi untuk melaksanakan operasi tersebut. Selain itu, Majlis hendaklah mendapatkan bantuan pihak luar seperti polis sekiranya perlu supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Rancangan operasi bersepadu ini juga perlu dirahsiakan daripada pengetahuan umum. Namun demikian, Majlis tidak menyediakan perancangan berhubung operasi bersepadu tersebut.

Majlis juga terlibat dengan operasi bersepadu yang akan dilaksanakan bersama Pegawai Daerah dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna cawangan Keningau. Terdapat 8 operasi bersepadu yang akan disertai sepanjang tahun 2005 melibatkan operasi di 4 kawasan perniagaan utama di Daerah Keningau iaitu kawasan tamu, pasar malam, pasar umum dan kawasan Sabindo. Operasi bersepadu ini dijangka turut disertai oleh anggota dari pelbagai agensi Kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Imigresen, Jabatan Hidupan Liar, Pejabat Pendaftaran dan Persatuan

Pengguna Daerah Keningau. Pihak Audit tidak dapat mengesan tujuan operasi bersepada tersebut kerana Majlis hanya menerima arahan untuk menyertai operasi yang akan diadakan.

5.1.4 Struktur Pengurusan

Penguatkuasaan terhadap Undang-undang Kecil dan peraturan di Daerah Keningau adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang Majlis. Fungsi utama Bahagian ini adalah menguatkuaskan semua dasar, peraturan dan undang-undang yang digunakan untuk mengurus tadbir Daerah Keningau. Pada tahun 2004 dan 2005 terdapat 22 jawatan diluluskan untuk Bahagian ini. Berdasarkan carta organisasi Majlis, Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang ini akan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27 dan dibantu oleh 2 Pembantu Penguatkuasa Gred N17, empat Pembantu Penguatkuasa Gred N11 dan 15 Pekerja Rendah Awam Gred R1.

Majlis juga merancang untuk membentuk 5 unit kecil di Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang bagi memudahkan pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaan yang akan dijalankan. Unit ini terdiri daripada Unit Pemantau Setinggan, Unit Pemantau Lesen, Unit Pemantau Kaki Lima/Penjaja, Unit Pemantau Kompaun dan Unit Pemantau Pemusnah Anjing. Setiap Unit terdiri daripada 4 hingga 6 anggota. Selain itu, Bahagian Kebersihan Dan Kecantikan Bandar juga turut menjalankan aktiviti penguatkuasaan dari aspek kebersihan.

5.1.5 Keperluan Tenaga Kerja Dan Latihan

a) Keperluan Tenaga Kerja

Majlis mempunyai 22 anggota di Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang. Semua anggota di Bahagian ini adalah terlibat secara langsung memantau aktiviti perniagaan dan kegiatan yang dijalankan oleh orang awam di sekitar Daerah Keningau. Ia bertujuan untuk memastikan semua undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dipatuhi orang awam termasuk peniaga. Selain itu, anggota yang sama juga terlibat memantau aktiviti perniagaan yang beroperasi pada waktu petang hingga malam dan pasar tamu yang beroperasi pada hari tertentu.

Bagi meningkatkan kecekapan anggota penguatkuasa, Majlis merancang untuk mewujudkan 5 jawatan Pekerja Rendah Awam Gred R1 di Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang bagi menambah jumlah jawatan sedia ada. Tugas dan tanggungjawab Pekerja Rendah Awam tersebut adalah membantu anggota penguatkuasa secara langsung semasa operasi penguatkuasaan dijalankan seperti meroboh bangunan dan gerai yang dibangunkan tanpa kelulusan dan mengalihkan barang perniagaan yang dirampas. Selain itu, tugas harian yang akan dilaksanakan termasuklah melaksanakan rondaan ke premis perniagaan mengikut pasukan, menegur dan menasihatkan penjaja yang melanggar undang-undang dan peraturan lesen, menghantar notis amaran dan membantu menangkap binatang

yang berkeliaran di sekitar pekan. Penambahan bilangan anggota penguatkuasa bertujuan untuk mengurangkan beban tugas anggota yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan pada ketika ini.

b) Latihan

Latihan yang berkaitan perlu dirancang dan diberi secara berterusan kepada semua anggota yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan. Bahagian yang mengendalikan latihan perlu memastikan kesesuaian latihan dengan jawatan yang disandang oleh anggota yang akan menghadiri latihan tersebut. Untuk itu, anggota penguatkuasa perlu diberi latihan terutama berkaitan perundangan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berhubung prosedur dan tindakan undang-undang. Pengendalian urusan berkaitan latihan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Dan Pentadbiran Majlis. Pada tahun 2004 dan 2005 Majlis tidak menetapkan latihan yang akan dihadiri oleh anggota di Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang.

5.1.6 Keperluan Kemudahan Stor, Peralatan Dan Kenderaan

Bagi memantapkan urusan penguatkuasaan, anggota penguatkuasa perlu dilengkapskan dengan peralatan dan kemudahan yang sesuai seperti pakaian seragam, kenderaan, kamera, alat *walkie talkie*, kemudahan stor penyimpanan barang yang disita dan sebagainya.

Pada tahun 2005 Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang merancang untuk membeli satu kenderaan, satu unit komputer, pakaian seragam tambahan dan memasang 1 unit antena radio (*walkie talkie*) di pejabat baru Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang. Selain itu, Bahagian ini juga merancang untuk membina stor bagi menempatkan peralatan dan barang rampasan. Anggaran kos keseluruhan bagi semua rancangan pembelian/pembinaan tersebut adalah berjumlah RM103,000. Rancangan untuk membeli kenderaan tambahan adalah perlu memandangkan kenderaan sedia ada yang dibeli pada tahun 1987 seringkali mengalami kerosakan dan tidak dapat menampung kerja pengutuasaan yang semakin meningkat.

5.1.7 Keperluan Kewangan

Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi membolehkan Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang menjalankan aktivitinya dengan baik dan berkesan. Pada tahun 2004 dan 2005 Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang memohon peruntukan kewangan berjumlah RM106,100 dan RM194,830 untuk perbelanjaan aktiviti penguatkuasaan tidak termasuk emolumen seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Peruntukan Yang Dipohon Oleh Bahagian Penguatkuasa
Dan Undang-undang Pada Tahun 2004 Dan 2005

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Jumlah Dipohon	
		2004 (RM)	2005 (RM)
1.	Pakaian Seragam Dan Kasut	8,700	20,000
2.	Pembaikan Kenderaan (SU 3951A)	8,000	15,000
3.	Pembelian 1 Unit Kenderaan (<i>Light Truck</i>)	45,000	70,000
4.	Pemasangan 1 Unit Antena Radio (<i>Walkie Talkie</i>)	-	3,000
5.	Pembelian Dan Pembaikan Alat <i>Walkie Talkie</i>	4,900	-
6.	Pembinaan Stor Penyimpanan Barang Yang Disita	-	5,000
7.	Pembelian 1 Unit Komputer	-	5,000
8.	Pembakian Komputer	-	2,000
9.	Pembelian Alatulis	500	1,480
10.	Pembelian 1 Unit Vacuum Cleaner	-	350
11.	Pembakian Dan Pembelian Alat Ganti <i>Chain Saw</i>	1,500	-
12.	Elaun Kerja Lebih Masa	35,000	70,000
13.	Lain-lain	2,500	3,000
Jumlah		106,100	194,830

Sumber: Rekod Majlis Daerah Keningau

5.1.8 Mekanisme Pemantauan

Pemantauan yang berterusan perlu dijalankan bagi memastikan Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis yang berkaitan dipatuhi seperti keperluan mendapatkan lesen bagi semua jenis perniagaan, pematuhan terhadap syarat lesen, pematuhan peraturan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan, peraturan berkaitan kebersihan, tempat letak kereta dan sebagainya. Untuk itu, pemantauan perlu dilaksanakan terhadap aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan seperti pemeriksaan premis perniagaan, rampasan barang niaga, pengeluaran notis peringatan dan pengeluaran kompaun.

Bagi memastikan Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang menjalankan kerja penguatkuasaan dengan baik dan berkesan, Pegawai Kerja membuat penyeliaan terus terhadap aktiviti Bahagian tersebut. Bahagian ini akan melaporkan kes pelanggaran undang-undang dan peraturan Majlis kepada Pegawai Kerja dengan segera. Penolong Pegawai Penguatkuasa yang mengetuai Bahagian ini seterusnya akan menyediakan laporan mingguan kepada Pegawai Kerja berdasarkan laporan harian yang disediakan oleh anggota yang menjalankan kerja penguatkuasaan. Selain itu, aktiviti Bahagian

Penguatkuasa Dan Undang-undang juga akan dipantau melalui mesyuarat pengurusan Majlis yang diadakan pada setiap bulan.

Pada pandangan Audit, undang-undang dan peraturan Majlis yang akan dikuatkuasakan adalah mencukupi. Bagaimanapun, perancangan bagi aktiviti penguatkuasaan tidak disediakan.

5.2 PELAKSANAAN

Semakan Audit terhadap pematuhan undang-undang dan peraturan serta pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan mendapatkan perkara seperti berikut:

5.2.1 Perundangan

Majlis telah menggubal 22 Undang-undang Kecil melalui Seksyen 50 Ordinan Kerajaan Tempatan (Sabah No. 11 Tahun 1961) pada tahun 1956 hingga tahun 1998. Antara Undang-undang Kecil yang digubal tersebut ialah Undang-undang Kecil (Hotel Dan Penginapan) 1969, Undang-undang Kecil (Pasar) 1981, Undang-undang Kecil (Bangunan) 1983 dan Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta) 1998. Selain itu, Majlis turut menguatkuasakan Ordinan Hiburan Awam 1958 untuk mengawal aktiviti perniagaan hiburan. Untuk penguatkuasaan yang lebih efektif, undang-undang yang digubal perlu mencukupi, komprehensif dan kemas kini.

Semakan Audit mendapati hanya 7 daripada 22 Undang-undang Kecil telah dibuat pindaan antara tahun 1984 hingga tahun 1987. Manakala 15 Undang-undang Kecil tidak pernah dipinda sejak ia digubal. Antara Undang-undang Kecil yang telah dibuat pindaan ialah Undang-undang Kecil (Hotel Dan Penginapan) pindaan 1984, Undang-undang Kecil (Penjaja) pindaan 1984 dan Undang-undang Kecil (Pasar) pindaan 1987. Selain itu, Ordinan Hiburan Awam 1958 juga telah dipinda pada tahun 2003. Pindaan yang dibuat terhadap Undang-undang Kecil dan Ordinan tersebut adalah wajar kerana melibatkan perubahan kepada perkara penting seperti penambahan bayaran penalti, kuasa Majlis memasuki atau membuat pemeriksaan terhadap premis perniagaan dan perubahan kadar bayaran lesen.

Semakan Audit juga dibuat terhadap Undang-undang Kecil yang tidak pernah dipinda dan mendapati terdapat perkara yang tidak sesuai digunakan pada masa kini. Sebagai contoh, kadar lesen operasi yang ditetapkan oleh Undang-undang Kecil (*Laundries*) 1981 ialah RM36 satu tahun. Kadar tersebut adalah lebih rendah berbanding kadar yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan lain di Negeri Sabah seperti Majlis Daerah Penampang dan Majlis Daerah Semporna iaitu RM60 satu tahun. Kadar ini juga adalah sangat rendah berbanding kadar lesen operasi perniagaan lain yang dikenakan bayaran setiap bulan.

Selain itu, pihak Audit juga mendapat lesen perniagaan untuk menjalankan operasi perniagaan memberi pinjam wang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Pengeluaran lesen tersebut tidak dimaklumkan kepada pihak Majlis. Pegawai Daerah juga tidak mewakilkan kuasa kepada Majlis untuk membuat pemantauan terhadap aktiviti perniagaan tersebut. Akibatnya, tidak ada pihak yang menjalankan penguatkuasaan terhadap operasi perniagaan memberi pinjam wang seperti mana ditetapkan oleh *Money Lender Rules, 1985* walaupun lokasi premis perniagaan tersebut terletak di kawasan perkadaran Majlis. Perkara ini berlaku disebabkan oleh tiada kordinasi antara Kementerian Kewangan dan Pejabat Daerah dengan Majlis berhubung pengeluaran lesen tersebut.

Pada pendapat Audit, undang-undang yang digubal adalah mencukupi dan komprehensif untuk melaksanakan dasar dan urus tadbir daerah Keningau dengan baik. Bagaimanapun, terdapat klausa pada undang-undang yang belum dikemas kini bagi menyesuaikan penggunaannya dengan keadaan semasa.

5.2.2 Prosedur Penguatkuasaan

Majlis mempunyai Manual Prosedur (Penguatkuasaan) yang menggariskan prosedur untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan. Bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap, prosedur yang disediakan perlu lengkap, jelas dan boleh dilaksanakan. Semakan semula terhadap prosedur tersebut hendaklah dilakukan supaya ia kemas kini dan sesuai digunakan pada keadaan semasa. Semakan Audit mendapati anggota penguatkuasa ada melaksanakan pemeriksaan terhadap aduan awam seperti yang ditetapkan oleh Manual Prosedur (Penguatkuasaan). Pemeriksaan tersebut dilaksanakan berdasarkan aduan yang dinyatakan pada Borang Permohonan Tindakan Pembetulan berserta arahan yang diterima daripada Pegawai Kerja. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan bagaimana pemeriksaan dilakukan kerana prosedur melakukan pemeriksaan tidak dijelaskan oleh Manual tersebut.

Berdasarkan kepada Borang Permohonan Tindakan Pembetulan yang telah diambil tindakan, pihak Audit mendapati anggota penguatkuasa yang membuat pemeriksaan telah mengeluarkan Notis Amaran atau Tawaran Mengkompaun mengikut kesalahan yang dilakukan. Pihak Audit sukar untuk mengesan sama ada Notis Amaran atau Tawaran Kompaun dikeluarkan dengan teratur kerana rekod Majlis tidak diselenggara dengan kemas kini. Selain itu, prosedur melaksanakan tindakan pendakwaan dan memfail tindakan mahkamah tidak dinyatakan oleh Manual Prosedur (Penguatkuasaan) Majlis. **Ini menyebabkan tindakan mahkamah yang perlu diambil mengikut peruntukan undang-undang tidak pernah dilaksanakan.**

Semakan Audit selanjutnya mendapati Manual Prosedur (Penguatkuasaan) tidak menjelaskan prosedur melaksanakan pemeriksaan berkala dan operasi bersama. Ini menyebabkan beberapa perkara penting seperti penyediaan jadual lawatan dan

senarai semak untuk pemeriksaan berkala, jenis kesalahan yang boleh dikenakan tindakan pengeluaran Notis Amaran, Tawaran Kompaun atau sita serta penetapan masa untuk mengeluarkan Notis Amaran pertama, kedua dan ketiga tidak dinyatakan didalam Manual Prosedur tersebut. Akibatnya, Manual Prosedur (Penguatkuasaan) Majlis sukar untuk difahami dan dilaksanakan. Hal ini disebabkan oleh tidak ada semakan semula dibuat terhadap prosedur itu sejak ia disiapkan pada tahun 2001.

Pada pendapat Audit, Manual Prosedur Penguatkuasaan Majlis tidak disediakan dengan teratur dan kemas kini.

5.2.3 Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan

Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan rancangan aktiviti penguatkuasaan yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh tahun 2004 hingga 2005. Oleh itu, aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan kepada penetapan tugas harian dan secara *ad-hoc* seperti berikut:-

a) Pemeriksaan Ke Premis Perniagaan

Pemeriksaan berkala ke premis perniagaan dilakukan oleh anggota penguatkuasa mengikut zon yang ditetapkan. Bagi memastikan pemeriksaan tersebut dilakukan dengan sistematik dan merangkumi semua premis perniagaan, satu jadual lawatan pemeriksaan berkala yang mengandungi nama dan alamat premis yang akan dilawati, tarikh lawatan dan pegawai yang akan membuat lawatan hendaklah disediakan. Selain itu, senarai semak yang mengandungi perkara yang diperiksa oleh anggota penguatkuasa juga perlu disediakan bagi memudahkan pemeriksaan dibuat. Senarai semak tersebut menyenaraikan perkara yang diperiksa dan tindakan yang diambil oleh anggota penguatkuasa yang membuat pemeriksaan.

Semakan Audit mendapati Majlis mempunyai 4 pasukan penguatkuasa dengan 5 ahli setiap pasukan. Berdasarkan kepada analisis Audit setiap pasukan penguatkuasa hanya perlu memeriksa 5 unit premis perniagaan untuk satu hari. Jumlah ini bersamaan dengan 1 unit premis perniagaan bagi satu ahli pasukan setiap hari. Oleh kerana Majlis mempunyai 4 pasukan penguatkuasa, maka pemeriksaan berkala ke 801 unit premis perniagaan boleh dilaksanakan dengan mengambil tempoh 40 hari bekerja sahaja. Berdasarkan kepada analisis ini Majlis boleh membuat 6 kali pemeriksaan ke setiap premis perniagaan untuk tempoh satu tahun. Selain itu, sekiranya 1 pasukan penguatkuasa memerlukan maksimum 1 jam untuk memeriksa 1 unit premis perniagaan 1 hari, maka setiap pasukan hanya memerlukan maksimum 5 jam untuk memeriksa 5 unit premis perniagaan 1 hari. Oleh yang demikian, setiap pasukan boleh memanfaatkan masa selebihnya untuk melaksanakan tugas lain seperti membuat rondaan di sekitar pekan.

Semakan Audit mendapati pemeriksaan berkala ke premis perniagaan ada dilaksanakan mengikut zon. Bagaimanapun, jadual pemeriksaan berkala dan

senarai semak seperti dinyatakan di atas tidak disediakan. Semasa membuat pemeriksaan anggota penguatkuasa hanya membawa Notis Peringatan yang telah disediakan mengikut format yang ditetapkan. Notis Peringatan tersebut diserah kepada peniaga supaya tindakan pembetulan diambil mengikut tempoh yang ditetapkan. Perkara yang diperiksa semasa lawatan ialah tempoh sah lesen perniagaan dan lesen operasi, mengubahsuai bangunan tanpa kelulusan Majlis, peniaga yang membuat kekotoran (sampah) dan bermiaga di kaki lima kedai tanpa kebenaran Majlis.

Selain itu, pemeriksaan mengejut juga perlu dilaksanakan terhadap peniagaan yang berisiko seperti pusat hiburan. Untuk itu, jadual pemeriksaan mengejut hendaklah disediakan supaya persediaan awal seperti mendapatkan bantuan pihak polis dapat dibuat. Ia bertujuan untuk memastikan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan efektif dan berkesan. Semakan Audit mendapati jadual pemeriksaan tersebut tidak disediakan oleh Majlis. Bagaimanapun, pemeriksaan mengejut ada dilaksanakan pada tahun 2004 dan 2005 seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Pemeriksaan Mengejut Ke Premis Perniagaan Berisiko
Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2004 Dan 2005

Bil.	Jenis Perniagaan	Bilangan Premis / Pelesen Yang Diperiksa (Tahun)	
		2004	2005
1.	Pusat hiburan awam dan rekreasi	13	42
2.	Billiad/Snooker	-	32
3.	Komputer / Cyber Cafe	-	19
4.	Restauran / kedai makan	22	4
Jumlah		35	97

Sumber: Rekod di Majlis Daerah Keningau

Jadual 2 di atas tidak menggambarkan bilangan pemeriksaan sebenar yang dilaksanakan oleh Majlis kerana rekod yang diselenggara adalah tidak kemas kini. Hasil pemeriksaan tersebut mendapati ada peniaga yang beroperasi tanpa lesen, peniaga kedai makan yang turut menjalankan operasi perniagaan hiburan tanpa lesen, mengubahsuai struktur bangunan tanpa kelulusan dan gangguan bunyi bising. Pihak Majlis ada mengeluarkan Notis Amaran kepada peniaga yang melanggar peraturan dan syarat lesen semasa pemeriksaan mengejut tersebut dijalankan. **Namun demikian, notis yang dikeluarkan itu tidak disusuli dengan tindakan yang lebih tegas seperti dikenakan tindakan mahkamah.**

Semakan Audit mendapati pihak Majlis gagal menyediakan jadual pemeriksaan berkala dan jadual pemeriksaan mengejut disebabkan tidak membuat perancangan awal berhubung aktiviti penguatkuasaan yang akan dilaksanakan. Akibatnya Majlis

tidak dapat menentukan dengan tepat bilangan premis perniagaan yang telah dilawati dan diperiksa untuk jangka masa tertentu. Kekerapan pemeriksaan ke sesuatu premis perniagaan juga tidak dapat diketahui. Kelemahan ini boleh menyebabkan berlaku risiko dimana premis perniagaan tidak dilawati untuk suatu tempoh yang lama akan terdedah kepada pelanggaran syarat lesen yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pemeriksaan berkala ke premis perniagaan dan pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan berisiko tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan kerana tidak dirancang dengan teratur dan tindakan yang diambil tidak disusuli dengan tindakan tegas yang ditetapkan oleh Undang-undang.

b) Pemeriksaan Harian

Pemeriksaan ke sekitar pekan Keningau dilaksanakan setiap hari oleh anggota penguatkuasa terutama bagi kawasan berisiko tinggi seperti pasar malam dan pasar tamu yang sering menjadi tumpuan penjaja haram. Pemeriksaan dilaksanakan dengan cara membuat rondaan di sekitar zon mengikut pasukan penguatkuasa. Tujuan pemeriksaan tersebut adalah untuk memastikan undang-undang dan peraturan sentiasa dipatuhi oleh peniaga dan penduduk.

Perkara yang diperiksa antara lain meliputi kebersihan kawasan, penjaja haram, penggunaan kaki lima oleh kedai yang menghalang laluan pejalan kaki dan kenderaan yang diletakkan di tempat yang tidak dibenarkan. Untuk memastikan kebersihan pekan terkawal, kompaun dikeluarkan kepada orang awam dan peniaga yang membuang sampah merata-rata. Pada tahun 2004 dan 2005, Majlis telah mengeluarkan masing-masing 41 dan 30 kompaun di bawah Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984. Majlis juga ada melaksanakan operasi menangkap binatang yang berkeliaran di pekan. Bagaimanapun, rekod berhubung perkara tersebut tidak disediakan oleh Majlis. Pemeriksaan Audit ke pekan Keningau pada bulan Julai 2005 mendapati keadaan pekan adalah bersih seperti **Foto 1**.

Foto 1
Pekan Keningau Kelihatan Bersih



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20.07.05

Lokasi : Pekan Keningau

Selain itu, pasukan peronda turut melakukan rampasan terhadap barang yang dijual oleh penjaja haram seperti bahan makanan dan rokok. Berdasarkan kepada rekod Majlis, terdapat 155 kes rampasan pada tahun 2004 dan 115 kes rampasan pada tahun 2005. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan rampasan sebenar yang telah dibuat kerana rekod Majlis tidak kemas kini. Pasukan peronda juga mengeluarkan saman kepada pemilik kenderaan yang meletak kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan. Sebanyak 82 saman dan 69 saman telah dikeluarkan masing-masing pada tahun 2004 dan 2005.

Semakan Audit selanjutnya mendapati pasukan peronda juga mengeluarkan Notis Peringatan kepada peniaga yang mempunyai tunggakan cukai pintu dan tidak mempunyai lesen operasi. Bilangan Notis Peringatan yang dikeluarkan tidak dapat dipastikan kerana rekod Majlis tidak diselenggara dengan teratur. Bagaimanapun, tindakan pengeluaran Notis Peringatan tersebut tidak dilakukan secara komprehensif iaitu mengeluarkan Notis Peringatan kedua dan ketiga serta disusuli dengan tindakan mahkamah. Oleh kerana tindakan tegas tidak diambil, penggunaan Notis Peringatan menjadi kurang berkesan. Segala aktiviti rondaan yang telah dilaksanakan dilaporkan kepada Penolong Pegawai Pengukuasa setiap minggu dengan menyerahkan buku laporan harian.

Pada pendapat Audit, Majlis telah menjalankan usaha positif melalui pemeriksaan harian yang dilaksanakan untuk memastikan undang-undang dan peraturan sentiasa dipatuhi. Bagaimanapun, tindakan komprehensif tidak diambil terhadap notis yang dikeluarkan.

c) Operasi Bersepadu

Operasi bersepadu melibatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan dengan bantuan atau kerjasama pihak berkuasa lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Operasi bersepadu perlu dirancang dengan mengambil kira kekerapan serta tujuan operasi seperti membenteras penjaja haram, kenderaan yang sesuai dan jumlah anggota yang akan terlibat. Laporan berhubung operasi bersepadu yang telah dilaksanakan perlu disediakan sebaik sahaja operasi selesai. Ia bertujuan untuk memudahkan pemantauan terhadap hasil operasi yang telah dijalankan.

Semakan Audit mendapati bahawa Majlis tidak menyediakan rancangan untuk menjalankan operasi bersepadu. Bagaimanapun, Majlis ada melaksanakan operasi Anak Bawah Umur di 7 pusat hiburan awam satu kali iaitu pada bulan Julai 2005. Operasi tersebut disertai oleh 5 anggota penguat kuasa, satu anggota daripada Bahagian Pelesenan dan 2 anggota Polis DiRaja Malaysia. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya satu perniagaan disyaki mempunyai pekerja bawah umur. Berdasarkan kepada laporan operasi, peniaga tersebut telah diberi Notis Amaran. Pihak Audit tidak mengesan tindakan selanjutnya yang telah diambil oleh Majlis berhubung perkara ini. Sementara 6 perniagaan lagi dilaporkan mematuhi syarat had umur. Oleh kerana Majlis tidak menyediakan perancangan mengenai operasi bersepadu, keberkesanan operasi yang dijalankan tidak dapat diukur.

Selain itu, pihak Audit mendapati Majlis ada menyertai operasi bersepadu yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kesihatan Keningau dan Pejabat Petugas Khas Persekutuan. Operasi tersebut melibatkan pemeriksaan timbang sukat di pasar malam, operasi pengumpulan maklumat kanak-kanak jalanan dan pemeriksaan kebersihan kedai dan kad kesihatan peniaga serta pekerja kedai makan. Pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan sebenar operasi bersepadu yang disertai kerana rekod Majlis tidak disediakan dengan teratur dan kemas kini. Akibatnya keberkesanan operasi bersepadu yang telah dilaksanakan tidak dapat diukur.

Pada pendapat Audit, operasi bersepadu yang dijalankan adalah tidak berkesan kerana tidak dirancang dengan teliti dan tidak direkod dengan teratur.

5.2.4 Struktur Pengurusan

Struktur Majlis yang teratur dan mantap adalah penting untuk menjadikan fungsi dan organisasi Majlis berkesan. Struktur juga menjelaskan hubung kait anggota di bahagian berkenaan. Untuk itu, struktur pengurusan perlu dibentuk dengan jelas dan teratur. Bagi memastikan urus tadbir yang lebih berkesan, Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang perlu melaksanakan 2 fungsi iaitu penguatkuasaan dan perundangan. Pada tahun 2005, Majlis melaksanakan penstrukturkan semula jawatan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan.

Berdasarkan kepada struktur baru, Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N32 dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27. Bagaimanapun, jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N32 masih belum diisi, manakala jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27 hanya diisi secara memangku oleh seorang Pembantu Penguatkuasa Gred N17. Selain itu, sebanyak 8 jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N17 diluluskan dimana 6 daripadanya adalah jawatan baru. Majlis telah menyerap 2 Pembantu Penguatkuasa gred N11 untuk mengisi jawatan Penolong Penguatkuasa Gred N17. Manakala 4 jawatan lagi belum diisi. Sementara itu, hanya satu jawatan Pembantu Penguatkuasa Rendah Gred N11 diluluskan dan telah diisi. Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang turut dibantu oleh 15 Pekerja Rendah Awam Gred R1.

Bidang tugas anggota Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang hanya meliputi aktiviti penguatkuasaan sahaja. Ini menyebabkan tidak ada pegawai dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti berkaitan perundangan seperti memproses permintaan untuk tindakan mahkamah, melaksanakan pendakwaan, memfail kes mahkamah dan sebagainya. Temu bual dengan pihak Majlis mendapati sebarang kes berkaitan perundangan akan dirujuk kepada Pegawai Kerja dan peguam yang dilantik oleh Majlis, Peguam Besar atau Pegawai Undang-undang di Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan. Keadaan ini menjadi lebih serius lagi oleh kerana ketua Majlis dijawat oleh Pegawai Daerah yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Pejabat Daerah. Oleh itu, pegawai berkenaan tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengurusan Majlis.

Selain itu, Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang juga telah membentuk 5 unit kecil terdiri daripada Unit Pemantau Setinggan, Unit Pemantau Lesen, Unit Pemantau Kompaun, Unit Pemantau Pemusnah Anjing dan Unit Pemantau Kaki Lima/Penjaja. Keanggotaan dan fungsi setiap unit ada ditetapkan. Pembentukan unit tersebut juga hanya dimaklumkan kepada Pegawai Kerja melalui surat dan tidak ada kelulusan mengenainya diterima. Oleh itu, pembentukan unit tersebut tidak ditunjukkan pada carta organisasi Majlis. Senarai Tugas dan Fail Meja anggota juga tidak diubah selaras dengan fungsi unit masing-masing. Pihak Audit difahamkan bahawa setiap unit hanya

melaksanakan tugas mengikut fungsi unit masing-masing secara *ad-hoc*. Keadaan ini menyebabkan tidak ada perubahan pada persekitaran kerja anggota dan pembahagian tugas mengikut unit adalah tidak berkesan.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mengambil langkah positif dengan melaksanakan penstrukturkan semula jawatan di Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang. Bagaimanapun, pembentukan unit baru hendaklah dibuat secara lebih teratur dan jelas.

5.2.5 Keperluan Tenaga Kerja Dan Latihan

a) Keperluan Tenaga Kerja

Bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dengan cekap, bilangan anggota penguatkuasa yang mencukupi dan terlatih adalah diperlukan. Untuk itu, norma kerja anggota penguatkuasa perlu ditetapkan. Semakan Audit mendapati Majlis mempunyai 20 anggota di Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang terdiri dari empat Pembantu Penguatkuasa Gred N17 di mana seorang daripadanya memangku jawatan Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27, satu Pembantu Penguatkuasa Gred N11 dan 15 Pekerja Rendah Awam Gred R1.

Berdasarkan kepada senarai tugas yang ditetapkan, tugas anggota penguatkuasa adalah lebih tertumpu kepada pemeriksaan ke premis perniagaan dan membuat rondaan di sekitar zon yang ditetapkan pada setiap hari. Semakan Audit mendapati, Majlis mempunyai 4 pasukan penguatkuasa dengan 5 ahli setiap pasukan dan jumlah premis perniagaan yang perlu diperiksa ialah 801 unit. Berdasarkan kepada analisis Audit, setiap pasukan penguatkuasa hanya perlu memeriksa 5 unit premis perniagaan sehari bersamaan 20 unit premis perniagaan diperiksa oleh 4 pasukan sehari. Ini bermakna pemeriksaan ke semua 801 unit perniagaan boleh diselesaikan dengan mengambil masa 40 hari bekerja. Oleh yang demikian, setiap anggota boleh memanfaatkan masa selebihnya untuk melaksanakan tugas lain.

Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang perundangan. Ini menyebabkan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan kurang berkesan oleh kerana ketiadaan kepakaran undang-undang untuk pendakwaan di mahkamah. Semakan Audit selanjutnya turut mendapati penurunan kuasa hanya diberi kepada 4 anggota penguatkuasa untuk mengenakan kompaun di bawah Undang-undang Kecil (Anti-Sarap) 1984 dan Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta) 1998. Penurunan kuasa juga tidak diberi kepada anggota penguatkuasa untuk memasuki pusat hiburan awam bagi memeriksa kepatuhan peniaga terhadap peruntukan undang-undang, menyita dan menutup pusat hiburan awam yang melanggar syarat lesen di bawah Ordinan Hiburan Awam 1958. Keadaan ini disebabkan oleh anggota penguatkuasa belum diberi pendedahan secukupnya dari segi latihan dan pengetahuan untuk

menguatkuasakan semua undang-undang. Ini menyebabkan penguatkuasaan undang-undang tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

b) Latihan

Anggota penguatkuasa perlu diberi latihan yang mencukupi dan bersesuaian dengan bidang tugas mereka bagi meningkatkan kemahiran serta kecekapan bekerja. Pada tahun 2005 Majlis telah menghantar 11 anggota daripada Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang untuk menghadiri 7 kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan serta INTAN Sabah. Kursus tersebut adalah Kursus Asas Undang-undang Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan Sabah Siri 1/2005, Kursus Pengurusan Prestasi, Bengkel Pengurusan Tatatertib, Kursus Pengukuhan Pasukan, Bengkel Pemandu Cemerlang Bilangan 2, Kursus Induksi Khusus dan Kursus Kenegaraan. Kursus tersebut telah dihadiri oleh satu Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27 (memangku), satu Pembantu Penguatkuasa Gred N17, tiga Pembantu Penguatkuasa Rendah Gred N11, enam Pembantu Rendah Am Gred R1 dan satu pemandu berjawatan Gred R1. Sementara itu pada tahun 2004 pula 10 Pembantu Rendah Am Gred R1 daripada Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang telah dihantar untuk menghadiri Kursus Induksi Umum anjuran INTAN Sabah.

Berdasarkan kepada kursus tersebut, semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2004 hingga 2005 hanya satu kursus berkaitan secara langsung dalam bidang tugas penguatkuasaan iaitu Kursus Asas Undang-undang dan Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini berlaku kerana Majlis tidak menyediakan perancangan berhubung kursus yang perlu dihadiri oleh anggota penguatkuasa. Menurut pihak Majlis, tidak banyak kursus yang berkaitan undang-undang dan penguatkuasaan ditawarkan oleh pihak pengajur. Selain itu, Majlis juga tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menghantar anggota menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak swasta. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati tidak semua anggota penguatkuasa telah dihantar untuk menghadiri kursus/latihan. Keadaan ini menyebabkan matlamat untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan anggota penguatkuasa di bidang penguatkuasaan undang-undang masih belum tercapai.

Pada pendapat Audit, pengurusan keperluan tenaga kerja dan latihan adalah memuaskan. Anggota penguatkuasa adalah mencukupi untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan mengikut skop kerja yang ditetapkan. Bagaimanapun, latihan kepada anggota penguatkuasa masih tidak mencukupi untuk meningkatkan kecekapan anggota menjalankan tugas.

5.2.6 Keperluan Peralatan, Kenderaan Dan Kemudahan Stor

Anggota penguatkuasa perlu dilengkapkan dengan peralatan yang moden dan sesuai dengan bidang tugas mereka. Antara peralatan yang diperlukan ialah alat komunikasi

seperti *walkie-talkie*, alat keselamatan seperti kayu cota, kamera dan pakaian seragam. Selain itu, kenderaan yang sesuai dan kemudahan stor untuk menyimpan barang rampasan juga perlu disediakan. Pada tahun 2005 Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang mempunyai 6 unit *walkie-talkie*, dua unit komputer, satu unit kamera digital dan sebuah kenderaan *pick-up*. Anggota penguatkuasa juga turut dibekalkan dengan pakaian seragam yang lengkap. Sementara itu, pemasangan 1 Unit Antena Radio (*walkie-talkie*) di pejabat baru Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang yang dirancang untuk dipasang pada tahun 2005 belum dilaksanakan.

Semakan Audit mendapati Majlis tidak mempunyai stor yang sesuai untuk menyimpan barang rampasan. Pemeriksaan fizikal Audit ke stor Majlis mendapati barang rampasan seperti basikal disimpan bercampur aduk dengan peralatan Majlis yang lain seperti kipas angin, kerusi, meja dan sebagainya di lokasi yang berjauhan dengan pejabat. Keadaan stor tersebut seperti di **Foto 2**.

Foto 2
Barang Rampasan Dan Peralatan Majlis Disimpan Bercampur Aduk Di Stor



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 19.07.05

Lokasi : Stor Majlis Daerah Keningau

Majlis juga tidak membeli kenderaan baru untuk kegunaan Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang pada tahun 2005 kerana kekurangan peruntukan kewangan. Semakan Audit terhadap rekod kenderaan *pick-up* mendapati ia telah dibeli pada tahun 1987. Kenderaan tersebut telah mengalami 10 kali kerosakan pada tahun 2004 dan 2005. Kos penyenggaraan kenderaan bagi tempoh tersebut adalah sejumlah RM7,905.

Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan kos dan bilangan penyenggaraan sebenar kenderaan kerana rekod penyenggaraan tidak disediakan dengan kemas kini.

Pemeriksaan fizikal Audit terhadap kenderaan tersebut mendapati keadaan kenderaan adalah tidak memuaskan dan usang. Bagaimanapun kenderaan tersebut masih digunakan untuk mengangkut barang rampasan. Akibat dari kekurangan kenderaan, kebanyakan anggota penguatkuasa menggunakan kenderaan sendiri semasa menjalankan operasi. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati anggota penguatkuasa tidak dilengkapkan dengan alat untuk mempertahankan diri seperti kayu cota menyebabkan mereka terdedah dengan bahaya semasa menjalankan tugas.

Pada pendapat Audit, peralatan, kenderaan dan kemudahan stor tidak mencukupi untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan dengan cekap. Penggunaan kenderaan sendiri dan ketiadaan peralatan untuk mempertahankan diri semasa menjalankan tugas boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada anggota penguatkuasa.

5.2.7 Prestasi Kewangan

Bagi membolehkan Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang menjalankan aktivitinya dengan baik, peruntukan yang mencukupi perlu diberikan kepada Bahagian berkenaan. Pada tahun 2004 dan 2005 Majlis telah meluluskan permohonan peruntukan Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang masing-masing berjumlah RM106,100 dan RM194,830.

Semakan Audit mendapati pada tahun 2004 dan 2005 masing-masing sejumlah RM69,004 dan RM113,268 telah dibelanjakan oleh Bahagian tersebut (tidak termasuk emolumen). Oleh itu peratus perbelanjaan pada tahun 2004 ialah 65% manakala tahun 2005 sebanyak 58%. Perbelanjaan tersebut adalah bagi tujuan pembaikan *walkie talkie*, pembayaran elauan lebih masa, pembelian pakaian seragam dan kasut, pembaikan kenderaan dan pembelian alatulis. Sementara itu, pembelian kenderaan baru untuk kegunaan anggota penguatkuasa juga belum dapat dilaksanakan pada tahun 2005. Menurut Majlis, peruntukan untuk pembelian kenderaan tersebut dibawa ke tahun 2006. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan terjejas pada tahun 2005.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Majlis adalah kurang memuaskan, walaupun peruntukan yang diberi adalah mencukupi bagi menampung perbelanjaan aktiviti penguatkuasaan.

5.2.8 Prestasi Penguatkuasaan

Hasil pemeriksaan Audit terhadap prestasi penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2004 dan 2005 adalah seperti berikut:

a) Aduan Awam

Aduan awam merupakan salah satu mekanisme untuk Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang mengambil tindakan. Oleh itu, aduan awam perlu direkod dengan teratur dan tindakan segera perlu diambil untuk menyelesaikan aduan awam supaya tindakan pembetulan diambil dengan sewajarnya. Mengikut ketetapan Majlis, aduan perlu diselesaikan 2 hari dari tarikh aduan diterima dan dimaklumkan kepada pengadu 14 hari bekerja berhubung tindakan yang telah diambil.

Semakan Audit mendapati setiap aduan yang diterima direkod terus ke Borang Permohonan Tindakan Pembetulan oleh pegawai yang menerima aduan tersebut dan diserah kepada Pegawai Kerja. Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang menerima arahan daripada Pegawai Kerja untuk melaksanakan siasatan terhadap aduan awam yang diterima. Hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil dicatat di Borang Permohonan Tindakan Pembetulan yang asal dan diserah kembali kepada Pegawai Kerja. Pada tahun 2004 dan 2005 terdapat 66 aduan awam diterima mengenai masalah kebersihan pekan, setinggan dan gangguan bunyi bising seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Aduan Awam

Bil.	Aduan	Bilangan Aduan		
		Tahun		Jumlah
		2004	2005	
1.	Masalah kebersihan dan kecantikan bandar seperti sampah sarap tidak dipungut dan najis haiwan mendatangkan bau busuk, tong sampah tidak mencukupi, rumput panjang, binatang berkeliaran dan sebagainya.	18	20	38
2.	Slave pecah, saluran najis dan parit tersumbat, tangki kumbahan penuh dan hakisan tanah.	8	7	15
3.	Tiada lampu jalan / lampu jalan rosak.	1	5	6
4.	Gangguan bunyi bising.	3	-	3
5.	Masalah setinggan /tanah reserve diceroboh.	-	2	2
6.	Tambahan bangunan.	-	1	1
7.	Cukai yang dikenakan berbeza.	-	1	1
Jumlah		30	36	66

Sumber : Rekod Majlis Daerah Keningau

Berdasarkan jadual di atas, masalah kebersihan dan kecantikan bandar menunjukkan aduan tertinggi iaitu 38 aduan diterima. Bagaimanapun, jumlah aduan

awam tersebut tidak menggambarkan bilangan sebenar kerana rekod yang disediakan tidak kemas kini. Analisis Audit mendapati sebanyak 11 aduan awam telah diambil tindakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala 8 aduan awam diselesaikan antara 3 hingga 7 hari dan 11 aduan diambil tindakan antara 8 hingga 64 hari. Sementara itu 2 aduan tidak mempunyai tarikh tindakan diambil dan 15 aduan lagi tidak mempunyai tarikh aduan diterima menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh aduan diselesaikan. Sementara itu, sebanyak 19 aduan lagi yang diterima tidak dinyatakan sama ada tindakan telah diambil.

Semakan Audit selanjutnya mendapati antara punca tindakan lambat diambil ialah arahan lambat diterima daripada Pegawai Kerja antara 1 hingga 9 hari. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti sebab lain tindakan lambat diambil terhadap aduan awam kerana rekod diselenggarakan tidak teratur. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesan sama ada tindakan pembetulan dimaklumkan kepada pengadu seperti mana ditetapkan oleh Majlis. Ini kerana rekod mengenainya tidak disediakan oleh Majlis. Keadaan ini berlaku oleh kerana tugas pengendalian aduan awam tidak disenaraikan melalui senarai tugas pegawai berkaitan.

Pada pendapat Audit, pengendalian aduan awam adalah tidak teratur di mana aduan tidak diselesaikan dengan segera dan rekod tidak diselenggara dengan kemas kini. Oleh itu, Majlis perlu menyediakan senarai tugas pengendalian aduan awam kepada pegawai yang sesuai.

b) Pembayaran Kompaun

Anggota penguatkuasa yang diberi kuasa boleh mengeluarkan kompaun terhadap kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (Anti-Sarap) 1984 dan Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta) 1998. Amaun yang dikenakan adalah bergantung kepada budi bicara tetapi tidak melebihi had RM100. Pengeluaran kompaun perlu dipantau untuk memastikan keberkesaan penggunaannya. Berdasarkan kepada Buku Tawaran Mengkompaun, bilangan kompaun yang telah dikeluarkan pada tahun 2004 dan 2005 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Kompaun Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2004 Dan 2005

Bil.	Jenis Kompaun	Tahun 2004	Amaun (RM)	Tahun 2005 (RM)	Amaun (RM)
1.	Di bawah Undang-undang Kecil (Anti-Sarap) 1984	41	2,090	30	1,269
2.	Di bawah Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta) 1998	82	2,530	69	2,270
Jumlah		123	4,620	99	3,539

Sumber : Rekod di Majlis Daerah Keningau

Semakan Audit mendapati amaun yang dikenakan adalah betul iaitu tidak melebihi had RM100. Bagaimanapun, bilangan kompaun yang telah dibayar sukar untuk dikesan kerana tidak ada daftar mengenainya diselenggara oleh Majlis. Ini adalah disebabkan pengeluaran kompaun dibuat oleh Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang manakala pembayaran kompaun dibuat di kaunter Bahagian Kewangan Majlis. Tidak ada kordinasi antara kedua Bahagian berhubung perkara ini menyebabkan kawalan terhadap kompaun yang diselesaikan tidak dibuat. Oleh itu keberkesanan tindakan penguatkuasaan adalah diragui.

Pada pendapat Audit, pengeluaran kompaun dibuat dengan teratur. Bagaimanapun, rekod tidak diselenggara dengan kemas kini menyebabkan keberkesanan pengeluaran kompaun tidak dapat dipastikan.

c) Tindakan Rampasan

Majlis boleh mengambil tindakan merampas barang perniagaan yang menyalahi peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan. Barang rampasan tersebut hendaklah direkodkan dan dilabelkan dengan betul. Barang rampasan tersebut seterusnya perlu disimpan di stor yang dikhaskan sehingga dituntut oleh pemilik. Tindakan segera perlu diambil untuk melupuskan barang mudah rosak dan barang yang tidak dituntut mengikut tempoh yang ditetapkan dengan cara memohon arahan mahkamah.

Semakan Audit mendapati daftar barang rampasan tidak diselenggara. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan sebenar tindakan rampasan yang telah dilaksanakan. Bagaimanapun, berdasarkan kepada Borang Alihan Barang Rampasan yang dikeluarkan terdapat 155 kes rampasan pada tahun 2004 dan 115 kes rampasan pada tahun 2005. Semakan Audit selanjutnya mendapati rampasan barang hanya melibatkan penjaja kecil yang bermiaga tanpa kebenaran Majlis. Antara barang yang dirampas termasuklah makanan, rokok, pakaian, dan peralatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati semua barang rampasan yang mudah rosak seperti makanan telah dilupuskan setelah mendapat arahan mahkamah. Pelupusan dilakukan dengan cara memusnahkannya dan dibuang di tempat pembuangan sampah. Sementara itu, barang yang tidak mudah rosak disimpan di stor sehingga pemiliknya membuat tuntutan dan membayar denda yang dikenakan. Pelupusan terhadap barang tidak mudah rosak yang tidak dituntut belum pernah dilaksanakan.

Pemeriksaan fizikal ke stor mendapati semua barang rampasan tersebut tidak dilabelkan dan disimpan bercampur aduk dengan peralatan Majlis yang lain. Selain itu, tempoh barang rampasan disimpan di stor tidak dapat diketahui. Ketiadaan Daftar menimbulkan risiko kesilapan memulangkan barang kepada pemilik sebenar dan tindakan pelupusan sukar untuk dilaksanakan. Hal ini berlaku disebabkan tidak

ada pegawai khas yang ditugaskan untuk mengendalikan barang rampasan seperti melabel dan menyediakan daftar.

Pada pendapat Audit, tindakan rampasan yang dilakukan oleh Majlis adalah tidak menyeluruh oleh kerana hanya melibatkan penjaja kecil. Selain itu, Majlis tidak mematuhi prosedur bagi penyimpanan barang rampasan di mana barang yang dirampas tidak dilabel dan tidak direkod dengan teratur.

d) Prestasi Hasil

Selain menerima caruman, bantuan kapital dan bantuan khas daripada Kerajaan, Majlis bergantung kepada kutipan hasilnya seperti bayaran lesen operasi dan cukai pintu untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan aktiviti Majlis. Oleh itu, Majlis perlu meningkatkan keberkesanan pungutan hasilnya melalui pengeluaran notis, pemeriksaan fizikal premis serta penguatkuasaan Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis.

Pada tahun 2004, Majlis telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemungut Hasil yang turut dianggotai oleh kakitangan daripada Bahagian Penguinkuasa Dan Undang-undang. Antara usaha yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah menggiatkan pemeriksaan lesen di premis perniagaan dan mengeluarkan Notis Peringatan kepada peniaga yang belum memperbaharui lesen dan mempunyai tunggakan cukai pintu. Untuk itu, Bahagian Penguinkuasa Dan Undang-undang telah dibekalkan dengan senarai peniaga yang mempunyai tunggakan cukai pintu dan belum memperbaharui lesen. Pengeluaran Notis Peringatan ini hanya dimulakan pada tahun 2005. Berdasarkan kepada rekod Majlis, terdapat 87 Notis Peringatan telah dikeluarkan kepada peniaga. Bagaimanapun, bilangan sebenar Notis Peringatan yang dikeluarkan tidak dapat dipastikan kerana rekod Majlis tidak diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

Rekod Majlis berhubung kutipan hasil pula menunjukkan prestasi kutipan hasil lesen dan cukai pintu telah meningkat pada tahun 2005 iaitu sejumlah RM 3.58 juta hasil telah dikutip berbanding sejumlah RM1.21 juta yang dikutip pada tahun 2004. Hal ini menunjukkan keberkesanan Jawatankuasa Pemungut Hasil yang ditubuhkan oleh Majlis. Butiran lanjut kutipan hasil lesen dan cukai pintu seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Kutipan Hasil Lesen Dan Cukai Pintu Bagi Tahun 2004 Dan 2005

Bil.	Jenis Hasil	2004			2005		
		Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Peratus (%)	Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Peratus (%)
1.	Lesen	334,032	172,953	51.8	387,378	224,058	57.8
2.	Cukai Pintu	1,505,000	1,040,020	69.1	1,405,000	3,356,054	238.9
Jumlah		1,839,032	1,212,973	66.0	1,792,378	3,580,112	199.7

Sumber: Rekod di Majlis Daerah Keningau

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil adalah memuaskan dan kerjasama yang dilakukan perlu diteruskan untuk meningkatkan lagi kutipan hasil.

e) Kebersihan Bandar

Sebagai langkah untuk menjamin keselesaan penduduk, Majlis bertanggungjawab menjaga kebersihan di kawasan perkadarannya. Oleh itu, Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984 membolehkan pihak Majlis mengambil tindakan mengkompaun peniaga dan orang awam yang tidak menjaga kebersihan.

Tinjauan Audit ke pekan Keningau pada pertengahan bulan Julai 2005 mendapati keadaan pekan dan kawasan perumahan yang berhampiran adalah bersih. Selain itu, pada tahun 2005 Majlis juga ada melaksanakan 12 operasi memburu anjing yang berkeliaran seperti ditunjukkan pada **Foto 3**.

Foto 3
Anggota Penguatkuasa Mengangkat Anjing Yang Telah Mati
Selepas Operasi Memburu Anjing Dijalankan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20.07.2005

Lokasi : Pekan Keningau

Majlis menggunakan kaedah sumpitan sebagai senjata membunuh anjing tersebut. Mengikut rekod Majlis, sebanyak 169 ekor anjing telah berjaya dibunuh sepanjang operasi tersebut dijalankan. Operasi ini secara tidak langsung telah berjaya mengurangkan masalah kekotoran dan membahayakan kanak-kanak di pekan Keningau yang sering dikaitkan dengan anjing yang berkeliaran.

Pada pendapat Audit, Majlis gagal menyelenggara rekod berhubung aduan awam, kompaun dan barang rampasan dengan teratur dan kemas kini menyebabkan Majlis tidak dapat memantau prestasi penguatkuasaan yang dilaksanakan. Bagaimanapun, kutipan hasil dan kebersihan di pekan Keningau adalah memuaskan.

5.2.9 Penyelenggaraan Rekod

Maklumat pelesen dan aktiviti penguatkuasaan perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Sistem perekodan yang baik boleh membantu Majlis membuat pemantauan mengenai tahap pematuhan orang awam termasuk para peniaga terhadap Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis, menentukan kes pelanggaran Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis telah diambil tindakan pembetulan dan merancang tindakan susulan terhadap kes yang masih belum diselesaikan. Rekod atau

laporan yang perlu disediakan oleh Majlis yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan adalah seperti Fail Individu Pelesen, Rekod/Daftar Aduan Awam, Daftar Kes Pelanggaran Undang-Undang Kecil Dan Peraturan Majlis, Daftar Kompaun, Daftar Keputusan Mahkamah, Daftar Barang Disita/Dialihkan, Laporan Harian Kerja Penguatkuasaan, Laporan Mingguan Kepada Pegawai Kerja dan Fail Minit Mesyuarat Bulanan (Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang atau pihak pengurusan). Semakan Audit mendapati Fail Individu Pelesen dan Daftar Kes Pelanggaran Undang-undang Kecil dan Peraturan Majlis perlu diambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

a) Fail Individu Pelesen

Semua maklumat mengenai permohonan dan kelulusan Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi hendaklah disimpan di dalam Fail Individu Pelesen bagi memudahkan semakan dan pemantauan terhadap pematuhan syarat serta pembaharuan lesen oleh peniaga. Pihak Audit mendapati Bahagian Pelesenan hanya menyediakan fail individu bagi setiap pelesan mulai tahun 2002. Semakan lanjut Audit juga mendapati fail individu pelesen tidak lengkap kerana terdapat kes di mana maklumat seperti borang permohonan, salinan minit mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, maklumat mengenai kelulusan dan syarat lesen dan sebagainya tidak difailkan.

b) Daftar Kes Pelanggaran Undang-Undang Kecil Dan Peraturan

Daftar Kes Pelanggaran Undang-undang Kecil Dan Peraturan perlu disediakan untuk memantau tindakan penyelesaian terhadap sesuatu kes pelanggaran Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis. Daftar ini hendaklah mengandungi butiran seperti bentuk kesalahan, tindakan yang telah diambil seperti pengeluaran Notis Amaran, Tawaran Kompaun, tindakan mahkamah, tindakan pembetulan kesalahan yang telah diambil, kedudukan kes sama ada telah atau belum selesai dan sebagainya. Pemeriksaan Audit mendapati Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang tidak menyelenggarakan daftar berkenaan. Maklumat mengenai kes pelanggaran Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis disimpan bercampur aduk difail.

Pada pendapat Audit, kelemahan penyelenggaraan rekod menyebabkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan tidak dapat diukur.

5.2.10 Pemeriksaan Fizikal Audit

Pihak Audit bersama pegawai Majlis telah mengadakan pemeriksaan fizikal secara rambang ke 72 premis perniagaan di kawasan pekan Keningau dan 3 kawasan setinggan. Tujuh puluh dua premis perniagaan tersebut terdiri daripada 16 pusat hiburan, sepuluh restoran, dua pusat rekreasi keluarga, tujuh salun biliard, lima salun rambut, empat Cyber Café, dua belas hotel/rumah penginapan, sepuluh bengkel dan 6 lokasi bangunan yang diubah suai. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk menentukan

sama ada penguatkuasaan undang-undang telah diambil terhadap pemilik premis perniagaan yang melanggar undang-undang berkaitan. Hasil pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 59 premis perniagaan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan iaitu melibatkan 92 kes pelanggaran undang-undang. Hal ini menyebabkan kerugian hasil yang dianggarkan sejumlah RM66,086 kepada Majlis dan RM39,925 kepada Kerajaan Negeri setiap tahun. Penemuan Audit selanjutnya adalah seperti berikut:

a) Lesen Perniagaan Dan Lesen Operasi

Peniaga perlu mendapatkan Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi untuk jenis perniagaan yang ditetapkan seperti restoran, hotel dan pusat hiburan. Walaupun Lesen Operasi telah diluluskan, peniaga tidak boleh memulakan perniagaan sebelum memperolehi Lesen Perniagaan. Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi perlu diperbaharui setiap tahun. Bagaimanapun, bayaran bagi Lesen Operasi dibuat pada setiap bulan.

i) Perniagaan Tanpa Lesen

Pemeriksaan Audit mendapati 2 pusat hiburan dan 1 restoran telah memulakan operasi perniagaannya walaupun permohonan Lesen Perniagaan, Lesen Operasi dan Lesen Menjual Arak (pusat hiburan) belum diluluskan. Kelulusan Lesen Operasi ketiga premis perniagaan tersebut masih belum diperolehi sehingga lawatan Audit pada pertengahan bulan Julai 2005 tetapi perniagaan masih terus dijalankan. Antara sebab Lesen Operasi belum diluluskan adalah kelulusan pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat terhadap pelan bangunan belum diperolehi dan bayaran cukai pintu bangunan yang digunakan belum dijelaskan.

ii) Lesen Tamat Tempoh

Pemeriksaan Audit di 66 premis perniagaan mendapati 32 premis mempunyai Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi yang sah. Manakala bagi 34 premis yang lain pula yang memegang 34 Lesen Perniagaan dan 34 Lesen Operasi didapati masing-masing 10 kes Lesen Perniagaan dan 32 kes Lesen Operasi telah tamat tempoh antara tahun 1986 hingga tahun 2005 tetapi peniaga masih meneruskan operasi perniagaannya.

Sehingga bulan Jun 2005 tunggakan Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi berkenaan adalah masing-masing berjumlah RM875 dan RM263,690. Kes paling ketara adalah premis yang berkaitan dengan perniagaan berbahaya (*offensive trade*) seperti bengkel membaiki kenderaan, pusat tayar, *metal works* dan sebagainya iaitu 10 kes Lesen Operasi telah tamat tempoh antara bulan Januari 1986 hingga bulan Disember 2003 yang melibatkan tunggakan bayaran lesen berjumlah RM170,820.

iii) Lesen Menjual Arak

Pemeriksaan di 16 pusat hiburan karaoke/pub mendapati 11 daripadanya mempunyai lesen menjual arak yang sah. Bagaimanapun, tiga pengusaha pusat karaoke tidak mempunyai lesen menjual arak dan 2 lagi telah tamat tempoh lesen masing-masing pada tahun 2003 dan tahun 2004. Selain Lesen Operasi, pusat hiburan seperti ini yang menjual minuman keras juga perlu mendapatkan lesen menjual arak dengan kadar RM660, RM960 atau RM1,320 satu bulan mengikut kelas iaitu berdasarkan tempoh masa penjualan yang dibenarkan. Lesen ini dipungut oleh Pejabat Daerah sebagai hasil Kerajaan Negeri.

b) Pematuhan Syarat Lesen Dan Kadar Bayaran Lesen

Peniaga hendaklah menjalankan perniagaannya mengikut kelulusan. Pemeriksaan terhadap 66 premis perniagaan yang dipilih secara rambang mendapati terdapat 25 kes di mana syarat lesen dan kadar lesen tidak dipatuhi seperti berikut:

- i) Dua peniaga menjalankan perniagaan selain daripada yang diluluskan. Mengikut syarat lesen, kelulusan yang diberi kepada seorang peniaga adalah untuk perniagaan restoran dengan kadar lesen operasi sejumlah RM25 satu bulan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati restoran berkenaan menjalankan operasi perniagaan hiburan iaitu karaoke tanpa kebenaran Majlis. Kadar lesen untuk perniagaan hiburan adalah RM180 satu bulan. Selain itu, premis perniagaan ini juga turut menjual arak tanpa lesen. Manakala satu rumah penginapan yang telah tamat tempoh lesen didapati menjalankan aktiviti tidak bermoral.
- ii) Pemeriksaan terhadap kebersihan di 12 hotel/rumah penginapan mendapati 2 rumah penginapan tidak mencapai tahap kebersihan yang memuaskan kerana terdapat longgokan sampah sarap dan berhabuk. Dari aspek keselamatan pula, satu rumah penginapan tidak mempunyai alat pemadam api yang boleh digunakan. Sepuluh hotel/rumah penginapan yang lain didapati bersih dan mempunyai pemadam api sebagai langkah keselamatan.
- iii) Tujuh hotel/rumah penginapan telah menambah bilangan bilik tanpa kelulusan Majlis. Mengikut syarat lesen, bilangan bilik yang dibenarkan adalah antara 6 hingga 41 bilik, tetapi bilangan bilik yang sebenarnya beroperasi adalah antara 11 hingga 42 bilik iaitu berlaku lebihan antara 1 hingga 14 bilik. Bilangan keseluruhan bilik yang ditambah tanpa kelulusan bagi 7 hotel/rumah penginapan tersebut adalah 49 bilik. Penambahan bilik tanpa kelulusan adalah tidak wajar kerana ia melibatkan perubahan pelan ruang bangunan yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat setelah mengambil kira langkah keselamatan. Selain itu, ia juga melibatkan penambahan bayaran lesen iaitu RM10 bagi satu bilik satu tahun.

- iv) Kadar Lesen Operasi bagi 3 pusat hiburan karaoke dikenakan berdasarkan kadar ruang terbuka iaitu RM180 satu bulan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati pusat hiburan tersebut merupakan karaoke berbilik yang sepatutnya dikenakan bayaran lesen tambahan mengikut keluasan bilik yang ada iaitu RM1 bagi satu kaki persegi. Dengan keluasan keseluruhan bilik sebanyak 2,468 kaki persegi, Majlis mengalami kerugian sejumlah RM2,468 satu bulan.
- v) Satu salun biliard menggunakan 4 meja biliard berbanding 3 meja yang sepatutnya mengikut syarat lesen. Selain itu, lima pusat hiburan karaoke yang masing-masing menyediakan 1 meja biliard (*pool table*) tidak mempunyai Lesen Operasi. Bayaran Lesen Operasi dikenakan berdasarkan bilangan meja iaitu RM45 bagi satu meja satu bulan menyebabkan kerugian kepada Majlis sejumlah RM270 satu bulan.
- vi) Pemeriksaan di 5 premis salun rambut mendapati 3 premis menggunakan 28 kerusi berbanding 16 kerusi yang sepatutnya mengikut syarat lesen iaitu penambahan 12 kerusi tanpa kelulusan Majlis. Bayaran Lesen Operasi dikenakan berdasarkan bilangan kerusi iaitu RM10 bagi satu kerusi satu bulan iaitu menyebabkan kerugian kepada Majlis sejumlah RM120 satu bulan.

c) Masa Operasi Perniagaan

Mengikut Ordinan Hiburan Awam 1958, masa operasi bagi pusat hiburan seperti pub/karaoke, *amusement centre*, biliard dan sebagainya perlu ditetapkan oleh syarat lesen dan hendaklah dipatuhi oleh pelesen. Berdasarkan keputusan Kabinet Negeri yang disampaikan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan kepada pihak Majlis, masa operasi yang ditetapkan bagi pusat hiburan pub/karaoke adalah antara jam 6.00 petang hingga 1.00 pagi pada hari Isnin hingga Jumaat dan antara jam 6.00 petang hingga 2.00 pagi pada hari Sabtu dan Ahad.

Semakan Audit terhadap lesen operasi yang diperbaharui pada tahun 2005 mendapati masa operasi yang diluluskan kepada 2 pusat hiburan adalah melebihi had masa yang ditetapkan. Masa operasi yang dinyatakan dalam lesen kedua pusat hiburan tersebut adalah antara jam 9.00 malam hingga 3.00 pagi setiap hari.

Pihak Audit juga menjalankan pemeriksaan fizikal bersama Pegawai Majlis terhadap 8 pusat hiburan pub/karaoke yang dipilih secara rambang pada pertengahan bulan Julai 2005 untuk menentukan pengusaha pusat hiburan berkenaan mematuhi masa operasi. Pemeriksaan yang dijalankan antara jam 2.05 pagi hingga 2.20 pagi tersebut mendapati 3 daripadanya masih beroperasi iaitu melebihi masa yang ditetapkan.

d) Pemeriksaan Kesihatan Pengusaha Dan Pekerja Premis Makanan

Mengikut Undang-undang Kecil Majlis (*Food And Eating Premises*) Pindaan 1987, pengusaha dan pekerja premis makanan seperti *bakeries*, *cook-shops* dan *eating-shops* perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan layak menjalankan perniagaan makanan sekali setiap 6 bulan. Majlis kemudiannya akan mengeluarkan Kad Kesihatan kepada peniaga atau pekerja yang telah menjalani pemeriksaan tersebut.

Pemeriksaan Audit terhadap 10 kedai makan/restoran mendapat 9 daripadanya mempunyai pekerja yang tidak menjalani pemeriksaan kesihatan atau tidak mempunyai Kad Kesihatan. Daripada 69 keseluruhan pekerja, sebanyak 36 daripadanya tidak mempunyai Kad Kesihatan. Selain itu, satu pemilik kedai makan/restoran tidak mengemukakan kad kesihatan untuk diperiksa.

e) Pembinaan Dan Pengubahsuaian Bangunan Tanpa Kelulusan

Mengikut Seksyen 2(1) Undang-undang Kecil (Bangunan) 1983, pembinaan atau pengubahsuaian bangunan di kawasan perkadaran perlu mendapat kelulusan Majlis terlebih dahulu. Mengikut pihak Majlis, pemasangan *awning* juga ditafsirkan sebagai pengubahsuaian bangunan yang perlu mendapat kelulusan Majlis. Pemilik yang melakukan pembinaan atau pengubahsuaian bangunan tanpa kelulusan boleh dikenakan denda atau tindakan merobohkan bangunan berkenaan. Pihak Audit bersama penguatkuasa Majlis telah menjalankan pemeriksaan di 6 bangunan (premis perniagaan) dan 3 kawasan perumahan yang dibangunkan secara haram (kawasan setinggan). Hasil pemeriksaan tersebut mendapat perkara seperti berikut:

- i) Daripada 6 premis perniagaan yang dilawati, 3 daripadanya telah membuat pengubahsuaian atau penyambungan bangunan yang digunakan sebagai stor seperti contoh ditunjukkan pada **Foto 4**.

Foto 4
Bangunan Yang Disambung Sebagai Stor Tanpa Kelulusan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 21.07.2005

Lokasi : Pekan Keningau

Tiga premis perniagaan lagi telah membuat pemasangan *awning* di bahagian hadapan bangunan. Semakan lanjut Audit mendapati 2 daripada premis perniagaan yang membuat pengubahsuaian atau penyambungan bangunan dan 3 premis perniagaan yang membuat pemasangan *awning* tidak mendapat kelulusan Majlis. Kesemua premis perniagaan tersebut hanya memohon dan diluluskan penggunaan ruang kaki lima untuk menjalankan perniagaan dan dikenakan sewa antara RM279 hingga RM4,452 berdasarkan keluasan ruang yang digunakan untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan.

- ii) Mengikut rekod Majlis terdapat 14 tapak perumahan setinggan di kawasan perkadaran Majlis iaitu 7 kawasan rumah setinggan yang didirikan di atas tanah Kerajaan dan 7 kawasan lagi adalah di atas tanah persendirian. Bilangan rumah yang didirikan di 14 kawasan setinggan tersebut adalah 394 rumah dengan jumlah penduduk seramai 1,895 orang. Pada tahun 2004 dan 2005 pihak Majlis telah mengambil tindakan meroboh 66 unit rumah di 4 kawasan setinggan yang diduduki oleh pendatang tanpa izin. Pihak Majlis menghadapi masalah untuk merobohkan rumah setinggan terutamanya yang melibatkan penduduk tempatan atau warganegara kerana mereka mendapat sokongan dari pihak tertentu apabila membuat rayuan.

Pihak Audit bersama penguat kuasa Majlis telah melawat 3 daripada 14 kawasan setinggan tersebut dan mendapati rumah yang didirikan adalah berbentuk kekal dan telah bertapak sejak beberapa tahun yang lalu. Daripada 3 kawasan setinggan tersebut, satu kawasan merupakan setinggan warganegara Malaysia bukan tempatan melibatkan 310 penduduk dan 74 rumah, satu kawasan setinggan tempatan melibatkan 170 penduduk dan 30 rumah (Kawasan Pengoksidanan Najis Majlis) dan satu kawasan lagi terdiri daripada pendatang tanpa izin dan bukan warganegara yang melibatkan 230 orang penduduk dan 46 buah rumah.

Pada pendapat Audit, aktiviti penguatkuasaan tidak dilaksanakan dengan memuaskan dan menyebabkan kepada pelanggaran undang-undang yang berleluasa selain daripada kerugian hasil kepada Majlis.

Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat aktiviti penguatkuasaan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ini kerana perancangan penguatkuasaan tidak dibuat dan anggota penguatkuasa tidak diselaraskan dengan beban kerja. Prosedur adalah tidak lengkap, peralatan tidak mencukupi serta penyelenggaraan rekod yang tidak kemas kini. Selain itu, tidak ada pegawai dipertanggungjawabkan secara khusus untuk mengendalikan aktiviti berkaitan perundungan menyebabkan tindakan tegas tidak dapat diambil. Perhatian yang sewajarnya hendaklah diberi oleh pihak pengurusan untuk memperbaiki kelemahan ini supaya penguatkuasaan yang dijalankan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5.3 PEMANTAUAN

Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan dipantau oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa yang bertanggungjawab terus kepada Pegawai Kerja. Bagi memudahkan pemantauan, aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan direkod di buku laporan harian yang disediakan oleh anggota penguatkuasa. Melalui laporan harian tersebut, Penolong Pengawai Penguatkuasa menyediakan laporan mingguan berhubung aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang minggu dan laporan tersebut diserah kepada Pegawai Kerja. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada tahun 2005 tidak ada laporan mingguan dikemukakan oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa kepada Pegawai Kerja. Mengikut Penolong Pegawai Penguatkuasa perkara ini berlaku oleh kerana beban kerja yang banyak. Aktiviti penguatkuasaan dan kes melibatkan pelanggaran syarat dan peraturan dilaporkan kepada Pegawai Kerja sama ada melalui telefon atau perbincangan. Bagaimanapun, tidak terdapat bukti bahawa perkara ini dilaksanakan.

Selain itu, aktiviti pemantauan juga dilaksanakan melalui mesyuarat dan perbincangan yang diadakan oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa dengan Ketua Pasukan dan anggota penguatkuasa dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat

mengesan bilangan mesyuarat dan perbincangan yang diadakan kerana perkara tersebut tidak diminitkan dengan teratur. Tindakan penguatkuasaan juga diambil berdasarkan arahan daripada Pegawai Kerja yang diterima. Aktiviti penguatkuasaan turut dipantau oleh pihak pengurusan melalui Mesyuarat Penuh Majlis yang di pengerusikan oleh Pengerusi Majlis. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati hanya 1 kali mesyuarat diadakan pada tahun 2004 dan 3 kali mesyuarat pada tahun 2005. Pihak Audit tidak dapat mengesan tindakan pemantauan lain yang dilaksanakan oleh Majlis berhubung aktiviti penguatkuasaan. Pemantauan yang lemah oleh pihak pengurusan menyebabkan aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaan adalah tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan lagi. Pemantauan yang kurang berkesan terhadap aktiviti penguatkuasaan menyebabkan orang awam khasnya golongan peniaga melanggar undang-undang dan peraturan Majlis secara berterusan.

6. RUMUSAN DAN SYOR

Secara keseluruhannya, aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Majlis adalah lemah dan memerlukan banyak penambahbaikan. Antara kelemahan ketara yang perlu diberi perhatian ialah tiada perancangan, prosedur kerja yang tidak lengkap, peralatan dan kenderaan yang tidak mencukupi, jadual pemeriksaan ke premis perniagaan tidak disediakan, penyelenggaraan rekod tidak teratur dan latihan tidak mencukupi. Selain itu, Majlis tidak mempunyai pegawai kanan yang bertanggungjawabkan secara sepenuh masa untuk menjalankan aktiviti perancangan dan penyeliaan Majlis. Majlis juga tidak mendapat panduan yang berkesan dari Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan berkaitan perundungan seperti memfail tindakan mahkamah menyebabkan tindakan tersebut tidak pernah diambil. Kesannya, undang-undang dan peraturan tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya kerana hanya Notis Amaran ataupun kompaun dikeluarkan.

Bagi memperbaiki keadaan ini, pihak Audit mengesyorkan pihak Majlis mengambil tindakan seperti berikut:-

- a) Pihak Majlis perlu menyediakan satu perancangan lawatan untuk tempoh satu tahun yang menyenaraikan tempat dan aktiviti yang akan dibuat lawatan. Perancangan ini bukan sahaja mengambil kira aduan awam tetapi juga klasifikasi perniagaan berisiko tinggi dari aspek keselamatan dan keselesaan awam serta perniagaan tanpa lesen.
- b) Majlis perlu menyediakan perancangan untuk melaksanakan operasi bersepadu yang jelas dengan mengambil kira tujuan, kelengkapan, kekerapan, bilangan anggota dan tempat di mana operasi hendak dijalankan.
- c) Majlis juga perlu mendapatkan kerjasama daripada pihak lain seperti Kementerian Kesihatan dan anggota Polis DiRaja Malaysia semasa membuat pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan terutamanya yang berisiko tinggi. Ia bertujuan

untuk memastikan tindakan lebih tegas dapat diambil supaya peniaga sentiasa peka terhadap undang-undang yang ditetapkan.

- d) Mengambil tindakan komprehensif terhadap notis peringatan yang dikeluarkan.
- e) Mengkaji kemungkinan untuk mendapat pegawai penguatkuasa dari Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan bagi mengadakan pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan di Daerah Keningau.
- f) Majlis juga perlu menyesuaikan beban kerja dengan tenaga kerja yang ada dan sekiranya tidak mencukupi membuat mobilisasi anggota dari bahagian lain.
- g) Majlis perlu mempertimbangkan untuk mewujudkan fungsi Bahagian Perundangan dan mewujudkan jawatan tertentu seperti Pembantu Undang-undang untuk melaksanakan urusan berkaitan perundangan.
- h) Majlis perlu menyemak semula Undang-undang Kecil dan membuat pindaan di mana perlu bagi menyesuaikannya dengan keadaan semasa. Selain itu, pengeluaran lesen perniagaan memberi pinjam wang perlu dimaklumkan kepada Majlis dan Pegawai Daerah perlu wakilkan kuasa kepada Majlis supaya tindakan penguatkuasaan dapat diambil mengikut undang-undang.
- i) Manual Prosedur (Penguatkuasaan) Majlis juga perlu disemak semula dan diperkemaskan lagi supaya ia lebih lengkap, jelas dan sesuai dilaksanakan pada keadaan semasa untuk membantu anggota penguatkuasa melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan teratur.
- j) Majlis juga perlu mempertimbangkan untuk mewujudkan jawatan ketua Majlis secara sepenuh masa untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan.
- k) Majlis perlu meningkatkan pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaan seperti mengambil tindakan undang-undang terhadap premis perniagaan yang melanggar undang-undang. Ketidak patuhan terhadap undang-undang mengakibatkan Majlis kehilangan hasil dan menimbulkan masalah sosial.

LEMBAGA INDUSTRI GETAH SABAH


SKIM PEKEBUN KECIL GETAH

7. LATAR BELAKANG

7.1 Skim Pekebun Kecil Getah merupakan satu aktiviti pembangunan sosio-ekonomi Kerajaan Negeri Sabah yang diperkenalkan oleh Lembaga Industri Getah Sabah (Lembaga). Ini selaras dengan fungsi Lembaga yang telah diberikan kuasa untuk membangunkan aktiviti pembangunan getah melalui Enakmen Lembaga. Skim ini diperluaskan sejajar dengan permintaan getah yang meningkat dan harga getah semakin stabil berikutan pertambahan industri berasaskan getah dalam negara dan luar negara. Arus perkembangan industri getah yang memerlukan getah asli sebagai bahan mentah untuk dijadikan produk yang ditambah nilai telah menjadikan pengeluaran getah semakin berpotensi dan penting. Oleh itu hasil pengeluaran getah skim ini dipasarkan untuk domestik dan eksport. Skim Pekebun Kecil getah dilaksanakan berkonsepkan pengurusan ladang oleh Lembaga, ia akan membantu pekebun kecil getah yang memiliki kebun kecil getah yang tidak produktif. Objektif skim ini ialah untuk meningkatkan pengeluaran getah melalui penambahan keluasan kawasan getah dengan menanam benih getah klon bermutu tinggi. Apabila pengeluaran bertambah secara langsung pekebun kecil yang terlibat akan mendapat pendapatan yang lebih tinggi dan mengatasi masalah kemiskinan. Aktiviti ini melibatkan pekebun yang mempunyai tanah sekurang-kurangnya 4 hektar yang akan digabungkan menjadi satu kawasan seluas 50 hingga 80 hektar untuk menjadikan industri getah lebih berdaya maju secara komersial.

7.2 Skim ini diperkenalkan pada tahun 1980 dengan jumlah penyertaan sebanyak 17,749 orang peserta. Kawasan tanaman getah di Negeri Sabah adalah seluas 63,885 hektar terdiri dari skim pekebun kecil seluas 57,754 hektar (90.4%), projek penempatan getah seluas 5,957 hektar (9.3%) dan Estet Swasta seluas 174 hektar (0.3%). Skim pekebun kecil dan projek penempatan getah (99.7%) adalah di bawah kawalan Lembaga Industri Getah Sabah. Setakat tahun 2004, skim pekebun kecil disertai oleh 17,749 pekebun kecil yang dilaksanakan di 5 Bahagian Sabah iaitu Bahagian Pendalaman (24,980 hektar), Bahagian Pantai Barat (21,007 hektar), Bahagian Kudat (9,221 hektar), Bahagian Sandakan (1,989 hektar) dan Bahagian Tawau (557 hektar). Maklumat taburan kawasan pertanian termasuk tanaman getah di Sabah adalah seperti di **Peta 1**.

Peta 1
Taburan Kawasan Pertanian Di Sabah



Kunci Penunjuk : Lakaran Warna Kuning Kawasan Tanaman Getah
Sumber :Fail Peta Lembaga

7.3 Pada tahun 2001 hingga tahun 2005, produk getah Standard Malaysian Rubber (SMR) dan Specialty Rubber (SR) yang telah dijual oleh Lembaga adalah sebanyak 177,374 tan metrik bernilai RM671.44 juta telah diperolehi oleh Lembaga. Bagi tujuan meneroka pasaran yang lebih luas pihak Lembaga telah melantik agen pemasaran antarabangsa di mana keluaran getah Negeri Sabah telah berjaya menembusi pasaran di 30 buah negara. Berikutnya permintaan getah semakin meningkat dan harga getah yang tinggi, pihak Lembaga telah merancang untuk memperluaskan tanaman getah bagi skim pekebun kecil seluas 25,000 hektar bagi tempoh RMK-9.

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan skim pekebun kecil getah telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya untuk meningkatkan pengeluaran getah melalui penambahan keluasan getah dengan menanam benih getah klon bermutu tinggi.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skim ini dipilih untuk dijalankan kajian audit adalah berdasarkan kepentingan kepada golongan berpendapatan rendah serta sumbangan kepada industri berdasarkan getah.

Skop pengauditan adalah meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan aktiviti Skim Pekebun Kecil Getah terdiri dari projek tanam semula getah dan projek tanaman baru getah bagi tempoh RMK-8 (2001-2005). Pengauditan meliputi Bahagian Kemajuan Pekebun Kecil (KPK) di Ibu Pejabat dan 5 daerah iaitu Keningau, Tenom, Beaufort, Sipitang dan Tawau. Pemeriksaan dijalankan terhadap dokumen projek seperti fail perancangan, fail projek, dokumen perjanjian dan kontrak, daftar permohonan, fail pekebun kecil, rekod kewangan dan fail-fail lain yang berkaitan. Di peringkat daerah, sejumlah 15 fail peserta bagi setiap daerah dipilih sebagai sampel untuk semakan. Selain itu, lawatan fizikal ke kawasan projek, temu bual dengan pegawai dan pekebun kecil serta analisis terhadap data atau maklumat yang diperolehi juga dibuat.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 PERANCANGAN

Perancangan yang terperinci adalah penting untuk memastikan projek dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Aspek perancangan seharusnya menjurus kepada pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri dan pencapaian matlamat Lembaga secara keseluruhan. Perkara yang disemak bagi menilai perancangan projek adalah seperti berikut:

10.1.1. Dasar Pertanian Negeri

Dasar pertanian bagi Negeri Sabah telah digariskan melalui Dasar Pertanian Negeri Sabah seperti berikut :

- a)** Meluaskan dan menambah kawasan tanaman getah.
- b)** Meningkatkan pengeluaran hasil getah.
- c)** Meningkatkan produktiviti pengeluaran susu getah melalui tanaman klon baru getah bermutu tinggi.
- d)** Meningkatkan kecekapan pengurusan kebun getah melalui konsep Mini Estet.
- e)** Memperluaskan pasaran produk berdasarkan getah dan menambah nilai pengeluaran produk hasil getah.

Lembaga ada merangka strategi yang menjurus kepada penanaman pokok getah bermutu tinggi bagi membolehkan pertambahan hasil getah dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah. Dasar ini juga mensasarkan pembaharuan dan pertambahan keluasan kawasan getah melalui penyatuan kawasan getah dan penanaman semula getah tua secara intensif serta penempatan peserta baru yang terdiri daripada petani yang memiliki tanah terbiar dan mengamalkan pertanian pindah-randah. Pelaksanaan dasar ini juga akan mengambil kira pendekatan mesra alam semasa pelaksanaan proses penanaman, pengeluaran dan pemprosesan hasil getah mentah. Strategi yang dirangka adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negeri Sabah antaranya ialah menumpukan kepada pembangunan kumpulan sasaran desa yang

miskin di kawasan luar bandar serta program dan aktiviti pembangunan yang berasaskan pertanian.

10.1.2 Konsep Skim

Skim Pekebun Kecil getah akan dilaksanakan mengikut Konsep Tanaman Getah Berkelompok. Konsep Tanaman Getah Berkelompok ialah tanah hak milik penduduk atau pekebun kecil setempat digabungkan dan dibangun oleh Lembaga secara terancang. Pembangunan kawasan bermula daripada proses kerja pengukuran, kerja pembersihan dan penyediaan kawasan, penanaman benih getah serta penyenggaraan kawasan dan kebun tanaman getah. Kerja-kerja pembangunan ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Lembaga dengan melantik kontraktor. Kawasan yang telah dibangunkan akan dikendalikan sepenuhnya oleh Lembaga selama 4 hingga 6 tahun sebelum diserahkan kepada peserta. Kos pembangunan kawasan termasuk kos senggaraan selama 6 tahun akan ditanggung sepenuhnya oleh Lembaga. Berdasarkan konsep ini pekebun kecil getah dikehendaki menjual hasil torehan mereka kepada Lembaga untuk dipasarkan.

10.1.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan adalah penting untuk menentukan projek boleh dilaksanakan iaitu sejajar dengan objektif yang telah ditetapkan serta sebagai garis panduan semasa pelaksanaan projek. Perkara penting yang perlu dititikberatkan ialah objektif kajian, skop, kumpulan sasaran/peserta, kawasan sasaran, unjuran pengeluaran/pendapatan, keperluan khidmat nasihat teknikal, pemasaran, sumber bekalan bibit getah, baja dan racun rumpai.

10.1.4 Garis Panduan Skim Pekebun Kecil Getah

Semasa merancang sesuatu skim adalah wajar organisasi mempunyai garis panduan bagi memudahkan ia dijalankan. Selain itu, garis panduan juga akan memudahkan setiap anggota yang bertanggungjawab menjalankan tugasnya dengan cekap bagi semua skim tanpa mengira lokasi. Lembaga ada merangka 2 garis panduan bagi projek ini iaitu Manual Pengurusan untuk kegunaan Bahagian Pekebun Kecil dan Manual Pengurusan bagi kegunaan Bahagian Operasi Perindustrian. Dalam garis panduan ini ada menyatakan dengan terperinci berkaitan tatacara, kriteria, syarat serta kawasan projek tanam semula dan tanam baru getah bagi pekebun kecil.

10.1.5 Proses Pelaksanaan

Proses terperinci pelaksanaan skim di kawasan secara berkelompok yang akan dibuat adalah seperti berikut:

a) Proses Permohonan

- i) Penduduk dan pekebun kecil setempat yang ingin menyertai projek tanaman getah berkelompok perlu memohon melalui borang yang ditetapkan.
- ii) Kaedah hebahan mengenai projek akan ditetapkan supaya kumpulan sasaran

dapat mengetahui mengenai projek yang akan dilaksanakan oleh Lembaga.

- iii) Proses memohon dan syarat berkaitannya akan dinyatakan dengan jelas bagi mengelak penolakan borang permohonan yang tidak lengkap.
- iv) Prosedur kelulusan juga akan ditetapkan oleh Lembaga.

b) Proses Kerja Pengukuran

- i) Konsep tanaman getah berkelompok memerlukan kawasan tanaman disatukan dahulu sebelum dibahagikan kepada blok tanaman dengan keluasan tertentu yang ditetapkan.
- ii) Konsep ini memerlukan kawasan terpilih dibuat pengukuran oleh pihak tertentu yang dilantik.
- iii) Kos kerja pengukuran akan ditetapkan oleh pihak yang membiayainya.
- iv) Maklumat lengkap proses kerja akan ditetapkan lebih awal sebagai panduan kepada kakitangan semasa pelaksanaannya nanti.

c) Proses penyediaan Kawasan

- i) Kawasan yang dipilih akan dibuat kerja pembersihan bagi membolehkan penyediaan kawasan mengikut konsep yang ditetapkan iaitu berdasarkan blok tanaman dengan keluasan antara 50 hingga 80 hektar.
- ii) Kaedah penyediaan infrastruktur bagi tujuan pelaksanaan projek berkelompok mengikut spesifikasi yang ditetapkan akan diwujudkan bagi tujuan pemantauan kerja penyediaan kawasan.
- iii) Kawasan akan disenggarakan bagi tempoh tertentu sebelum proses penanaman.

d) Proses Kerja Penanaman Benih Getah

- i) Bekalan bibit getah yang hendak ditanam akan dipastikan mematuhi piawaian yang ditetapkan semasa membuat pesanan.
- ii) Kaedah menanam bibit getah akan ditetapkan sebagai panduan pelaksanaan.
- iii) Kerja penanaman bibit getah yang bermutu tinggi akan dibuat mengikut kaedah yang ditetapkan untuk mencapai matlamat projek.
- iv) Kerja senggaraan kawasan yang siap ditanam akan dirangka lebih awal sebagai panduan kepada pekerja kebun.

e) Proses Penyerahan Blok Tanaman

- i) Blok tanaman berkelompok yang siap dibangunkan akan diserahkan kepada peserta selepas sesuatu tempoh yang ditetapkan.
- ii) Sebelum proses penyerahan syarat yang ditetapkan antaranya bilangan pokok dan saiz batang pokok di blok tanaman perlu dipatuhi.
- iii) Penyerahan kepada peserta projek akan dibuat surat perjanjian supaya wujud kuat kuasa dan sah.
- iv) Keperluan latihan akan ditentukan sebelum penyerahan.

10.1.6 Kualiti Benih Getah

Kualiti benih getah yang hendak ditanam akan ditentukan supaya menepati piawaian yang ditetapkan berdasarkan kepada faktor tanah, cuaca dan penyakit di sesuatu kawasan projek tanaman getah. Bagi tujuan ini Lembaga akan merangka garis panduan memilih benih getah dari klon yang bermutu tinggi. Bekalan akan diperolehi daripada tapak semaiannya Lembaga sendiri dan pemilihan klon benih getah akan berdasarkan piawaian Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM). Klon RRIM 911, RRIM 2000, RRIM 936, RRIM938 dan PB 312 adalah sesuai di kawasan daerah Kudat, Kota Marudu, Kuala Penyu, Sipitang, Papar dan Tenom. Selain itu, klon ini juga sesuai dari aspek faktor angin kuat iaitu tidak mudah patah dan mampan daripada jangkitan penyakit cendawan angin dan penyakit *Colletotrichum* (sejenis penyakit kulit pokok getah).

10.1.7 Produk Hasil Getah

Lembaga juga akan merancang untuk mengeluarkan produk daripada getah mentah yang akan diproses berbentuk seperti berikut:

a) Standard Malaysian Rubber (SMR)

Produk ini merupakan getah kepingan berasap bermutu tinggi yang akan digredkan mengikut piawaian Lembaga Getah Malaysia iaitu Gred SMR L, SMR 5, SMR 20, SMR 20 (USS) dan SMR (DP).

b) Specialty Rubber (SR)

Produk SR adalah produk getah yang siap diproses yang mempunyai sifat khas dan ciri unggul yang ditambah nilai bagi tujuan komersial seperti berikut:

- i) *Methacrylate Grafting (MG)* digunakan untuk *adhesive and bonding agents in tapes, chopping boards, tennis ball, hard rollers and rigid tubings*. Contoh Gred MG ialah *Megatex 15, Megatex 30, Megatex 40, Megopoly 30* dan *Megopoly 49*.
- ii) *Special Processing (SP) and Processing Aid (PA)* digunakan untuk *tubings, hoses, gaskets, door seals, rubber bands, rubber boot uppers, car screen seals and wipers*. Contoh Gred SP ialah *Superpoly 20* dan *Superpoly 50* manakala gred PA pula ialah *Propoly 57* dan *Propoly 80*.

Produk getah kepingan berasap bermutu tinggi gred SMR akan dikeluarkan oleh kilang milik subsidiari Lembaga di Tuaran dan Tenom. Manakala produk getah ditambah nilai siap diproses gred SR pula akan diproses oleh kilang milik subsidiari Lembaga di Beaufort.

10.1.8 Sasaran Dan Unjuran

Di peringkat perancangan Lembaga akan membuat sasaran yang hendak dicapai bagi projek tanaman getah untuk memudahkan pengukuran dan impak terhadap

pelaksanaan projek sama ada menepati matlamat yang dirancang. Antara sasaran yang akan dibuat semasa perancangan adalah seperti berikut:

a) Kumpulan Dan Kawasan Sasaran

Kumpulan sasaran projek ini wajar ditentukan di peringkat awal bagi memudahkan pengukuran pencapaian. Bagi tujuan itu pihak Lembaga akan menentukan kumpulan sasaran sama ada pekebun kecil, pemilik tanah atau waris terdekat dan penduduk setempat yang miskin di mana taraf kehidupan keluarga adalah di bawah paras garis kemiskinan. Selain itu, kawasan sasaran yang akan dirancang bagi projek tanaman baru getah ialah di Bahagian Kudat (Pitas dan Kota Marudu), Bahagian Pantai Barat (Kota Belud dan Papar) dan Bahagian Pendalam (Kuala Penyu, Beaufort dan Sipitang) manakala bagi projek tanam semula getah ialah di mana terdapat banyak pokok getah yang ditanam pada awal tahun 80an iaitu di Bahagian Pantai Barat (Kota Kinabalu, Tuaran dan Papar), Bahagian Pendalam (Beaufort dan Tenom) dan Bahagian Tawau (Semporna, Tawau dan Lahad Datu). Kawasan ini dipilih kerana bilangan penduduk miskin yang ramai.

b) Sasaran Pengeluaran Dan Pendapatan Pekebun Kecil

Lembaga mensasarkan setiap pekebun kecil akan memperolehi pendapatan daripada pengeluaran hasil torehan getah setelah menyertai projek tanaman getah berjumlah RM1,536 sebulan iaitu berdasarkan keluasan purata 3.5 hektar yang dapat mengeluarkan 480 kilogram susu getah sebulan. Sasaran ini adalah berdasarkan norma pengeluaran yang ditetapkan oleh Lembaga bagi keluasan sesuatu kebun.

c) Sasaran Pendapatan Lembaga

Bagi tujuan memberi justifikasi yang rasional semasa memohon keperluan peruntukan tahunan, Lembaga akan menetapkan sasaran pendapatan yang akan diperolehi melalui urus niaga pembelian getah mentah dan penjualan getah yang siap diproses. Dari itu, Lembaga membuat sasaran penjualan getah sejumlah 159,616 tan metrik yang akan dijual sebagai getah siap diproses SMR dan SR. Sasaran pendapatan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 berjumlah RM713.96 juta. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6

Sasaran Pendapatan Lembaga Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Tahun	Penjualan (Tan Metrik)	Pendapatan (RM juta)
2001	29,500	47.18
2002	25,760	72.35
2003	25,696	116.86
2004	29,490	207.57
2005	49,170	270.00
Jumlah	159,616	713.96

Sumber : Fail Skim Pekebun Kecil Getah Lembaga

d) Sasaran Keluasan Dan Bilangan Pekebun Kecil

Sepanjang tempoh RMK-8, Lembaga telah menetapkan sasaran 5,000 hektar tanah akan ditanam dengan pokok getah bermutu tinggi yang akan melibatkan 1,225 peserta. Selain itu, seluas 4,000 hektar kebun getah tua akan ditanam semula dengan getah bermutu tinggi yang melibatkan 1,342 pekebun kecil di seluruh Negeri Sabah. Lembaga mensasarkan seluas 1,665.15 hektar melibatkan 485 peserta bagi 5 daerah iaitu Tenom, Keningau, Beaufort, Sipitang dan Tawau.

10.1.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Keperluan guna tenaga adalah merupakan faktor penting bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Oleh yang demikian struktur organisasi yang merangkumi sumber tenaga manusia yang bersesuaian dengan tanggungjawab yang diamanahkan sangat penting dan perlu dititikberatkan semasa merancang sesuatu projek. Tanpa mengambil kira sumber tenaga yang bersesuaian dan mencukupi semasa membuat perancangan akan mengakibatkan perancangan tersebut tidak akan mencapai matlamatnya. Selain itu, perancangan perjawatan dan latihan juga perlu diberi perhatian.

10.1.10 Latihan Dan Kursus Pekebun Kecil

Peserta yang berjaya akan dikehendaki menghadiri kursus seperti ditetapkan sebelum kebun getah diserahkan kepada peserta. Latihan ini bertujuan supaya peserta mahir terhadap teknik dan tatacara penorehan serta proses pembekuan seterusnya penjualan hasil torehan.

10.1.11 Perjanjian

Lembaga akan memeterai 2 jenis perjanjian semasa pelaksanaan projek skim ini. Perjanjian yang akan dimeterai adalah seperti berikut:

a) Perjanjian Dengan Pekebun Kecil

Bagi menjayakan skim pekebun kecil getah satu perjanjian akan ditandatangani antara Lembaga dengan Pekebun Kecil. Perjanjian ini merangkumi proses pembangunan tanah milik pekebun secara berkelompok, bekalan dan penanaman benih getah, senggaraan kawasan dan kebun bagi sesuatu tempoh sebelum diserahkan semula kepada pekebun kecil. Perjanjian yang dirangka ada menyatakan dengan jelas tanggungjawab Lembaga dan Pekebun Kecil.

b) Perjanjian Dengan Kontraktor

Terdapat 2 jenis kerja akan dilaksanakan oleh kontraktor bagi projek ini iaitu kontrak kerja pengukuran kawasan serta kontrak kerja pembersihan dan penyediaan kawasan. Bagi tujuan menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat dengan projek ini, pihak Lembaga akan menandatangani perjanjian dengan Kontraktor yang dilantik. Draf perjanjian ini akan dirangka dan dirujuk kepada Pihak Peguam Besar Negeri untuk pengesahan. Perkara penting yang diliputi dalam

perjanjian ini adalah kontraktor dikenakan deposit jaminan dan bon pelaksanaan berdasarkan kadar tetap atau bersamaan peratusan tertentu daripada nilai kontrak yang ditetapkan bertujuan memastikan kerja kontrak dilaksanakan dengan sempurna serta mematuhi setiap syarat perjanjian. Selain itu terdapat juga klausula mengenai denda kelewatan dan penamatkan kontrak sekiranya gagal menyempurnakan kerja kontrak dengan memuaskan.

10.1.12 Keperluan Kewangan

Bagi memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut perancangan, bajet yang munasabah akan dirangka supaya pihak berkenaan dapat mempertimbangkan peruntukan berdasarkan projek yang akan dilaksanakan. Norma bagi kos pembangunan sehektar tanah adalah RM7,852 sehektar. Oleh itu, Lembaga menganggarkan keperluan kewangan tahun 2001 hingga 2005 berjumlah RM79.70 juta bagi melaksanakan projek yang dirancang termasuk kos latihan pekebun kecil berjumlah RM1.20 juta seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Bajet Keperluan Kewangan Tahun 2001 Hingga 2005

Tahun	Skim Pekebun Kecil Getah			Jumlah (RM juta)
	Projek Tanaman Baru (RM juta)	Projek Tanam Semula (RM juta)	Kos Latihan Pekebun Kecil (RM juta)	
2001	7.85	7.85	0.24	15.94
2002	7.85	7.85	0.24	15.94
2003	7.85	7.85	0.24	15.94
2004	7.85	7.85	0.24	15.94
2005	7.85	7.85	0.24	15.94
Jumlah	39.25	39.25	1.20	79.70

Sumber : Fail Bajet Lembaga

10.1.13 Pemasaran Hasil Getah

Lembaga akan menguruskan semua urusan pembelian dan penjualan hasil getah pekebun kecil. Oleh itu Pekebun Kecil yang terlibat dengan projek tanaman getah berkelompok tidak perlu bimbang mengenai pemasaran hasil torehan mereka. Bagi tujuan tersebut, Lembaga akan melaksanakan 2 kaedah pemasaran seperti berikut:

a) Pembelian Getah Pekebun Kecil

Lembaga akan membeli getah kepingan tidak diasap, kentalan, skrap dan susu getah secara langsung daripada pekebun kecil. Aktiviti ini akan dikendalikan oleh Bahagian Operasi Perindustrian yang akan membeli dan membayar secara tunai atau secara kredit di mana bayaran akan dibuat 7 hari dari tarikh pembelian.

b) Penjualan Hasil Getah

Bahagian Pemasaran Getah diberi tanggungjawab untuk menjual produk getah *Standard Malaysian Rubber (SMR)* iaitu getah kepingan berasap bermutu tinggi gred SMR seperti contoh SMR L, SMR 5, SMR 10 dan SMR 20 yang diproses di kilang milik subsidiari Lembaga bagi tujuan pasaran eksport dan domestik. Manakala produk getah *Specialty Rubber (SR)* iaitu produk getah yang diproses dengan ditambah nilai komersial mempunyai sifat khas dan ciri-ciri unggul seperti contoh *Megopoly 49*, *Propoly 80* dan *Superpoly 50* akan dikendalikan oleh agen pemasaran yang dilantik oleh Lembaga bagi tujuan pasaran eksport sahaja. Produk SR diproses dan dikeluarkan oleh kilang milik subsidiari Lembaga untuk digunakan bagi pembuatan pita pelekat, pita pembedahan, tiub, hos, palang pintu, pengelap cermin kereta dan sebagainya.

10.1.14 Penanda Aras

Bagi memastikan projek ini dilaksanakan dengan sempurna dan mencapai matlamatnya adalah wajar piawaian yang diguna pakai oleh pihak lain dijadikan sebagai penanda aras semasa merancang dan melaksanakan projek. Penanda aras ini adalah penting untuk menentukan penggunaan kaedah dan teknik pengurusan kawasan tanaman getah berkelompok serta teknik penorehan yang terkini dan sebagainya akan dapat digunakan sebagai asas pengukuran pencapaian projek yang dilaksanakan. Untuk maksud operasi, Lembaga akan menggunakan kaedah yang diguna pakai oleh Agensi dan badan kerajaan tertentu serta kebun dan estet getah swasta. Sebagai contoh penggredan getah kepingan berasap bermutu tinggi SMR adalah mengikut piawaian yang diluluskan oleh Lembaga Getah Malaysia. Pelaksanaan operasi projek adalah mengikut amalan yang dibuat oleh pihak RISDA, FELCRA dan Badan Lain.

10.1.15 Kaedah Pemantauan

Di peringkat perancangan juga adalah penting untuk menentukan pihak atau jawatankuasa yang akan diberi tanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek. Satu Jawatankuasa akan diwujudkan untuk memantau projek ini yang akan membuat laporan berkala untuk menerangkan kemajuan dan permasalahan projek.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya perancangan bagi projek ini telah dibuat dengan komprehensif dan memuaskan.

10.2 PELAKSANAAN

Skim pekebun kecil getah dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu projek tanam semula getah dan projek tanaman baru getah bagi pekebun kecil. Semakan Audit terhadap pelaksanaan aktiviti skim pekebun kecil getah Lembaga mendapati perkara seperti berikut:

10.2.1 Dasar Pertanian Lembaga

Lembaga telah merangka strategi yang selaras dengan Dasar Pertanian Negeri Sabah iaitu memperkenalkan klon getah bermutu tinggi, memperluaskan kawasan getah, mewujudkan kaedah sistem berkelompok, memperkenalkan teknologi baru dan pengurusan kebun seperti konsep pengurusan estet. Semakan Audit mendapati projek tanaman getah di 5 Bahagian Negeri Sabah telah dilaksanakan secara berkelompok. Benih getah yang ditanam di blok tanaman berkelompok adalah terdiri daripada klon susu getah balak *Rubber Research Institute Of Malaysia* (RRIM) siri 2000 atau campuran RRIM dengan klon Perang Besar (PB). Semakan Audit juga mendapati bahawa klon tersebut adalah jenis terbaru yang diguna pakai di negeri lain. Selain itu, Lembaga juga telah memperluaskan kawasan kebun getah di seluruh Negeri Sabah, teknik baru penorehan diperkenalkan dan kebun getah telah diurus seperti pengurusan estet. Ini adalah selaras dengan dasar pertanian Lembaga dan juga Kerajaan Negeri. Lawatan Audit ke pejabat Lembaga Wilayah Keningau, Beaufort dan Tawau serta pejabat Lembaga Daerah Tenom dan Sipitang juga menunjukkan program yang dilaksanakan adalah sejajar dengan strategi Lembaga untuk memenuhi Dasar Pertanian Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, strategi Lembaga untuk mencapai matlamat Lembaga serta dasar Kerajaan Negeri adalah bertepatan dengan halatuju industri getah. Komitmen dan usaha berterusan Lembaga dalam melaksanakan strategi ini selaras dengan saranan untuk meningkatkan pengeluaran pertanian Negara.

10.2.2 Kajian Kemungkinan

Pihak Audit mendapati kajian kemungkinan tidak dijalankan oleh Lembaga. Bagaimanapun, pihak Lembaga melalui pejabat Wilayah/Daerah telah menjalankan pemeriksaan kawasan yang dipohon bagi menentukan kesesuaian kawasan sebelum dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah mengambil daya usaha yang mencukupi bagi memastikan tapak skim adalah sesuai dan berdaya maju.

10.2.3 Garis Panduan Skim Pekebun Kecil Getah

Pihak Audit mendapati Lembaga telah menyediakan 2 manual sebagai garis panduan iaitu Manual Pengurusan (Bahagian Kemajuan Pekebun Kecil) dan Manual Pengurusan (Bahagian Operasi Perindustrian). Manual Pengurusan skim telah diberi pengiktirafan MS-ISO 9001:2001 dan telah diedarkan ke semua pejabat Lembaga di daerah. Manual ini merupakan garis panduan yang diguna pakai bagi melaksanakan projek tanaman getah berkelompok. Semakan Audit seterusnya mendapati dokumen berkaitan ada disimpan untuk rujukan semua pegawai terlibat termasuk kakitangan Lembaga di daerah Beaufort, Keningau, Tenom, Sipitang dan Tawau. Bagaimanapun,

manual yang disediakan tidak mengandungi syarat dan kelayakan peserta seperti pendapatan dan hak milik tanah. Akibatnya adalah seperti berikut:

a) Projek Tanam Semula

Kriteria dan syarat penyertaan bagi projek ini tidak ditetapkan dengan jelas. Maka ada kes kelulusan telah diberi kepada pemohon yang mempunyai tanah hak milik iaitu *Native Titles*, Permohonan Tanah atau Pajakan Negeri dengan keluasan antara 1 hingga 5.67 hektar. Selain itu, tidak ada syarat yang menetapkan pemohon perlu mengisyiharkan pendapatan isi rumah di dalam borang permohonan bagi tujuan mengesahkan sama ada pemohon adalah di bawah paras garis kemiskinan. Namun demikian, pelaksanaan projek selain dari yang dinyatakan di atas telah mematuhi Manual Pengurusan.

b) Projek Tanaman Baru

Seperti mana projek tanam semula, kriteria dan syarat penyertaan projek tanaman baru juga tidak dinyatakan dengan lengkap. Semakan Audit terhadap rekod projek tahun 1994 hingga 1995 mendapati 3 projek tanaman baru getah dengan keluasan 144.07 hektar di Lahad Datu telah diluluskan kepada Syarikat Koperasi Putera I di mana ahlinya terdiri daripada penoreh getah. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan status ahli koperasi sama ada petani atau penduduk setempat serta peratus kepentingan ke atas hak milik tanah. Selain itu, didapati projek blok Enam Nabawan, di Keningau seluas 49.21 hektar telah dibangunkan di atas tanah milik Kementerian Pertanian Negeri. Mengikut maklum balas Lembaga, keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang miskin atau dari daerah yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi seperti Pitas, Kota Marudu dan Matunggung. Pihak Lembaga juga telah memastikan syarat dan kelayakan peserta ke dalam manual pengurusan.

Pada pendapat Audit , Manual Pengurusan bagi pelaksanaan skim ini adalah komprehensif kecuali syarat dan kelayakan peserta seperti pendapatan dan hak milik tanah tidak dinyatakan.

10.2.4 Proses Pelaksanaan

Lembaga telah mengubah sistem penanaman secara individu kepada sistem berkelompok yang lebih bercorak komersial dan terancang. Setiap kelompok mengandungi keluasan antara 50 hingga 65 hektar dengan peserta antara 4 hingga 40 orang. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh RMK-8 sejumlah 30 kawasan tanam semula dan tanaman baru getah telah dilaksanakan di daerah Beaufort, Keningau, Tawau, Tenom dan Sipitang secara berkelompok dengan keluasan 1,761.42 hektar dan peserta seramai 535 orang. Kaedah pelaksanaan penanaman adalah didapati telah mengikuti setiap proses seperti berikut:

a) Proses Permohonan

Semakan Audit terhadap 75 permohonan mendapati semua permohonan adalah teratur dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Syarat permohonan seperti ditetapkan dalam Manual telah dipatuhi dan tapisan dibuat oleh Jawatankuasa yang dilantik sebelum mendapat kelulusan. Permohonan yang gagal akan dipertimbangkan pada tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati maklumat pendapatan peserta tidak terkandung didalam borang permohonan. Maklumat ini adalah penting bagi tujuan pengukuran pencapaian pendapatan peserta setelah menyertai skim ini. Pihak Audit juga mendapati pihak Lembaga telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk menghebahkan skim ini kepada penduduk kampung melalui dialog dan perjumpaan dengan Ketua Kampung.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan pemohonan adalah cekap dan teratur.

b) Proses Kerja Pengukuran

Semakan Audit terhadap blok Tongok Weston, Beaufort, blok Luanti baru II, Keningau dan blok Kampung Pamilaan, Tenom mendapati 2 Juruukur berlesen telah dilantik untuk kerja pengukuran setiap blok tanaman getah. Juruukur tersebut adalah Juruukur Kandiah bagi blok Tongok Weston, Beaufort dan blok Kg. Pamilaan, Tenom dan Juruukur Ong & Rakan bagi blok Luanti Baru. Semakan lanjut mendapati perlantikan juruukur dibuat dengan teratur secara sebut harga. Syarat pelaksanaan kerja dinyatakan diperjanjian sebut harga tersebut. Semakan terperinci mendapati kerja pengukuran telah mematuhi syarat yang ditetapkan dari segi masa dan persempadanan. Lembaga juga membuat bayaran mengikut ketetapan perjanjian iaitu masing-masing RM4,200, RM7,665 dan RM9,280.

Pada pendapat Audit, perlantikan juruukur berlesen adalah sempurna dan segala syarat kerja pengukuran dilaksanakan dengan memuaskan.

c) Proses Penyediaan Kawasan

Setelah kerja pengukuran selesai pokok getah ditebang dan kawasan tersebut dibersihkan. Ini disusuli dengan pembinaan teres mengikut jarak yang ditetapkan iaitu 30 kaki antara teres bagi tujuan penanaman benih getah. Kerja pembersihan dibuat oleh kontraktor manakala penanaman dilaksanakan oleh Lembaga dengan mengupah pekerja sambilan. Semakan Audit pada akhir bulan Julai 2005 terhadap blok Karangan III, Beaufort mendapati kerja pembersihan yang sepatutnya disiapkan pada Jun 2005 hanya mencapai 98% siap. Kelewatan ini disebabkan oleh masalah kontraktor. Semakan Audit mendapati Lembaga telah mengambil tindakan menamatkan kontrak asal dan melantik kontraktor baru untuk menyiapkan kerja tersebut. Manakala blok Kampung Kalabu, Keningau yang sepatutnya disiapkan pada akhir bulan Februari 2005 hanya mencapai 50% sahaja siap. Berdasarkan rekod, pihak Audit mendapati kelewatan ini disebabkan oleh faktor

hujan menyebabkan mesin tidak boleh dibawa masuk ke tapak projek. **Foto 5** menunjukkan kerja-kerja pembersihan dan penyediaan kawasan.

Foto 5
Kerja Pembersihan Dan Penyediaan Kawasan



Sumber : Fail Gambar Jabatan Audit Negara

Tarikh : 28 Julai 2005

Lokasi : Blok BR Kampung Kalabu Zon 4, Keningau

Pada pendapat Audit, pemantauan kerja oleh kontraktor untuk menyediakan kawasan tanaman pokok getah baru adalah kurang memuaskan.

d) Kerja Penanaman Benih Getah

Kawasan tanah yang dibersihkan akan ditanam benih getah bermutu tinggi mengikut kaedah tanaman benih yang ditetapkan. Jenis benih getah yang ditanam adalah seperti klon Susu Getah Balak siri RRIM 2000, RRIM 936, RRIM 938, RRIM 911 dan PB312. Mengikut standard jarak tanaman adalah 8 kaki antara satu sama lain. Setiap satu hektar akan ditanam dengan 322 pokok getah. Semakan Audit mendapati garis panduan penanaman telah dipatuhi dengan sewajarnya. Sebagai contoh ialah semasa lawatan ke tapak projek blok Senagang, Keningau mendapati jarak benih getah yang ditanam adalah 8 kaki. Manakala saiz lilitan pokok getah berumur 2 tahun adalah antara 8 hingga 10 inci yang dianggap sebagai getah yang subur kadar pertumbuhannya mengikut keterangan pakar Lembaga.

Namun begitu, pemeriksaan terhadap rekod tanaman benih bagi blok Kampung Kalibatang, Tenom mendapati keluasan blok ini ialah 51.61 hektar dan jika berdasarkan garis panduan setiap hektar ditanam dengan 322 pokok getah maka

jumlah pokok ialah 16,618. Manakala jumlah sebenar yang ditanam tidak dapat dipastikan oleh kerana mengikut rekod jumlah benih yang dikeluarkan ialah 21,716 sebaliknya semakan Audit terhadap laporan yang disediakan mendapati hanya 11,210 sahaja benih getah yang masih hidup di blok tanaman getah daerah Tenom yang dilawati dan ini bermakna baki 10,506 benih getah telah mati. Manakala di blok Pasir Putih dan blok Kampung Katipoh, Sipitang keluasan blok ialah 247.43 hektar dan berdasarkan kepada standard maka jumlah benih getah yang boleh ditanam ialah 88,489 pokok dan berdasarkan rekod 88,489 benih getah ditanam di kawasan tersebut. Semakan Audit terhadap rekod mendapati hanya 85,708 (96.9%) benih getah masih hidup manakala baki 2,781 (3.1%) pokok getah telah mati. Berdasarkan kadar kematian pokok getah di blok tanaman tersebut anggaran kerugian yang dialami ialah RM5,840 berasaskan kos satu benih pokok getah bernilai RM2.10 tidak termasuk kos lain yang berkaitan. Punca kematian benih pokok getah adalah disebabkan keadaan kemarau dan ancaman haiwan seperti kambing dan lembu selain dari penjagaan yang kurang teratur. Berdasarkan norma yang ditetapkan oleh Lembaga kadar kematian pokok getah kurang daripada 5% adalah munasabah. Namun begitu berdasarkan maklum balas pihak Lembaga pemantauan yang lebih ketat akan dibuat di masa hadapan. Foto anak getah yang akan ditanam seperti di **Foto 6**.

Foto 6
Anak Getah Yang Akan DiTanam



Sumber: fail Gambar Jabatan Audit Negara

Tarikh: 28 Julai 2005

Lokasi: Blok Senagang, Keningau

Pada pendapat Audit, penanaman benih getah adalah teratur dan memuaskan kerana benih yang bermutu ditanam, kadar kematian rendah dan kaedah penanaman mengikut garis panduan yang ditetapkan.

e) Penyerahan Blok Tanaman

Blok tanaman getah berkelompok akan disenggarakan antara 4 hingga 6 tahun oleh Lembaga. Selepas tempoh tersebut jika lilitan batang pokok getah antara 18 hingga 20 inci, blok berkenaan akan diserah balik kepada pekebun kecil untuk torehan. Selain itu, lilitan batang pokok getah bagi blok yang telah diserahkan adalah melebihi 18 inci. Contoh blok tanaman yang telah berusia 3 tahun diserahkan kepada pekebun kecil adalah seperti di **Foto 7**.

Foto 7

Blok Tanaman Yang Diserah Balik



Sumber : Fail Gambar Jabatan Audit Negara

Tarikh : 10 Ogos 2005

Lokasi : Blok BR Karangan I, Beaufort

Pada pendapat Audit, pihak Lembaga telah berjaya melaksanakan penanaman pokok mengikut tempoh yang ditetapkan sebelum diserahkan kepada pekebun kecil. Serahan juga dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu antara 4 hingga 6 tahun.

10.2.5 Kualiti Benih Getah

Mengikut garis panduan penanaman benih getah hendaklah daripada klon bermutu tinggi iaitu klon susu getah balak. Klon susu getah balak yang ditetapkan ialah siri RRIM 960, RRIM 2000, RRIM 900 dan PB 300. Pemeriksaan Audit terhadap projek yang dilawati mendapati semua projek telah ditanam dengan klon getah bermutu tinggi

yang ditetapkan. Pada tahun 2002 tanaman getah berkelompok di blok Tongok Weston, Beaufort menunjukkan benih getah yang ditanam adalah dari klon bermutu tinggi iaitu siri RRIM 2000 manakala di blok Ulu Lingkungan I, II dan III, Beaufort pula dengan benih getah campuran siri RRIM 900 dengan PB 300. Benih yang dipilih didapati mempunyai ciri kesesuaian tanah, ketahanan dari jangkitan penyakit dan teguh dalam keadaan cuaca di kawasan tanaman.

Pada pendapat Audit, klon susu getah balak yang ditanamkan dalam projek ini adalah bersesuaian.

10.2.6 Perjanjian

Bagi tujuan memelihara kepentingan Lembaga, perjanjian hendaklah dimeterai antara peserta atau kontraktor dilantik untuk kerja penyukatan kawasan dan pembersihan kawasan. Semakan Audit terhadap syarat-syarat perjanjian dan pematuhan perjanjian mendapati perkara berikut:

a) Perjanjian dengan Peserta

Lembaga telah memeterai perjanjian dengan semua peserta skim ini. Syarat serta tanggungjawab Lembaga dan peserta telah dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian ini. Namun begitu, jaminan dalam bentuk cagaran atau bon tidak disyaratkan dalam perjanjian ini bagi memastikan pelaburan Lembaga dapat diperolehi semula. Pihak Lembaga telah mengeluarkan perbelanjaan pembangunan dan penyenggaraan berjumlah RM7,852 bagi sehektar tanah. Syarat perjanjian menghendaki hasil torehan dijual kepada Lembaga. Bagi memastikan peserta mematuhi syarat tersebut denda boleh dikenakan sekiranya hasil dijual kepada pihak lain. Semakan Audit mendapati semua 75 peserta yang diaudit mematuhi syarat.

b) Perjanjian Dengan Kontraktor

Bagi tujuan mempercepatkan pelaksanaan projek, kontraktor telah dilantik bagi kerja-kerja pembersihan kawasan. Semakan Audit mendapati Lembaga telah memeterai perjanjian dengan 5 kontraktor iaitu Daring Balang/Ngiam Heng Meng bagi projek Karangan III, Beaufort, Apin Woods Construction bagi projek Kg. Kalabu Keningau, Pemborong Miza untuk projek Pasir Putih Sipitang dan Pemborong Sri Poring Enterprise bagi projek Kg. Katipoh Sipitang. Perjanjian tersebut menetapkan peranan dan tanggungjawab semua pihak, spesifikasi dan kaedah kerja serta cara pembayaran. Kepentingan Lembaga juga telah dititikberatkan di mana setiap kontrak dikehendaki menyediakan bon pelaksanaan atas kadar 10% daripada nilai kontrak dan sah bagi tempoh perjanjian. Selain itu, wang tahanan juga atas kadar 10% akan dipotong bagi setiap bayaran kemajuan. Pemeriksaan Audit terhadap rekod projek tersebut mendapati semua perjanjian ini telah dipatuhi sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, dokumen perjanjian yang disediakan adalah sempurna dan telah memelihara kepentingan Kerajaan Negeri dan peserta.

10.2.7 Produk Hasil Getah

Mengikut perancangan, produk hasil getah yang akan dikeluarkan oleh pekebun kecil berbentuk getah mentah iaitu getah keping tidak diasap, kentalan dan skrap serta susu getah. Manakala getah mentah tersebut akan diproses menjadi produk getah jenis *Standard Malaysian Rubber* (SMR) dan *Specialty Rubber* (SR). Getah mentah iaitu susu getah, getah kepingan, kentalan dan skrap boleh diproses menjadi getah proses SMR, manakala getah SR hanya boleh diproses daripada susu getah sahaja. Getah mentah tersebut telah diproses oleh kilang milik subsidiari Lembaga dan lokasinya adalah seperti di **Peta 2**.

Peta 2
Lokasi Kilang Milik Subsidiari Lembaga Di Sabah



Sumber: Peta Lembaga

Semakan Audit mendapati projek tanaman getah berkelompok yang dilaksanakan telah berjaya mengeluarkan getah mentah untuk diproses oleh kilang berkenaan. Sebagai contoh projek yang mengeluarkan getah mentah berbentuk getah kepingan, skrap dan kentalan ialah blok Karangan, Beaufort. Manakala yang menghasilkan susu getah ialah blok Ulu Lingkungan II, Beaufort. Hasil torehan getah pekebun kecil yang dibeli telah dihantar ke kilang yang berkaitan iaitu getah mentah ke Kilang SMR Tuaran atau Kilang SMR Tenom dan susu getah ke Kilang SR Beaufort. Produk getah yang telah diproses oleh kilang milik subsidiari Lembaga di Tuaran dan Tenom adalah getah SMR seperti SMR L, SMR 10 dan SMR 20. Manakala kilang milik subsidiari Lembaga di Beaufort adalah khusus untuk mengeluarkan produk hasil getah separa siap *specialty rubber* bagi tujuan menghasilkan *tubings*, *hoses*, *gasket*, *car screen seal* dan *wiper*. Kilang milik subsidiari Lembaga akan mengenakan bayaran memproses iatu 32 sen

sekilogram oleh kilang SMR Tuaran, 38 sen sekilogram oleh Kilang SMR Tenom dan 250 sen sekilogram oleh kilang SR Beaufort. Contoh getah mentah dan getah yang telah diproses adalah seperti di **Foto 8**, **Foto 9**, **Foto 10**, **Foto 11** dan **Foto 12**.

Foto 8

Getah Keping, Kentalan Dan Skrap Yang Dikeluarkan Oleh Pekebun Kecil



Foto 9

Susu Getah Diproses Untuk Dijadikan Getah Kepingan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 10 Ogos 2005

Lokasi : Pusat Pengumpulan Getah Blok BR Karangan I, Beaufort

Foto 10

Getah SMR Yang Telah Dibungkus



Foto 11

Getah SMR Sedia Untuk Dieksport



Sumber: Foto Lembaga

Tarikh: 16 Julai 2005

Lokasi: Kilang SMR Lembaga Tuaran

Foto 12
Getah Jenis SR Yang Diproses Oleh Kilang SR Beaufort



Sumber: Foto Lembaga

Tarikh: 6 Julai 2005

Lokasi: Kilang SR Beaufort

Pada pendapat Audit, pengeluaran produk hasil getah mentah oleh Pekebun Kecil dan getah proses iaitu jenis SMR dan SR oleh Kilang milik subsidiari Lembaga adalah seperti dirancang dan menepati keperluan pasaran.

10.2.8 Pencapaian Sasaran Dan Unjuran

Sepanjang tempoh RMK8 Lembaga telah menetapkan sasaran terhadap pembangunan dan pengeluaran hasil getah. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) Sasaran Keluasan Kawasan

Lembaga mensasarkan 2,800 hektar untuk dibangunkan bagi projek tanam semula getah dan 3,750 hektar untuk projek tanaman baru getah bagi pekebun kecil di Negeri Sabah sepanjang RMK8. Semakan Audit mendapati keluasan kawasan yang telah dibangunkan di Negeri Sabah bagi tempoh yang sama masing-masing ialah 2,750 hektar bersamaan 98% dan 3,700 hektar bersamaan 98.7%. Keluasan kawasan bagi projek yang dilaksanakan di daerah yang dilawati sepanjang tahun 2001 hingga 2005 adalah masing-masing seluas 1,362 hektar dan 399 hektar seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Keluasan Kawasan Yang Dilaksana Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Daerah	Sasaran (Hektar) (i)	Tanam Semula (Hektar) (ii)	Tanaman Baru (Hektar) (iii)	Jumlah (Hektar) (iv)	Perbezaan (Hektar) (iv) – (i)
Tenom	574.74	381.28	229.89	611.17	36.43
Sipitang	454.83	465.46	0	465.46	10.63
Keningau	439.29	350.29	138.21	488.50	49.21
Beaufort	98.36	67.34	31.02	98.36	0
Tawau	97.93	97.93	0	97.93	0
Jumlah	1,665.15	1,362.30	399.12	1,761.42	96.27

Sumber: Rekod Lembaga

Analisis Audit mendapati pihak Lembaga telah melaksanakan projek di kawasan seperti dirancang dan berjaya membangunkan keluasan melebihi sasaran iaitu 96.27 hektar bersamaan 5.8% daripada sasaran. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati masih terdapat kawasan yang berpotensi belum dibangunkan seperti di daerah Tawau di mana terdapat kawasan seluas 8,648 hektar di 5 buah Kampung yang sesuai dengan tanaman getah tetapi tidak dibangunkan walaupun penduduk setempat telah memohon. Berdasarkan kos pembangunan RM7,852 sehektar maka kos pembangunan yang diperlukan bagi kawasan tersebut adalah RM67.90 juta. Pemeriksaan Audit di daerah Beaufort menunjukkan sasaran projek tanaman baru getah berkelompok ialah 67 hektar melibatkan 15 pekebun kecil. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut hanya kawasan seluas 32 hektar melibatkan 8 pekebun kecil sahaja dilaksanakan dan baki kawasan seluas 35 hektar melibatkan 7 pekebun kecil dibatalkan. Pembatalan ini adalah kerana kawasan berkenaan merupakan kawasan hutan simpan Sipitang dan akan digantikan dengan kawasan lain. Namun begitu, sasaran penambahan keluasan kawasan bagi 5 daerah yang dilawati telah dapat dicapai.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah berjaya melaksanakan pembangunan projek serta melibatkan keluasan seperti dirancang. Selain itu pihak Lembaga juga telah berjaya melaksanakan pembangunan melebihi sasaran di 3 daerah iaitu Keningau, Tenom dan Sipitang dengan peruntukan yang terhad.

b) Pendapatan Pekebun Kecil Pada Tahun 2005

Lembaga telah menetapkan sasaran pendapatan pekebun kecil yang akan diperolehi bagi keluasan purata 3.5 hektar ialah RM1,536 sebulan. Semakan Audit mendapati pihak Lembaga tidak mewujudkan sistem maklumat mengenai pendapatan hasil jualan susu getah mengikut peserta/pemilik walaupun pendapatan mengikut blok ada disediakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada sasaran pendapatan dicapai. Mengikut Manual Pengurusan,

pihak Lembaga perlu mencatatkan nama peserta, blok, berat, harga dan tarikh pada resit pembelian apabila susu getah dijual oleh peserta. Namun demikian, ketetapan ini tidak diikuti oleh kerana terdapat kes resit telah dicatat dengan nama penoreh atau waris yang mewakili pemilik semasa jualan dibuat. Lawatan Audit ke blok Kampung Kalibatang, Tenom mendapati kebun seorang peserta dibahagikan kepada 5 orang waris untuk ditoreh. Keluasan getah yang ditoreh tidak konsisten bagi setiap hari. Selain itu, terdapat pekebun kecil menjual hasil getah mereka kepada ejen membeli getah berlesen oleh kerana harga lebih tinggi. Kedudukan ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat membuat analisis pendapatan pekebun kecil yang tepat. Analisis Audit dibuat berdasarkan maklumat dalam laporan suku tahun 2005 kemajuan penorehan blok bagi daerah Keningau. Hasil temu bual dengan pegawai Lembaga dan pekebun kecil atau wakilnya juga menunjukkan purata pendapatan mereka adalah antara RM225 hingga RM707 sebulan seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Purata Pendapatan Bulanan Pekebun Kecil Daerah Keningau
Mengikut Blok Bagi Suku Tahun Pertama 2005

Blok Tanaman	Bilangan Pekebun Kecil (Orang)	Pendapatan Bulanan	
		Blok (RM)	Purata Pendapatan Pekebun Kecil (RM)
BR Nuntunan	10	7,074.56	707.46
BN Makua	15	9,888.00	659.20
BR Linsudan I	16	6,373.31	398.33
BR Linsudan II	11	4,174.35	379.49
BR Panagatan Laut	15	7,738.00	515.87
BN Opor	20	4,502.82	225.14

Sumber : Laporan Suku Tahun Kemajuan Penorehan Blok Daerah Keningau

Manakala analisis Audit berdasarkan laporan yang sama bagi daerah Lahad Datu menunjukkan purata pendapatan pekebun kecil ialah antara RM682 hingga RM1,188 sebulan seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Purata Pendapatan Bulanan Pekebun Kecil Daerah Lahad Datu
Mengikut Blok Bagi Suku Tahun Pertama 2005

Blok Tanaman	Bilangan Pekebun Kecil (orang)	Pendapatan Bulanan	
		Blok (RM)	Purata Pendapatan Pekebun Kecil (RM)
BN Koperasi Putera I	16	12,238.30	764.89
BN Koperasi Putera II	11	10,550.08	959.10
BN Koperasi Putera III	26	17,737.85	682.23
BN Tingkayu	8	9,501.30	1,187.66

Sumber : Laporan Suku Tahun Kemajuan Penorehan Blok Daerah Lahad Datu

Kegagalan pemilik untuk mencapai pendapatan mengikut sasaran adalah berpunca dari kegagalan untuk membuat tahanan mengikut kekerapan dan jumlah pokok yang sepatutnya iaitu 20 hari sebulan atau 600 pokok sehari. Selain dari itu, ia juga berpunca daripada sikap pekebun kecil sendiri sama ada tidak mengusahakan kebun sendiri atau tidak bekerja secara sepenuh masa serta hujan. Akibatnya sasaran pendapatan RM1,536 sebulan seperti dirancang tidak dapat dicapai.

Pada pendapat Audit, pendapatan pekebun kecil di Daerah Keningau dan Lahad Datu belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Manakala pendapatan peserta di Daerah Tenom, Sipitang dan Beaufort tidak dapat diukur kerana tidak mempunyai maklumat yang lengkap.

c) Pencapaian Pengeluaran Dan Pendapatan

Pencapaian pengeluaran dan pendapatan yang diperolehi melalui aktiviti Skim Pekebun Kecil adalah dinyatakan seperti berikut:

i) Pengeluaran Getah Negeri

Produktiviti pengeluaran getah negeri perlulah berasaskan kepada jumlah pengeluaran susu getah mengikut keluasan berbanding dengan norma pengeluaran yang ditetapkan iaitu 480 kilogram bagi setiap 3.5 hektar bersamaan 137 kilogram sebulan. Perkiraan Audit mendapati berdasarkan kepada norma yang ditetapkan oleh Lembaga bermakna setiap 1 hektar dapat mengeluarkan 1.65 tan metrik susu getah setahun. Semakan Audit selanjutnya mendapati blok tanaman getah yang matang untuk ditoreh setakat tahun 2004 adalah seluas 52,341 hektar. Oleh itu, unjuran susu getah yang sepatutnya adalah berjumlah 188,420 tan metrik setahun. Namun demikian, Lembaga membuat sasaran pembelian getah mentah sejumlah 159,596 tan metrik bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 dengan sasaran pendapatan berjumlah RM560.53 juta untuk pekebun kecil. Semakan Audit mendapati sasaran

tersebut adalah jauh lebih rendah dari norma yang ditetapkan berasaskan keluasan yang ada. Namun demikian, Lembaga telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Mengikut maklum balas Lembaga, pada tahun 2006 Lembaga telah membuat norma pengeluaran yang baru iaitu 1.3 tan metrik bagi sehektar kebun getah. Sasaran pengeluaran adalah 61,655 tan metrik setahun berdasarkan keluasan 47,427 hektar kebun getah yang boleh mengeluarkan hasil. Sepanjang tempoh tahun 2001 hingga bulan Disember 2005, Lembaga telah berjaya mengeluarkan sejumlah 177,374 tan metrik getah dengan nilai RM671.44 juta. Butiran lengkap seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Sasaran Berbanding Pencapaian Pengeluaran dan Pendapatan
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Tahun	Sasaran Pengeluaran (Tan Metrik)	Sasaran Pendapatan (RM juta)	Pengeluaran Sebenar (Tan Metrik)	Pendapatan Sebenar (RM juta)
2001	29,500	75.60	19,910	47.18
2002	25,760	63.99	24,298	72.35
2003	25,676	79.91	29,591	116.86
2004	29,490	119.47	43,649	207.57
2005	49,170	221.55	59,926	227.48
Jumlah	159,596	560.53	177,374	671.44

Sumber: Rekod Lembaga

Berdasarkan rekod dan jadual di atas, sasaran pengeluaran tidak dapat dicapai pada tahun 2001 dan 2002. Manakala pada tahun 2003 dan 2004 pengeluaran telah melebihi sasaran. Sasaran Lembaga di semua daerah bagi tahun 2005 ialah 49,170 tan metrik getah yang telah menjana pendapatan berjumlah RM221.55 juta. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2005, pengeluaran hasil getah ialah 59,926 tan metrik dengan pendapatan yang diperoleh hasil produk getah SMR dan SR berjumlah RM227.48 juta.

Pada pendapat Audit, sasaran yang dibuat adalah munasabah dan boleh dicapai berdasarkan kemampuan dari segi kewangan.

ii) Pencapaian Pengeluaran Daerah

Standard pengeluaran bagi satu hektar kebun getah ialah 137 kilogram susu getah sebulan. Setakat bulan Disember 2004, terdapat skim pekebun getah yang sudah matang dengan keluasan 9,899 hektar di kawasan yang dilawati. Berdasarkan standard pengeluaran daerah tersebut sepatutnya menghasilkan 1.36 tan metrik jika menoreh 20 hari sebulan. Bagi memastikan pencapaian di peringkat daerah mencapai norma yang ditetapkan, analisis Audit telah dibuat terhadap pengeluaran pekebun kecil getah mengikut daerah berdasarkan lejar

pembelian harian dan laporan Unit Pembelian Getah. Analisis mengenai pengeluaran getah mendapati secara purata pengeluaran setiap bulan adalah 1.65 tan metrik iaitu melebihi 0.29 tan metrik berbanding norma. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Pengeluaran Dan Pembelian Getah Bagi Kawasan Yang Dilawati Untuk Tempoh Setengah Tahun Pertama 2005

Daerah	Getah Mentah		Susu getah		Jumlah Keseluruhan	
	Kuantiti (TM)	Nilai (RM)	Kuantiti (TM)	Nilai (RM)	Kuantiti (TM)	Nilai (RM)
Keningau	636	1,573,927	0	0	636	1,573,927
Tenom	3,005	6,369,877	523	2,030,863	3,528	8,400,740
Beaufort	2,238	5,380,378	67	215,931	2,305	5,596,309
Membakut	340	840,640	24	90,544	364	931,184
Bongawan	166	404,664	56	211,922	222	616,586
Kuala Penyu	1,371	3,253,861	74	280,174	1,445	3,534,035
Sipitang	978	2,353,372	22	84,173	1,000	2,437,545
Tawau	392	822,220	0	0	392	822,220
Jumlah	9,126	20,998,939	766	2,913,607	9,892	23,912,546

Sumber : Rekod Pembelian Getah Dan Susu getah Lembaga Wilayah Beaufort

- Nota : 1. Getah Mentah = Kepingan / Kentalan / Sekerap
 2. Belian oleh Tawau termasuk daerah Lahad Datu dan Semporna.
 3. TM = Tan Metrik

Pada pendapat Audit, Lembaga telah menetapkan sasaran yang realistik dan boleh dicapai oleh pekebun kecil.

iii) Sumbangan Kepada Pengeluaran Negara

Sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2004 skim pekebun kecil getah Negeri Sabah telah menyumbang 110,539 tan metrik getah iaitu bersamaan 2.94% daripada 3.76 juta tan pengeluaran hasil getah dari pekebun kecil Semenanjung Malaysia. Manakala pengeluaran pekebun kecil Negara adalah bersamaan 93.6 % (3.43 juta tan metrik) daripada keluaran getah Negara yang berjumlah 3.66 juta tan metrik. Ini bermakna pekebun kecil getah Negara adalah memainkan peranan penting dalam sektor pengeluaran getah Negara. Oleh yang demikian bagi menjamin kemampunan kedudukan ini usaha yang berterusan perlu dibuat, tambahan pula permintaan dan harga komoditi getah adalah stabil.

10.2.9 Kaedah Pembelian

Mengikut perancangan hasil getah pekebun kecil yang menyertai projek tanaman getah berkelompok hendaklah dijual kepada Lembaga. Bagi tujuan ini, Lembaga telah membuat kaedah pembelian seperti berikut:

a) Pusat Pembelian

Bagi tujuan pembelian getah pekebun kecil Lembaga telah mewujudkan 14 pusat pembelian dan setiap pusat pembelian diperuntukkan wang pusingan mengikut jumlah tertentu untuk membuat bayaran. Mengikut manual pengurusan, pembayaran hasil getah kepada pekebun kecil hendaklah dibuat secara tunai semasa membeli dan jika pembelian secara kredit bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 7 hari. Wang pusingan yang diperuntukkan kepada semua pusat pembelian tersebut adalah berjumlah RM5.05 juta dan butiran lengkap seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13

Wang Pendahuluan Unit Pembelian Getah Daerah Bagi Tahun 2005

Daerah	Wang Pendahuluan (RM)
Tamparuli	150,000
Tuaran	150,000
Kota Belud	300,000
Kota Marudu	700,000
Papar	300,000
Bongawan	70,000
Beaufort	800,000
Beaufort (Susu getah)	350,000
Sipitang	30,000
Keningau	900,000
Tenom	600,000
Ranau	600,000
Beluran	20,000
Tawau	80,000
Jumlah	5,050,000

Sumber : Fail Kewangan Lembaga

Semakan Audit mendapati pejabat Lembaga di daerah Tenom dan Sipitang masing-masing diluluskan wang pusingan sejumlah RM600,000 dan RM30,000. Rekupon akan dibuat dari semasa ke semasa dari Ibu Pejabat. Analisis terhadap transaksi bayaran bulan Januari hingga Jun 2005, mendapati nilai belian pada setiap bulan sepanjang tempoh tersebut adalah antara RM700,000 hingga RM2 juta bagi daerah Tenom dan RM118,000 hingga RM 188,000 bagi daerah Sipitang. Oleh itu, wang pusingan yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi. Mengikut pengiraan Audit daerah Tenom kekurangan antara RM17,000 hingga RM253,446 manakala Sipitang kekurangan antara RM5,000 hingga RM29,000. Akibatnya berlaku kelewatan pembayaran kepada pekebun kecil antara 3 hingga 6 hari bagi Tenom dan antara 1 hingga 4 hari bagi Sipitang. Perkara ini berlaku oleh kerana amaun yang direkup hanya diterima dalam tempoh 7 hingga 14 hari.

Pada pendapat Audit, wang pendahuluan adalah tidak memadai berbanding jumlah pertambahan pembelian serta peningkatan harga getah.

b) Pembelian Dan Penjualan Getah

Getah (susu getah dan kepingan) yang dibeli dari peserta oleh Lembaga akan dihantar kepada Kilang milik subsidiari Lembaga untuk diproses menjadi produk getah SMR dan SR sebelum dijual kepada pembeli luar dan dalam negara. Kilang tersebut akan mengenakan bayaran proses kepada Lembaga mengikut kadar tertentu. Pada tahun 2001 hingga bulan Disember 2005 pihak Lembaga telah membeli sejumlah 179,627 tan metrik getah bernilai RM520.92 juta daripada pekebun kecil di Sabah. Sepanjang tempoh yang sama juga Lembaga telah berjaya menjual getah sebanyak 177,374 tan metrik getah bernilai RM721.44 juta. Berdasarkan angka tersebut pihak Lembaga telah mendapat lebihan pendapatan kasar antara RM18.51 juta hingga RM52.81 juta bagi tempoh yang sama sebelum mengambil kira kos proses dan *overhead* lain. Pada keseluruhannya pihak Lembaga telah menjana lebihan pendapatan kasar berjumlah RM195.52 juta sepanjang tempoh berkenaan. Lebihan pendapatan telah meningkat dari tahun ke tahun disebabkan harga getah yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Namun demikian, semakan lanjut Audit mendapati sejumlah 12,298 tan getah telah disimpan sebagai stok bagi tempoh yang sama. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Pembelian Dan Penjualan Getah Bagi Tahun 2001 Hingga Tahun 2005

Tahun	(1) Pembelian		(2) Penjualan		Lebihan Pendapatan (RM juta) (2b)-(1b)
	(a) Kuantiti (Tan Metrik)	(b) Nilai (RM juta)	(a) Kuantiti (Tan Metrik)	(b) Nilai (RM juta)	
2001	20,994	28.67	19,910	47.18	18.51
2002	23,847	42.84	24,298	72.35	29.51
2003	24,286	77.37	29,591	116.86	39.49
2004	50,039	147.37	43,649	207.57	55.20
2005	60,461	224.67	59,926	277.48	52.81
Jumlah	179,627**	520.92	177,374**	721.44	195.52

Sumber: Rekod Lembaga

Nota:** Stok $(179,627 - 177,374 = 2,253)$

Pada pendapat Audit, proses jual beli getah telah dilaksanakan dengan teratur dan mendatangkan keuntungan kepada Lembaga.

10.2.10 Kawalan Kualiti

Bagi tujuan mengawal kualiti getah yang dibeli dari pekebun kecil dan produk getah untuk di eksport, pihak Lembaga telah mewujudkan makmal di setiap daerah untuk

menguji getah dari pekebun kecil, manakala ujian bagi getah yang akan dieksport diuji di makmal milik Lembaga di Lok Kawi. Semakan Audit mendapati Unit Ujian Getah telah diwujudkan di Bahagian Operasi Perindustrian (BOP) untuk mengawal kualiti getah. Unit ini dianggotai oleh 32 anggota yang diketuai oleh Pegawai Sains dan Pembantu Makmal ditempatkan di daerah untuk membuat ujian kualiti getah dan menetapkan berat kering getah bagi tujuan pembayaran. Sampel susu getah diuji kandungan air dengan menggunakan alat pengukur *metrolak*. Manakala bagi getah SMR dan SR pula ujian akan dibuat di Makmal Lok Kawi sebelum di eksport. Semua sampel getah dari kilang SMR Tenom dan Tuaran serta kilang *Specialty Rubber Beaufort* telah diuji di Makmal ini. Semakan lanjut mendapati ujian sampel getah yang telah dijalankan di makmal ini ialah ujian kekotoran, habuk, *nitrogen*, *volatile matter*, *wallace rapid plasticity*, *plasticity retension index* dan warna. Bilangan yang diuji ialah 7 sampel getah bagi setiap 2.5 tan. Sijil ujian akan dikeluarkan bagi setiap sampel getah yang diuji dan pihak Lembaga menggunakan sijil berkenaan sebagai jaminan kualiti bagi memenuhi terma kualiti seperti yang dikehendaki dalam perjanjian. Salah satu makmal ujian yang dilawati di daerah Sipitang adalah seperti di **Foto 13** dan **Foto 14**.

Foto 13

Makmal Ujian Kualiti Getah



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 10 Ogos 2005

Lokasi : Makmal Ujian Pejabat Lembaga, Sipitang.

Foto 14

Contoh Sampel Getah Yang Telah Diuji



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 12 November 2005

Lokasi: Bilik Mesyuarat Jabatan Audit

Pada pendapat Audit, kawalan kualiti getah telah dilaksanakan dengan memuaskan.

10.2.11 Pemasaran Hasil Getah

Aktiviti pemasaran yang cekap adalah penting supaya produk hasil getah dapat dipasarkan dengan segera dan pulangan terhadap pelaburan boleh diperoleh dengan maksimum. Semakan Audit mendapati pihak Lembaga menjalankan aktiviti pemasaran

melalui 2 kaedah iaitu pemasaran bagi produk getah jenis SMR dibuat oleh Lembaga manakala untuk getah jenis SR dibuat oleh agen yang dilantik. Semakan lanjut terhadap pemilihan pembeli, agen dan prestasi pemasaran produk adalah seperti berikut:-

a) Kaedah Pemasaran Produk Getah SMR

Produk getah jenis SMR dipasarkan sendiri oleh Lembaga dan dengan itu pemilihan pembeli dibuat oleh pihak Lembaga melalui tender penawaran daripada pembeli. Semakan Audit terhadap proses pemilihan dan penjualan mendapati perkara berikut:

i) Sistem Penawaran Pembelian

Lembaga melaksanakan 2 pendekatan penawaran iaitu secara jangka panjang di mana tawaran dikeluarkan kepada beberapa pembeli untuk membuat pembelian bagi jangka masa 1 tahun manakala pendekatan ke 2 ialah membuat tawaran terus (jualan spot) untuk jualan sekaligus. Semua pembeli adalah syarikat berlesen. Semakan Audit terhadap proses penawaran dan penjualan produk getah SMR secara kontrak jangka panjang mendapati 27 tawaran telah dikeluarkan pada tahun 2005 dan 7 pembeli sahaja telah membuat penawaran. Daripada bilangan ini 6 pembeli dipilih untuk ditawarkan pembelian produk getah SMR. Manakala pada tahun 2005 didapati hanya satu pembeli dari Kuala Lumpur berjaya dipilih bagi penawaran dan penjualan getah SMR secara jualan spot. Proses pemilihan adalah teratur dan memuaskan serta selaras dengan ketetapan mesyuarat penawaran dan pemilihan Lembaga. Maklumat penawaran oleh 6 pembeli yang berjaya adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Harga Dan Kuantiti Tawaran

Nama Pembeli	KJP Sebulan			Jumlah KJP Sebulan (TM)	Jumlah KJP Setahun (TM)
	SMR L (TM)	SMR 5 (TM)	SMR 10/20 (TM)		
Tong Teik Pte. Ltd.	100.80	60.48	1,713.60	1,874.88	22,498.56
RI International	0	0	1,512.00	1,513.00	18,144.00
Alcan Far East	0	0	120.96	120.96	1,451.52
Corrie Mac Coll	40.32	20.16	0	60.48	725.76
Paul T'bacher	0	0	60.48	60.48	725.76
Nokian Tyres	0	0	100.80	100.80	1,209.60
Jumlah	141.12	80.64	3,507.84	3,730.60	44,755.20

Sumber : Fail Mesyuarat Pemasaran Lembaga

Nota : KJP= Kontrak Jangka Panjang

: TM = Tan Metrik

ii) Perjanjian

Setelah pembeli dipilih mereka dikehendaki menandatangani satu perjanjian jual beli. Syarat perjanjian meliputi antara lain, jenis dan butiran komoditi, kuantiti dan harga jualan, tempoh penghantaran, pengangkutan dan insurans serta terma bayaran. Syarat perjanjian tersebut adalah mematuhi Perjanjian Getah Antarabangsa Oleh Persatuan Getah Antarabangsa dan Peraturan Lembaga Getah Malaysia. Namun begitu, terma dan syarat yang lazimnya dikenakan apabila mengikat kontrak dengan kerajaan iaitu bon pelaksanaan atau deposit tidak dikenakan kepada pembeli. Ini bertentangan dengan Seksyen 37, Enakmen Lembaga Tabung Getah 1981 yang menghendaki prosedur tender kerajaan dipatuhi. Semakan Audit juga mendapati perjanjian ini tidak dikemukakan kepada Peguam Besar Negeri terlebih dahulu sebelum diterima pakai sebaliknya terma perjanjian telah digubal oleh Peguam Swasta. Perjanjian juga ditandatangani oleh pihak Lembaga tanpa bukti kuasa diperwakilan oleh Kerajaan Negeri. Enakmen berkaitan juga tidak menyatakan aspek kuasa menandatangani perjanjian oleh pihak Lembaga.

Pada pendapat Audit, syarat-syarat dan terma perjanjian ini telah mematuhi seperti yang ditetapkan oleh Persatuan Getah Antarabangsa dan Lembaga Getah Malaysia.

iii) Harga Dan Pembayaran

Penetapan harga dan kuantiti pembelian semasa proses penawaran adalah satu kriteria bagi memperoleh pendapatan maksimum dalam pasaran antarabangsa yang kompetitif. Semakan Audit mendapati penetapan harga bagi produk getah SMR untuk kontrak jangka panjang dan kontrak jualan spot adalah berpandukan harga tengahari (*noon price*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Getah Malaysia pada setiap hari iaitu RM/sen satu kilogram. Harga tersebut juga merupakan harga *FOB* Pelabuhan Klang ataupun Singapura. Pembayaran dibuat oleh pembeli sama ada secara tunai melalui *telegraphic transfer* atau melalui bank draft. Semakan Audit mendapati bayaran telah dibuat oleh pembeli dengan teratur mengikut tempoh yang ditetapkan.

b) Jualan Melalui Agen

Penjualan produk getah SR adalah melalui agen yang dilantik dan merupakan kaedah ke 2 yang dilaksanakan oleh Lembaga. Semakan Audit terhadap jualan melalui agen mendapati perkara berikut:

i) Perjanjian Dengan Agen Pemasaran

Bagi tujuan menjual produk getah SR, Lembaga telah mempertanggungjawabkan sepenuhnya kepada agen pemasaran antarabangsa iaitu Syarikat Green HPSP(M) Sdn. Bhd. Sehubungan itu, Lembaga telah memeterai perjanjian dengan Syarikat ini pada 10 Disember

1994 dan perjanjian tambahan telah dibuat pada 24 September 1997. Tempoh perjanjian adalah selama 8 tahun dan boleh diperbaharui dengan memberi 9 bulan notis bertulis sebelum tamat tempoh perjanjian. Perkara penting yang terkandung dalam perjanjian adalah seperti berikut:

- **Peranan Agen Pemasaran**

- Agen Pemasaran bertindak sebagai pembeli dan sebagai pengedar ekslusif untuk memasarkan produk getah SR.
- Mengadakan promosi dan menjual produk keseluruh dunia.
- Memberikan nasihat dan sokongan teknikal kepada pelanggan.
- Memberikan perkhidmatan selepas jualan kepada pelanggan.
- Memaklumkan kepada Lembaga sekiranya terdapat salah laku penggunaan tanda perniagaan, patent, rekabentuk, model dan hakcipta Lembaga oleh peniaga lain dalam industri getah.

Semakan Audit terhadap perjanjian, rekod pemasaran dan makluman daripada pegawai Lembaga mendapati agen pemasaran yang dilantik telah melaksanakan tanggungjawab seperti yang termaktub dalam perjanjian.

- **Harga Dan Bayaran**

Harga bagi produk getah SR ditetapkan berdasarkan harga yang dipersetujui dalam perjanjian, namun begitu harga tersebut boleh disemak berdasarkan keadaan pasaran semasa. Manakala bayaran akan dibuat oleh Agen Pemasaran apabila produk diterima dan apabila semua dokumen seperti *bill of lading*, sijil ujian dan invois diserahkan. Semakan terhadap rekod pembayaran mendapati semua bayaran telah dibuat dengan teratur dan pada tempoh yang ditetapkan iaitu pada bulan berikutnya.

- **Terma Dan Syarat**

Bagi menjaga kepentingan Lembaga, terma dan syarat yang memelihara kepentingan Lembaga hendaklah dinyatakan dengan jelas di perjanjian. Terma dan syarat yang biasa dinyatakan adalah bon atau deposit. Semakan Audit terhadap perjanjian ini mendapati tidak ada syarat atau terma yang seumpama dikenakan kepada Agen berkenaan.

Pada pendapat Audit perjanjian perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Peguam Besar Negeri sebelum ditandatangani. Perjanjian juga hendaklah menyebut pihak Lembaga mewakili Kerajaan Negeri setelah mendapat perwakilan kuasa dari Menteri.

c) Pemasaran Produk Getah SR Dan SMR

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005, Lembaga mensasarkan penjualan produk sebanyak 159,596 tan metrik yang akan menjana pendapatan berjumlah RM560.53

juta. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga bulan Disember 2005, Lembaga telah berjaya menjual kepada pembeli tempatan dan mengeksport ke 30 negara dengan jualan 177,374 tan metrik (90%) bernilai RM721.44 juta (101%) berbanding sasaran. Sasaran penjualan berbanding penjualan sebenar adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Sasaran Dan Pencapaian Penjualan Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Tahun	Sasaran		Sebenar	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta)
2001	29,500	75.60	19,910	47.18
2002	25,760	63.99	24,298	72.35
2003	25,667	79.91	29,591	116.86
2004	29,490	119.47	43,649	207.57
2005	49,170	221.56	59,926	277.48
Jumlah	159,596	560.53	177,374	721.44

Sumber : Fail Laporan Tahunan Lembaga

Pada pendapat Audit, proses pemasaran produk telah dibuat dengan sempurna dan memuaskan.

10.2.12 Guna Tenaga Dan Latihan

Semakan Audit mendapati struktur pengurusan Lembaga diketuai oleh Pengurus Besar (Gred 54) dan dibantu oleh 5 Timbalan Pengurus Besar serta 481 anggota. Lima bahagian utama telah diwujudkan yang diketuai oleh seorang Timbalan Pengurus Besar bagi setiap bahagian terdiri daripada Bahagian Pentadbiran, Kewangan, Operasi Perindustrian, Kemajuan Pekebun Kecil dan Skim Penempatan Getah. Carta organisasi Lembaga telah dirangka serta menunjukkan dengan jelas fungsi dan hubung kait antara satu sama lain. Semakan juga mendapati peranan setiap bahagian dan unit telah dijelaskan dengan terperinci dalam manual bagi setiap Bahagian. Selain itu, semua kategori jawatan bagi 487 perjawatan telah diisi. Semakan Audit terhadap struktur pengurusan mendapati perkara berikut:

a) Bahagian Operasi

Pelaksanaan aktiviti Skim Pekebun Kecil dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Kemajuan Pekebun Kecil (KPK) dan Bahagian Operasi (BOP) Perindustrian. Bahagian ini masing-masing diketuai oleh seorang Timbalan Pengurus Besar yang bertanggungjawab terus kepada Pengurus Besar. Bahagian KPK bertanggungjawab terhadap aktiviti meliputi pemilihan kawasan/peserta dan pembangunan kawasan. Manakala BOP pula dipertanggungjawabkan bagi aktiviti pengutipan/pembelian hasil getah peserta dan memasarkan hasil getah dalam dan

luar negeri. Semakan Audit terhadap bahagian KPK dan BOP berkaitan guna tenaga mendapati perkara berikut:

i) Peringkat Pengurusan Lembaga

Penempatan pegawai dan kakitangan di Bahagian KPK dan BOP Ibu Pejabat Lembaga telah dibuat berdasarkan kelayakan, kepakaran dan pengalaman. Analisis terhadap 11 kakitangan di peringkat pengurusan dan profesional mendapati seorang memiliki Ijazah Sarjana Sains Pertanian dan 3 kakitangan adalah masing-masing berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Sains Perniagaan Tani dan Perakaunan. Seorang mempunyai Diploma Pembangunan Pentadbiran manakala 6 yang lain di peringkat Sijil Vokasional Pertanian. Usia kakitangan adalah antara 41 hingga 57 tahun, manakala purata pengalaman bekerja ialah 26 tahun. Ini menunjukkan bahawa anggota Lembaga telah matang dan memerlukan barisan pelapis untuk memastikan wujudnya keseimbangan dan perancangan sumber manusia.

Pada pendapat Audit, pengurusan dan keperluan tenaga kerja di peringkat Ibu Pejabat Lembaga adalah mencukupi, berkelayakan dan berpengalaman bagi menguruskan pelaksanaan aktiviti Skim Pekebun Kecil.

ii) Peringkat Wilayah/Daerah

Setiap pejabat wilayah atau daerah telah mewujudkan carta organisasi seperti di ibu pejabat. Semasa lawatan Audit ke pejabat Lembaga wilayah/daerah mendapati bahagian KPK dan BOP ada diwujudkan dan ditunjukkan dengan jelas dalam carta organisasi. Didapati struktur pengurusan Lembaga Wilayah Beaufort mempunyai 51 anggota yang dibahagikan kepada bahagian KPK dan BOP di mana KPK Wilayah Beaufort meliputi daerah Membakut, Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu serta Bongawan yang diketuai oleh Pegawai Wilayah Gred G41 dan dibantu oleh 2 Pegawai Pengguna Daerah Gred G32 dan 2 pegawai gred G27 serta kakitangan sokongan pelbagai kategori. Manakala bahagian BOP telah dibahagikan kepada 2 unit yang terdiri daripada Unit Pembelian Getah dan Unit Pembelian Susu Getah. Unit Pembelian Getah, Beaufort diketuai oleh Ketua Unit Gred G22 dan 21 kakitangan sokongan. Unit Pembelian Susu Getah, Beaufort pula diketuai oleh Ketua Unit Gred G22 dan 10 kakitangan sokongan. Carta organisasi KPK Wilayah Beaufort telah disediakan dengan sempurna dan teratur kecuali tidak ada tarikh kuatkuasa. Selain itu, didapati sebahagian besar kakitangan sokongan Unit Pembelian Getah/Susu Getah bergaji harian untuk menguruskan wang pusingan berjumlah sehingga RM900,000 sebulan untuk pembelian getah/susu getah.

- Komposisi Anggota Di Peringkat Wilayah/Daerah.**

Analisis Audit mendapati komposisi pegawai dan kakitangan KPK dan Unit Pembelian Getah antara daerah adalah tidak seimbang dan dinyatakan seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Perjawatan Antara Daerah Sehingga 31 Disember 2005

Daerah	Bilangan Kakitangan		Kawasan Tanaman Getah (Hektar)
	KPK	BOP	
Keningau	10	24	1,832.50
Tenom	6	9	1,452.69
Beaufort	7	33	1,186.04
Sipitang	3	8	2,085.32
Tawau	4 (*)	(*)	470.13

Sumber : Fail Perjawatan Lembaga

Nota (*) : Kakitangan Yang Sama Bagi KPK dan UPG

KPK = Bahagian Kemajuan Pekebun Kecil

BOP = Bahagian Operasi Perindustrian

Selain itu, majoriti pegawai dan kakitangan pejabat Wilayah/Daerah mempunyai kelayakan peringkat Menengah dengan pengalaman bekerja 5 hingga 30 tahun. Sebahagian besar kakitangan BOP iaitu di Unit Pembelian Getah / Susu Getah adalah kakitangan bergaji hari.

Pada pendapat Audit, sumber tenaga kerja di Unit Pembelian Getah / Susu Getah perlu disusun semula dengan menempatkan seorang pegawai yang mempunyai asas kelayakan minima perakaunan atau jawatan pembantu akauntan bagi menguruskan urusan pembelian yang melibatkan wang pusingan berjumlah antara RM20,000 hingga RM900,000.

b) Latihan

Bagi meningkatkan kecekapan, anggota Lembaga dari pelbagai kategori telah diberi latihan dari semasa ke semasa. Mengikut rekod, anggota Lembaga Gred 27 dan Gred 17 diberikan latihan dengan menghadiri seminar dan kursus yang dianjurkan sama ada di Kota Kinabalu, Keningau atau Tenom. Manakala sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2005, Pembantu Pembelian dan Pemandu telah diberikan 3 kali kursus Pembantu Pembelian. Melalui kursus ini, anggota berkenaan didedahkan dengan perkara yang perlu dibuat semasa urusan pembelian hasil getah. Bagi menguji kecekapan mereka, satu ujian berbentuk soalan aneka pilihan diberikan kepada mereka.

Pada pendapat Audit, latihan dan jenis kursus yang diberikan kepada anggota yang terlibat adalah mencukupi.

10.2.13 Prestasi Kewangan

Pihak Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2005, Lembaga telah menganggarkan sejumlah RM81.47 juta diperlukan bagi melaksanakan projek yang dirancang termasuk kos latihan pekebun kecil. Pemeriksaan lanjut Audit mendapati sepanjang tempoh yang sama Lembaga telah menerima peruntukan sejumlah RM44.14 juta. Peruntukan tersebut diperolehi daripada pelbagai sumber terdiri daripada peruntukan Persekutuan berjumlah RM21.65 juta, peruntukan Negeri RM13.01 juta dan ses hasil penjualan getah RM9.48 juta. Ini bermakna pihak Lembaga hanya menerima 54.2% daripada jumlah yang diperlukan bagi tempoh yang sama. Lembaga telah membelanjakan 100% bagi peruntukan yang diterima daripada Persekutuan, Negeri dan pendapatan ses getah yang diperuntukkan bagi skim ini. Butiran terperinci seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Peruntukan Di Mohon, Diterima Dan Dibelanjakan
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Perihal	Persekutuan (RM juta)	Negeri (RM juta)	Ses (RM juta)	Jumlah (RM juta)
Jumlah Peruntukan Dipohon	39.91	34.26	11.30#	81.47
Jumlah Peruntukan Diterima/Diperolehi	21.65	13.01	9.48*	44.14
Jumlah Peruntukan Dibelanja	21.65	13.01	9.48**	44.14
% Perbelanjaan	100	100	100	100***

Sumber: Rekod Lembaga

Nota: #anggaran pendapatan ses

*Jumlah ses diterima

**Amaun ses yang dibelanjakan untuk Skim Pekebun Kecil

*** Peratus perbelanjaan adalah antara peruntukan diterima dan dibelanjakan

Analisis selanjutnya telah dibuat bagi membandingkan pencapaian kewangan dengan pencapaian fizikal projek. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2001 hingga 2005, pihak Lembaga membangunkan kawasan seluas 2,812.83 hektar bagi tanam semula dan 4,050 hektar projek tanam baru getah. Berdasarkan kos pembangunan kawasan bagi sehektar adalah RM7,852, maka kos bagi pembangunan tanam semula adalah RM22.09 juta, manakala kos tanaman baru RM31.80 juta di mana kos keseluruhan berdasarkan norma adalah RM53.89 juta. Namun demikian, mengikut perkiraan Audit kos keseluruhan sebenar adalah RM44.14 juta iaitu berdasarkan keluasan sebenar pelaksanaan projek 6,862.83 hektar dengan kos RM6,431 iaitu kurang RM1,420 berbanding anggaran kos RM7,852 sehektar.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah berjaya membangunkan kawasan dengan baik walaupun peruntukan yang diperolehi hanya 54.2 % daripada keperluan kewangan dipohon.

10.2.14 Penyelenggaraan Rekod

Setiap rekod atau dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan projek tanam semula dan tanaman baru getah secara berkelompok perlu diselenggarakan dengan kemas kini bagi memudahkan setiap pegawai menyempurnakan tugas dengan berkesan dan teratur. Antara rekod atau dokumen yang perlu ada adalah seperti berikut:

a) Peraturan Dan Prosedur

Setiap peraturan, garis panduan dan prosedur perlu ada bagi melaksanakan sesuatu tugas dengan sempurna dan teratur. Semakan Audit mendapati peraturan dan prosedur pelaksanaan projek tanaman getah berkelompok telah didokumenkan dan disimpan selamat untuk rujukan setiap pegawai dan kakitangan.

i) Daftar Permohonan

Mengikut prosedur kualiti setiap permohonan bagi projek tanaman getah berkelompok hendaklah didaftarkan. Semakan Audit mendapat pejabat Wilayah/Daerah yang dilawati ada menyelenggara fail permohonan tetapi tidak lengkap di mana status permohonan dan bilangan sebenar pemohon sukar dikesan dan perlu merujuk berbagai dokumen untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, fail tersebut hanya mengandungi maklumat permohonan yang dihantar ke Ibu Pejabat dan diluluskan sahaja. Perkara ini telah menjasaskan kelancaran pengauditan untuk mendapatkan maklumat.

ii) Rekod Pembelian Getah

Bagi tujuan kawalan terhadap pembelian hasil getah dan bayaran, suatu daftar atau rekod perlu diselenggarakan. Semakan Audit mendapati Unit Pembelian Getah / Susu Getah Daerah yang dilawati ada menyelenggara rekod pembelian seperti buku tunai, resit pembelian, rekod pembelian, laporan pembelian harian/bulanan/tahunan bagi daerah dan fail penyesuaian baki wang pusingan serta tuntutan balik bayaran. Semua dokumen dan rekod pembelian getah tersebut telah diselenggarakan dengan memuaskan dan teratur oleh pegawai yang bertanggungjawab kecuali pejabat Wilayah Tawau.

b) Rekod Benih Getah

Salah satu proses kerja projek tanaman getah berkelompok ialah penanaman benih getah. Bagi tujuan ini satu rekod mengenai pesanan dan terimaan benih getah dari tapak semaiian Lembaga hendaklah diselenggarakan. Semakan Audit mendapati Rekod Penerimaan Dan Pengeluaran Benih Getah ada diselenggarakan di setiap daerah dan diselenggarakan dengan teratur dan memuaskan. Benih Getah yang diterima terus dikeluarkan ke blok projek untuk penanaman dan tidak ada disimpan sebagai stok. Dokumen penghantaran juga telah difailkan mengikut blok projek tanaman.

c) Rekod Bekalan Peralatan

Pelaksanaan projek tanaman getah berkelompok juga melibatkan bekalan peralatan antaranya mangkuk susu, pisau penoreh, mesin gilingan, baja, racun dan dawai penyangkut mangkuk susu. Bagi tujuan ini rekod atau buku stok peralatan perlu diselenggarakan. Semakan Audit mendapati pejabat Wilayah / Daerah Lembaga ada menyelenggara daftar stok peralatan dengan lengkap dan teratur. Selain itu, didapati pemeriksaan fizikal stok juga ada dijalankan oleh pegawai yang bertanggungjawab dan pemeriksaan Audit juga mendapati baki fizikal bersamaan dengan baki buku. Bagaimanapun, stor simpanan baja pejabat Wilayah Tawau adalah tidak memuaskan dan sempurna kerana digunakan juga untuk simpanan getah mentah yang dibeli sebelum proses penghantaran ke Kilang di Tuaran. Manakala stor simpanan racun, tayar dan peralatan lain termasuk barang usang ditempatkan di ruang bawah kuarters kediaman kakitangan.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod oleh Lembaga adalah memuaskan. Namun begitu, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dengan melengkapkan rekod permohonan peserta sama ada yang dilulus atau ditolak.

10.2.15 Pengangkutan Dan Kemudahan Lain

a) Pengangkutan

i) Adalah penting bagi memastikan penyeliaan, pengangkutan benih dan hasil getah peserta dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Untuk itu bilangan kenderaan yang mencukupi dan sesuai adalah penting. Semakan Audit mendapati susu getah dan getah mentah perlu diangkut setiap hari termasuk hari kelepasan manakala penyeliaan dibuat setiap minggu. Selain itu, benih getah juga perlu di hantar dari semasa ke semasa sama ada untuk tanaman baru atau tanam gantian. Setakat bulan Oktober 2005, pejabat Lembaga Wilayah Beaufort perlu mengawal kawasan seluas 7,472.70 hektar terdiri dari daerah Bongawan, Membakut, Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu dengan 2,627 peserta dan lingkungan 148 blok tanaman getah berkelompok. Namun demikian pejabat wilayah tersebut hanya dibekalkan dengan 14 kenderaan terdiri dari 6 pacuan 4 roda dan 8 lori. Umur kenderaan tersebut adalah antara 5 hingga 12 tahun. Daripada temu bual dengan pegawai dan kakitangan menunjukkan kenderaan yang ada walaupun masih boleh digunakan tetapi bilangannya tidak mencukupi. Bagi tujuan mengimbangi kenderaan dengan keluasan kawasan, Pejabat Lembaga Wilayah Beaufort telah memohon tambahan kenderaan tetapi masih belum diluluskan. Manakala di daerah Tenom semakan Audit mendapati Bahagian KPK Tenom hanya mempunyai 2 kenderaan pacuan 4 roda jenis *Toyota Land Cruiser* tidak mencukupi kerana keluasan kawasan projek yang besar iaitu daerah Tenom (3,261.20 hektar), daerah kecil Kemabong (2,200.21 hektar) dan daerah Kuala Tomani (1,400.00 hektar).

- ii) Pejabat Lembaga Tenom telah memohon tambahan kenderaan tetapi masih belum diterima. Sementara itu, Unit Pembelian Tenom mempunyai 2 Toyota *Land Cruiser Pick-Up* pacuan 4 roda, sepuluh lori Isuzu NPR 4 Tan dan sebuah Traktor Kubota. Semua lori Isuzu NPR tersebut digunakan untuk membuat pembelian hasil getah pekebun kecil di semua kawasan terlibat dan dibawa ke Kilang Lembaga Tenom. Hasil temu bual dan soal selidik Audit dengan 8 orang pekebun kecil getah menyatakan berlaku kelewatan antara 1 hingga 2 hari daripada jadual pembelian getah. Alasan kelewatan yang dimaklumkan oleh pembantu pembelian ialah kenderaan terlalu lama dan kerap mengalami kerosakan dan keluasan kawasan yang diliputi. Analisis Audit terhadap penyenggaraan 2 buah kenderaan iaitu kenderaan SA 8049 T dan SA 9206 K yang berusia masing-masing 9 dan 15 tahun bagi tempoh tahun 2001 hingga bulan Mei 2005 telah dibuat. Hasil analisis mendapati kos penyenggaraan adalah masing-masing berjumlah RM17,050 dan RM22,831.
- iii) Unit Pembelian Susu Getah Wilayah Beaufort/Papar mempunyai 19 kenderaan pacuan 4 roda *Toyota Land Cruiser* bagi membeli susu getah di 6 daerah dengan keluasan kawasan iaitu daerah Papar (2,198.09 hektar), daerah kecil Bongawan (1,204.55 hektar), daerah Membakut (1,098.10 hektar), daerah Beaufort (1,221.29 hektar), daerah Kuala Penyu (1,846.79 hektar) dan daerah Sipitang (2,101.97 hektar).
- iv) Pengangkutan swasta digunakan untuk menghantar getah mentah ke kilang di Tuaran. Pengesahan penghantaran getah adalah berdasarkan kuantiti yang diperakurkan oleh pihak kilang sahaja kerana kenderaan untuk pengawasan penghantaran digunakan untuk pembelian getah.

b) Kemudahan Lain

Pusat Memproses Getah Berkelompok (Pusat Memproses) dibina bertujuan memproses susu getah menjadi getah kepingan yang tidak diasap. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengatasi kesulitan memungut susu getah bagi kawasan yang jauh dari kilang memproses getah. Pusat ini digunakan oleh Lembaga sebagai lokasi pengutipan hasil torehan. Pusat Memproses ini dilengkapi dengan perkakas seperti mesin gilingan, acuan pembekuan, tangki air dan peralatan lain yang berkaitan. Semakan Audit mendapati setakat tarikh lawatan mendapati perkara berikut:

- i) KPK Wilayah Beaufort telah membina 60 Pusat Memproses bagi 45 Blok BN/BR iaitu 7 di daerah Membakut (7 blok), 8 di daerah Beaufort (7 blok), 32 di daerah Sipitang (20 blok) dan 13 di daerah Kuala Penyu (11 blok).

- ii) KPK Wilayah Keningau telah membina 104 Pusat Memproses di 66 Blok BN/BR iaitu 48 di daerah Keningau (30 blok), 6 di daerah Tambunan (3 blok), 32 di daerah Tenom (19 blok) dan 18 di daerah kecil Sook (14 blok).
- iii) KPK Wilayah Tawau telah membina 4 Pusat Memproses di blok Kampong Inderasabah dan blok Kampong Mantadak Baru.

Bagi tujuan pengesahan lawatan Audit telah dibuat di blok Kampung Kalibatang, Tenom dan blok Kampung Katipoh, Sipitang. Mengikut rekod terdapat 4 Pusat Memproses dibina dengan purata sebuah bagi setiap 13 hektar kawasan untuk kegunaan 10 pekebun kecil blok Kampung Kalibatang. Manakala 3 Pusat Memproses dibina di kawasan seluas 50.59 hektar dengan penggunaan purata 6 pekebun kecil dan sebuah Pusat Memproses di kawasan seluas 16.86 hektar. Bilangan Pusat Memproses adalah selaras dengan norma yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 5 Pekebun Kebul Kecil bagi satu Pusat Memproses. Berdasarkan pemeriksaan Audit mendapati pusat tersebut telah dibina di lokasi yang bersesuaian bagi tujuan peserta memproses getah keping. Salah satu Pusat Memproses yang telah dilawati di daerah Sipitang adalah seperti di **Foto 15**.

Foto 15
Pusat Memproses Getah Beku



Sumber : Fail Gambar Jabatan Audit Negara

Lokasi : Blok Pasir Putih, Sipitang

Tarikh : 10 Ogos 2005

Pada pendapat Audit, untuk meningkatkan kecekapan pelaksanaan dan pemantauan projek, kemudahan pengangkutan KPK dan Unit Pembelian

Getah / Susu Getah Daerah perlu ditambah. Mengikut maklumbalas Lembaga, Lembaga telah menambah 18 buah kenderaan pada tahun 2005 dan 14 buah lagi pada tahun 2006. Lembaga juga telah melaksanakan pembinaan Pusat Memproses Getah Beku dengan memuaskan dan teratur serta menepati garis panduan dan telah memberi manfaat kepada pekebun kecil.

10.2.16 Kutipan Hasil Getah

Jadual pengutipan getah adalah penting supaya hasil torehan peserta dapat dikutip dengan segera agar kualitinya tidak tercemar. Selain itu lokasi kutipan dan jadual tersebut perlulah dimaklumkan kepada peserta supaya bersedia pada tarikh pungutan yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit di 5 daerah mendapat jadual lengkap yang mengandungi butiran seperti lokasi pungutan, hari pungutan, nombor kenderaan dan nama pemandu dan pembantu pembelian ada disediakan. Pusat Memproses Getah Berkelompok dijadikan lokasi pengutipan hasil torehan peserta. Semakan lanjut dan mengikut maklum balas daripada peserta mendapat jadual tersebut ada dimaklumkan dan peserta tahu mengenai jadual kutipan tersebut.

Pada pendapat Audit, proses pengutipan oleh Lembaga adalah memuaskan dan teratur serta selaras dengan kehendak prosedur kualiti Lembaga.

10.2.17 Latihan Dan Kursus Pekebun Kecil

Mengikut surat perjanjian sebelum blok projek tanaman getah diserahkan balik kepada peserta, mereka perlu menghadiri kursus seperti ditetapkan. Latihan ini bertujuan supaya peserta mahir terhadap teknik dan tatacara penorehan serta proses pembekuan seterusnya penjualan hasil torehan. Semakan Audit mendapat rekod latihan dan kursus ada disediakan di mana latihan dan kursus dijalankan sama ada di Pusat Latihan LIGS Tuaran atau latihan in-situ di blok tanaman masing-masing. Bagaimanapun, pengesahan terhadap Daftar Latihan Pusat Latihan Tuaran bagi tempoh tahun 2001 hingga bulan Julai 2005 menunjukkan bilangan pekebun kecil menghadiri kursus kurang berbanding bilangan peserta blok tanaman getah. Namun begitu pemeriksaan lanjut Audit terhadap rekod latihan in-situ di blok tanaman yang dilawati mendapat latihan telah diberikan kepada semua peserta sebagai contoh di blok Kampung Kalibatang, Tenom terdapat 40 peserta telah diberikan kursus berbanding 19 peserta berdaftar. Peserta kursus selebihnya adalah bakal penoreh yang terdiri dari ahli keluarga peserta. Semua peserta telah diberikan asas latihan penorehan dan memproses getah mentah. Mengikut maklum balas Lembaga, semua bakal penoreh di blok tersebut diberikan kursus bagi membolehkan mereka mahir terhadap teknik penorehan yang betul agar pokok getah tidak rosak serta produktiviti bertambah dan tahap jangka hayat ekonomi pokok getah dapat bertahan antara 25 hingga 30 tahun.

Pada pendapat Audit, Latihan yang diberikan telah memberikan manfaat kepada peserta.

10.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang sistematik dan berterusan adalah penting supaya masalah pelaksanaan projek dapat dikenal pasti dan diselesai dengan segera. Semakan Audit mendapati langkah dan kaedah pemantauan telah dinyatakan dengan lengkap pada Manual Pengurusan KPK dan Manual Pengurusan BOP. Pemantauan ini melibatkan 2 peringkat iaitu di peringkat Ibu Pejabat Lembaga dan peringkat Pejabat Lembaga Wilayah/Daerah. Pemeriksaan Audit terhadap rekod pemantauan projek mendapati perkara berikut:

10.3.1 Peringkat Ibu Pejabat Lembaga

Bahagian KPK telah menyediakan Laporan Perbelanjaan Bulanan dan dikemukakan kepada Pengurus Besar untuk memantau perbelanjaan projek, Laporan tahunan pula dibentangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Bahagian Dan Keutuhan. Manakala aspek pembelian dan pemasaran pula, Bahagian BOP telah menyediakan laporan pembelian secara bulanan dan tahunan untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan Lembaga.

10.3.2 Peringkat Wilayah/Daerah

Di peringkat Wilayah/Daerah pula, Bahagian KPK memantau secara mingguan dan bulanan terhadap pelaksanaan projek tanaman getah bagi setiap proses iaitu bermula daripada proses permohonan sehingga blok tanaman diserahkan balik untuk penorehan termasuk aspek latihan. Laporan pemantauan tersebut telah disediakan dan dihantar ke Ibu Pejabat bagi tujuan pembentangan di mesyuarat Ketua Bahagian. Selain itu, terdapat juga mesyuarat antara Pegawai Wilayah dan Pegawai Pengguna Daerah yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengurus Besar Bahagian KPK sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Adalah didapati minit mesyuarat berkenaan ada membincangkan aspek pemantauan yang perlu dibuat bagi memastikan matlamat projek tanaman getah berkelompok tercapai. Bagaimanapun, laporan Bahagian BOP Daerah iaitu Unit Pembelian Getah dan Susu Getah dikemukakan terus kepada Timbalan Pengurus Besar BOP dan bukan Pegawai Wilayah/Daerah.

Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan Bahagian BOP Daerah perlu diberi penekanan khusus kerana melibatkan urusniaga tunai yang besar dan pemantauan oleh pihak Wilayah/Daerah adalah lebih sesuai dan teratur. Bagi tujuan ini disarankan supaya Pegawai Wilayah/Daerah juga diberi tanggungjawab untuk memantau Bahagian BOP Wilayah/Daerah.

10.3.3 Pemantauan Impak

Pemantauan impak dibuat bertujuan untuk mengukur sama ada peserta yang menyertai aktiviti Skim Pekebun Kecil telah mencapai matlamatnya dari segi pendapatan dan pengeluaran. Mengikut Manual Pengurusan kajian pemantauan impak hendaklah dibuat secara berkala iaitu 3 bulan selepas menjalani latihan penorehan, 6 bulan selepas kajian pertama dan 2 kajian seterusnya dibuat bagi setiap 9 bulan.

Semakan Audit mendapati pihak Lembaga belum lagi menjalankan kajian bagi projek yang dilawati iaitu blok Kampung Kalibatang, Tenom, blok Kampong Pasir Putih, Sipitang dan blok Kampung Karangan 1, Beaufort.

Pada pendapat Audit, setiap projek perlulah dibuat kajian untuk membolehkan pencapaian dapat diukur dan dibandingkan dengan perancangan serta matlamat. Selain itu, tindakan pembetulan boleh diambil dengan segera.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Aktiviti Skim Pekebun Kecil projek tanam semula getah dan projek tanaman baru getah Skim Pekebun Kecil yang dilaksanakan secara berkelompok telah dilaksanakan dengan baik. Pencapaian dari aspek pertambahan kawasan tanaman getah dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil dapat mengimbangi sasaran yang ditetapkan. Selain itu, pendapatan Lembaga melalui skim ini telah melepas sasaran yang diunjurkan. Namun begitu, ianya boleh dipertingkatkan lagi. Sehubungan dengan itu, Lembaga adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

- a) Lembaga perlu mengkaji semula keperluan untuk menambah peruntukan kewangan pembangunan projek supaya lebih ramai pekebun kecil mendapat manfaat.
- b) Keperluan tambahan wang pendahuluan bagi proses pembelian supaya pihak Lembaga tidak berhutang demi menjaga imej Lembaga dan Kerajaan.
- c) Tambahan kenderaan untuk tujuan pembelian hasil getah dan pemantauan perlu disempurnakan bagi meningkatkan keberkesanan pembelian dan pemasaran getah.
- d) Pembangunan kawasan juga wajar meliputi seluruh Sabah supaya tidak berlaku daerah tertinggal dari halatuju dasar pertanian Negeri.
- e) Mengkaji semula Garis Panduan Skim Pekebun Kecil supaya memasukkan maklumat seperti pendapatan dan hak milik tanah. Ini adalah bagi memudahkan pengukuran impak projek dari segi pendapatan. Adalah disyorkan pendapatan pemohon dinyatakan dalam manual supaya salah satu matlamat dasar untuk meningkatkan pendapatan dapat diukur melalui perbandingan pendapatan.
- f) Pihak Lembaga perlu mewujudkan sistem perekodan pembelian susu getah mengikut nama pemilik yang sah supaya pendapatan bulanan yang diterima oleh pekebun kecil dapat diukur. Berdasarkan maklum balas Lembaga, bermula pada tahun 2006, Lembaga akan memilih satu blok bagi satu daerah sebagai contoh untuk melihat pencapaian peserta. Pemilihan ini akan dibuat secara bergilir bagi blok-blok daerah berkenaan.
- g) Sekiranya praktikal, rekod mengenai pembelian getah dan susu getah bagi setiap blok tanaman getah berkelompok perlu disediakan untuk memudahkan analisis pendapatan pekebun kecil projek tanaman getah berkelompok dibuat.

- h) Bagi tujuan untuk memastikan kepentingan kerajaan sentiasa terpelihara maka syarat sebagaimana lazimnya kontrak Kerajaan hendaklah dipatuhi dan kontrak tersebut perlulah di semak oleh Peguam Besar Negeri.

JABATAN TANAH DAN UKUR

PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH NEGERI

12. LATAR BELAKANG

12.1 Negeri Sabah mempunyai keluasan keseluruhan sejumlah 7.36 juta hektar dan ditadbir melalui 24 daerah. Dari 24 daerah berkenaan 7 Pejabat Tanah Daerah adalah diketuai oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah manakala 17 Pejabat Tanah Daerah yang lain diketuai oleh Pegawai Daerah selaku Penolong Pemungut Hasil Tanah. Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah (Jabatan) dipertanggungjawabkan mentadbir semua urusan tanah.

12.2 Objektif Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah terhadap pentadbiran tanah adalah untuk memastikan tanah diagih, diguna dan dibangunkan secara optimum ke arah menjana pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah serta memberi peluang kepada rakyat jelata terutama rakyat termiskin memiliki tanah bagi membantu mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi. Pemberimilikan tanah negeri adalah satu dari beberapa cara pelupusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Tanah negeri bermaksud tanah yang belum atau tidak direzabkan untuk keperluan awam atau dipajak atau bergeran atau dihuni oleh sesiapa secara sah mengikut undang-undang. Jenis geran yang dikeluarkan adalah *native title*, *field register*, *town lease*, *country lease*, *provisional lease* dan *strata title*. Geran Strata dikeluarkan kepada pemilik yang menduduki satu bangunan bertingkat yang dibangunkan di atas tanah yang bergeran *country lease*. Setakat bulan Disember 2005, sejumlah 315,743 *title* (hak milik) telah dikeluarkan yang melibatkan keluasan tanah 1.87 juta hektar.

12.3 Tanah negeri boleh dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu tanah bandar (*town land*) dan tanah luar bandar (*country land*). Pemberimilikan tanah bandar adalah melalui kaedah pelelongan atau kelulusan khas Ketua Menteri dan tanah luar bandar pula melalui permohonan. Tanah negeri boleh dipohon oleh individu, syarikat swasta, badan korporat, persatuan berdaftar dan agensi Kerajaan untuk tujuan tertentu seperti mengusahakan pertanian, perlombongan, perladangan, perumahan, perindustrian, pembangunan infrastruktur dan komersial.

13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada sistem penyampaian di Jabatan Tanah Dan Ukur telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

14. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pemberimilikan tanah negeri setakat tahun 2005. Tajuk

kajian ini dipilih adalah antara lain kerana ia merupakan salah satu aktiviti utama Jabatan Tanah Dan Ukur. Selain itu, aktiviti ini mempunyai implikasi yang besar terhadap pembangunan negeri dan juga bagi menjaga kepentingan awam terhadap kelewatian dalam proses pemberimilikan tanah. Pengauditan terhadap proses permohonan tanah dijalankan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur dan 4 daerah yang dipilih iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Ranau dan Kota Belud. Sebanyak 200 fail permohonan iaitu 100 fail di Ibu Pejabat dan 100 fail di daerah dipilih sebagai sampel pengauditan. Selain itu temu bual dengan pegawai yang berkenaan dijalankan bagi mendapat penjelasan lanjut. Pihak Audit juga memperolehi maklumat tambahan daripada jabatan teknikal dan agensi Kerajaan lain yang telibat dengan urusan pemberimilikan tanah iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perhutanan.

15. PENEMUAN AUDIT

15.1. PERANCANGAN

Jabatan Tanah Dan Ukur dipertanggungjawabkan merancang pengurusan pemberimilikan tanah untuk memastikan tanah diagih dan diguna secara optimum bagi menjana pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah. Aspek perancangan yang disemak adalah meliputi perkara berikut :

15.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Tanah adalah sumber yang terhad dan merupakan aset penting untuk pembangunan. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah Dan Ukur akan memastikan pemberimilikan tanah dibuat dengan cekap dan berkesan. Adalah menjadi Dasar Kerajaan Negeri untuk melupuskan tanah kepada yang berkelayakan mengikut jenis hak milik. Pemberimilikan tanah terdiri dari pajakan dan hak milik kekal. Tanah yang bergeran *native title* dan *field register* merupakan hak milik kekal hanya boleh dimiliki oleh anak negeri (*native*) Sabah. Bagaimanapun, ianya boleh dipajakkkan kepada bukan anak negeri atau syarikat untuk tempoh 30 tahun. Bagi tanah bergeran *town lease*, *country lease* dan *provisional lease* pula adalah merupakan pajakan bagi tempoh maksima 99 tahun. Dasar ini termaktub dalam Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah. Di samping itu, Kerajaan akan terus mengekalkan 60% kawasan tanah hutan yang terdiri antaranya hutan bakau, hutan belum matang, hutan tradisional, hutan pantai, hutan paya dan hutan tanah tinggi.

15.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Mengikut Perkara 74 dan Perkara 77 Bahagian 6 Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal tanah Negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan tidak tertakluk kepada Kanun Tanah Negara 1965. Pentadbiran tanah Negeri Sabah adalah mengikut Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah Tahun 1930 (Pindaan Tahun 1996). Ordinan ini meliputi antara lain kuasa meluluskan permohonan tanah, memberimilik dan mentadbir tanah luar bandar, tanah bandar, pungutan hasil dan perkara berkaitan

dengan penandaan, pengukuran dan sempadan tanah. Pada tahun 1996, Kabinet Negeri Sabah memberi mandat untuk meluluskan permohonan tanah berdasarkan kegunaan dan keluasan tanah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Mandat Meluluskan Permohonan Tanah

Bil.	Jenis Hak Milik	Kegunaan	Keluasan (Hektar)	Kuasa Melulus
1.	NT,FR	Akuakultur, Pertanian, Penternakan, Perikanan	Kurang 6	Pengarah Tanah
2.	NT,FR,CL,PL	Akuakultur, Pertanian, Penternakan, Perikanan	Kurang 50	JPTD
3.	NT,FR,CL,PL	Perindustrian, Perlombongan, Peladangan, dan sebagainya selain (1) di atas	Kurang 50	Ketua Menteri
4.	NT,FR,CL,PL	Semua tujuan	Lebih 50 Kurang 250	Ketua Menteri
5.	NT,FR,CL,PL	Semua tujuan	Lebih 250	Kabinet Negeri
6.	TL	Semua tujuan	Tiada Had	Ketua Menteri

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Nota: NT (Native Title), FR (Field Register), CL (Country Lease), TL (Town Lease), PL (Provisional Lease)

15.1.3 Garis Panduan Dan Peraturan

Jabatan ada menyediakan garis panduan bagi menerangkan prosedur dan proses pemberimilikan tanah negeri merangkumi antara lain carta aliran kerja memproses permohonan tanah, kadar yuran pendaftaran permohonan tanah, kuasa melulus permohonan tanah dan borang yang diguna pakai bagi proses pemberimilikan tanah, prosedur permohonan baru, tukar syarat dan pelelongan tanah negeri. Garis panduan ini telah diedarkan kepada semua 24 Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah untuk diguna pakai dalam urusan permohonan tanah.

15.1.4 Proses Pemberimilikan Tanah

Pemberimilikan tanah negeri sama ada bagi permohonan baru atau pelelongan akan diproses melalui 2 peringkat iaitu di peringkat daerah dan Ibu Pejabat. Bagi permohonan baru, permohonan tanah yang diterima dengan lengkap akan diproses dan diluluskan sehingga geran draf disediakan dalam tempoh 2 tahun selaras dengan Piagam Pelanggan Jabatan Tanah Dan Ukur.

a) Permohonan Baru

i) Di Peringkat Daerah

Permohonan akan dikemukakan kepada Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah bersama 6 salinan borang permohonan tanah Kerajaan yang diisi dengan lengkap berserta yuran pendaftaran. Setiap permohonan akan didaftar dan diberi nombor pendaftaran secara bersiri. Satu salinan borang tersebut dikemukakan oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah kepada Juruukur Daerah

untuk mendapat ulasan berhubung status tanah yang dipohon. Sekiranya kawasan yang dipohon sudah berhakmilik, permohonan akan ditolak dan dibatalkan. Jika tanah yang dipohon belum berhakmilik, Penolong Pemungut Hasil Tanah akan mengeluarkan dan mempamerkan notis di bawah Seksyen 13 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah untuk menentukan tidak ada tuntutan/bantahan terhadap permohonan tanah tersebut.

Penolong Pemungut Hasil Tanah juga mengedarkan satu salinan borang permohonan kepada jabatan teknikal berkenaan mengikut tujuan permohonan bagi mendapat ulasan. Laporan mengenai hasil pemeriksaan tapak tanah yang dijalankan oleh Merinyu Tanah juga disediakan oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah. Permohonan tanah bersama ulasan dari jabatan teknikal dan Laporan Merinyu Tanah kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Tanah Dan Ukur atau pegawai kanan lain yang diberi kuasa oleh Pengarah Tanah dan Ukur serta dianggotai oleh antaranya Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah, Wakil Jabatan Teknikal dan Ahli Dewan Undangan Negeri di daerah berkenaan.

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat 3 bulan sekali bagi membincangkan setiap permohonan tanah yang diterima oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah. Jawatankuasa diberi kuasa mempertimbang dan meluluskan semua permohonan tanah yang berkeluasan tidak melebihi 50 hektar bagi tujuan akuakultur, pertanian, penternakan dan perikanan. Jawatankuasa ini juga akan mempertimbang dan membuat sokongan kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur terhadap permohonan tanah bagi semua tujuan penggunaan yang keluasannya melebihi 50 hektar. Selain itu, Jawatankuasa akan membuat cadangan terhadap kawasan yang harus disimpan bagi kegunaan Kerajaan Negeri dan skim penempatan/perkampungan.


ii) Di Peringkat Ibu Pejabat

Permohonan tanah yang diterima dengan teratur selepas dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah akan diproses dalam tempoh 60 hari dan diperakukan oleh Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur sebelum dikemukakan kepada Setiausaha Hasil Bumi. Setelah kelulusan diperolehi daripada Ketua Menteri atau Kabinet Negeri, Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur akan menyediakan Surat Tawaran yang mengandungi semua syarat pajakan tanah dalam tempoh 30 hari kepada pemohon. Surat Tawaran hendaklah ditandatangani dihadapan saksi yang ditauliahkan mengikut seksyen 97 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah. Surat Tawaran yang telah ditandangani akan dikembalikan kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur.

Setelah menerima kelulusan permohonan tanah daripada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur, Bahagian Ukur akan menyediakan arahan pengeluaran *Survey Paper* (SP)/*Registered Survey Paper* (RSP) kepada Juruukur Daerah dalam tempoh 6 bulan dan satu salinan diserahkan kepada pemohon. Pemohon tanah boleh melantik juruukur berlesen dan membuat pembayaran upah ukur kepada Lembaga Juruukur Sabah. Juruukur berlesen memohon kertas ukur berdaftar (RSP) daripada Juruukur Daerah untuk mendapatkan arahan menjalankan pengukuran ke atas permohonan tanah tersebut. Mengikut Seksyen 19 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah, semua lot tanah hendaklah diukur dan tanda sempadan ditanam. Pengukuran akan dilaksanakan mengikut peraturan *Surveyors (Conduct of Title Survey) Regulation 1962*. Sekiranya pelan ukur yang dikemukakan oleh juruukur berlesen adalah teratur, Juruukur Daerah akan meluluskan pelan tersebut dan menyediakan Data Ukur dalam tempoh 12 bulan serta dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur untuk penyediaan Geran Draf Tanah. Geran Draf akan disediakan dalam dua salinan di Ibu Pejabat dalam tempoh 3 minggu.

Geran Draf dan *Memorandum of Payment* dikemukakan kepada pemohon untuk ditandatangani. Geran Draf yang ditandatangani dikembalikan kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur untuk ditandatangani berserta bayaran yang berkaitan untuk pendaftaran. Geran Draf dicop mohor Negeri (*Seal*) dan kemudian dikemukakan kepada Pendaftar Tanah. Selepas pendaftaran, barulah Geran Draf menjadi geran hak milik yang sah. Salinan asal geran tanah akan diserahkan kepada pemohon untuk simpanan dan salinannya akan disimpan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur. **Carta 1** menunjukkan proses pemberimilikan di Negeri Sabah.

Carta 1
CARTA ALIRAN PROSES PEMBERIMILIKAN TANAH DI NEGERI SABAH



Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Ukur

b) Pelupusan Tanah Bandar

Pelupusan tanah bandar dibuat melalui proses pelelongan atau mendapat kelulusan khas daripada Ketua Menteri selaras dengan Seksyen 55 Ordinan Tanah. Sebelum pelelongan dilaksanakan, notis pelelongan akan disediakan oleh Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur dan proses pelelongan dikendalikan oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah atau pegawai lain yang diberikuasa secara bertulis olehnya di daerah berkenaan. Harga rizab yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur mestilah diberitahu kepada pemohon sebelum proses pelelongan dimulakan pada tarikh yang dinyatakan dalam Notis Jualan/Lelongan.

Penolong Pemungut Hasil Tanah hendaklah mendaftar semua pembida yang berminat sebelum pelelongan dimulakan. Jika pembeli bertindak sebagai wakil orang lain, nama yang diwakilinya mestilah diberitahu. Pelelong hendaklah mengumumkan dengan jelas nama pembeli yang berjaya berdasarkan bidaan yang tertinggi. Pembeli dikehendaki menandatangani di Buku Jualan Lelong di mana semua butiran tanah yang ditawarkan direkodkan dalam buku tersebut. Sekiranya tidak ada bidaan dibuat atau lot ditarikbalik dari dilelong, fakta tersebut perlu dinyatakan dalam Buku Jualan Lelong. Penolong Pemungut Hasil Tanah akan memastikan pembayaran dibuat menurut terma Notis Pelelongan. Pembelian akan dibatalkan sekiranya pembeli gagal membuat pembayaran. Keputusan pelelongan hendaklah dilaporkan kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur bagi pengeluaran surat tawaran hak milik untuk dikemukakan kepada Setiausaha Hasil Bumi dan seterusnya kelulusan daripada Ketua Menteri.

15.1.5 Kaedah Pemberimilikan Tanah

Terdapat dua kaedah pemberimilikan tanah iaitu secara dirancang dan tidak dirancang. Kaedah pemberimilikan yang tidak dirancang adalah pemohon mengenalpasti kawasan dan seterusnya mengemukakan permohonan kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah di daerah berkenaan.

Bagi kaedah pemberimilikan secara dirancang, Jabatan Tanah Dan Ukur akan mengenalpasti kawasan yang hendak dibangunkan dan seterusnya menyemak permohonan yang telah dikemukakan oleh pemohon terhadap kawasan berkenaan dan membuat tawaran kepada pemohon tersebut.

15.1.6 Sasaran

Jabatan ada menyediakan sasaran terhadap urusan pemberimilikan tanah iaitu jumlah permohonan yang diproses dan premium dari jualan tanah. Pada tahun 2003, Jabatan merancang untuk memproses 40,000 permohonan pemberimilikan tanah. Jumlah yang sama juga disasarkan bagi tahun 2004 dan 2005. Matlamat sasaran yang ditetapkan adalah bagi membolehkan pihak pengurusan membuat tindakan awal dan pemantauan berterusan dalam usaha mempercepatkan pemprosesan permohonan dan mengenal pasti bebanan kerja.


15.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Guna Tenaga

Guna tenaga yang mencukupi, terlatih dan berpengalaman adalah perlu bagi meningkatkan kecekapan pengurusan Bahagian Pemberimilikan Tanah. Sehingga bulan November tahun 2005, Bahagian Pemberimilikan Tanah mempunyai 426 jawatan (termasuk di daerah) yang telah diluluskan dan di bawah tanggungjawab Timbalan Pengarah Gred J54 serta diketuai oleh Penolong Pengarah Tanah Gred J48. **Carta 2** menunjukkan struktur organisasi Bahagian Pemberimilikan Tanah.

Carta 2

Struktur Organisasi Bahagian Pemberimilikan Tanah Jabatan Tanah Dan Ukur



Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Ukur

b) Latihan

Latihan kepada kakitangan secara teratur dan berterusan akan mendedahkan mereka kepada idea baru dan memantapkan lagi organisasi. Bagi mencapai hasrat ini, Jabatan Tanah Dan Ukur merancang memberi latihan berkaitan urusan tanah kepada kakitangan antaranya seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Kursus Yang Dirancang Untuk Kakitangan
Bagi Tahun 2003 hingga 2005

Jenis Kursus	Gred Pegawai
Kursus Asas Ukur Tanah	Penyelia dan Kerani
Kursus Pejabat Tanah	PPHT dan Penyelia Pejabat Tanah
Kursus Pejabat Pembantu Teknik	Pembantu Teknik Ukur dan Penyelia Pejabat Lukisan
Kursus Ukur Kadastral	Juruteknik Ukur
Kursus Pelukis Pelan	Pelukis Pelan
Kursus Pengautomasian Ukur Kadastral (Juruukur Daerah)	Juruukur Daerah

Sumber: Rekod Jabatan Tanah Dan Ukur

15.1.8 Anggaran Hasil

Jabatan Tanah Dan Ukur akan memperolehi hasil melalui bayaran pendaftaran dan premium tanah. Di bawah Seksyen 46 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah, kadar bayaran pendaftaran tanah mengikut kategori dan keluasan tanah adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Kadar Bayaran Pendaftaran Tanah

Jenis Hak Milik	Keluasan (Hektar)	Bayaran Pendaftaran (RM)
Native	Kurang dari 6	5
Lease	Kurang dari 6	50
	Lebih dari 6 kurang dari 200	200
	Lebih dari 200 kecuali perumahan dan industri	500
	Lebih dari 200 untuk perumahan, industri dan komersial	1,000

Sumber: Rekod Jabatan Tanah Dan Ukur

Kadar premium tanah akan ditentukan oleh Bahagian Penilaian Jabatan Tanah Dan Ukur berdasarkan keluasan dan penggunaan tanah. Bagi pemberimilikan tanah *native title* tidak ada bayaran premium dikenakan. Pengukuran tanah yang dilakukan oleh kakitangan Jabatan Tanah Dan Ukur tidak dikenakan sebarang bayaran. Manakala tanah yang diukur oleh juruukur berlesen, kadar bayaran akan ditetapkan oleh Lembaga Jurukur Sabah. Pada tahun 2003 dan 2004, jumlah premium jualan tanah adalah berjumlah RM111.40 juta dan RM73.94 juta. Pada tahun 2005 pula, Jabatan Tanah Dan Ukur menganggarkan premium tanah adalah berjumlah RM100.50 juta.

15.1.9 Pengurusan Rekod Tanah

Penyelenggaraan dan penyimpanan rekod serta fail permohonan tanah yang lengkap, teratur dan kemas kini adalah penting bagi menentukan proses pemberimilikan tanah dapat dilaksanakan dengan lancar dan cekap. Untuk tujuan itu, Jabatan Tanah Dan Ukur menghendaki setiap Pejabat Tanah Daerah menyediakan daftar permohonan tanah bagi merekod semua permohonan tanah yang diterima. Semua maklumat bagi setiap peringkat pemprosesan tanah akan direkodkan dalam daftar berkenaan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, semua permohonan tanah yang diproses akan difailkan dengan teratur dan diberi nombor rujukan serta disimpan dengan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

15.1.10 Kaedah Pemantauan

Bagi memastikan pelaksanaan pengurusan pemberimilikan tanah diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mencapai sasaran yang dirancang, pemantauan yang rapi akan dibuat terhadap proses pelaksanaannya. Bagi tujuan tersebut Jabatan Tanah Dan Ukur telah menujuhkan Jawatankuasa berikut:

a) Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah

Jawatankuasa ini diwujudkan di peringkat daerah dan akan bermesyuarat 3 kali setahun bagi membincangkan setiap permohonan tanah yang diterima. Jawatankuasa ini boleh meluluskan permohonan tanah selaras dengan mandat yang telah diberi. Selain itu, Jawatankuasa ini juga akan memberi sokongan terhadap permohonan tanah untuk kelulusan di peringkat Ketua Menteri atau Kabinet.

b) Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis prestasi kerja Pejabat Tanah di daerah dan akan membuat cadangan kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur untuk penambahbaikan. Laporan Prestasi akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa tersebut. Antara kandungan Laporan Jawatankuasa ini adalah:

- i) Prestasi pemprosesan permohonan tanah di Pejabat Tanah Daerah
- ii) Analisis pungutan cukai tanah
- iii) Masalah mengenai pungutan cukai tanah

c) Pasukan Audit Dalaman

Pasukan Audit Dalaman Bahagian Tanah telah ditubuhkan bertujuan untuk memantau pengurusan pentadbiran tanah di daerah. Laporan pengauditan terhadap pengurusan pentadbiran tanah tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal untuk dibincangkan dalam mesyuaratnya.

Pada pandangan Audit, Jabatan Tanah Dan Ukur telah menyediakan perancangan yang menyeluruh dalam urusan pemberimilikan tanah. Aspek perundangan, garis

panduan, tenaga kerja dan latihan telah disediakan dengan teratur dan dijangka dapat membantu melaksanakan tanggungjawabnya untuk mencapai Dasar Kerajaan Negeri Sabah. Jabatan Tanah Dan Ukur juga telah mewujudkan jawatankuasa yang akan memantau pengurusan tanah untuk merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan.

15.2 PELAKSANAAN

15.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk melupuskan tanah kepada yang berkelayakan mengikut jenis hak milik. Pemeriksaan Audit mendapati, dasar ini telah dilaksanakan iaitu tanah yang bergeran *native title* dan *field register* telah diberimilik kepada anak negeri secara kekal dan tanah bergeran *town lease*, *country lease* dan *provisional lease* diberimilik secara pajakan.

Selain dari itu, Jabatan Tanah Dan Ukur juga telah mematuhi dasar Kerajaan bagi mengekalkan 4.4 juta hektar atau 60% daripada keluasan tanah Negeri Sabah iaitu seluas 7.36 juta hektar sebagai kawasan hutan. Bagi 4 daerah yang dilawati keluasan hutan adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Peratus Hutan Dibandingkan dengan Keluasan Tanah
Setakat Tahun 2005

Daerah	Keluasan Tanah (hektar)	Keluasan Hutan	
		Hektar	%
Kota Kinabalu	745,000	9,145	0.1
Kota Belud	138,560	2,894	2.1
Tawau	727,000	61,179	8.4
Ranau	197,850	98,699	49.9

Sumber: Rekod Jabatan Tanah Dan Ukur

Berdasarkan jadual di atas, daerah yang dilawati mempunyai keluasan hutan antara 0.1% hingga 49.9% iaitu jauh lebih rendah dari standard keluasan hutan yang ditetapkan bagi keseluruhan Negeri Sabah. Ini adalah disebabkan perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Pada pendapat Audit, Jabatan Tanah Dan Ukur telah melaksanakan proses pemberimilikan tanah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.

15.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Pengurusan tanah Negeri Sabah ditadbir mengikut Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah. Selain itu, Kabinet Negeri juga telah memberi mandat untuk meluluskan permohonan tanah mengikut keluasan dan kegunaan tanah yang dipohon.

- a) Mengikut Seksyen 9 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah yang diwartakan melalui Notis Warta 632/96, mandat dan kuasa daripada Kabinet Negeri untuk meluluskan permohonan tanah adalah berdasarkan kegunaan dan keluasan tanah. Sejumlah 100 fail permohonan telah dipilih untuk semakan Audit di peringkat daerah. Bagaimanapun, 75 fail permohonan telah dikemukakan untuk semakan dan baki 25 fail permohonan tidak dikemukakan. Semua 75 fail permohonan yang telah dikemukakan untuk semakan di peringkat daerah, telah disusul di peringkat Ibu Pejabat. Namun 35 fail permohonan atau 47% sahaja telah dikemukakan untuk semakan.

Semakan Audit terhadap 75 fail permohonan di peringkat daerah dan 35 fail di peringkat Ibu Pejabat mendapati kelulusan pemberimilikan tanah adalah mengikut perundangan dan mandat yang diberi selaras dengan Seksyen 9 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah yang diwartakan melalui Notis Warta 632/96. Berdasarkan 75 fail permohonan yang disemak, permohonan bagi tanah *native title*, *country lease* dan *town lease* adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Fail Permohonan Yang Disemak

Bil.	Daerah/Ibu Pejabat	Jenis Hak Milik				Jumlah	Catatan
		NT	CL	TL	Warta		
1.	PPHT, Ranau	20	1	-	2	23	-
2.	PPHT, Tawau	2	13	1	-	16	15 fail tidak diserah
3.	PPHT, K.Belud	13	7	-	-	20	
4.	PPHT, K.Kinabalu	11	-	5	-	16	10 fail tidak diserah
Jumlah		46	21	6	2	75	
5	Ibu Pejabat	30	-	5	-	35	40 fail tidak diserah

Sumber: Fail Jabatan Tanah Dan Ukur

- b) Mandat meluluskan permohonan tanah bagi tujuan pertanian dengan keluasan tanah di bawah 50 hektar boleh diluluskan di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Tanah Daerah. Semakan Audit di daerah Kota Belud mendapati mulai tahun 2005 Jawatankuasa Pembangunan Tanah Daerah tidak lagi diberi kuasa meluluskan permohonan tanah sebaliknya hanya membuat sokongan kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur untuk kelulusan. Peraturan ini dilaksanakan berikutan arahan daripada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur yang berkuatkuasa mulai tahun 2005. Bagaimanapun, arahan tersebut tidak dikeluarkan secara bertulis.

Pada pendapat Audit, arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur tidak selaras dengan kuasa dan mandat yang diberi oleh Kabinet Negeri seperti yang telah diwartakan.

15.2.3 Bahagian Penguatkuasa

Bahagian Penguatkuasa ditubuhkan adalah untuk memastikan semua pemilik tanah memenuhi dan mematuhi syarat geran tanah yang telah diluluskan. Fungsi utama bahagian ini adalah membuat pemeriksaan dan penyiasatan terhadap tanah bergeran yang disyaki tidak memenuhi syarat geran tanah yang telah diluluskan. Bahagian Penguatkuasa ini diketuai oleh Penguasa Tanah dan Ukur dan dianggotai seramai 25 orang kakitangan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati Bahagian ini tidak menjalankan penguatkuasaan terhadap pencerobohan dan pelanggaran syarat geran tanah. Pihak Audit difahamkan, pada masa ini Bahagian Penguatkuasa lebih menumpukan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah oleh syarikat kuari.

Seksyen 166 Bahagian IV Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah menetapkan bahawa pemohon tanah perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Tanah Dan Ukur terlebih dahulu sebelum menduduki dan mengusahakan tanah negeri atau tanah rezab. Seksyen itu juga menyatakan tanah yang diusahakan tanpa kelulusan adalah dianggap sebagai pencerobohan. Bagaimanapun, Seksyen 15 Bahagian 1 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah mengecualikan anak negeri dari Seksyen 166 di atas. Semakan Audit terhadap 12 fail permohonan tanah *Country Lease* di daerah Tawau mendapati 4 daripadanya telah diusahakan oleh pemohon sebelum mendapat kelulusan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Tanah Country Lease Yang Diceroboh

Bil.	Nama Pemohon	No. Permohonan Tanah	Jenis Hak Milik/ Keluasan Dimohon/ Kawasan Dimohon	Status Permohonan	Catatan (Laporan Merinyu Tanah seperti yang dicatatkan dalam minit mesyuarat JPTD)
1.	John Lim Vui Kiong	PT.98100076	CL / 6 hektar Sungai Burong	Ditangguhkan untuk pemeriksaan semula dengan Jabatan Hutan, Perikanan dan Juruukur Daerah	Semua kawasan telah diusahakan oleh pemohon dengan tanaman kelapa sawit yang berumur lebih kurang 6 tahun.
2.	Ho Sue Yin	PT 87100243 dan 87100246	CL / 6 hektar Sungai Merotai Kanan	Ditangguhkan untuk rujukan Jabatan Pengairan dan Saliran	5 ekar telah diusahakan dengan tanaman kopi berumur lebih kurang 10 hingga 12 tahun.
3.	Ng Ha Kee	PT 99100187	CL / 8.093 hektar Bergosong Pulau Sebatik	Ditangguhkan untuk ulasan Jabatan Perhutanan	Kawasan telah diusahakan dengan tanaman kelapa sawit yang berumur 8 bulan.
4.	Kokolin Plantation (S) S/B	PT 94100053	CL / 4.046 hektar Brantian	Ditangguhkan untuk ulasan Jabatan Perhutanan.	Semua kawasan telah diusahakan oleh pemohon dengan tanaman kelapa sawit yang berumur 14 hingga 15 tahun.

Sumber : Minit mesyuarat JPTD dan fail Jabatan Tanah Dan Ukur

Mengikut Seksyen 166 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah menetapkan denda RM5,000 atau penjara 2 tahun dikenakan ke atas penceroboh. Namun demikian tidak ada bukti bahawa sebarang tindakan telah diambil walaupun perkara ini telah dibincangkan di mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah peringkat daerah. Semakan Audit juga mendapati bahawa Jabatan Tanah dan Ukur hanya mewujudkan Bahagian Penguatkuasa di peringkat Ibu Pejabat dan bertindak atas aduan sahaja. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan di peringkat daerah tidak dapat dilaksanakan dengan cekap serta menyeluruh.

Pada pendapat Audit, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Tanah Dan Ukur tidak melaksanakan fungsinya dengan berkesan.

15.2.4 Garis Panduan Dan Peraturan

Jabatan Tanah Dan Ukur menyediakan garis panduan yang menerangkan antara lain prosedur dan proses pemberimilikan tanah negeri. Garis panduan yang lengkap yang menerangkan prosedur dan proses pemberimilikan tanah perlu diagihkan kepada Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah di setiap daerah untuk rujukan pegawai tanah semasa menjalankan tugas memproses permohonan tanah.

Pemeriksaan Audit yang dijalankan di 4 Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Ranau dan Kota Belud mendapati garis panduan yang dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur adalah lengkap. Garis panduan tersebut telah dibekalkan ke pejabat berkenaan yang dijadikan panduan semasa memproses permohonan tanah.

Pada pendapat Audit Jabatan Tanah Dan Ukur telah mengambil tindakan wajar dengan mengedarkan garis panduan yang lengkap kepada semua Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah untuk kemudahan pelaksanaan kerja memproses permohonan tanah.

15.2.5 Proses Pemberimilikan Tanah

Mengikut prosedur dan proses pemberimilikan tanah yang ditetapkan dalam garis panduan, setiap permohonan akan melalui 2 peringkat iaitu di peringkat daerah dan Ibu Pejabat. Semua fail permohonan tanah yang diproses di peringkat daerah akan dikemukakan ke Ibu Pejabat untuk diproses sehingga geran draf dikeluarkan. Berdasarkan prosedur tersebut, pihak Audit telah menyemak 75 fail permohonan tanah yang diproses di 4 daerah hingga ke peringkat Ibu Pejabat. Lawatan Audit di 4 daerah iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Ranau dan Kota Belud mendapati perkara berikut:

a) Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan Jabatan Tanah Dan Ukur menetapkan permohonan tanah yang berjaya akan diproses dalam tempoh 2 tahun sekiranya dokumen adalah lengkap. Tempoh 2 tahun ini merangkumi 21 bulan di peringkat Ibu Pejabat dan 3 bulan di peringkat daerah iaitu daripada tarikh permohonan didaftarkan sehingga dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah. Semakan Audit terhadap permohonan tanah yang telah diluluskan di peringkat daerah dan Ibu Pejabat mendapati tempoh pemberimilikan tanah tidak mencapai standard yang telah ditetapkan dalam Piagam Pelanggan iaitu 2 tahun dari permohonan tanah didaftarkan sehingga geran draf dikeluarkan.

Semakan Audit terhadap 75 fail permohonan di peringkat daerah mendapati, proses permohonan tanah dari tarikh borang permohonan didaftarkan sehingga dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah mengambil masa yang lama. Analisis Audit mendapati, hanya 1 daripada 16 permohonan dapat diproses dalam tempoh 3 bulan dan 15 permohonan mengambil

masa 3 hingga 12 bulan, 9 permohonan mengambil masa 12 bulan hingga 24 bulan dan 38 permohonan mengambil masa melebihi 24 bulan, manakala maklumat di 12 fail permohonan tidak lengkap seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Tempoh Pemprosesan Permohonan Tanah di Peringkat Daerah

Daerah	Jumlah Fail Disemak	Bilangan Fail			
		<12 bulan	12 – 24 bulan	> 24 bulan	Maklumat Di Fail Tidak Lengkap
Ranau	23	-	-	18	5
Tawau	16	7	2	1	6
Kota Belud	20	3	1	15	1
Kota Kinabalu	16	6	6	4	-
Jumlah	75	16	9	38	12

Sumber : Fail Jabatan Tanah

Semakan Audit juga mendapati, daripada 38 permohonan yang mengambil masa melebihi 24 bulan tersebut adalah termasuk 6 permohonan yang melebihi 20 tahun.

Selain itu, didapati PPHT lewat mengemukakan surat untuk mendapatkan ulasan daripada Juruukur Daerah iaitu mengambil masa kurang 12 bulan untuk 36 permohonan, 12 hingga 24 bulan untuk 4 permohonan dan melebihi 24 bulan untuk 8 permohonan. Surat untuk mendapatkan ulasan daripada Jabatan Pertanian pula mengambil masa kurang 12 bulan untuk 11 permohonan, 12 hingga 24 bulan untuk 2 permohonan dan melebihi 24 bulan untuk 8 permohonan. Sementara itu, kelewatan juga berlaku semasa mengemukakan surat untuk mendapat ulasan daripada Jabatan Teknikal lain iaitu 6 permohonan mengambil masa kurang 12 bulan dan masing-masing 1 permohonan mengambil masa 12 hingga 24 bulan dan melebihi 24 bulan seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Tempoh PPHT Menghantar Surat Untuk Mendapat Ulasan Daripada
Juruukur Daerah Dan Jabatan Teknikal

Agensi	Bilangan Fail				
	<12 bulan	12 – 24 bulan	> 24 bulan	Maklumat Di Fail Tidak Lengkap	Jumlah
Juruukur Daerah	36	4	8	27	75
Jab. Pertanian	11	2	8	54	75
Jab. Hutan, JPS, MD, JKR (Jabatan Teknikal lain)	6	1	1	67	75

Sumber: Fail Jabatan

Nota : JPS :Jabatan Pengairan Dan Saliran

MD : Majlis Daerah

JKR :Jabatan Kerja Raya

Kelewatan juga berlaku disebabkan Juruukur Daerah dan Jabatan Teknikal mengambil tempoh masa yang lama untuk memberi ulasan kepada PPHT. Semakan Audit mendapati, Juruukur Daerah mengambil masa kurang 12 bulan untuk memberi ulasan terhadap 25 permohonan, 12 hingga 24 bulan terhadap 9 permohonan dan lebih 24 bulan bagi 14 permohonan. Jabatan Pertanian pula mengambil masa kurang 12 bulan untuk memberi ulasan terhadap 19 permohonan, 12 hingga 24 bulan terhadap 1 permohonan dan lebih 24 bulan bagi 2 permohonan. Selain itu, 6 permohonan mengambil masa kurang 12 bulan untuk diberi ulasan oleh Jabatan Teknikal yang lain. Butirannya adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Tempoh Juruukur Daerah Dan Jabatan Teknikal Memberi Ulasan

Agensi	Bilangan Fail			
	<12 bulan	12 - 24 bulan	>24 bulan	Maklumat Di Fail Tidak Lengkap
Juruukur Daerah	25	9	14	27
Pertanian	19	1	2	53
Jab. Hutan, JPS, MD, JKR (Jabatan Teknikal Lain)	6	-	-	69

Sumber: Fail Jabatan

Nota: JPS :Jabatan Pengairan Dan Saliran

MD : Majlis Daerah

JKR :Jabatan Kerja Raya

Semua 75 fail permohonan yang telah dikemukakan untuk semakan di peringkat daerah, telah disusul di peringkat Ibu Pejabat. Namun 35 fail permohonan atau 47% sahaja telah dikemukakan untuk semakan. Daripada 35 permohonan yang dikemukakan untuk semakan di peringkat Ibu Pejabat, sejumlah 5 permohonan diproses sehingga pengeluaran geran draf; 9 permohonan tanah masih di bahagian

pentadbiran Ibu Pejabat untuk dikeluarkan arahan; 7 permohonan telah dikeluarkan arahan ke Bahagian Ukur; 9 permohonan di peringkat Juruukur Daerah dan 5 permohonan ditolak.

Secara keseluruhannya semakan Audit di peringkat daerah dan Ibu Pejabat mendapati, kesemua permohonan telah tidak menepati standard tempoh 2 tahun yang ditetapkan iaitu dari permohonan diterima sehingga geran deraf dikeluarkan. 5 permohonan yang telah diproses sehingga geran deraf dikeluarkan mengambil tempoh masa antara 3 hingga 9 tahun bagi 3 permohonan dan baki 2 permohonan adalah 15 tahun dan 18 tahun masing-masingnya. Sementara itu, 70 permohonan lagi yang telah didaftarkan antara tahun 1979 hingga 2004 masih belum dikeluarkan geran deraf sehingga tarikh pengauditan dijalankan.

Semakan Audit seterusnya mendapati antara faktor standard tidak dapat dicapai adalah disebabkan oleh norma kerja setiap kakitangan terlibat tidak ditetapkan, tanah yang dipohon tidak sesuai untuk dimajukan semasa permohonan dibuat dan standard pemprosesan yang ditetapkan tidak realistik.

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan Tanah Dan Ukur mengambil tempoh masa yang terlalu lama untuk mengemukakan surat mendapatkan ulasan daripada Juruukur Daerah dan Jabatan Teknikal yang berkaitan. Maklum balas daripada Juruukur Daerah dan Jabatan Teknikal juga lewat diterima.

b) Proses Permohonan

Semua permohonan yang diterima perlu diproses mengikut garis panduan yang ditetapkan iaitu didaftarkan, ditandatangani oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah, dikemukakan kepada Juruukur Daerah dan Jabatan Teknikal yang berkaitan untuk mendapatkan ulasan serta dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah sama ada untuk kelulusan atau sokongan. Semakan Audit terhadap 75 fail permohonan daripada 4 daerah yang dilawati mendapati kesemua 75 permohonan tanah telah diproses melalui peringkat seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan. Lima permohonan dari jumlah tersebut memerlukan kelulusan Ketua Menteri.

c) Permohonan Yang Tidak Diproses

Semua permohonan yang diterima dengan lengkap hendaklah didaftar dan dikemukakan kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah untuk ditandatangani. Seterusnya permohonan yang telah mendapat ulasan daripada Juruukur Daerah dan Jabatan Teknikal akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah untuk kelulusan atau sokongan.

Semakan Audit di Pejabat Penolong Pemungut Hasil Daerah Ranau, Tawau dan Kota Belud mendapati sehingga Jun 2005, permohonan tanah yang diterima masih

belum diproses sepenuhnya masing-masing berjumlah 19,009, 3,836 dan 4,085 permohonan. Semakan terhadap borang dan Daftar Permohonan Tanah mendapati, semua permohonan tersebut hanya diproses di peringkat pendaftaran dan masih belum dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah. **Foto 16** menunjukkan sebahagian daripada 19,009 permohonan tanah di Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Ranau yang belum diproses.

Foto 16
Borang Permohonan Tanah Yang Belum Diproses



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 12 Julai 2005

Lokasi: Bilik Penyelia PPHT Ranau

Semakan Audit selanjutnya mendapati Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah pada keseluruhannya mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan iaitu 3 bulan sekali. Namun demikian kebanyakannya permohonan terpaksa ditangguh oleh kerana tanah tidak sesuai untuk dimajukan mengikut permohonan pada masa tersebut. Sebagai contoh, di Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah Tawau daripada 254 permohonan yang dibentangkan pada tahun 2004 hanya 4 permohonan diluluskan, 57 permohonan disokong untuk kelulusan di peringkat lebih tinggi dan 193 permohonan ditangguhkan.

d) Geran Belum Dituntut

Bagi pemohon yang berjaya, geran yang bersesuaian akan dikeluarkan dan diserahkan kepada pemilik. Pemilik dimaklumkan melalui surat pemberitahuan dan dipamerkan di papan kenyataan di Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah untuk dipungut. Geran akan diserahkan setelah pemilik membuat bayaran

premium dan cukai tahunan mengikut kadar yang ditetapkan. Semakan Audit di 3 daerah yang dilawati, mendapat sejumlah 402 geran yang tidak dituntut iaitu 152 di Daerah Ranau, 161 di Daerah Tawau dan 89 di Daerah Kota Belud.

Geran tidak dituntut adalah disebabkan oleh pemilik telah bertukar alamat dan tidak dapat dikesan, meninggal dunia atau gagal membuat bayaran premium. Kesannya sejumlah RM1.69 juta hasil dari bayaran premium yang tidak dapat dikutip daripada pemilik. **Foto 17** di bawah menunjukkan tanah yang telah diusahakan dengan tanaman kelapa sawit tetapi pemilik masih tidak menuntut geran yang telah tersedia.

Foto 17
**Tanah Telah Diusahakan Oleh Pemilik Dengan Tanaman Kelapa Sawit
Yang Berumur Antara 8 Hingga 10 Tahun**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 5 Ogos 2005

Lokasi: Kelumpang A, Daerah Tawau

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan Tanah Dan Ukur tidak mengambil tindakan yang positif untuk menyerahkan 402 geran kepada pemohon yang berjaya.

e) Penswastaan Kerja Pengukuran

Permohonan tanah *Native Title* yang telah diberi kelulusan akan melalui proses pengukuran. Kerja pengukuran ini akan dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan Tanah Dan Ukur. Bagaimanapun, atas sebab kekurangan kakitangan, sebahagian kerja pengukuran tidak dapat dibuat. Bagi menyelesaikan kerja pengukuran yang

terbengkalai, mulai tahun 1998 Jabatan Tanah Dan Ukur telah menswastakan kerja tersebut kepada Juruukur Berlesen. Kaedah penswastaan yang dilaksanakan adalah dengan mengikat kontrak secara tahunan. Antara syarat kontrak adalah menghendaki semua kerja pengukuran disiapkan dalam tempoh satu tahun dari tarikh kontrak ditandatangani. Bayaran akan dibuat berdasarkan peratusan kemajuan kerja yang telah dilaksanakan iaitu 60%, 25% dan 15%. **Jadual 28** menunjukkan prestasi penswastaan pengukuran tanah yang dimeterai pada tahun 1998 hingga 2005.

Jadual 28
Prestasi Penswastaan Pengukuran Tanah Bagi Tempoh Tahun 1998 Hingga 2005

Bil.	Tahun	Lot Tanah				*Tunggakan Bayaran (RM)
		Diswastakan	Telah Diukur	Sedang Diukur	Tidak Dapat Diukur	
1.	1998 hingga 2000	2,853	1,850	184	819	210,803
2.	2001 Fasa 1 Fasa 2	1,175 585	674 257	186 127	315 201	83,118 51,383
3.	2002	2,000	736	874	390	178,839
4.	2003	1,548	456	997	115	180,216
5.	2004	1,000	296	521	183	135,272
6.	2005	1816	16	1779	21	8,509
Jumlah		10,977	4,285	4,668	2,044	848,140

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

Nota: * Perbezaan Jumlah tuntutan berbanding jumlah telah dibayar

Dari Jadual di atas, kerja penswastaan pengukuran yang ditawarkan dari tahun 1998 hingga 2005 adalah sebanyak 10,977 lot. Daripada jumlah lot tanah yang diswastakan tersebut, 39% telah siap diukur, 42.5% sedang diukur dan 18.6% tidak dapat diukur. Jumlah bayaran yang masih belum dijelaskan dari tahun 1998 hingga 2005 adalah berjumlah RM848,140.

Pada pendapat Audit, Jabatan Tanah Dan Ukur telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan menswastakan kerja pengukuran yang tidak dapat dilaksanakan oleh pihak Jabatan. Bagaimanapun, tindakan pemantauan terhadap kerja pengukuran yang masih belum dilaksanakan oleh juruukur berlesen hendaklah diberi perhatian.

f) Pelupusan Tanah Bandar

Tanah bandar adalah bermaksud kawasan yang diwartakan sebagai kawasan bandar. Mengikut garis panduan yang telah ditetapkan, kaedah pelupusan tanah bandar adalah sama ada melalui proses pelelongan atau dengan kelulusan khas

daripada Ketua Menteri selaras dengan Seksyen 55 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah. Semakan Audit mendapati tanah bandar di 4 daerah tersebut telah dilupuskan melalui kaedah kelulusan khas.

Pada pendapat Audit, proses pemberimilikan tanah tidak diikuti oleh Jabatan Tanah Dan Ukur dengan memuaskan.

15.2.6 Kaedah Pemberimilikan Tanah

Terdapat dua kaedah pemberimilikan tanah yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri iaitu secara dirancang dan tidak dirancang. Lawatan Audit terhadap 4 daerah iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Ranau dan Kota Belud mendapati kaedah pemberimilikan tanah yang dilaksanakan adalah secara tidak dirancang. Jabatan Tanah Dan Ukur menerima semua permohonan tanah daripada individu, syarikat swasta, persatuan berdaftar, badan korporat dan agensi kerajaan dan memproses mengikut prosedur seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan. Memandangkan pemberimilikan tanah di Negeri Sabah mengamalkan permohonan tanah secara tidak dirancang, maka Jabatan Tanah Dan Ukur tidak dapat merancang jumlah kluasan tanah yang diberimilik mengikut kegunaan tanah.

Pada pendapat Audit, penggunaan tanah negeri dapat dilaksanakan secara optimum serta meningkatkan taraf sosio ekonomi di mana kaedah pemberimilikan secara terancang perlu diberi pertimbangan.

15.2.7 Sasaran

Penyediaan sasaran pemprosesan permohonan tanah yang realistik adalah penting supaya permohonan dapat diproses mengikut masa yang ditetapkan berdasarkan kakitangan yang ada. Jabatan Tanah Dan Ukur telah mensasarkan 40,000 permohonan yang diterima akan diproses di peringkat Daerah dan Ibu Pejabat dalam masa setahun.

Bagaimanapun semakan Audit mendapati Jabatan Tanah Dan Ukur gagal mencapai sasaran memproses 40,000 permohonan setahun, sebaliknya hanya mampu memproses permohonan tanah pada tahun 2003, 2004 dan 2005 masing-masing berjumlah 17,563 permohonan, 9,198 permohonan dan 8,648 permohonan. Pindaan terhadap kuasa meluluskan permohonan tanah daripada Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah kepada Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukur yang berkuat kuasa mulai tahun 2005 adalah antara faktor yang menyumbang kepada penurunan jumlah permohonan yang dapat diproses khususnya untuk permohonan tanah di bawah 50 hektar bagi maksud pertanian.

Selain dari itu, antara sebab yang menyumbang kepada kegagalan pencapaian sasaran 40,000 permohonan diproses adalah kekurangan kakitangan, kelewatan mendapatkan ulasan daripada Jabatan Teknikal dan Juruukur Daerah.

Pada pendapat Audit, Jabatan Tanah Dan Ukur perlu menyediakan sasaran yang lebih realistik berpandukan kepada keupayaan dan sumber keanggotaan yang ada.

15.2.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Kakitangan yang mencukupi dan prestasi kerja yang tinggi dapat menyumbang kepada tercapainya Visi, Misi dan Objektif Jabatan Tanah Dan Ukur. Jumlah keseluruhan perjawatan yang diluluskan di Bahagian Pemberimilikan Tanah termasuk cawangannya di seluruh Sabah adalah berjumlah 426 jawatan. Bagaimanapun hanya 339 jawatan atau 79.6% sahaja yang telah diisi. Maklumat pecahan jawatan yang diisi mengikut Gred tidak diperolehi kerana maklumat tidak kemaskini. **Jadual 29** menunjukkan jumlah jawatan yang diluluskan mengikut Gred jawatan.

Jadual 29
Kedudukan Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan Jawatan Diluluskan
1.	Penolong Pengarah	J48	1
2.	Penguasa Tanah	J48	1
3.	Pegawai Tadbir Tanah	N41	2
4.	Juruukur Daerah	J41	10
5.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	4
6.	Penolong Pegawai Tadbir	N27	19
7.	Pembantu Tadbir	N22	17
8.	Juru Teknik Ukur	J17	50
9.	Pembantu Tadbir	N17	115
10.	Pembantu Tadbir	N14	23
11.	Juru Teknik Ukur	J11	14
12.	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	9
13.	Pem. Am Rendah	N1	59
14.	Pekerja Rendah Awam	R11	102
Jumlah			426

Sumber : *Jabatan Tanah Dan Ukur*

Bagi meningkatkan prestasi kakitangan, latihan yang berkaitan perlu diberi dari semasa ke semasa. Untuk itu, Jabatan Tanah Dan Ukur telah memberi latihan yang sesuai kepada kakitangannya seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Pegawai Yang Mengikuti Kursus Dan Latihan

Nama Kursus/Latihan	Tahun	Bilangan Peserta (Orang)
Kursus Pengautomasian Ukur Kadastra	2005	27
Kursus Penyiasatan Dan Penguatkuasaan	2005	30
Kursus Asas Pelukis Pelan	2005	18
Kursus Pengautomasian Ukur Kadastra	2004	98
Kursus TDE dan CPS Pelukis Pelan	2004	16
Kursus Orientasi Amalan Pengukuran Kadastra	2003	23
Kursus Ulangkaji Bagi PPHT/Pejabat Tanah	2003	30

Sumber : Rekod Jabatan Tanah Dan Ukur

Pada pendapat Audit, Jabatan Tanah Dan Ukur perlu mengambil langkah berkesan bagi mengisi jawatan kosong terutamanya yang terlibat dengan aktiviti utama. Jabatan Tanah Dan Ukur telah mengambil tindakan positif untuk memberi latihan yang sesuai dengan tugas dan tanggungjawab kakitangan.

15.2.9 Prestasi Kutipan Hasil

Jabatan Tanah Dan Ukur memperolehi hasil melalui bayaran pendaftaran dan premium tanah. Kadar bayaran pendaftaran tanah adalah seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 46 Bab 68 Ordinan Tanah Negeri Sabah. Kadar premium tanah pula ditentukan oleh Bahagian Penilaian Jabatan Tanah Dan Ukur berdasarkan keluasan dan penggunaan tanah. Bagi pemberimilikan terhadap tanah anak negeri tidak ada bayaran premium dikenakan. Pengukuran tanah yang dilakukan oleh kakitangan Jabatan Tanah Dan Ukur tidak ada bayaran yang dikenakan. Manakala tanah yang diukur oleh Juruukur Berlesen, kadar bayaran akan ditetapkan oleh Lembaga Juruukur. Pada tahun 2003 dan 2004, kutipan premium tanah adalah berjumlah RM111.43 juta dan RM74.10 juta. Pada tahun 2005 premium tanah adalah berjumlah RM46.14 juta atau 45.9% daripada anggaran iaitu berjumlah RM100.5 juta.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil tidak memuaskan kerana kurang daripada 50% daripada yang disasarkan.

15.2.10 Pengurusan Rekod Tanah

Penyelenggaraan dan penyimpanan rekod serta fail permohonan tanah yang lengkap, teratur dan kemas kini adalah penting bagi menentukan pemberimilikan tanah dapat diproses dengan lancar dan memudahkan pengesanan fail. Oleh itu, sistem penyelenggaraan fail perlu dilaksanakan mengikut peraturan kerajaan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bahawa penyelenggaraan fail permohonan tanah di daerah Tawau dan Ranau kurang memuaskan. Daftar Permohonan Tanah yang disediakan di setiap daerah yang dilawati tidak dikemas kini. Maklumat seperti tarikh permohonan tanah didaftarkan, tarikh permohonan tanah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah, tarikh surat tawaran dikeluarkan kepada pemohon dan maklumat pengukuran tidak dicatatkan. Selain itu, dokumen permohonan

tanah yang diterima daripada pemohon tidak disimpan dengan teratur, juga didapati daftar pergerakan fail tidak diselenggarakan. Tempat dan ruang penyimpanan bagi fail tersebut tidak mencukupi. Selain itu, Pejabat Tanah di daerah tidak dibekalkan dengan rak-rak penyimpanan bagi menyimpan fail tersebut. **Foto 18** menunjukkan sebahagian daripada fail permohonan tanah yang tidak diletakkan ditempat yang sewajarnya.

Foto 18
Fail Permohonan Tanah Ditempatkan Dalam Bilik Mesyuarat



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 4 Ogos 2005

Lokasi: Bilik Mesyuarat PPHT Tawau

Pada pendapat Audit, Pengurusan Rekod Tanah oleh Pejabat Tanah Daerah Tawau dan Ranau adalah tidak memuaskan. Sistem pengurusan rekod tanah di daerah ini memerlukan perhatian yang sewajarnya supaya proses pemberimilikan tanah dapat dilaksanakan dengan lancar dan cekap.

Pada keseluruhannya pelaksanaan aktiviti pemberimilikan tanah adalah tidak memuaskan kerana tidak mencapai kriteria yang dirancang. Meskipun ada Undang-undang dan Peraturan yang menghalang pencerobohan tanah dan Bahagian Penguatkuasa telah diwujudkan, namun penguatkuasaan tidak dilaksanakan sepenuhnya. Piagam Pelanggan yang menyatakan proses pemberimilikan tanah dari tarikh permohonan tanah didaftarkan hingga geran draf dikeluarkan dalam tempoh 2 tahun adalah tidak realistik dan perlu dikaji semula. Selain itu, jumlah permohonan yang belum diproses di 3 daerah yang dilawati adalah tinggi iaitu antara 3,836 hingga 19,009 permohonan. Kelewatan menyelesaikan masalah geran yang belum dituntut menyebabkan hasil berjumlah RM1.69 juta gagal dikutip.

15.3 PEMANTAUAN

Jabatan Tanah Dan Ukur adalah bertanggungjawab memastikan pengurusan pemberiman tanah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, bagi mempastikan aktiviti yang dirancang dilaksanakan secara cekap dan berkesan, satu sistem pemantauan perlu diwujudkan. Kaedah pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur adalah seperti berikut:

15.3.1 Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah

Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah telah diwujudkan di peringkat daerah bagi memantau dan memastikan proses pemberiman tanah adalah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Tanah Dan Ukur atau wakilnya yang diberikuasa dan dianggotai oleh seramai 16 hingga 20 orang ahli yang terdiri daripada wakil rakyat bagi kawasan atau daerah berkenaan, Juruukur Daerah dan wakil dari jabatan teknikal yang berkaitan. Mesyuarat ini diadakan setiap 3 bulan bagi membincang dan menentukan setiap permohonan tanah adalah sesuai untuk diberimilik.

Semakan Audit mendapati, mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah telah mematuhi kekerapan yang telah ditetapkan kecuali bagi Daerah Tawau di mana pada tahun 2004 hanya 2 kali sahaja mesyuarat diadakan. Agenda mesyuarat adalah membincang dan memutuskan sama ada setiap permohonan tanah diberi pertimbangan untuk diberimilik.

15.3.2 Jawatankuasa Teknikal Tanah

Jawatankuasa Teknikal Tanah diwujudkan diperingkat Ibu Pejabat bagi mengkaji dan menganalisis prestasi kerja Pejabat Tanah di daerah dan membuat cadangan bagi menambahbaik sistem pengurusan dan pentadbiran tanah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Tanah dan dianggotai oleh 32 ahli jawatankuasa iaitu Penolong Pemungut Hasil Tanah setiap daerah di Negeri Sabah dan diadakan mesyuarat pada setiap 3 bulan. Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tanah, pihak audit mendapati antara agenda utama mesyuarat ini adalah membincangkan dan menilai laporan prestasi pemprosesan permohonan tanah, prestasi kutipan hasil tanah, masalah yang berbangkit terhadap pengurusan dan pentadbiran tanah serta penambahbaikan terhadap sistem pengurusan dan pentadbiran tanah.

15.3.3 Pasukan Audit Dalaman

Pasukan Audit Dalaman Bahagian Tanah, Jabatan Tanah Dan Ukur diwujudkan bertujuan untuk memantau secara terus pengurusan pentadbiran tanah di Pejabat Tanah Daerah seluruh Negeri Sabah. Ini adalah bertujuan untuk memastikan pengurusan tanah adalah terjamin dari segi kualiti, prestasi dan pematuhan terhadap prosedur, peraturan dan perundangan yang sedia ada. Sehubungan itu, satu pasukan

Audit Dalaman telah ditubuhkan pada tahun 2001 yang diketuai oleh Penolong Pengarah (Tanah) Jabatan Tanah Dan Ukur bersama 5 orang ahli.

Semakan Audit mendapati, pada tahun 2003 hingga 2005 tidak ada kerja pengauditan dijalankan oleh pasukan Audit Dalaman sahaja. Kali terakhir kerja pengauditan dilaksanakan ialah pada tahun 2001. Laporan yang dihasilkan oleh pasukan Audit Dalaman adalah dalam bentuk pemerhatian am Audit Dalaman. Hasil penemuan Audit Dalaman dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tanah untuk tindakan seterusnya.

Secara keseluruhannya, pihak Audit mendapati Jabatan Tanah Dan Ukur telah mengadakan mekanisme pemantauan terhadap pengurusan pemberimilikan tanah. Namun demikian, keberkesanan pemantauan perlu dipertingkatkan khususnya terhadap masalah kelewatan memproses permohonan. Selain itu, pasukan Audit Dalaman perlu melaksanakan tugas pengauditan terhadap aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur bagi membantu pihak pengurusan.

16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan permohonan pemberimilikan tanah mengalami kelewatan pemprosesan yang ketara. Kelewatan ini secara tidak langsung menyebabkan projek pembangunan negeri turut tergendala. Bagi mengatasi masalah tersebut, beberapa langkah yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- 16.1** Menetapkan norma kerja bagi setiap peringkat penyemakan dan pemprosesan permohonan tanah. Dengan adanya *standard norm* akan memudahkan tugas penyeliaan, pemantauan dan penilaian.
- 16.2** Membangunkan Sistem Maklumat Tanah Berkomputer bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian.
- 16.3** Mengkaji semula struktur organisasi, guna tenaga dan proses serta prosedur kerja yang menjadi punca utama kelewatan sistem penyampaian.
- 16.4** Menyediakan perancangan strategik yang menyeluruh untuk aktiviti penguatkuasaan di Negeri Sabah bagi mengelakkan kegiatan pencerobohan tanah.
- 16.5** Menyediakan Piagam Pelanggan Jabatan Tanah Dan Ukur yang lebih realistik demi memenuhi kehendak pelanggan dan memaksimumkan kutipan hasil tanah Kerajaan Negeri Sabah.
- 16.6** Mengambil inisiatif yang lebih proaktif untuk menyelesaikan masalah geran yang tidak dituntut oleh pemohon yang berjaya.
- 16.7** Menyediakan maklumat dan rekod dengan lengkap dan kemas kini serta satu daftar pergerakan fail perlu diselenggarakan; dan
- 16.8** Meningkatkan keberkesanan pemantauan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah dan Jawatankuasa Teknikal Tanah. Fungsi Unit Audit Dalaman juga perlu diperbetulkan sebagaimana objektif penubuhannya untuk mengesan kelemahan Jabatan dan memberi syor-syor penyelesaian.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
DAN HAL EHWAL PENGGUNA SABAH**

PENGURUSAN PROGRAM BANTUAN MURID SEKOLAH RENDAH DAN TADIKA

17. LATAR BELAKANG

17.1 Program bantuan murid sekolah rendah dan tadika adalah satu program perkhidmatan sosial di bawah Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Sabah (Kementerian). Program ini telah diwujudkan sejak tahun 1979 dan dilaksanakan oleh Yayasan Sabah pada akhir tahun 1980 hingga pertengahan tahun 1991. Mulai 1 Julai 1991, Jemaah Menteri memutuskan Kerajaan Negeri Sabah mengambil alih program ini dan dipertanggungjawabkan kepada Kementerian. Matlamat Kerajaan Negeri Sabah melancarkan program ini adalah untuk mendorong mempertingkatkan mutu pendidikan di Negeri Sabah melalui pemberian bantuan asas persekolahan seperti pakaian seragam, kasut sekolah, alat tulis seperti pen, pensel dan buku tulis serta bekalan minuman susu. Program ini juga bertujuan membantu dan memberi peluang kepada murid sekolah rendah dan tadika mendapat pendidikan secara formal serta meringankan beban ibu bapa menyekolahkan anak mereka.

17.2 Setiap tahun program pemberian bantuan melibatkan seramai 300,000 orang murid sekolah rendah dan tadika. Pada tahun 2003 hingga 2005 sejumlah RM60 juta telah diperuntukan bagi membiayai program ini.

18. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan program bantuan kepada murid sekolah rendah dan tadika diurus secara cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat program.

19. SKOP DAN KAE DAH PENGAUDITAN

Jabatan Audit memilih program bantuan murid sekolah rendah dan tadika untuk dikaji adalah berdasarkan kepentingan kebajikan murid dan ibu bapa. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pemberian bantuan yang merangkumi pakaian seragam dan kasut, alat tulis iaitu pen, pensel dan buku tulis serta minuman susu yang diberikan pada tahun 2003 sehingga 2005. Kajian dilakukan di Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah dan di 43 buah sekolah daripada 2,098 buah sekolah atau 2% daripadanya. Lawatan Audit dilakukan di 43 sekolah rendah termasuk 15 tadika di daerah Kota Kinabalu, Keningau, Tawau dan Sandakan. Semakan dan analisis dilakukan terhadap rekod, fail dan data berkaitan dan senarai penerima bantuan. Temubual dengan pegawai, guru, murid sekolah dan ibubapa juga dilakukan.

20. PENEMUAN AUDIT

20.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting untuk memastikan program bantuan yang dilaksanakan berjalan dengan lancar. Aspek parancangan yang disemak adalah meliputi perkara seperti berikut:

20.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah menjadikan rakyat Negeri Sabah berilmu dan berpendidikan agar dapat menyumbang kepada pembangunan negara di masa akan datang. Mesyuarat Jemaah Menteri pada tahun 1991 memutuskan untuk meneruskan program bantuan kepada murid sekolah rendah dan tadika sebagai langkah menjaga kebajikan murid sekolah ke arah meningkatkan mutu pendidikan di Negeri Sabah. Program ini merupakan sebagai tambahan kepada program sosial yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ke arah peningkatan mutu pendidikan melalui aktiviti seperti Rancangan Makanan Tambahan dan Skim Pinjaman Buku Teks.

20.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Kementerian menyediakan garis panduan program bantuan murid sekolah rendah dan tadika pada tahun 2004. Garis panduan ini sebagai asas pelaksanaan bagi menentukan pihak yang terlibat khususnya pihak pembekal dan sekolah menjalankan peranan dan tanggungjawab yang ditentukan. Garis panduan ini menetapkan antara lain perkara berikut:

a) Syarat Pembekalan Susu

Susu yang dibekalkan kepada murid sekolah rendah Tahun 1 hingga Tahun 3 dan tadika adalah susu UHT 200ml/pek berperisa coklat, tembakai dan susu segar tanpa perisa. Kementerian akan melantik 1 pembekal untuk membekal dan menghantar susu terus ke sekolah yang dikenal pasti mengikut jadual dan syarat yang ditetapkan. Syarat yang ditetapkan oleh Kementerian mengenai bekalan susu adalah seperti berikut:

- i) Pembekal membekal dan menghantar susu mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian.
- ii) Pihak sekolah perlu memeriksa kuantiti dan kualiti susu yang dihantar serta mengesahkan penerimaannya.
- iii) Pihak sekolah perlu menyimpan susu yang dibekalkan di tempat yang sesuai dan selamat dari mahluk perosak.
- iv) Pihak sekolah bertanggungjawab mengagihkan susu mengikut ketetapan iaitu 3 kali seminggu dengan menentukan susu yang masih selamat diminum.
- v) Maklumbalas dari pihak sekolah perlu disediakan setiap bulan.

b) Syarat Pembekalan Pakaian Seragam/Kasut

Pakaian seragam yang dibekalkan kepada murid sekolah rendah Tahun 1 hingga Tahun 3 adalah merangkumi baju kurung, pinafore, seluar panjang, seluar pendek dan kasut. Setiap tahun murid yang layak akan menerima sepasang pakaian seragam dan sepasang kasut. Kementerian akan melantik satu syarikat pembekal untuk menyedia dan menghantar pakaian dan kasut ke sekolah yang dikenal pasti. Syarat yang ditetapkan oleh Kementerian mengenai bekalan pakaian seragam adalah seperti berikut:

- i) Pihak pembekal dipertanggungjawabkan untuk mendapat maklumat murid sekolah yang layak diberi bantuan.
- ii) Data mengenai bilangan murid dan saiz perlu diperolehi pada bulan kedua tahun persekolahan.
- iii) Pakaian dan kasut hendaklah disiapkan oleh pembekal pada bulan Mei setiap tahun.
- iv) Penghantaran pakaian dan kasut ke sekolah dilakukan oleh pembekal mengikut kontrak perjanjian.
- v) Pihak sekolah perlu memeriksa barang yang dihantar dan memberi pengesahan dalam nota serahan.
- vi) Pihak sekolah perlu mengagihkan pakaian dan kasut berkenaan kepada murid dengan segera dan rekod pengagihan perlu disimpan.
- vii) Maklumbalas hendaklah juga disediakan kepada Kementerian.

c) Syarat Pembekalan Alat Tulis

Alat tulis yang dibekalkan kepada murid sekolah rendah Tahun 1 hingga Tahun 4 adalah terdiri dari buku tulis dan pensel. Murid Tahun 5 hingga Tahun 6 dibekalkan dengan buku tulis, pen mata bulat dan pensel. Kementerian akan melantik satu syarikat untuk membekal alat tulis dan menghantar ke sekolah mengikut jadual ditetapkan. Antara syarat yang ditetapkan oleh Kementerian mengenai bekalan alat tulis adalah seperti berikut:

- i) Pembekal hendaklah membekal alat tulis setelah perjanjian ditandatangan.
- ii) Pihak sekolah hendaklah memeriksa barang yang dihantar oleh pembekal mengikut jumlah yang betul dengan mengesahkan dalam nota serahan.
- iii) Pihak sekolah dikehendaki mengagihkan barang tersebut dengan segera kepada murid yang layak.
- iv) Rekod pengagihan hendaklah disimpan dengan kemaskini.
- v) Maklumbalas perlu disediakan oleh pihak sekolah kepada Kementerian.

20.1.3 Komponen Bantuan

Jenis bantuan yang diberikan kepada murid sekolah rendah dan tadika adalah terdiri dari pakaian seragam, kasut, buku tulis, pen mata bulat, pensel dan peminuman susu. Murid tadika hanya akan diberi bantuan minuman susu 83 pek untuk 83 hari peminuman setiap tahun. Murid sekolah rendah Tahun 1 hingga Tahun 3 akan menerima bantuan berupa minuman susu 83 pek untuk 83 hari peminuman, 1 pasang

pakaian seragam, 1 pasang kasut, 1 dozen buku tulis dan 1 dozen pensel. Murid Tahun 4 akan menerima bantuan berupa 1 dozen buku tulis dan 1 dozen pensel. Murid Tahun 5 hingga Tahun 6 pula akan menerima bantuan terdiri dari 1 dozen buku tulis, 1 dozen pen dan $\frac{1}{2}$ dozen pensel. Anggaran kos setiap tahun bagi seorang murid Tadika adalah berjumlah RM63.08, murid Tahun 1 hingga Tahun 3 adalah berjumlah RM98.28 setahun, murid Tahun 4 berjumlah RM7.20 setahun dan murid Tahun 5 hingga 6 berjumlah RM8.30 setahun. Butiran mengenai jenis, kadar dan kos bantuan yang akan diagihkan kepada murid sekolah adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Komponen Bantuan Untuk Setahun

Kumpulan Sasaran	Komponen	Bantuan Bagi Setiap Murid Setahun	Kadar (RM/Unit)	Kos (RM)	Jumlah (RM)
Sekolah Tadika/Tabika	Susu UHT	83 Pek	0.76	63.08	63.08
Tahun 1 hingga 3	Susu UHT	83 Pek	0.76	63.08	98.28
	Pakaian Seragam	1 Pasang	17.50	17.50	
	Kasut Sekolah	1 pasang	10.50	10.50	
	Pensel	1 dozen	2.40	2.40	
	Buku Tulis	1 dozen	4.80	4.80	
Tahun 4	Pensel	1 dozen	2.40	2.40	7.20
	Buku Tulis	1 dozen	4.80	4.80	
Tahun 5 hingga 6	Buku Tulis	1 dozen	4.80	4.80	8.30
	Pensel	1/2 dozen	1.20	1.20	
	Pen	1 dozen	2.30	2.30	

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna


20.1.4 Kumpulan Sasar

Pada tahun 2003 Kementerian telah mengenal pasti sebanyak 1,056 buah sekolah rendah yang melibatkan 150,068 orang murid akan menerima bantuan pakaian seragam dan 296,105 orang murid akan menerima bantuan alat tulis. Sebanyak 2,088 buah sekolah rendah dan tadika melibatkan 196,759 orang murid akan menerima bantuan minuman susu. Pada tahun 2004 sebanyak 1,057 buah sekolah rendah yang melibatkan 153,837 orang murid akan menerima pakaian seragam dan 289,137 orang murid akan menerima bantuan alat tulis. Sebanyak 2,042 buah sekolah rendah dan tadika yang melibatkan 194,368 orang murid akan menerima bantuan minuman susu. Pada tahun 2005 pula sebanyak 1,057 buah sekolah rendah melibatkan 154,738 orang murid akan menerima bantuan pakaian seragam dan 289,575 orang murid akan menerima bantuan alat tulis. Sebanyak 2,098 buah sekolah rendah dan tadika yang melibatkan 199,049 orang murid pula akan menerima bantuan minuman susu.

20.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan program bantuan murid sekolah dan tadika pada tahun 2003 hingga 2005 masih mengguna pakai kaedah pelaksanaan yang diperkenalkan pada tahun 1991. Tiga peringkat akan terlibat untuk melaksanakan program bantuan ini, iaitu peringkat Kementerian, peringkat pembekal dan peringkat sekolah. **Carta 3** menunjukkan aliran kerja program bantuan.

Carta 3
CARTA ALIRAN KERJA PROGRAM BANTUAN SOSIAL



Sumber: Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna.

Peranan dan tanggungjawab bagi setiap peringkat pelaksana adalah seperti berikut:

a) Peringkat Kementerian

Kementerian bertanggungjawab merumus dasar, mengawal peruntukan dan melantik pembekal. Tiga pembekal akan dilantik oleh Kementerian untuk membekal dan menghantar 3 jenis bantuan ke sekolah yang akan dikenal pasti. Maklumat mengenai bilangan murid yang layak menerima bantuan akan diperolehi daripada pihak Jabatan Pendidikan Sabah. Bagi menentukan program bantuan dilaksanakan dengan lancar dan teratur, Kementerian akan menubuhan Jawatankuasa Induk Bantuan Program Sosial dan 3 jawatankuasa kerja iaitu, Jawatankuasa Kerja Dasar, Jawatankuasa Kerja Kewangan dan Jawatankuasa Kerja Pengawasan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian dan ahlinya diwakili masing-masing oleh Jabatan Pelajaran, Jabatan Kesihatan, Kementerian Kewangan, Perbendaharaan dan wakil agensi pembekal.

b) Peringkat Sekolah

Pihak sekolah akan bertanggungjawab mengemukakan data dan bilangan sebenar murid kepada pihak pembekal untuk menentukan jumlah dan kadar bantuan yang akan diterima. Guru atau kakitangan sekolah yang dibertanggungjawabkan akan mengesahkan penerimaan bantuan yang dihantar oleh pembekal dengan menurunkan tanda tangan dan cap sekolah sebagai bukti penerimaan bekalan. Pihak sekolah juga akan mengagihkan bantuan kepada murid yang terlibat mengikut garis panduan dan jadual yang ditetapkan. Rekod penerimaan dan pengagihan bantuan kepada murid akan diselenggarakan dan laporan akan dikemukakan kepada Kementerian setiap bulan.

20.1.6 Polisi Perolehan

Pihak Kementerian akan melantik pembekal secara rundingan terus untuk membekal barang bantuan. Tiga pembekal yang dilantik akan menyediakan dan membekalkan masing-masing 3 jenis barang iaitu pakaian seragam, alat tulis dan susu mengikut piawaian yang ditentukan. Perjanjian di antara Kementerian dan pembekal akan dimeterai selama 3 tahun dan akan diberi pilihan untuk menyambung kontrak selama 3 tahun lagi. Penyediaan dan penghantaran bantuan ke sekolah akan dilakukan mengikut jadual selaras dengan syarat yang ditetapkan mengikut perjanjian. Tuntutan bayaran akan dibuat oleh pembekal setelah bekalan telah dilaksanakan.

20.1.7 Mutu Produk Barang

Bagi memastikan pakaian dan barang yang dibekalkan kepada sekolah menepati mutu dan spesifikasi yang ditetapkan, Kementerian menyediakan spesifikasi tertentu mengikut jenis dan kualiti barang. Spesifikasi dan jenis barang yang telah ditentukan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

a) Pakaian Seragam Dan Kasut

Pakaian seragam dan kasut sekolah yang akan diagihkan kepada setiap pelajar telah ditentukan setiap penggunaan bahan mentah dalam proses pembuatannya. Perincian dan perukuran pakaian seragam sekolah rendah adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Pakaian Yang Perlu Dibekalkan Oleh Pembekal

Bahan	Baju Putih / Baju Kurung	Seluar Panjang / Seluar Pendek	Pinafore/Baju Kurung
Type of Cloth	Bleach white 65% Polyester 35% cotton	Dark Navy Blue Fabric 100% Polyester	Navy Blue Dyed Fabric 65% Polyester 35% Cotton
Button	Transparent white 2w/18	Dark Navy Blue Button size 22	-
Stitching Thread	White No.18	Dark Navy Blue Thread No.120	Navy Blue Dyed 120/459
Edging Thread	Polyester Yarn White	Polyester Yarn White	Polyester Yarn White
Interlining	Polyester Cotton	Interlining Cloth	-
Hook & Bar	-	Hook with 3 projections	Hook & massage 40222/2N
Zipper	-	Nylon Zip	Nylon Zip
Elastic Band	-	Elastic Rubber	Elastic Rubber

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

Spesifikasi kasut sekolah yang akan dibekalkan oleh pembekal adalah kasut berwarna putih diperbuat dari 3 komponen iaitu *White Cotton on the outside*, *Natural Cotton on the inside* dan *Rubber in between in the inside and outside Cotton*. Ukuran saiz adalah antara 11 hingga 13 bagi saiz kecil, 1 hingga 4 bagi saiz sederhana dan 5 hingga 9 bagi saiz besar.

b) Bekalan Susu

Susu yang akan dibekalkan oleh pembekal adalah susu cair *Ultra Heat Temperature* (UHT) 200ml/pek. Jenis dan kandungan susu adalah berperisa coklat, tembakai susu dan susu penuh krim. **Jadual 33** adalah jenis dan kandungan susu UHT yang ditentukan oleh Kementerian.

Jadual 33
Jenis Dan Kandungan Susu

Jenis Susu UHT	Bahan Campuran	Kandungan		Hari Peminuman
		Bersih	Bungkusan	
Perisa Coklat	1. Pepejal susu tanpa lemak 2. Gula 3. Lemak susu 4. Koko 5. Laktose 6. Kondisioner makanan yang dibenarkan.	200ml	81 x 1 sekarton	Isnin
Perisa Tembakai Susu	1. Pepejal susu tanpa lemak 2. Gula 3. Lemak susu 4. Koko 5. Laktose 6. Kondisioner makanan yang dibenarkan.	200ml	81 x 1 sekarton	Rabu
Susu Penuh Krim	1. Pepejal susu tanpa lemak 2. Lemak susu 3. Kondisioner makanan yang Dibenarkan	200ml	81 x 1 sekarton	Jumaat

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

c) Bekalan Alat Tulis

Alat tulis yang akan dibekalkan adalah merangkumi buku tulis, pen mata bulat hitam dan biru serta pensel. Jenis dan kualiti alat tulis berkenaan adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Jenis Bekalan Alat Tulis

Jenis Alat Tulis	Saiz	Kualiti/Standard	Bungkusan	Syarat Lain
Buku Tulis	16cm x 21cm 80 muka surat	Kulit 140-160 gsm Helaian 50-55 gsm	1 dozen	-
Pen Mata Bulat	Bulat dan ukuran panjang dan diameter yang standard	Kualiti yang baik	1 dozen (6 pen hitam dan 6 pen biru)	Ditandakan dengan "KERAJAAN NEGERI SABAH"
Pensel	Hexagon dan ukuran yang standard	Graphite black Lead	1 dozen (6 HB dan 6 2B)	-

Sumber: Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

20.1.8 Struktur Guna Tenaga Dan Latihan

Kementerian berperanan untuk menentukan dasar bantuan, menguruskan kontrak dengan pembekal, memproses tuntutan pembayaran dan mengawasi operasi pelaksanaan program yang dikendalikan oleh pembekal yang dilantik. Kementerian

merancang dan memerlukan seramai 8 anggota pelbagai gred untuk ditempatkan di Unit Program Sosial Kementerian seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Rancangan Keperluan Tenaga Kerja

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan Diperlukan (Orang)
1.	Pegawai Tadbir	N41	1
2.	Penolong Pegawai Tadbir	N27	2
3.	Pembantu Tadbir	N22	1
4.	Pembantu Tadbir	N17	2
5.	Pembantu Tadbir	N11	1
6.	Pemandu kenderaan Bermotor	R3	1
Jumlah Jawatan			8

Sumber: Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

20.1.9 Keperluan Kewangan

Program bantuan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri di bawah peruntukan bekalan Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna. Pada tahun 2003, 2004 dan 2005 Jabatan telah memohon peruntukan perbelanjaan masing-masing berjumlah RM20.27 juta, RM22.25 juta dan RM23.36 juta. Kementerian memohon peruntukan kewangan bagi pembiayaan bantuan ini berdasarkan kepada bilangan murid sekolah yang disasarkan, kuantiti dan kadar harga barang yang diperlukan. Justifikasi yang disediakan oleh Kementerian bagi memohon peruntukan yang diperlukan adalah seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Peruntukan Yang Dipohon

Tahun	Jenis Bantuan	Bilangan Murid	Kuantiti	Kadar (RM/Unit)	Jumlah (RM)
2003	Susu UHT	210,846	83 pek	0.63	11,025,137
	Pakaian	162,059	1 pasang	17.59	2,850,618
	Kasut	162,059	1 pasang	13.50	2,187,797
	Buku Tulis	312,042	1 dozen	4.82	1,504,042
	Pen	96,943	1 dozen	2.30	222,969
	Pensel	263,570	1 dozen	2.40	632,568
	10% perbelanjaan kontengensi				1,842,313
Jumlah					20,265,444
2004	Susu UHT	205,652	83 pek	0.76	12,972,528
	Pakaian	157,571	1 pasang	17.59	2,771,674
	Kasut	157,571	1 pasang	13.50	2,127,209
	Buku Tulis	310,910	1 dozen	4.82	1,498,586
	Pen	99,606	1 dozen	2.30	229,094
	Pensel	260,107	1 dozen	2.40	624,257
	10% perbelanjaan kontengensi				2,022,335
Jumlah					22,245,683
2005	Susu UHT	215,935	83 pek	0.76	13,621,180
	Pakaian	165,450	1 pasang	17.59	2,910,266
	Kasut	165,450	1 pasang	13.50	2,233,575
	Buku Tulis	326,456	1 dozen	4.82	1,573,518
	Pen	104,586	1 dozen	2.30	240,548
	Pensel	274,163	1 dozen	2.40	657,991
	10% perbelanjaan kontengensi				2,123,708
Jumlah					23,360,786

Sumber: Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal pengguna

20.1.10 Kaedah Pemantauan

Bagi menentukan tahap pemantauan yang optimum terhadap perancangan dan pelaksanaan program ini, Jawatankuasa Kerja Pengawasan yang ditubuhkan oleh Kementerian akan berperanan memantau pelaksanaan program bantuan ini. Kementerian juga menyediakan arahan kerja urusan pemantauan bantuan program perkhidmatan sosial yang akan digunakan oleh setiap pegawai yang dipertanggungjawapkan mengikut senarai tugas masing-masing. Carta aliran kerja pemantauan disediakan bagi setiap aktiviti yang dilakukan. Borang berkaitan disediakan dan akan diisi untuk pengesahan dan maklumbalas sebagai satu kaedah pemantauan.

Kementerian juga menyediakan program untuk melawat ke semua sekolah yang akan mendapat bantuan. Antara lain tujuan lawatan yang akan dilakukan adalah seperti berikut:

- a) Memantau pelaksanaan pengurusan bantuan program perkhidmatan sosial di peringkat sekolah dan juga prestasi pembekal.
- b) Mempastikan semua bekalan bantuan yang diterima pihak sekolah direkod penerimaan serta pengagihan kepada murid seperti mana dikehendaki.
- c) Memastikan bantuan bekalan yang dihantar oleh pembekal berkualiti dan memuaskan serta menepati spesifikasi yang ditetapkan.
- d) Mengenalpasti masalah yang dihadapi pihak sekolah berkaitan pengendalian bantuan dan mengumpul maklumat maklumbalas yang berkaitan untuk makluman/tindakan pihak Kementerian.
- e) Memberi penerangan dan tunjuk ajar untuk membantu pihak sekolah memperbetulkan/memperbaiki kelemahan serta kesilapan pengendalian pelaksanaan bantuan di peringkat sekolah.

Pemantauan yang akan dilaksanakan di peringkat sekolah adalah dengan menentukan barang yang dihantar adalah tepat dan berkeadaan baik. Pihak sekolah juga akan memberi pengesahan dan maklumbalas mengenai barang yang diterima dan diagihkan serta laporan dihantar ke Kementerian setiap bulan.

Pada pandangan Audit, Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna merancang program dengan baik untuk menentukan bantuan kepada murid sekolah dan tadika diurus dengan teratur dan secara sistematis.

20.2 PELAKSANAAN

Objektif program atau aktiviti boleh dicapai apabila dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program bantuan murid sekolah rendah dan tadika mendapat seperti berikut:

20.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri Sabah adalah untuk menjadikan rakyat Negeri Sabah berilmu dan berpendidikan tinggi supaya dapat menyumbang kepada pembangunan negeri di masa akan datang. Bagi mencapai matlamat tersebut, program bantuan kepada murid sekolah dilaksanakan untuk membantu dan memberi peluang kepada murid sekolah mendapatkan pendidikan secara formal dan meringankan bebanan ibu bapa. Pada pertengahan tahun 1991 Jemaah Menteri telah memutuskan untuk meneruskan program ini dan dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna. Semakan Audit terhadap pelaksanaan dasar program bantuan murid mendapat ianya adalah sejajar dengan dasar kerajaan.

Pada pendapat Audit, dasar untuk menjadikan rakyat berilmu adalah sejajar dengan dasar pendidikan kebangsaan supaya semua warganegara Malaysia diberi peluang mendapat pendidikan bagi melahirkan insan yang berilmu dan berakhlik. Kajian semula yang dilakukan terhadap pengurusan bantuan ini

adalah baik dan wajar untuk membantu pihak Kementerian menyusun semula sistem pelaksanaannya.

20.2.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Garis panduan merupakan elemen yang penting bagi menjamin pengurusan dan objektif program bantuan murid dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati garis panduan Pengurusan Barang Bantuan Program Perkhidmatan Sosial yang pada mulanya dirangka pada tahun 1990an telah disemak semula pada awal tahun 2000. Pada tahun 2004 satu panduan baru dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Bilangan 1/2004. Garis panduan baru ini adalah berdasarkan kajian semula tehadap bantuan yang diberi dan kategori murid sekolah yang terlibat. Semakan Audit selanjutnya terhadap garis panduan baru ini telah di terimapakai oleh pihak Kementerian dan sekolah.

Pada pendapat Audit, garis panduan pengurusan barang program bantuan kepada murid sekolah yang disediakan adalah memuaskan.

20.2.3 Prestasi Kumpulan Sasar

Kementerian telah menyemak semula kriteria kumpulan sasar melalui Kertas Kabinet No. 95/99 yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada akhir tahun 1999. Kriteria kumpulan sasar yang ditetapkan itu diguna pakai bagi pelaksanaan program tahun 2003 hingga 2005. Kumpulan sasar yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a) Murid Tadika/Tabika diberi bantuan minuman susu;
- b) Murid Sekolah Rendah Tahun 1 hingga 3 diberi bantuan minuman susu, pakaian seragam dan alat tulis;
- c) Murid Sekolah Rendah Tahun 4 diberi bantuan alat tulis; dan
- d) Murid Sekolah Rendah Tahun 5 hingga 6 diberi bantuan alat tulis.

Semakan Audit terhadap rekod di Kementerian bagi tahun 2003 hingga 2005 mendapati seramai 289,757 murid sekolah rendah dan tadika melibatkan 2,098 buah sekolah rendah dan tadika telah mendapat bantuan dari program ini. **Jadual 37** menunjukkan bilangan murid sekolah dan jumlah murid yang telah menerima bantuan.

Jadual 37
Bilangan Murid Dan Sekolah Yang Menerima Bantuan

Bil.	Jenis Bantuan	Bilangan Murid			Bilangan Sekolah		
		2003	2004	2005	2003	2004	2005
1.	Susu UHT 200 ml	187,904	194,368	199,049	2,088	2,042	2,098
2.	Pakaian Seragam/Kasut	149,416	146,557	146,353	1,056	1,057	1,057
3.	Alat Tulis	294,731	289,137	289,575	1,056	1,057	1,057

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

Pada pendapat Audit kumpulan sasar bantuan mendapat manfaat dari bantuan ini selaras dengan matlamat Kerajaan.

20.2.4 Prestasi Pelaksanaan Program

Kementerian melaksanakan program ini mengikut kaedah yang dilaksanakan sejak tahun 1991. Untuk melaksanakan program ini terdapat 3 peringkat seperti berikut:

a) Peringkat Kementerian

Kementerian bertanggungjawab merumus dasar program, mengurus peruntukan kewangan dan mengenal pasti kumpulan sasar serta melantik pembekal. Kementerian juga bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Induk Bantuan Sosial dan 3 jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Dasar, Jawatankuasa Kerja Kewangan dan Jawatankuasa Kerja Pengawasan. Setiap jawatankuasa itu mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang telah dirangka dan dianggotai oleh pegawai dari pelbagai agensi yang berkaitan. Semakan Audit mendapati Kementerian melaksanakan program bantuan selaras dengan tanggungjawab yang ditetapkan.

b) Peringkat Pembekal

Bantuan yang diberi kepada murid sekolah adalah minuman susu, pakaian seragam dan alat tulis. Tiga pembekal telah dilantik untuk membekal barang berasingan. Pembekal dikehendaki memeterai perjanjian dengan Kerajaan. Barang dihantar terus ke sekolah mengikut jadual yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Semakan Audit mendapati 3 pembekal yang dilantik telah menandatangkan perjanjian untuk melaksanakan pembekalan dan penghantaran bantuan ke sekolah yang ditetapkan.

c) Peringkat Sekolah

Pihak sekolah membekalkan maklumat murid sekolah kepada Kementerian mengikut bilangan dan jenis bantuan seperti yang telah ditetapkan dalam garis


panduan. Pengesahan penerimaan bantuan perlu dibuat oleh pihak sekolah dengan menandatangani nota serahan. Agihan bantuan kepada murid hendaklah dilakukan oleh guru sekolah mengikut jadual atau masa yang telah ditetapkan. Laporan pengagihan perlu dikemukakan kepada Kementerian selaras dengan kehendak garis panduan.

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan program ini yang melibatkan pelbagai agensi adalah jelas.

20.2.5 Sumber Tenaga Dan Latihan

Pengurusan bantuan murid sekolah diletakkan di bawah Unit Program Sosial Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna. Unit ini bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran program bantuan. Ia berperanan merumus dasar, merancang kaedah pelaksanaan, mengawal peruntukan kewangan dan memantau pelaksanaan program. Carta Organisasi Kementerian ada disediakan seperti di **Carta 4** dan Unit ini telah diluluskan sebanyak 8 anggota pelbagai jawatan seperti di **Jadual 38**.

Carta 4
Carta Organisasi Unit Program Sosial
Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna



Jadual 38
Bilangan Jawatan Diluluskan Dan Diisi

Bil.	Nama Jawatan	Gred Jawatan	Bilangan Jawatan Diluluskan	Bilangan Jawatan Diisi
1.	Pegawai Tadbir	N41	1	1
2.	Penolong Pegawai Tadbir	N27	2	1
3.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1	1
4.	Pembantu Tadbir	N17	2	1
5.	Pembantu Tadbir Rendah	N11	1	1
6.	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	1	1
Jumlah			8	6

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

Semakan Audit mendapati 1 jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dan 1 jawatan Pembantu Tadbir Gred N17 belum diisi sejak tahun 2003 lagi. Selain Unit Program Sosial Kementerian mengurus program bantuan, guru dan kakitangan sekolah juga terlibat secara langsung melaksanakan program ini. Lawatan Audit ke 43 buah sekolah di daerah terlibat mendapati pihak sekolah ada menetapkan guru yang bertanggungjawab mengurus bantuan ini.

Pada pendapat Audit, kekurangan tenaga kerja akan menjaskan pengurusan dan pemantauan program bantuan.

20.2.6 Pelantikan Pembekal

Pada tahun 2003 hingga 2005 Kementerian telah melantik 3 pembekal iaitu *Sabah International Dairies* untuk membekal susu, *Korporasi Serbaguna Sanya Berhad* untuk membekal pakaian seragam dan *CP Forms Sdn. Bhd.* untuk membekal alat tulis. Kontrak perjanjian bagi 3 pembekal ini telah dimeterai sejak tahun 2001 untuk tempoh 3 tahun mulai tahun 2001 hingga 2003. Kontrak bekalan bantuan pakaian seragam dan alat tulis disambung semula bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Kontrak pembekalan susu pula disambung bagi tempoh tahun 2004 hingga 2007. Pelantikan pembekal ini dikecualikan dari tatacara tender biasa. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) Kontrak Bekalan Susu

Kontrak bagi pembekalan susu telah disambung bagi tempoh tahun 2004 hingga 2007. Pelantikan Syarikat Sabah International Dairies dikecualikan daripada tatacara perolehan tender biasa. Semakan Audit mendapati penyambungan kontrak dan pengecualian daripada tatacara tender biasa adalah disebabkan pembekal merupakan syarikat milik Kerajaan. Syarikat ini juga sebagai pengilang dan memproses susu yang dihasilkan oleh penternak lembu tenusu Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Sabah. Nilai kontrak bagi tahun

2003, 2004 dan 2005 adalah masing-masing berjumlah RM11.80 juta, RM12.26 juta dan RM12.56 juta. Pembekal juga diperlukan untuk membayar deposit sebanyak 5% sebagai bon pelaksanaan. Syarikat telah mengambil jaminan insurans sebagai bon pelaksanaan mengikut kadar 5% dari nilai kontrak semasa tempoh perjanjian. Jumlah jaminan insurans yang diambil oleh syarikat bagi tempoh tahun 2003, 2004 dan 2005 adalah sebanyak RM0.60 juta, RM0.61 juta dan RM0.63 juta. Syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

- i) Pembekal perlu membekalkan susu ke sekolah dengan kuantiti yang ditetapkan;
- ii) Kerajaan berhak pada bila-bila masa untuk meminta pembekal menukar jenis susu yang dibekalkan ke sekolah dengan memberi sekurang-kurangnya 6 bulan notis kepada pembekal; dan
- iii) Semua susu dibekalkan dan dihantar ke sekolah mengikut jenis susu dan jadual peminuman.

b) Kontrak Bekalan Alat Tulis

Kementerian telah melantik Syarikat CP Forms Sdn. Bhd. untuk membekalkan alat tulis ke semua sekolah yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati alat tulis yang dibekalkan adalah buku tulis, pen mata bulat dan pensel. Kontrak asal ditandatangan pada tahun 2001 bagi tempoh 3 tahun bermula pada tahun 2001 hingga 2003. Kementerian Kewangan meluluskan pelanjutan tempoh kontrak selama 3 tahun lagi bermula pada tahun 2004 hingga 2006. Pelantikan syarikat juga dikecualikan daripada tatacara tender biasa. Nilai kontrak bagi tahun 2003, 2004 dan 2005 adalah masing-masing berjumlah RM2.25 juta, RM2.23 juta dan RM2.23 juta. Pembekal juga diperlukan untuk membayar deposit sebanyak 5% sebagai bon pelaksanaan. Semakan Audit mendapati syarikat telah membayar deposit berupa jaminan bank sebagai bon pelaksanaan mengikut kadar 5% dari nilai kontrak semasa tempoh perjanjian. Jumlah jaminan bank yang dibayar oleh syarikat bagi tempoh tahun 2003, 2004 dan 2005 adalah masing-masing sebanyak RM0.11 juta. Syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i) Pembekal perlu membekalkan alat tulis ke sekolah bermula dari 1 Januari hingga 30 Jun setiap tahun dalam tempoh perjanjian;
- ii) Pembekal perlu membekal dan menghantar alat tulis ke sekolah mengikut jenis dan kualiti yang ditetapkan dan tidak boleh ditukar ganti tanpa kebenaran dari Kerajaan;
- iii) Sekiranya pembekal gagal untuk membekal alat tulis mengikut tempoh ditetapkan iaitu pada 30 Jun setiap tahun tanpa mendapat pelanjutan masa dari Kementerian, pembekal adalah dikehendaki membayar sejumlah wang mengikut bekalan yang sepatusnya dibekalkan;
- iv) Pembekal dikehendaki untuk membayar deposit sebagai bon pelaksanaan sebanyak 5% dari harga kontrak dalam bentuk jaminan bank.

c) Kontrak Bekalan Pakaian Seragam

Kementerian telah melantik Korporasi Serbaguna Sanya Berhad untuk membekalkan pakaian seragam ke semua sekolah yang ditetapkan. Pakaian seragam yang dibekalkan ialah baju kurung, kain kurung, baju putih dan seluar panjang, baju putih dan pinafore serta kasut. Kontrak asal bekalan pakaian seragam ditandatangan pada tahun 2001 bagi tempoh 3 tahun bermula pada tahun 2001 hingga 2003. Bagaimanapun Kementerian Kewangan telah meluluskan pelanjutan tempoh kontrak selama 3 tahun lagi bermula tahun 2004 hingga 2006. Pelantikan syarikat juga dikecualikan daripada tatacara tender biasa. Nilai kontrak bagi tahun 2003, 2004 dan 2005 adalah masing-masing berjumlah RM4.31 juta, RM4.22 juta dan RM4.55 juta. Pembekal juga diperlukan untuk membayar deposit sebanyak 5% sebagai bon pelaksanaan. Semakan Audit mendapati syarikat telah membayar deposit berupa jaminan bank sebagai bon pelaksanaan mengikut kadar 5% dari nilai kontrak semasa tempoh perjanjian. Jumlah jaminan bank yang diambil oleh syarikat bagi tempoh tahun 2003, 2004 dan 2005 adalah sebanyak RM0.22 juta, RM0.21 juta dan RM0.23 juta. Syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i) Pembekal perlu membekalkan pakaian seragam ke sekolah sebelum 31 Oktober setiap tahun dalam tempoh perjanjian;
- ii) Pembekal perlu membekal dan menghantar pakaian seragam ke sekolah mengikut jenis, saiz dan kualiti yang ditetapkan dan tidak boleh ditukar ganti tanpa kebenaran dari Kerajaan;
- iii) Sekiranya pembekal gagal untuk membekal alat tulis mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada 31 Oktober setiap tahun tanpa mendapat pelanjutan masa dari Kementerian, pembekal adalah dikehendaki membayar sejumlah wang mengikut bekalan yang sepatutnya dibekalkan; dan
- iv) Pembekal dikehendaki untuk membayar deposit sebagai bon pelaksanaan sebanyak 5% dari harga kontrak dalam bentuk jaminan bank dan meliputi sepanjang tempoh tiga tahun.

Pada pendapat Audit, proses perlantikan pembekal adalah berdasarkan kepada tatacara prosedur tender.

20.2.7 Penyelenggaraan Rekod Dan Laporan

Rekod pengagihan bantuan dan laporan kerosakan/maklum balas yang lengkap serta kemas kini perlu diselenggarakan untuk memudahkan pihak bertanggungjawab membuat keputusan. Semakan Audit terhadap fail dan dokumen berkaitan program bantuan di peringkat Kementerian mendapati fail berkenaan diselenggarakan dengan baik. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 43 sekolah yang dipilih mendapati semua sekolah tidak menyelenggara fail atau rekod dengan teratur dan kemas kini. Laporan juga tidak dikemukakan kepada Kementerian sebagai maklum balas. **Jadual 39** menunjukkan bilangan sekolah yang tidak menyelenggarakan rekod dan menyediakan laporan terhadap barang yang dibekalkan.

Jadual 39
Bilangan Sekolah Yang Tidak Menyimpan Rekod Dan Laporan

Jenis Rekod	Bilangan Sekolah Tidak Menyimpan Rekod Dan Laporan		
	Susu	Pakaian Seragam	Alat Tulis
Rekod Pembahagian Bantuan	35	33	41
Laporan Kerosakan Dan Maklum Balas	36	43	43

Sumber: Rekod Sekolah Yang Dilawati

Hasil temu bual antara pihak Audit dengan guru sekolah mendapati rekod dan laporan tersebut tidak diselenggarakan disebabkan faktor berikut :

- a) Guru yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan bantuan ini tidak mengetahui adanya panduan atau arahan penyimpanan rekod.
- b) Guru sentiasa bertukar ganti mengendalikan bantuan ini disebabkan pertukaran guru ke sekolah lain sering berlaku.
- c) Beban kerja sebagai guru menghadkan masa untuk penyelenggaraan rekod berkenaan.

Akibat daripada rekod dan laporan yang tidak kemas kini, pihak Audit sukar untuk mengesahkan bahawa pengagihan bantuan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod di peringkat pelaksana adalah lemah kerana rekod pengagihan bantuan tidak dikemas kini dan laporan maklumbalas tidak disediakan.

20.2.8 Bekalan Dan Pengagihan Bantuan

Pembekal yang dipilih bertanggungjawab membekalkan dan menghantar bantuan ke sekolah selaras dengan syarat dan panduan yang ditetapkan mengikut kontrak dipersetujui. Pengagihan bantuan pula dilaksanakan di peringkat sekolah berpandukan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian. Pada tahun 2003 hingga 2005 sejumlah RM56.32 juta telah dibelanjakan untuk menampung bantuan susu, pakaian seragam dan alat tulis. **Jadual 40** menunjukkan jumlah perbelanjaan bagi setiap komponen bantuan dan bilangan murid yang menerima bantuan.

Jadual 40
Perbelanjaan Bagi Setiap Komponen Bantuan

Komponen Bantuan	Bilangan Murid Sekolah (Orang)			Jumlah Kos (RM juta)		
	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Susu Sekolah	192,984	194,368	199,049	11.90	12.26	12.53
Pakaian Seragam	158,640	153,837	146,353	4.21	4.25	4.55
Alat Tulis	294,609	289,137	289,575	2.23	2.20	2.19

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

Lawatan Audit ke 43 buah sekolah di daerah Kota Kinabalu, Keningau, Sandakan dan Tawau mendapati perkara berikut :

a) Bantuan Bekalan Susu

i) Penghantaran Susu Oleh Pembekal

Mengikut kontrak yang ditandatangani antara Kerajaan dan pihak pembekal, semua susu perlu dibekalkan dan dihantar ke sekolah mengikut jenis perisa dan jadual hari peminuman serta penghantarannya dilakukan setiap bulan. Semakan Audit terhadap nota serahan atau rekod penerimaan susu bagi tahun 2003 hingga 2005 di semua 43 buah sekolah yang dilawati mendapati penghantaran susu tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Pemeriksaan selanjutnya mendapati semua sekolah yang dilawati ada menerima bekalan susu di antara 3 dan 4 kali setahun. Disebabkan penghantaran ini tidak dilakukan mengikut jadual ditetapkan, bekalan susu dihantar dengan jumlah yang banyak. **Jadual 41** menunjukkan kekerapan bekalan susu dihantar ke sekolah.

Jadual 41
Kekerapan Penghantaran Susu Ke Sekolah

Tempoh Penghantaran Bekalan Susu (Bulan)	Bilangan Sekolah											
	Kota Kinabalu			Sandakan			Tawau			Keningau		
	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005
1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2 hingga 3	10	10	10	11	11	11	11	11	11	7	11	10
4 bulan dan keatas	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4	-	1

Sumber: Rekod Penerimaan Susu Di Sekolah

ii) Penerimaan Susu Di Peringkat Sekolah

Semakan Audit dilakukan terhadap dokumen penerimaan susu di 43 buah sekolah yang dilawati untuk menentukan pihak sekolah telah menerima susu mengikut kontrak. Berdasarkan kepada salinan nota serahan, pihak sekolah ada membuat pengesahan terhadap susu yang diterima. Bagaimanapun, 16 buah sekolah yang dilawati tidak menyimpan dokumen penerimaan susu atau salinan nota serahan yang lengkap. Pihak Audit juga difahamkan, sekolah berkenaan tidak menerima bekalan susu pada tempoh tertentu. **Jadual 42** adalah 2 buah sekolah yang telah mengesahkan tidak menerima bekalan susu bagi tempoh tertentu dan sebuah sekolah iaitu SK Saliku Nabawan yang tidak sempat dilawati juga ada mengesahkan secara bertulis mengenai perkara ini.

Jadual 42
Sekolah Yang Mengesahkan Tidak Menerima Bantuan Susu

Nama Sekolah	Bekalan Untuk Tempoh
SK Lotong Nabawan, Keningau	Januari – Ogos 2005
SK Sapulut Nabawan, Keningau	Januari – Ogos 2005
SK Saliku Nabawan, Keningau	Mei 2003 – Ogos 2005

Sumber: Pengesahan Dari Pihak Sekolah

Semak uji terhadap salinan nota serahan di Kementerian mendapati salinan nota serahan yang lengkap ada diterima yang diserahkan oleh pihak pembekal untuk urusan pembayaran. Kes yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Salina Nota Serahan Yang Dikemukakan Ke Kementerian

Nama Sekolah	Nota Serahan Bagi Bulan	Jumlah Pek Susu Yang Terlibat (Pek)
SK Lotong Nabawan, Keningau	Feb - Mac 2005	2,016
SK Sapulut Nabawan, Keningau	Feb – April 2005	2,744
SK Saliku Nabawan, Keningau	Mei 2003 – Okt 2005	19,362

Sumber: Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

Pada pendapat Audit, Kementerian harus menjalankan penyiasatan terhadap perkara ini dan tumpuan diberikan kepada sekolah luar bandar.

iii) Tempat Penyimpanan Susu Di Sekolah

Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian antara lain menyebut susu yang diterima di sekolah haruslah disimpan di tempat yang bersih dan tidak terdedah kepada sinaran matahari, tidak diletakkan di atas lantai, tidak dicampur aduk dengan barang lain serta disimpan di tempat selamat daripada makhluk perosak. Pemeriksaan fizikal di tempat penyimpanan susu dilakukan semasa lawatan Audit ke 43 buah sekolah. Daripada 43 buah sekolah yang dilawati hanya 20 buah sekolah sahaja mempunyai tempat penyimpanan susu yang sesuai dan selamat. Manakala 23 buah sekolah lagi tidak mempunyai tempat penyimpanan susu dan terpaksa menyimpan bekalan susu di bilik guru atau tempat yang terdedah kepada ancaman makhluk perosak dan bercampur dengan barang stor. Pihak sekolah juga mengalami masalah tempat penyimpanan apabila pembekal menghantar susu yang banyak bagi bekalan untuk 3 atau 4 bulan. **Foto 19** berikut menunjukkan susu disimpan bercampur dengan barang lain.

Foto 19
Susu Yang Ditempatkan Bersama Barang Lain



Sumber: Jabatan Audit Negara

Tarikh : 18 Julai 2005

Lokasi : SJK Sin Hwa, Tawau

iv) Pengagihan Susu Kepada Murid Sekolah

Kumpulan sasar bantuan minuman susu adalah murid sekolah rendah tahun 1 hingga 3 dan murid tadika/tabika. Kementerian telah menetapkan jadual peminuman susu di sekolah ialah 3 kali seminggu pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Perisa susu yang diberikan adalah perisa tembakai, coklat dan susu penuh krim tanpa perisa. Kementerian menetapkan pihak sekolah mengisi borang yang disediakan setiap kali susu diagihkan kepada murid dan laporan dikemukakan kepada Kementerian setiap bulan. Semakan Audit mendapati daripada 43 buah sekolah yang dilawati sebanyak 35 buah sekolah tidak mengisi borang pengagihan dan laporan juga tidak dihantar ke Kementerian. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada peraturan pengagihan susu telah dipatuhi di sekolah tersebut. Bagaimanapun, temubual dengan pihak sekolah mendapati perkara berikut:

- **Pengagihan Tidak Mengikut Kumpulan Sasaran –** Berdasarkan temubual dan soal selidik Audit dengan pihak sekolah, sebanyak 5 daripada 43 buah sekolah yang dilawati iaitu SK Sinulihan Baru Keningau, SK Kampung Bahagia Nabawan, SK Kampung Enam Nabawan di daerah Keningau dan SK Pulau Sanghai dan SK Karamunting di daerah Sandakan juga mengagihkan susu kepada semua murid Tahun 4 hingga 6. Pengagihan ini adalah tidak mengikut kumpulan sasar yang ditetapkan.

- **Pengagihan Tidak Mengikut Hari Peminuman** – Semakan Audit mendapati 33 daripada 43 buah sekolah mengagihkan susu tidak mengikut hari peminuman. Bagaimanapun susu diagihkan setiap hari dan bergantung kepada bekalan susu yang dihantar oleh pembekal.
- **Pengagihan Tidak Mengikut Jumlah Pek Susu** - Semua sekolah yang dilawati menyatakan susu diagihkan lebih dari satu pek setiap hari peminuman. Pihak sekolah terpaksa mengagihkan pek susu dengan kadar yang banyak sekiranya stok susu berlebihan apabila menjelang cuti sekolah dan juga tempat penyimpanan yang terhad dan mengelak berlakunya kerosakan susu. **Jadual 44** menunjukkan bilangan pek susu yang diagihkan kepada murid.

Jadual 44

Bilangan Pek Susu Diagihkan Kepada Murid Untuk Peminuman Sehari

Bil.	Nama Sekolah	Tarikh Terima Susu	Tarikh Cuti Penggal	Beza Hari	Bilangan Pek Diterima	Jumlah Murid	Bilangan Pek Diagihkan
1.	SK Kuala Apas Tawau	11.3.2004	13.3.2004	1	4,368	156	28
		8.8.2004	21.8.2004	6	4,212	156	5
2.	SK Kem Kabota Tawau	3.3.2004	13.3.2004	5	7,756	277	6
		19.5.2004	29.5.2004	5	7,756	277	6
3.	SK Madai Tawau	19.8.2004	21.8.2004	1	6,561	243	27
4.	SK Pekan Tambunan	25.5.2004	29.5.2004	2	6,972	249	14
5.	SK Kg. Enam Nabawan	8.3.2004	13.3.2004	3	3,024	108	9
6.	SK Rancangan Belia Tiulon, Keningau	28.2.2005	12.3.2005	5	3,220	115	5
7.	SK Pekan Keningau	27.5.2005	28.5.2005	1	10,812	636	17
8.	SK Bundu Apin-Apin Keningau	21.10.2003	23.10.2003	1	2,412	67	36
9.	SK St. Mary Labuk Sandakan	18.8.2004	21.8.2004	2	3,402	126	14
10.	SK Pekan Beluran	10.3.2005	12.3.2005	1	15,092	539	28

Sumber: Rekod Sekolah Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Analisis Audit terhadap pengagihan susu kepada murid-murid sekolah bagi tempoh Oktober 2003 hingga Mac 2005 mendapati, pihak sekolah mengagihkan susu di antara 5 hingga 36 pek sehari kepada setiap murid. Ketidak patuhan kepada panduan pengagihan adalah disebabkan pihak pembekal tidak membekal susu mengikut jadual yang ditetapkan. Akibat daripada penghantaran yang tidak konsisten, pihak sekolah terpaksa mengagihkan susu mengikut budibicara masing-masing untuk mengelakkan susu rosak dan terbuang begitu sahaja.

Pada pendapat Audit, sukar bagi pihak sekolah mematuhi pengagihan susu kepada murid mengikut jadual peminuman dan jenis perisa yang ditentukan

akibat penghantaran yang tidak konsisten. Pengagihan susu yang tidak mengikut hari dan pek peminuman menyebabkan dasar untuk memberikan pemakanan yang berzat kepada murid sekolah tidak tercapai.

b) Bantuan Pakaian Seragam

Komponen bantuan bagi pakaian seragam adalah pakaian seragam sekolah dan kasut. Bantuan ini diberi kepada murid sekolah Tahun 1 hingga Tahun 3.

i) Rekod Murid Tidak Tepat

Garis panduan menetapkan, pihak pembekal adalah bertanggungjawab untuk memperolehi data mengenai saiz dan bilangan sebenar murid di setiap sekolah yang telah dikenal pasti oleh Kementerian. Semakan Audit mendapati semua 43 buah sekolah yang dilawati ada menerima borang maklumat berkenaan untuk dilengkapkan oleh pihak sekolah. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati 8 daripada 43 buah sekolah telah merekod bilangan murid antara 50 hingga 282 orang lebih daripada jumlah sebenar bilangan murid yang berada di sekolah. Contoh sekolah yang dikaji adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Perbezaan Data Murid Seperti Di Borang Pesanan Pakaian Seragam
Dan Murid Yang Berdaftar Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Nama Sekolah	Tahun	Bilangan Seperti Di Borang Pesanan (Orang)	Bilangan Murid Sebenar Berdaftar (Orang)	Berlebihan (Orang)	Nilai (RM28 Sepasang) (RM)
SK Batu 4 Jalan Apas Tawau	2003	788	596	192	5,376
	2004	674	568	106	2,968
SK Kuala Apas Tawau	2003	215	155	60	1,680
	2004	193	132	61	1,708
SK Mostyn Kunak	2004	341	281	60	1,680
	2005	369	177	192	5,376
SK Tampi-Tampi Semporna	2003	240	171	69	1,932
	2004	224	173	51	1,428
	2005	328	194	134	3,752
SK Pekan Keningau	2003	682	626	56	1,568
	2004	661	611	50	1,400
	2005	-	-	-	-
SK Karamunting Sandakan	2003	-	-	-	-
	2004	1184	902	282	7,896
SK Tanjung Aru I	2003	784	552	232	6,496
	2004	657	598	59	1,652
SK SRK Sacred Heart Kota Kinabalu	2003	485	400	85	2,380
	2004	-	-	-	-
Jumlah		7,825	6,136	1,689	47,292

Sumber: Rekod Sekolah Bagi Tempoh 2003 hingga 2005

Pemeriksaan Audit menunjukkan pembekal pakaian seragam mengikut bilangan seperti murid di borang pesanan yang disediakan oleh pihak sekolah. Ini mengakibatkan bekalan pakaian seragam yang dibekalkan berlebihan sebanyak 1,689 pasang pakaian seragam yang melibatkan kos berjumlah RM47,292. Mengikut penerangan pihak sekolah, baki berlebihan pakaian seragam diberikan kepada murid baru yang berpindah di sekolah itu dan juga menggantikan pakaian murid sekiranya berlaku kerosakan atau basah.

ii) Penghantaran Pakaian Seragam Oleh Pembekal

Mengikut perjanjian, pada tahun 2003 pembekal perlu membekal dan menghantar pakaian seragam ke sekolah sebelum 31 Disember dan pada tahun 2004 dan 2005 penghantaran adalah sebelum 31 Oktober setiap tahun. Semakan Audit di 43 buah sekolah terhadap penerimaan pakaian pada tahun 2003 mendapati 33 buah sekolah menunjukkan pakaian dihantar oleh pembekal sebelum 31 Disember manakala 10 sekolah tidak mempunyai rekod. Pada tahun 2004 pula 35 buah sekolah menerima pakaian sebelum 31 Oktober dan 1 menerima pada bulan November manakala 7 buah sekolah tidak ada rekod. Setakat bulan September 2005 pula, hanya 18 buah sekolah telah menerima bekalan.

iii) Pengesahan Penerimaan Pakaian Seragam

Garis Panduan Pengurusan Barang Bantuan Perkhidmatan Sosial Negeri Sabah menetapkan pihak sekolah hendaklah memeriksa barang dan mengesahkan kuantiti yang betul dan mengikut saiz yang dipesan. Bagaimanapun, semakan Audit menunjukkan tidak ada bukti pemeriksaan telah dilaksanakan oleh guru/pegawai yang dipertanggungjawabkan, malahan tanda tangan diturunkan sebagai mengesahkan penerimaan. Pengesahan dilakukan hanya berdasarkan maklumat yang dicatat di bungkusan pakaian seragam yang dihantar.

iv) Pengagihan Pakaian Seragam Kepada Murid

Kumpulan murid yang layak menerima bantuan pakaian seragam adalah murid sekolah Tahun 1 hingga Tahun 3. Setiap murid akan diberi bantuan sepasang pakaian dan sepasang kasut setiap tahun. Semakan Audit menunjukkan pihak sekolah telah mengagihkan pakaian seragam mengikut jumlah bantuan dan kumpulan yang disasarkan. Bagaimanapun, 5 buah sekolah yang dilawati di Kota Kinabalu tidak menyimpan rekod bantuan yang diajihkan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ianya telah diajih mengikut kumpulan sasar.

v) Pengesahan Penerimaan Bantuan Oleh Murid

Mengikut garis panduan, semua murid yang menerima bantuan pakaian seragam dikehendaki menurunkan tanda tangan atau cap jari di borang yang telah disediakan oleh Kementerian. Semakan Audit mendapati 26 daripada 43

buah sekolah yang dilawati tidak menyediakan borang berkenaan. Tanpa pengesahan ini menyukarkan pemeriksaan Audit dan penerimaan bantuan tidak dapat disahkan/dipastikan.

vi) Laporan Maklum Balas Kepada Kementerian

Untuk membolehkan pihak Kementerian mendapat maklumat mengenai bantuan pakaian seragam, pihak sekolah terlibat dikehendaki membuat laporan berhubung sebarang kekurangan, kecacatan atau tidak mengikut saiz pakaian seragam yang dipesan. Pada tahun 2003 hingga 2005, laporan mengenai kekurangan atau kerosakan tidak ada dilaporkan kepada Kementerian.

Pada pendapat Audit, pengurusan bantuan pakaian seragam adalah tidak memuaskan.

c) Bantuan Alat Tulis

Bantuan alat tulis yang diberikan kepada murid sekolah Tahun 1 hingga Tahun 6 adalah terdiri dari buku latihan, pen mata bulat dan pensel.

i) Penghantaran Alat Tulis Oleh Pembekal Ke Sekolah

Mengikut perjanjian, pihak pembekal dikehendaki membekal dan menghantar alat tulis ke sekolah selewat-lewatnya pada bulan Jun setiap tahun. Lawatan Audit ke sekolah mendapati semua 43 buah sekolah mengesahkan telah menerima barang itu seperti yang ditetapkan.

ii) Rekod Pengagihan Alat Tulis Oleh Sekolah Kepada Murid

Garis panduan mengenai bantuan alat tulis menetapkan kategori murid yang diberi bantuan adalah mengikut bilangan alat tulis seperti yang telah ditentukan. Pembahagian alat tulis perlu direkodkan. Walau bagaimanapun semakan Audit menunjukkan semua sekolah yang dilawati tidak menyelenggarakan rekod dengan kemas kini. Rekod seperti nama murid dan bilangan alat tulis diagihkan tidak disimpan di sekolah. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada alat tulis berkenaan telah diagihkan kepada murid mengikut bilangan yang ditetapkan.

iii) Laporan Maklum Balas Ke Kementerian

Kementerian menghendaki setiap sekolah menghantar maklum balas sekiranya berlakunya kekurangan atau kelebihan barang yang dihantar oleh pembekal. Pemeriksaan Audit di 43 sekolah mendapati tidak ada rekod menunjukkan pihak sekolah mengemukakan laporan mengenai perkara berkenaan. Bagaimanapun, temubual dengan guru yang bertanggungjawab menerangkan kadangkala berlakunya pen atau pensel yang kurang memuaskan.

Pada pendapat Audit, laporan atau maklum balas adalah saluran penting sekiranya berlaku bekalan barang yang diterima tidak memuaskan untuk membolehkan pihak Kementerian mengambil tindakan susulan.

20.2.9 Prestasi Perbelanjaan

Pembentukan program ini adalah di bawah peruntukan Perbelanjaan Khas Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna. Pada tahun 2003 hingga 2005 Kementerian telah diluluskan peruntukan masing-masing berjumlah RM20.00 juta setiap tahun. Kementerian telah membelanjakan masing-masing berjumlah RM18.34 juta pada tahun 2003, RM18.70 juta pada tahun 2004 dan RM19.27 juta pada tahun 2005. **Jadual 46** menunjukkan butiran perbelanjaan.

Jadual 46
Peruntukan Yang Dibelanjakan

Tahun	Peruntukan Dipohon (RM Juta)	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2003	20.27	20.00	18.34	91.70
2004	22.25	20.00	18.70	93.5
2005	22.64	20.00	19.27	96.35

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah baik, peratusan perbelanjaan yang dilakukan adalah melebihi 91%.

Pada pandangan Audit pelaksanaan program bantuan bagi bekalan susu tidak memuaskan. Bagaimanapun, bekalan pakaian seragam dan alat tulis adalah baik. Pembekal bagi bekalan susu tidak mampu membekalkan mengikut jadual yang ditetapkan mengakibatkan jadual peminuman tidak dapat dipatuhi. Agihan susu yang berlebihan kepada murid mengakibatkan bantuan diberi akan diagihkan semula kepada bukan kumpulan sasar yang ditetapkan.

20.3 PEMANTAUAN

Pemantauan berterusan adalah penting bagi memastikan program dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di mana masalah yang timbul boleh dikenal pasti dan diatasi dengan segera.

20.3.1 Laporan Maklumbalas Dari Sekolah

Kementerian telah menetapkan laporan penerimaan dan pengagihan semua jenis bantuan disediakan dan dikemukakan kepada Kementerian setiap bulan. Pihak sekolah perlu menyediakan laporan berdasarkan kepada garis panduan dan format yang telah disediakan oleh Kementerian. Semakan Audit mendapati hampir semua sekolah yang

dilawati tidak menyediakan atau mengemaskinikan laporan berkenaan dan tidak menghantar laporan ke Kementerian.

Pada pendapat Audit Kementerian tidak dapat memantau dan mengenal pasti masalah untuk mengesan ketidak patuhan kepada penghantaran dan pengagihan bantuan apabila laporan tidak disediakan.

20.3.2 Jawatankuasa Yang Ditubuhkan

Bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diberi, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan 3 jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Kerja Dasar, Jawatankuasa Kerja Kewangan dan Jawatankuasa Kerja Pengawasan. Keahlian jawatankuasa adalah terdiri dari Kementerian Kewangan Negeri, Jabatan Pendidikan, Bendahari Negeri, Jabatan Kesihatan Sabah dan agensi pelaksana lain. Antara fungsi jawatankuasa berkenaan adalah seperti berikut:

- a) Mengawasi pelaksanaan program dan mengenal pasti masalah, meneliti cadangan dan membuat keputusan.
- b) Menilai keberkesanan program dan menganalisis laporan dan kajian yang telah dijalankan.
- c) Membincangkan masalah yang berkaitan dengan kewangan.

Jawatankuasa yang ditubuhkan ini juga perlu bermesyuarat seperti yang ditetapkan iaitu Jawatankuasa Induk Program Sosial 4 kali setahun, Jawatankuasa Kerja Pengawasan 2 bulan sekali dan Jawatankuasa Kerja dan Kewangan mengikut keperluan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 tidak ada mesyuarat diadakan oleh jawatankuasa berkenaan kecuali 1 mesyuarat diadakan oleh Jawatankuasa Kewangan pada 28 Julai 2003.

Pada pendapat Audit, penubuhan jawatankuasa ini adalah usaha baik bagi membolehkan Kerajaan memantau pengurusan program dan sebagai dasar untuk membuat keputusan. Disebabkan jawatankuasa tidak mengadakan mesyuarat seperti yang ditetapkan, masalah atau sebarang kepincangan yang berlaku semasa melaksanakan program tidak dapat diketahui dan ia akan berlarutan.

20.3.3 Pemeriksaan Dan Lawatan

Salah satu kaedah pemantauan yang berkesan adalah dengan membuat lawatan untuk meninjau bantuan dilaksanakan diperingkat sekolah. Kementerian ada menyediakan program lawatan ke sekolah-sekolah di seluruh Negeri. Antara objektif lawatan adalah untuk meninjau dan mengawasi pelaksanaan bantuan, mengenal pasti masalah dan memberi penerangan kepada pihak sekolah mengenai sistem pengendalian bantuan. Pada tahun 2003 hingga 2005 pegawai dari Unit Program Sosial telah melawat 316 buah sekolah berbanding 1,057 buah sekolah yang

mendapat bantuan. Laporan setiap lawatan ada disediakan dan dikemukakan kepada pihak pengurusan Kementerian.

Pada pendapat Audit, lawatan yang dilakukan adalah cara yang paling baik untuk pemantauan.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap pengurusan program bantuan perlu dipertingkatkan lagi. Pihak Kementerian dan agensi yang bertanggungjawap haruslah memainkan peranan dan mengambil tindakan yang bersepada supaya dasar dan hala tuju program bantuan murid sekolah rendah dan tadika tercapai.

21. RUMUSAN DAN SYOR

Program bantuan yang diwujudkan oleh Kerajaan adalah baik dan telah membantu meringankan beban kewangan ibu bapa. Aspek perancangan adalah memuaskan tetapi pelaksanaan dan pemantauannya masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan lagi. Oleh itu pihak Audit mengesyorkan supaya Kementerian mengkaji dan mempertimbangkan langkah berikut:

- a) Sistem penghantaran susu yang tidak mengikut jadual perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana kegagalan menghantar susu mengikut jadual bukan hanya menjelaskan peminuman susu mengikut hari yang ditetapkan, malah juga memberi masalah penyimpanan kepada sekolah khasnya sekolah yang tidak mempunyai stor yang luas. Untuk mengatasi masalah ini adalah disyorkan Kementerian mengkaji kemungkinan untuk menggunakan sistem kupon kepada murid sekolah di kawasan bandar supaya ibu bapa dapat memperoleh susu melalui gedung pasar raya yang dilantik khas oleh Kementerian. Keadaan ini bukan saja dapat menentukan murid sekolah dapat bekalan susu tetapi juga dapat membantu pembekal untuk menghantar susu kepada sekolah di luar bandar dengan kerap.
- b) Pembekal hendaklah menghantar susu secara konsisten dan mengikut jadual yang ditetapkan. Tindakan perlu diambil terhadap pembekal yang gagal mematuhi syarat yang dipersetujui.
- c) Semua sekolah yang menerima bantuan hendaklah menyediakan rekod yang lengkap dan kemas kini serta menghantar maklum balas mengenai penerimaan dan pengagihan bantuan kepada Kementerian mengikut masa yang ditetapkan.
- d) Guru yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan bantuan perlu diberi taklimat atau panduan yang jelas.
- e) Mempertingkatkan lagi aktiviti pemantauan terhadap pelaksanaan program dan menentukan semua peraturan yang ditetapkan dipatuhi dengan sepenuhnya dan sebarang kepincangan diambil tindakan sewajarnya.

JABATAN AIR NEGERI SABAH

PROGRAM PENGURANGAN AIR TAK BERHASIL MELALUI PROJEK PENGGANTIAN PAIP

22. LATAR BELAKANG

22.1 Jabatan Air di Negeri Sabah menghadapi masalah kehilangan air tak berhasil atau *Non Revenue Water (NRW)* setiap tahun. Kadar purata kehilangan air adalah sebanyak 68.2% bagi tempoh tahun 2000 hingga 2004. Faktor utama yang mengakibatkan NRW adalah kebocoran paip lama jenis *Asbestos Cement, High Density Polyethylene* dan *Unplasticised Polyvinyl Chloride* yang dianggarkan berusia lebih 20 tahun. NRW ini juga disebabkan oleh kecurian air. Oleh itu, Jabatan Air Negeri Sabah telah berusaha untuk mengurangkan NRW melalui Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil (NRW) yang mula dilaksanakan pada tahun 1996.

22.2 NRW adalah jumlah air yang telah dirawat dan disalurkan di dalam paip tetapi telah hilang dan tidak mendatangkan hasil kepada Jabatan Air. NRW terbahagi kepada dua iaitu kehilangan fizikal dan kehilangan komersil. Kehilangan fizikal adalah disebabkan oleh kebocoran sementara kehilangan komersil antaranya disebabkan oleh meter perlahan, salah bacaan meter, kecurian dan air yang dibenarkan percuma. Mengikut *Malaysia Water Industry Guide 2004*, peratus NRW di peringkat Kebangsaan pada tahun 2002 adalah 40.6% dan tahap peratus NRW yang boleh diterima adalah 25%.

22.3 Tujuan projek penggantian paip adalah untuk mengurangkan NRW. Projek ini merupakan salah satu daripada komponen utama Program NRW yang mengandungi 9 komponen kerja projek. Komponen kerja projek ini terdiri daripada mengganti/membapkulih/menyelenggara saluran paip termasuk lengkapan, stesen pam penggalak dan takungan khidmat, memperluaskan liputan Sistem Pengawalan Kobocoran Air Secara Aktif, mengadakan sistem pengurusan tekanan air yang efektif, mewujudkan atau menaik taraf Sistem Maklumat Geografi atau *Geographical Information System (GIS)*, menaik taraf sistem pangkalan data bil, meneruskan Program Pengurangan Kehilangan Komersil, mengganti/mengurus/menyelenggara meter air termasuk paip penghubung, mengawal kecurian air dan pemindahan teknologi serta sumber manusia kepada Jabatan Air.

22.4 Program NRW ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dengan kos berjumlah RM127 juta yang dibiayai melalui pakej pinjaman Kerajaan Persekutuan. Sebahagian besar daripada kos program yang diluluskan tersebut adalah untuk projek penggantian paip. Di bawah program ini, Jabatan Air merancang untuk menjalankan 10 projek penggantian paip iaitu melibatkan Daerah Kota Belud, Sipitang, Sandakan, Tawau, Kota Kinabalu, Lahad Datu, Keningau, Beaufort, Ranau dan Kudat.

23. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada penggantian paip yang dilaksanakan di bawah Program Mengurangkan Kadar kehilangan Air Tak Berhasil melalui projek penggantian paip telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya untuk mengurangkan kadar kehilangan air tak berhasil.

24. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek penggantian paip. Tumpuan utama adalah aktiviti penggantian paip bagi tempoh tahun 2001 sehingga 2005 melibatkan 3 dari 4 projek penggantian paip iaitu di Kota Belud, Sipitang dan Sandakan. Projek ini dipilih kerana Negeri Sabah mengalami kehilangan air yang paling tinggi di Malaysia dan ia melibatkan sebahagian besar peruntukan kewangan untuk Program NRW. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis dokumen seperti kertas cadangan, minit mesyuarat, perjanjian, fail dan rekod kewangan. Temu bual dengan pegawai Jabatan dan lawatan fizikal juga dijalankan terhadap penggantian paip di Daerah Kota Belud, Sipitang dan Sandakan.

25. PENEMUAN AUDIT

25.1 PERANCANGAN

Perancangan adalah penting bagi memastikan sesuatu program/aktiviti dapat dilaksanakan secara teratur ke arah pencapaian matlamatnya. Dalam konteks projek penggantian paip, perancangan mestilah dibuat secara teliti dan komprehensif iaitu perlu mempunyai garis panduan yang jelas, kakitangan, peralatan dan kewangan yang mencukupi. Aspek perancangan yang disemak adalah meliputi perkara berikut:

25.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri mengenai bekalan air di Negeri Sabah adalah untuk memastikan bekalan air bersih adalah mencukupi dan memenuhi permintaan pengguna. Pengguna air terdiri daripada penduduk kawasan bandar dan luar bandar, domestik dan industri selaras dengan keperluan pembangunan sektor ekonomi dan sosial Negeri Sabah. Dasar ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Air Negeri Sabah. Selain itu, kehilangan air diminimumkan dengan mengurangkan kebocoran seberapa yang boleh di sepanjang sistem pengagihan air. Kerajaan Negeri juga mempertingkatkan pengurusan kawasan tадahan air untuk memastikan kualiti serta kuantiti air mentah tidak berubah disebabkan pembangunan.

25.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

- a) Pelaksanaan program ini adalah berpandukan kepada Undang-undang dan peraturan antaranya seksyen 30 hingga 34 mengenai pemotongan paip bekalan, seksyen 48 mengenai kuasa untuk mengkompaun dan seksyen 50 mengenai penyambungan paip yang menyalahi undang-undang Enakmen Bekalan Air tahun 2003, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri. Selain itu, Jabatan Air juga menggunakan formula pengiraan kehilangan air berdasarkan kepada *International Water Association (IWA) Best Practice Standard Water Balance* yang ditakrifkan seperti berikut:

$$\% \text{ NRW} = \frac{\text{Pengeluaran} - \text{Kuantiti dibilkan}}{\text{Pengeluaran}} \times 100\%$$

Pengeluaran ialah jumlah meter padu (m³) air yang dikeluarkan
Kuantiti dibilkan ialah jumlah pengeluaran x RM0.90 per meter padu

- b) Pemilihan paip diurus berdasarkan Garis Panduan yang disediakan oleh *The Malaysian Water Association (MWA) - Design Guidelines For Water Supply System*. MWA menyenaraikan jenis paip yang boleh digunakan. Antaranya ialah *Ductile Iron (DI)*, *Unplasticised Polyvinyl Chloride (uPVC)*, *Asbestos Cement (AC)*, *High Density Polyethylene/Medium Density Polyethylene (HDPE/MDPE)*, *Cast Iron (CI)*, *Steel (S)* dan *Prestressed Concrete (PSC)*. **Foto 20** hingga **Foto 23** menunjukkan jenis paip yang akan digunakan dalam projek penggantian paip.

Foto 20

Paip Air Jenis ‘Acrylonitrile Butadiene Styrene (ABS)’



Sumber : Fail Foto Jabatan Air Negeri Sabah
Lokasi: Stor Jabatan Air Negeri Sabah

Foto 21
Paip Air Jenis ‘Mild Steel Cement Lined’ (MSCL)



Sumber : Fail Foto Jabatan Air Negeri Sabah

Lokasi : Stor Jabatan Air Negeri Sabah


Foto 22
Paip Air Jenis ‘Unplasticised Polyvinyl Chloride’ (uPVC)



Sumber : Fail Foto Jabatan Air Negeri Sabah

Lokasi : Stor Jabatan Air Negeri Sabah

Foto 23
Paip Air Jenis 'Ductile Iron' (DI)




Sumber : Fail Foto Jabatan Air Negeri Sabah

Lokasi: Stor Jabatan Air Negeri Sabah

25.1.3 Pelan Tindakan/Strategi Kerajaan Negeri

Unjuran jumlah penduduk berbanding bekalan air bagi tempoh 10 tahun adalah seperti di **Graf 1** dan di **Jadual 47**.

Graf 1
Permintaan Air Berbanding Populasi Penduduk



Jadual 47
Permintaan air berbanding populasi penduduk

Tahun	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Permintaan Air (JLH) 1996-2001 : 5% p.a. 2001-2020 : 3.5% p.a	797	838	881	925	972	1,021	1,073	1,128	1,185	1,245	1,308
Pertumbuhan Populasi 2.4%'(000)	2,795	2,862	2,932	3,036	3,143	3,255	3,371	3,490	3,614	3,743	3,876

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Objektif program penggantian paip ini adalah untuk mengurangkan tahap kehilangan air daripada 65% pada tahun 2003 menjadi 25% pada tahun 2013. Tahap 65% NRW melibatkan kerugian sejumlah RM151.6 juta setahun kepada Kerajaan Negeri. **Jadual 48** menunjukkan data terperinci NRW bagi setiap daerah.

Jadual 48
Taburan NRW Setiap Daerah Bagi Tahun 2003

Bil.	Bekalan Air Daerah	Pengeluaran Semasa (m ³ /hari)	Pengeluaran (m ³ juta)/ Setahun	Pengeluaran Setahun (RM juta)	Jumlah Pungutan Selepas Penyesuaian (RM juta)	NRW (RM juta)	NRW (%)
1.	Beaufort	27,839.21	10.16	9.14	1.93	7.21	79
2.	Beluran	3,184.01	1.16	1.04	0.19	0.85	81
3.	Keningau	38,167.31	13.93	12.54	1.14	11.40	91
4.	Kinabatangan	5,156.54	1.88	1.70	0.22	1.48	87
5.	Kota Belud	16,215.37	5.92	2.66	0.92	1.74	65
6.	Kota Kinabalu	239,820.00	87.53	78.78	41.88	36.90	47
7.	Kota Marudu	14,691.67	5.36	4.82	0.89	3.93	82
8.	Kuala Tongod	309.72	0.11	0.10	0.02	0.08	83
9.	Kudat	24,498.15	8.94	8.05	1.31	6.74	84
10.	Kunak	6,302.75	2.30	2.07	0.35	1.72	83
11.	Lahad Datu	50,775.57	18.53	16.68	3.90	12.78	77
12.	Membakut	12,016.00	4.39	3.95	0.85	3.10	78
13.	Nabawan	1,809.01	0.66	0.59	0.21	0.38	65
14.	Papar	13,490.00	4.92	4.43	0.27	4.16	94
15.	Pitas	1,702.48	0.62	0.56	0.14	0.42	74
16.	Ranau	8,183.22	2.99	2.69	1.15	1.54	57
17.	Sandakan	72,236.38	26.37	23.73	13.02	10.71	45
18.	Semporna	19,126.88	6.98	6.28	1.60	4.68	75
19.	Sipitang	6,622.80	2.42	2.18	0.45	1.73	79
20.	Sook	238.62	0.09	0.08	0.03	0.05	60
21.	Tambunan	7,500.00	2.74	2.47	0.67	1.80	73
22.	Tawau	120,620.51	44.03	39.63	9.38	30.25	76
23.	Telupid	3,128.73	1.14	1.02	0.20	0.82	80
24.	Tenom	6,244.87	2.28	2.04	0.38	1.66	82
25.	Tuaran	23,070.00	8.42	7.57	2.10	5.47	72
Jumlah		722,949.80	263.87	234.80	83.20	151.60	65

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Kehilangan air yang sangat tinggi hingga menjangkau 94% mendorong Kerajaan Negeri melaksanakan segera program penggantian paip supaya Kerajaan Negeri tidak terus mengalami kerugian akibat NRW. Pelaksanaan program ini dijangka dapat menjimatkan sejumlah RM626.91 juta dan penurunan NRW menjadi 25% dalam jangkamasa 10 tahun. Ini adalah berdasarkan kepada peratus penjimatan dari jumlah penjualan air masa kini seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Anggaran Penjimatan Kewangan Dalam
Jangkamasa 10 Tahun

Tahun	Anggaran		(3) NRW dijangkakan (%)	(4) Penjimatan Tahunan (RM juta)	(5) Penjimatan Tahunan Terkumpul (RM juta)
	(1) Pengurangan Tahunan NRW (%)	(2) Pengurangan NRW Terkumpul (%)			
2004	2	2	63	4.75	4.75
2005	8	10	55	23.75	28.50
2006	8	18	47	42.75	71.25
2007	5	23	42	54.62	125.87
2008	5	28	37	66.49	192.36
2009	4	32	33	75.99	268.35
2010	3	35	30	83.11	351.46
2011	2	37	28	87.86	439.32
2012	2	39	26	92.61	531.93
2013	1	40	25	94.98	626.91

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Nota *:
(1) Harga jualan 1m3 = 0.90 sen
(2) Pengeluaran Harian m3 = 722,950
(3) Pengeluaran Tahunan m3 = 263,876,677
(4) Nilai jualan tahunan = (3) x (1)
= RM237.49 juta

(5) Peratus NRW = 65% (Tahun Asas 2003)
(6) Kehilangan harian m3=65% x (2)=469,917
(7) Kehilangan Tahunan m3= 171,519,840
(8) Nilai kehilangan tahunan= (7) x (1)
=RM154.37 juta

25.1.4 Sasaran Projek

Sasaran projek penggantian paip adalah untuk menggantikan paip lama yang berkarat dan kerap bocor disebabkan usia paip yang melebihi 20 tahun di Daerah Kota Belud, Sipitang dan Sandakan. Dengan projek penggantian paip ini, Jabatan dijangka akan mencapai matlamatnya untuk menurunkan tahap peratus NRW di daerah terbabit iaitu Daerah Kota Belud, peratus kehilangan berkurangan 5%, Sipitang berkurangan 30% dan Sandakan berkurangan 13%. **Jadual 50** menunjukkan justifikasi dan matlamat sasaran projek.

Jadual 50
Penggantian Paip dan Matlamat Sasaran
Projek Penggantian Paip

Bil.	Daerah	Jarak Penggantian Paip	Matlamat Sasaran
1.	Kota Belud	Menggantikan paip lama yang berkarat dan kerap bocor sepanjang 5.30 km.	Mengurangkan peratus NRW daripada 70% pada tahun 2002 menjadi 65% pada Februari 2004. Projek ini dijadualkan siap pada awal tahun 2004. Jenis paip yang akan digunakan adalah ABS, MSCL dan DI bersaiz 150 mm dan 200 mm.
2.	Sipitang	Menggantikan paip lama yang berkarat, kerap bocor, banyak aduan kualiti air dan banyak penyambungan haram sepanjang 15.08 km.	Mengurangkan peratus NRW daripada 66% pada tahun 2002 menjadi 36% pada Mac 2005. Projek ini dijadualkan siap pada awal tahun 2005. Jenis paip yang akan digunakan adalah DI bersaiz 100 mm, 150 mm, 200 mm dan 300 mm.
3.	Sandakan	Menggantikan paip lama yang kerap bocor, rosak akibat tanah runtuh dan penyambungan haram sepanjang 99.66 km.	Penjimatan air sebanyak 15 juta liter sehari. Peratus NRW dikurangkan daripada 54% pada tahun 2002 menjadi 41% pada Oktober 2005. Projek ini dijadualkan siap pada akhir tahun 2005. Jenis paip yang akan digunakan adalah uPVC, MSCL dan DI bersaiz 100 mm, 150 mm, 200 mm, 250 mm, 300 mm, 450 mm dan 914 mm.

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

25.1.5 Penyediaan Spesifikasi/Reka Bentuk/Pelan

Spesifikasi/rekabentuk/pelan disediakan oleh Bahagian Perancangan Dan Pembangunan yang diketuai oleh Ketua Jurutera Air atau Jurutera Bahagian bagi daerah. Perkara yang akan diambil kira untuk penyediaan spesifikasi adalah perancangan dari segi kerja pengorekan, penentuan jenis dan panjang batang paip yang akan diganti. Skop kerja dan anggaran kos akan ditetapkan berdasarkan perancangan yang ditentukan terhadap kerja pengorekan, penentuan jenis paip, jarak dan lain-lain kerja yang berkaitan.

Perbezaan jenis paip adalah dari segi berat, daya tahan, mudah dikendalikan untuk penyambungan dan harga. Oleh itu, bagi pemilihan jenis paip yang akan digunakan, perkara berikut perlu ditentukan terlebih dahulu:

- a) Tekanan kerja dan tekanan ujian, termasuk tekanan pusuan.
- b) Kekuatan paip untuk menahan beban reka bentuk dalaman dan luaran.
- c) Ketahanlasakan paip.
- d) Kesesuaian dan kebolehkerjaan untuk memasang dan mengoperasi mengikut keperluan.
- e) Modal, kos operasi dan penyenggaraan.
- f) Jangkaan tempoh kemungkinan kebocoran akan berlaku.

Jabatan tidak menyediakan garis panduan yang khusus untuk *preventive* dan *curative* bagi penyelenggaraan dan penggantian paip tetapi berpandukan kepada faktor seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51
Faktor Penyelenggaraan Dan Penggantian Paip

Bil.	Faktor	Asas
1.	Fizikal	-Panjang paip -Diameter paip -Jenis paip -Tahun pembinaan
2.	Struktur	-Kadar rekahan
3.	Hidrolik	-Aliran -Tekanan dalam air
4.	Kualiti Air	-Bilangan aduan -Keladak klorin -Kekeruhan
5.	Kebocoran	-Bilangan kebocoran -Isipadu kebocoran
6.	Sesuai dengan standard rekabentuk semasa	-Diameter paip -Jenis paip
7.	Kepentingan/potensi bahaya/kemungkinan kegagalan	-Diameter paip -Jenis paip
8.	Penyambungan haram	-Jenis paip -Bilangan penyambungan haram

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Dari segi teknologi, salah satu dari komponen kerja bagi program NRW adalah Mewujudkan atau Menaik taraf Sistem Maklumat Geografi (GIS). GIS ini akan dapat memudahkan pemantauan dan pengawalan sistem agihan bekalan air, memudahkan pemerolehan data seperti saiz paip, jenis paip dan panjangnya serta membolehkan data pengguna diperolehi dengan lebih cepat dan tepat.

25.1.6 Lokasi/Tapak Projek

Projek penggantian paip di bawah Program NRW yang akan dilaksanakan di daerah Kota Belud, Sipitang dan Sandakan perlu mengambilkira beberapa perkara seperti berikut :

- a) Pemilihan dan pengenalpastian lokasi/tapak iaitu yang melibatkan jalan utama, kawasan setinggan, kawasan perumahan, kawasan rumah kedai dan lain-lain kawasan adalah bebas daripada sebarang masalah.
- b) Mendapatkan kerjasama Jabatan Teknikal seperti Jabatan Tanah, Jabatan Kerja Raya, Sabah Elektrik Sdn. Bhd dan lain-lain untuk menentukan tapak yang sesuai.
- c) Membuat kajian kesesuaian lokasi bagi memastikan jenis paip yang sesuai digunakan.

25.1.7 Komponen Kerja Projek

Komponen kerja yang akan dijalankan bagi ketiga-tiga projek mengikut daerah adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52
Komponen Kerja Projek Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Komponen Kerja Projek
1.	Kota Belud	<ul style="list-style-type: none"> - Menyusun semula sistem rangkaian paip agihan dan paip transmisi di Pekan Kota Belud. - Penggantian paip lama ke 150 mm ABS, MSCL dan 200 mm MSCL dan DI. - Pemasangan meter aliran magnetik dan pembinaan 6 <i>District Metered Zones</i> (DMZ). - Pengurusan tekanan air ~ Pemasangan Injap Pengurang Tekanan (PRV). - Pemetaan Digital ~ Pembangunan GIS termasuk latihan kepada kakitangan. - Penggantian dan pemasangan semula paip distribusi pengguna air yang terjejas. - Membuat kajian dan menyiasat kehilangan air termasuk mengenalpasti sambungan haram.
2.	Sipitang	<ul style="list-style-type: none"> - Pembekalan peralatan pengesanan kebocoran. - Pengurusan tekanan air. - Pembangunan GIS termasuk latihan untuk kakitangan Jabatan Air. - Pembinaan 16 DMZ. - Mengalih dan menyeragam kedudukan <i>Stand Meter</i>. - Penggantian 2 unit Tangki Air (1,000 meter padu dan 545 meter padu). - Penggantian paip ke 100 mm DI, 150 mm DI, 200 mm DI dan 300 mm DI.
3.	Sandakan	<ul style="list-style-type: none"> - Pembekalan peralatan pengesanan dan pemantauan kebocoran (pembinaan 20 DMZ) termasuk latihan untuk kakitangan Jabatan. - Pembangunan GIS dan Model Haiderolik termasuk latihan untuk kakitangan Jabatan. - Penggantian paip ~ anggaran 70 km panjang. - Pembaikan paip ~ anggaran 5,000 pembaikan.

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

25.1.8 Keperluan Kewangan

Peruntukan yang mencukupi amat penting bagi memastikan projek yang dirancang dapat dijalankan dengan berkesan. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan

(RMK-8), Jabatan Air Negeri Sabah menganggarkan sejumlah RM127 juta adalah diperlukan bagi Program Kehilangan Air Tak Berhasil (NRW). Jumlah tersebut akan diperolehi melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah itu, sejumlah RM53.80 juta diperuntukan untuk Program NRW di daerah Kota Belud, Sipitang dan Sandakan. Keperluan kewangan bagi melaksanakan projek penggantian paip pula akan melibatkan sejumlah RM32.17 juta atau 59.8% daripada anggaran peruntukan program NRW di ketiga-tiga daerah tersebut seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53
Keperluan Kewangan Untuk Melaksanakan Projek
Penggantian Paip (Di Bawah Program NRW)

Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan Untuk Program NRW (RM Juta)	Anggaran Kos Projek Penggantian Paip (RM Juta)
1.	Kota Belud	5.00	1.31
2.	Sipitang	13.80	8.84
3.	Sandakan	35.00	22.02
Jumlah		53.80	32.17

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

25.1.9 Jadual Pelaksanaan

Tempoh dan jadual pelaksanaan projek penggantian paip di bawah Program NRW adalah seperti di **Jadual 54**.

Jadual 54
Tempoh Dan Jadual Pelaksanaan

Bil.	Daerah	Tarikh Mula	Tarikh Dijangka Siap	Tempoh (bulan)
1.	Kota Belud	24 Disember 2002	17 Februari 2004	15
2.	Sipitang	17 Mac 2003	16 Mac 2005	24
3.	Sandakan	16 April 2003	15 Oktober 2005	30

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah


25.1.10 Jangkaan Projek

Tujuan projek penggantian paip ini dijalankan adalah untuk memastikan pengguna air yang berdaftar akan mendapat bekalan air yang lebih sempurna dan meminimumkan masa gangguan bekalan air disebabkan paip bocor. Projek ini akan meningkatkan pengeluaran jumlah bil seterusnya meningkatkan jumlah kutipan hasil. Selain itu, penggantian paip ini akan menjadikan rangkaian paip lebih sempurna dan teratur serta dapat mengurangkan kadar NRW di daerah terbabit.

25.1.11 Struktur Pengurusan

Struktur pengurusan yang lengkap dan mencukupi adalah penting bagi memastikan pelaksanaan projek penggantian paip di bawah Program NRW berjalan lancar dan teratur. **Carta 5** menunjukkan carta organisasi Bahagian yang terlibat dengan pengurusan projek di Jabatan Air Negeri Sabah.

Carta 5
Carta Organisasi
Program Mengurangkan NRW Negeri Sabah



Terdapat 6 Bahagian yang terlibat dengan pengurusan projek Jabatan iaitu Bahagian Pembangunan Dan Perancangan, Bahagian Operasi Dan Penyelenggaraan, Bahagian Kualiti Air, Bahagian Agihan Dan Kebocoran, Bahagian Kontrak Dan Tuntutan serta Bahagian Kewangan. Tugas bahagian terbabit antaranya ialah merancang dan menyediakan program projek bekalan air, menyelenggara sistem agihan air, mengurus rangkaian paip agihan, memastikan data pengguna yang terkini di dalam sistem bil, memeriksa tuntutan dan mengesahkan pembayaran kepada pihak kontraktor serta mengurus dan memantau semua aktiviti kewangan. Untuk itu, Jabatan merancang dan memerlukan seramai 152 orang anggota pelbagai gred jawatan untuk ditempatkan di Bahagian berkenaan seperti **Jadual 55**.

Jadual 55
Keperluan Guna Tenaga Kerja

Bil.	Bahagian	Jumlah Kakitangan Dipohon
1.	Perancangan Dan Pembangunan	33
2.	Operasi Dan Penyelenggaraan	8
3.	Kualiti Air	29
4.	Agihan Dan Kebocoran	2
5.	Kontrak dan Tuntutan	9
6.	Kewangan	41
Jumlah Jawatan		152

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap projek penggantian paip di bawah Program NRW. Bagaimanapun, beliau akan dibantu oleh Jurutera Air Bahagian dan juga Bahagian yang dinyatakan di atas.

25.1.12 Kaedah Pemantauan

Bagi memastikan pelaksanaan projek penggantian paip berjalan lancar, pemantauan akan dijalankan bermula dari tarikh kontrak sehingga pengeluaran Sijil Perakuan Terakhir. Pemantauan ini perlu dilakukan bagi memastikan kontrak disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan untuk mengingatkan pihak kontraktor atau Jabatan Air mengenai keperluan untuk mengambil langkah pemulihan (*remedial measures*) sekiranya berlaku kelewatan. Untuk tujuan tersebut Jabatan akan mewujudkan mekanisme pemantauan di 2 peringkat iaitu peringkat daerah dan peringkat Ibu Pejabat. Di peringkat daerah melibatkan mesyuarat prestasi tapak yang akan diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Mesyuarat ini bertujuan untuk membolehkan kontraktor membentangkan laporan prestasi projek secara rasmi dan mengemukakan sebarang masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan kerja untuk dibincang dan diselesaikan. Sementara di peringkat Ibu Pejabat pula, mesyuarat akan diadakan dari semasa ke semasa dan apabila diperlukan untuk membincangkan semua perkara berkenaan dengan kontrak seperti prestasi fizikal dan kewangan, perkara pentadbiran kontrak dan sebagainya.

Pada pandangan Audit, perancangan penggantian paip oleh Jabatan Air Negeri Sabah adalah memuaskan.

25.2 PELAKSANAAN

Sesuatu program yang dirancang perlu dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan. Kajian Audit terhadap aspek pelaksanaan projek penggantian paip di Daerah Kota Belud, Sipitang dan Sandakan mendapati perkara seperti berikut:

25.2.1 Sasaran Projek

a) Daerah Kota Belud

Menurut Jabatan Perangkaan berdasarkan angka bancian Daerah Kota Belud pada tahun 2002 dan 2005 bilangan penduduk masing-masing adalah 78,500 dan 83,700 orang. Berdasarkan kepada purata penggunaan air di Negeri Sabah iaitu 225 liter/orang/hari jika dibandingkan dengan populasi penduduk, Daerah Kota Belud mengalami kekurangan bekalan air kerana kapasiti pengeluaran air pada tahun 2002 adalah 17.37 juta liter sehari (jlh) berbanding keperluan penduduk sebanyak 17.66 jlh manakala kapasiti pengeluaran air pada tahun 2005 adalah 18.58 jlh berbanding keperluan penduduk sebenar sebanyak 18.83 jlh. Selain itu, daerah ini juga mengalami masalah NRW yang ketara oleh kerana dari sejumlah 17.37 jlh yang dikeluarkan hanya 5.28 jlh yang dibilikan pada tahun 2002. Manakala bagi tahun 2005, dari sejumlah 18.58 jlh yang dikeluarkan hanya 11.51 jlh air dibilikan. Oleh itu, berdasarkan kepada rekod pengeluaran air yang dibilikan, daerah ini mengalami 69.6% NRW pada tahun 2002 dan 38.1% NRW pada tahun 2005. Ringkasan data adalah seperti di **Jadual 56**.

Jadual 56
Ringkasan Data Daerah Kota Belud

Bil.	Butiran	Tahun 2002	Tahun 2005
1.	Bilangan penduduk	78,500 orang	83,700 orang
2.	Kapasiti pengeluaran air	17.37 jlh	18.58 jlh
3.	Kapasiti air keperluan penduduk	17.66 jlh	18.83 jlh
4.	Kapasiti air yang dibilkan	5.28 jlh	11.51 jlh
5.	Tahap NRW	69.6%	38.1%

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Faktor utama yang menyumbang kepada NRW yang tinggi adalah kekerapan kebocoran disebabkan usia paip dan rangkaian paip ketika pemasangan masa lalu yang kurang teratur. Selain itu, penyambungan paip air secara haram yang berleluasa di daerah Kota Belud turut menyumbang kepada kehilangan hasil air. Untuk mengatasi masalah ini Jabatan telah menandatangani satu kontrak projek ‘Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil Negeri Sabah’ yang bernilai RM5 juta dan tempoh kontrak dari 24 Disember 2002 hingga 17 Februari 2004 (15 bulan).

Pada awalnya, matlamat utama program ini adalah untuk mengurangkan kadar NRW daripada 72% menjadi 25% sekaligus menjimatkan 12 juta liter sehari dengan anggaran kos RM 35 juta. Bagaimanapun, kelulusan untuk projek NRW ini hanya RM5 juta sahaja. Oleh itu, berdasarkan kepada peruntukan tersebut, pihak Jabatan telah memutuskan untuk memberi tumpuan di kawasan Pekan Kota Belud sahaja. Projek ini melibatkan penyusunan semula rangkaian pengagihan bekalan air bermula dari takungan air JKR ke seluruh Pekan Kota Belud melibatkan 5.30 km. Penggantian paip dari jenis *Asbestos Cement (AC)*, *Galvanised Iron (GI)* dan *Unplasticised Polyvinyl Chloride (uPVC)* kepada paip jenis *ABS* dan *DI* ini disebabkan usia paip yang telah lama, berkarat, kerap bocor dan rosak.

Semakan Audit mendapati, jumlah hasil yang dikutip di kawasan projek dijalankan iaitu Pekan Kota Belud pada tahun 2002 adalah sejumlah RM11,176. Selepas projek penggantian paip siap dilaksanakan, kutipan hasil telah meningkat sejumlah RM95,177 kerana pada tahun 2005, sejumlah RM106,353 telah dapat dikutip.

Kesan daripada projek ini bukan sahaja dapat dirasai di Pekan Kota Belud tetapi hasil daripada penjimatan air tersebut, kawasan sekitarnya yang lebih tinggi dan jauh turut dapat menikmati bekalan air. Selain daripada tahap peratus NRW dikurangkan daripada 69.6% pada tahun 2002 menjadi 38.1% pada tahun 2005, kutipan hasil juga menunjukkan peningkatan yang ketara. Analisis Audit berhubung dengan kutipan hasil sebelum projek dilaksanakan iaitu pada tahun 2002 dan selepas projek dilaksanakan pada tahun 2005 di Daerah Kota Belud mendapati peningkatan kepada kutipan hasil dari RM345,369 menjadi RM1.05 juta atau melebihi 100%. Butiran adalah seperti di **Jadual 57**.

Jadual 57
Jumlah Kutipan Hasil Sebelum Dan Selepas Projek NRW

Bil.	Sebelum Projek		Selepas Projek		Peningkatan Hasil Selepas Projek NRW (RM)	
	Tahun 2002		Tahun 2005			
	Jum. Bil Dikeluarkan (RM)	Jum. Hasil (RM)	Jum. Bil Dikeluarkan (RM)	Jum. Hasil (RM)		
1.	510,073	345,369	1,889,989	1,046,317	700,948	

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Semakan Audit terhadap rekod kebocoran paip di Jabatan Air Kota Belud mendapati kes kebocoran paip juga telah berkurangan dimana pada tahun 2002, sebanyak 1,996 kes kebocoran paip dilaporkan, manakala pada tahun 2005 sebanyak 694 kes kebocoran paip telah dikesan oleh Jabatan. Selain itu, kes penyambungan haram turut dapat dikurangkan apabila pihak Kontraktor berjaya mengenal pasti 1,013 kes penyambungan haram. Jabatan telah menghantar notis pemotongan penyambungan bekalan air tanpa kebenaran kepada pengguna terbabit dan mengenakan caj mengikut Enakmen Bekalan Air Negeri Sabah.

Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah berjaya melaksanakan projek mengikut tempoh yang ditetapkan. Sijil Perakuan Siap Kerja dan Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan telah dikeluarkan masing-masing pada 31 Julai 2004 dan 28 Februari 2005.

Pada pendapat Audit, sasaran untuk menurunkan kadar peratus NRW di Daerah Kota Belud telah tercapai. Walaupun penggantian paip tidak melibatkan keseluruhan Daerah Kota Belud sebaliknya tumpuan sasaran hanyalah di kawasan Pekan Kota Belud sahaja namun hasil penjimatan air di kawasan Pekan Kota Belud memberi kesan positif dari segi kutipan hasil.

b) Daerah Sipitang

Data penduduk yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Negeri Sabah menunjukkan angka bincian untuk Daerah Sipitang pada tahun 2002 dan 2005 masing-masing adalah berjumlah 31,100 dan 33,000 orang. Dibandingkan dengan populasi penduduk, Daerah Sipitang mengalami kekurangan bekalan air kerana purata kapasiti pengeluaran air pada tahun 2002 adalah 4.99 juta liter sehari (jlh) berbanding keperluan penduduk sebanyak 6.99 jlh pada tahun 2002 manakala purata kapasiti pengeluaran air pada tahun 2005 adalah 4.34 jlh berbanding keperluan penduduk sebanyak 7.43 jlh pada tahun 2005. Selain itu, daerah ini mengalami kehilangan air yang ketara oleh kerana dari sejumlah 4.99 jlh yang dikeluarkan pada tahun 2002, hanya 1.70 jlh yang dibilkan. Pada tahun 2005 pula, dari sejumlah 4.34 jlh yang dikeluarkan hanya 2.37 jlh yang dibilkan. Oleh itu, berdasarkan kepada rekod penggunaan air yang dibilkan, daerah ini mengalami

65.9% NRW pada tahun 2002 dan 45.4% pada tahun 2005. Ringkasan data adalah seperti di **Jadual 58**.

Jadual 58
Ringkasan Data Daerah Sipitang

Bil.	Butiran	Tahun 2002	Tahun 2005
1.	Bilangan penduduk	31,100 orang	33,000 orang
2.	Kapasiti pengeluaran air	4.99 jlh	4.34 jlh
3.	Kapasiti air keperluan penduduk	6.99 jlh	7.43 jlh
4.	Kapasiti air yang dibilkan	1.70 jlh	2.37 jlh
5.	Tahap NRW	65.9%	45.4%

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Faktor utama yang menyumbang kepada NRW yang tinggi adalah kerana lebih 80% paip air di daerah ini telah berusia lebih 30 tahun yang terdiri daripada jenis *Asbestos Cement (AC)*. Daripada 198 km panjang paip, setengah daripada paip tersebut tertanam di dalam kawasan paya yang berair. Dengan keadaan paip yang sudah usang itu, kebocoran seringkali berlaku dan usaha untuk mengesani kebocoran sukar dilakukan oleh kerana keadaannya yang berada di dalam paya berair. Selain itu, mengikut pelan lama dan telah disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab, jajaran paip lama juga menjadi berselirat disebabkan pembangunan yang pesat terutamanya di kawasan kampung. Ini mengakibatkan saluran paip berada di tempat yang tidak sepatutnya. Oleh itu, bagi menggantikan saluran paip yang lama dan usang, satu kontrak untuk projek '*Proposed Replacement/Reinforcement Of Water Pipelines (NRW) In Sipitang Division*' telah ditandatangani pada tahun 2003 dengan nilai RM13.80 juta dan tempoh kontrak dari 17 Mac 2003 hingga 16 Mac 2005 (24 bulan). Bagaimanapun, disebabkan masalah aliran wang tunai Kerajaan Negeri, telah berlaku kelewatan pembayaran kepada pihak Kontraktor mengakibatkan projek hanya dapat disiapkan pada bulan Mei 2005 yang membabitkan 7 kawasan dengan jarak sejauh 15.08 km.

Projek penggantian paip yang dilaksanakan telah meningkatkan kadar bekalan air ke kawasan yang selama ini sering mengalami masalah tekanan rendah dan kualiti air yang tidak memuaskan. Selain itu, analisis Audit berhubung dengan kutipan hasil sebelum projek dilaksanakan iaitu pada tahun 2002 dan selepas projek dilaksanakan pada tahun 2005 di Daerah Sipitang mendapati peningkatan kepada kutipan hasil dari RM260,144 menjadi RM446,322 atau 71.6%. Butiran adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59
Jumlah Kutipan Hasil Sebelum Dan Selepas Projek NRW

Bil.	Sebelum Projek		Selepas Projek		Peningkatan Hasil Selepas Projek NRW (RM)	
	Tahun 2002		Tahun 2005			
	Jumlah Bil Dikeluarkan (RM)	Jumlah Hasil (RM)	Jumlah Bil Dikeluarkan (RM)	Jumlah Hasil (RM)		
1.	558,996	260,144	779,501	446,322	186,178	

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Sasaran projek penggantian paip di Daerah Sipitang adalah untuk mengurangkan peratus NRW daripada 65% pada tahun 2002 menjadi 36% pada akhir tempoh projek siap iaitu bulan Mac 2005. Pelaksanaan projek ini hanya berjaya menurunkan kadar peratus NRW daripada 65.9% pada tahun 2002 menjadi 45.3% pada tahun 2005. Bagaimanapun, dengan penurunan NRW ini, Kerajaan Negeri dianggarkan dapat menjimatkan penggunaan air sebanyak 646 juta liter air yang bernilai RM580,957 setahun. Selain itu, adalah didapati prosedur kontrak dan pelaksanaan kerja adalah teratur.

Pada pendapat Audit, walaupun, sasaran sebenar penurunan NRW iaitu 36% tidak tercapai, namun penurunan NRW menjadi 45.3% hasil dari pelaksanaan projek penggantian paip telah memberi kesan yang positif terutamanya dari segi kutipan hasil yang telah meningkat. Selain itu, penggunaan air juga telah dapat dijimatkan.

c) Daerah Sandakan

Data penduduk yang didapati daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan angka bancian untuk Daerah Sandakan pada tahun 2002 dan 2005 masing-masing adalah seramai 388,200 dan 418,000 orang. Dibandingkan dengan populasi penduduk, Daerah Sandakan mengalami kekurangan bekalan air kerana purata kapasiti pengeluaran air sebanyak 70.73 juta liter sehari (jlh) adalah kurang jika dibandingkan dengan keperluan penduduk sebanyak 87.35 jlh pada tahun 2002 manakala purata kapasiti pengeluaran air pada tahun 2005 sebanyak 71.82 jlh adalah kurang jika dibandingkan dengan keperluan penduduk sebanyak 94.05 jlh. Dari sejumlah 70.73 jlh yang dikeluarkan hanya 32.26 jlh yang dibilkan pada tahun 2002. Manakala bagi tahun 2005, dari sejumlah 71.82 jlh yang dikeluarkan hanya 42.08 jlh air dibilikan. Oleh itu, berdasarkan kepada rekod penggunaan yang dibilkan, daerah ini mengalami penurunan peratus NRW daripada 54.4% pada tahun 2002 menjadi 41.4% pada tahun 2005. Ringkasan data penduduk, pengeluar air, kapisiti air dan tahap NRW adalah seperti di **Jadual 60**.

Jadual 60
Ringkasan Data Daerah Sandakan

Bil.	Butiran	Tahun 2002	Tahun 2005
1.	Bilangan penduduk	388,200 orang	418,000 orang
2.	Kapasiti pengeluaran air	70.73 jlh	71.82 jlh
3.	Kapasiti air keperluan penduduk	87.35 jlh	91.05 jlh
4.	Kapasiti air yang dibilkan	32.26 jlh	42.08 jlh
5.	Tahap NRW	54.4%	41.4%

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Jumlah keseluruhan rangkaian paip bagi Daerah Sandakan adalah 570 km dan jenis paip yang digunakan adalah *Asbestos Cement (AC)*, *Mild Steel (MS)*, *Ductile Iron (DI)*, *High Density Polythlene (HDPE)*, *Unplasticised Polyvinyl Chloride (uPVC)* dan *Galvanised Iron (GI)*. Hasil rekod analisis Jabatan bagi data paip pecah/bocor menunjukkan paip bermasalah adalah paip jenis AC dan GI yang menyumbang hampir 50% daripada jumlah keseluruhan kebocoran paip.

Oleh itu, bagi menggantikan saluran paip yang bermasalah ini, satu kontrak untuk projek ‘Pembangunan Bekalan Air Daerah Sandakan’ telah ditandatangani pada tahun 2003 bernilai RM35 juta dan tempoh kontrak dari 16 April 2003 hingga 15 Oktober 2005 (30 bulan). Sasaran projek penggantian paip di Daerah Sandakan adalah untuk menyelamatkan bekalan air sebanyak 15 juta liter sehari dan membekalkan air terawat kepada anggaran tambahan 66,000 orang atau 12,000 rumah, sekaligus menurunkan peratus NRW daripada 54% pada tahun 2002 menjadi 41% pada akhir tempoh projek siap iaitu bulan Oktober 2005. Sebanyak 24 kawasan yang terlibat dalam projek ini melibatkan 99.66 km dan paip jenis AC, MSCL, DI, GI, uPVC dan HDPE.

Analisis Audit berhubung dengan kutipan hasil sebelum projek dilaksanakan iaitu pada tahun 2002 dan selepas projek dilaksanakan pada tahun 2005 di Daerah Sandakan mendapati peningkatan kepada kutipan hasil dari RM9.17 juta menjadi RM13.01 juta atau 41.9%. Jadual kutipan hasil sebelum dan semasa projek NRW adalah seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61
Jumlah Kutipan Hasil Sebelum Dan Semasa Projek NRW

Bil.	Sebelum Projek		Selepas Projek		Peningkatan Hasil Selepas Projek NRW (RM juta)	
	Tahun 2002		Tahun 2005			
	Jum. Bil Dikeluarkan (RM juta)	Jum. Hasil (RM juta)	Jum. Bil Dikeluarkan (RM juta)	Jum. Hasil (RM juta)		
1.	10.60	9.17	13.82	13.01	3.84	

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Tahap peratus NRW juga telah menurun daripada 54.4% pada tahun 2002 menjadi 41.4% pada tahun 2005. Dengan penurunan NRW ini, Kerajaan Negeri dianggarkan dapat menjimatkan sebanyak 3,470 juta liter air yang bernilai RM3.12 juta setahun.

Selain itu, adalah didapati prosedur kontrak dan pelaksanaan kerja adalah teratur.

Pada pendapat Audit, sasaran untuk menurunkan kadar peratus NRW di Daerah Sandakan telah tercapai. Pelaksanaan projek di daerah ini juga telah memberi kesan yang positif dari segi kutipan hasil dan juga dari segi penjimatan bekalan air.

25.2.2 Penyediaan Spesifikasi/Reka Bentuk/Pelan

Semakan Audit mendapati reka bentuk, skop kerja dan spesifikasi bagi Projek NRW di Kota Belud dan Sipitang disediakan oleh Jurutera Bahagian sebelum diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Kerja Teknikal yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan. Ahlinya terdiri daripada Timbalan Pengarah serta semua Ketua Bahagian di peringkat Ibu Pejabat dan daerah. Setelah kelulusan dari Jawatankuasa tersebut diperolehi, pihak Jabatan membuat rundingan dengan pihak kontraktor berkaitan reka bentuk, skop kerja dan spesifikasi serta harga yang dipersetujui. Adalah didapati kerja yang dilaksanakan adalah menepati *Bill Of Quantities (BQ)*.

Manakala penyediaan spesifikasi/reka bentuk/pelan bagi Projek Pembangunan Bekalan Air Daerah Sandakan pula adalah secara '*Design and Built*'. Pihak Kontraktor menyediakan cadangan teknikal dan kewangan disamping menjalankan kajian tapak meliputi kerja pengukuran, kajian tanah dan yang berkaitan serta mengemukakan cadangan reka bentuk awalan termasuk anggaran kos bagi setiap alternatif kepada Jabatan Air Negeri Sabah. Pihak Jabatan Air melalui Jawatankuasa Penilaian Kerja Teknikal seterusnya menilai cadangan reka bentuk awalan yang dikemukakan dan membuat keputusan tentang alternatif yang terbaik dari segi teknikal, implikasi kos dan keperluan yang lain. Setelah reka bentuk dipersetujui oleh kedua pihak, kerja boleh dimulakan. Setelah kerja selesai, pihak kontraktor dikehendaki menyerahkan '*as-built drawing*' dalam tempoh 60 hari. Memandangkan bahawa projek ini belum siap maka syarat '*as-built drawing*' belum dilaksanakan.

25.2.3 Lokasi/Tapak Projek

a) Tanah Rezab Jalan

Semakan Audit mendapati projek bagi Daerah Sipitang menghadapi masalah gangguan oleh penduduk kampung semasa melaksanakan projek oleh kerana mereka mendakwa tanah rezab jalan berkaitan adalah milik mereka. Bagaimanapun, projek ini berjalan mengikut jadual dan masalah tersebut telah diatasi melalui perbincangan. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi Daerah

Kota Belud dan Sandakan tidak ada masalah tapak dan pihak kontraktor memulakan projek mengikut jadual.

Pada pendapat Audit, pihak kontraktor telah mengambil langkah yang sewajarnya berkaitan dengan syarat kemasukan tapak projek dan memulakan projek mengikut jadual.

b) Penglibatan Jabatan Lain

Urusan penggantian paip ini juga melibatkan Jabatan Kerja Raya, Sabah Elekrik Sdn. Bhd., Pejabat Pemungut Hasil Tanah dan Pejabat Daerah. Pihak Kontraktor menyediakan jaminan bank kepada Jabatan Kerja Raya untuk mendapatkan kebenaran pengorekan bahu jalan dan pemotongan jalanraya untuk memasang paip ke kawasan terbabit. Selain itu, pihak Kontraktor perlu mematuhi langkah keselamatan berdasarkan *JKR Manual on Traffic Control Devices*, Arahan Teknik (Jalan) 2C/85-“*Temporary Signs and Work Zones Control*”. Berdasarkan manual tersebut, pihak Kontraktor dikehendaki menggunakan lampu amaran (*flashing beacons*) dan seumpamanya selain daripada menyediakan Papan Tanda Sementara. Selain itu, alat kawalan keselamatan seperti kon, papan rintangan, bendera dan sebagainya digunakan untuk memberi amaran, panduan atau kawalan lalulintas. **Foto 24** dan **Foto 25** menunjukkan pihak kontraktor tidak mematuhi arahan Jabatan Kerja Raya untuk menggunakan lampu amaran (*flashing beacons*) dan alat kawalan keselamatan seperti kon ketika kerja penggantian paip dijalankan.

Foto 24
Kerja-kerja Penggantian Paip Di Taman Tying, Sandakan



Sumber: Fail Foto Jabatan Air Negeri Sabah

Tarikh : Semasa Projek Dilaksanakan Pada Bulan April 2004

Lokasi : Taman Tying, Sandakan

Foto 25
Kerja-kerja Penggantian Paip Di Jalan Batu Sapi, Sandakan



Sumber : Fail Foto Jabatan Air Negeri Sabah
Tarikh : Semasa Projek Dilaksanakan Pada Bulan Januari 2005
Lokasi : Jalan Batu Sapi, Sandakan

Bagaimanapun, pihak kontraktor telah membaik pulih jalan yang dikorek dan membersihkan kawasan setelah kerja selesai.

Bagi pemasangan paip di kawasan tanah rezab jalan pula, pihak Audit mendapat bahawa Jabatan berkaitan seperti Pejabat Pemungut Hasil Tanah dan Pejabat Daerah telah memberi kerjasama untuk membenarkan kerja pemasangan paip ke kawasan tersebut mengikut tempoh masa yang munasabah. Selain itu, pihak Jabatan dan pihak Sabah Elektrik Sdn. Bhd. menjalankan pemeriksaan bersama terhadap pemasangan paip yang melibatkan kawasan pemasangan kabel elektrik.

Pada pendapat Audit, ciri-ciri keselamatan yang disediakan oleh pihak kontraktor adalah tidak mencukupi semasa melaksanakan projek bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalanraya.

c) Pemilihan Paip

Semakan Audit terhadap rekod pemilihan paip oleh Jabatan Air mendapatijenis paip yang digunakan bagi projek penggantian paip di daerah Kota Belud, Sipitang dan Sandakan adalah *uPVC, MSCL, DI* dan *ABS* berdasarkan kepada kesesuaian paip dengan kawasan pemasangan.

Pada pendapat Audit, kerja pemasangan paip adalah mengikut kesesuaian tanah, lokasi dan mematuhi standard *MWA- Design Guidelines For Water Supply System*.

25.2.4 Prestasi Kewangan

Jabatan Air telah menerima RM53.80 juta daripada sejumlah RM127 juta yang dipohon untuk melaksanakan Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil Negeri Sabah. Jumlah tersebut adalah untuk membiayai kos ‘Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil Negeri Sabah’ di Kota Belud, Projek “*Replacement/Reinforcement Of Water Pipelines (NRW) In Sipitang Division*” dan ‘Projek Pembangunan Bekalan Air Daerah Sandakan’. Sejumlah RM51.77 juta telah dibelanjakan oleh Jabatan untuk Daerah Kota Belud, Sipitang dan Sandakan setakat bulan Disember 2005 seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Mengurangkan
Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil Negeri Sabah**

Bil.	Tajuk Sub Projek	Peruntukan (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	% Kemajuan	
				Fizikal	Kewangan
1.	Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil Negeri Sabah (Kota Belud).	5.00	5.00	100	100
2.	Projek “ <i>Replacement/ Reinforcement Of Water Pipelines (NRW) In Sipitang Division</i> ”.	13.80	13.77	100	100
3.	Projek Pembangunan Bekalan Air Daerah Sandakan.	35.00	33.00	100	94
Jumlah		53.80	51.77	100	96

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Pada pendapat Audit, perbelanjaan bagi 3 projek penggantian paip di Kota Belud, Sipitang dan Sandakan secara keseluruhannya adalah memuaskan.

25.2.5 Polisi Perolehan

Lembaga Tawaran Kementerian Pembangunan Infrastruktur boleh membuat keputusan ke atas projek yang bernilai kurang daripada RM500,000 manakala projek yang bernilai melebihi RM500,000 adalah dalam bidang kuasa Lembaga Tawaran Kerajaan Negeri, Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

Semakan Audit mendapati pada bulan Julai 2002, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan kepada Jabatan untuk melaksanakan Projek 'Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil Negeri Sabah' di Daerah Kota Belud dan seterusnya melantik kontraktor yang telah dipilih oleh pihak Kementerian dengan dikecualikan daripada tatacara tender biasa. Jabatan melalui Jawatankuasa Penilaian Kerja Teknikal menilai rekabentuk, skop kerja, spesifikasi dan anggaran kos terlibat sebelum membuat keputusan. Selepas kelulusan Jawatankuasa diperolehi, Jabatan dan pihak Kontraktor mengadakan rundingan harga kontrak untuk dipersetujui oleh kedua belah pihak. Oleh kerana projek bernilai melebihi RM1 juta, Jabatan perlu mendapat penurunan kuasa dari pihak Kementerian Pembangunan Infrastruktur untuk menandatangani dokumen kontrak. Adalah didapati setelah surat penurunan kuasa dikeluarkan pada 12 November 2002, Jabatan telah mengeluarkan Surat Tawaran Kerja pada 26 November 2002 dan perjanjian kontrak di antara Jabatan dan kontraktor yang bernilai RM5 juta telah ditandatangani pada 14 Januari 2003.

Sebagaimana projek NRW di Daerah Kota Belud, semakan Audit ke atas Projek '*Proposed Replacement/Reinforcement Of Water Pipelines (NRW) In Sipitang Division*' mendapati pada bulan Januari 2003, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan kepada Jabatan untuk melaksanakan Projek tersebut di Daerah Sipitang dan seterusnya melantik kontraktor yang telah dipilih oleh pihak Kementerian dengan dikecualikan daripada tatacara tender biasa. Adalah didapati, setelah semua prosedur projek dipatuhi, Jabatan telah mengeluarkan Surat Tawaran Kerja pada bulan Februari 2003 dan perjanjian kontrak di antara Jabatan dan kontraktor yang bernilai RM13.8 juta telah ditandatangani pada 16 Jun 2003.

25.2.6 Syarat Kontrak

Skop kerja utama bagi projek 'Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil Negeri Sabah' di Daerah Kota Belud adalah seperti berikut:

- Menyusun semula sistem rangkaian paip agihan dan paip transmisi di Pekan Kota Belud.
- Penggantian paip lama ke 150 mm *Acrylonitrile Butadiene Styrene (ABS)*, 150 mm dan 200 mm *Mild Steel Cement Lining (MSCL)* dan 200 mm *Ductile Iron (DI)*.
- Pemasangan meter aliran magnetik dan pembinaan 6 *District Meter Zone (DMZ)*.
- Pengurusan Tekanan Air – Pemasangan Injap Pengurang Tekanan.
- Pemetaan Digital – Pembangunan *Geographical Information System (GIS)* termasuk latihan untuk kakitangan Jabatan Air.
- Penggantian dan pemasangan semula paip distribusi pengguna air yang terjejas.
- Membuat kajian dan menyiasat kehilangan air termasuk mengenalpasti sambungan haram.

Manakala skop kerja utama bagi projek '*Proposed Replacement/Reinforcement Of Water Pipelines (NRW) In Sipitang Division*' adalah seperti berikut:

- Pembekalan peralatan pengesanan kebocoran.

- Pengurusan tekanan air.
- Pembangunan GIS termasuk latihan untuk kakitangan Jabatan Air.
- Pembinaan 16 DMZ.
- Mengalih dan menyeragamkan kedudukan *Stand Meter*.
- Penggantian 2 unit tangki Air (1000 m³ dan 545 m³).
- Penggantian paip 300 mm *Ductile Iron (DI)* (0.4km), 150 mm *DI* (0.7km), 100 mm *DI* (0.32km), 200 mm *DI* (13.65km).

Bagi projek ‘Pembangunan Bekalan Air Daerah Sandakan’ pula, skop kerja utamanya adalah seperti berikut:

- Pembekalan peralatan pengesanan dan pemantauan kebocoran (pembinaan 20 DMZ) termasuk latihan untuk kakitangan Jabatan.
- Pembangunan GIS dan Model Haiderolik termasuk latihan untuk kakitangan Jabatan.
- Melaksanakan kerja berkaitan pengurangan kehilangan hasil air.
- Penggantian paip ~ anggaran 70 km panjang.
- Pembaikan paip ~ anggaran 5,000 pembaikan.

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak bagi projek penggantian paip mendapati secara keseluruhannya, syarat kontrak yang termaktub di ketiga-tiga projek ada mengambil kira kepentingan Kerajaan. Antaranya seperti berikut:

a) Pegawai Penguasa Mempunyai Akses Kepada Kerja

Syarat kontrak telah memperuntukkan Pegawai Penguasa Projek atau wakilnya pada setiap masa yang munasabah mempunyai akses ke tempat kerja, tapak bina atau tempat lain kepunyaan kontraktor semasa kerja sedang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap rekod ‘site diary’ mendapati syarat ini telah dipatuhi.

b) Ganti Rugi Kerana Kerja Tidak Siap

Syarat kontrak telah menetapkan bahawa pihak kontraktor hendaklah membayar ganti rugi pada kadar yang telah ditetapkan jika gagal menyiapkan kerja seperti yang dijadualkan. Semakan Audit mendapati kelewatan menyiapkan kerja bagi projek penggantian paip di Daerah Sipitang adalah disebabkan masalah aliran wang tunai Kerajaan Negeri untuk membayar tuntutan pembayaran kepada pihak Kontraktor. Oleh itu, ganti rugi tidak dikenakan walaupun projek disiapkan lewat dua bulan dari tempoh yang dijadualkan.

c) Ujian Sebelum Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan

Syarat kontrak ada menyatakan bahawa pihak kontraktor dikehendaki menjalankan ujian terhadap tekanan dan kebocoran termasuk simbahana, pembasmian kuman dan sedia untuk digunakan mengikut spesifikasi. Sekiranya berlaku sebarang masalah, pihak kontraktor hendaklah meneruskan ujian tersebut sehingga semua masalah dapat diselesaikan sebelum diperakuan oleh Pegawai Penguasa atau

wakilnya. Semakan Audit terhadap fail berkaitan ujian terhadap tekanan dan kebocoran di Daerah Sipitang mendapati ujian tersebut ada dijalankan sebelum diperakukan oleh Pegawai Penguasa.

d) Bon Pelaksanaan

Syarat kontrak menetapkan supaya kontraktor mendepositkan kepada Kerajaan Bon Pelaksanaan berupa wang tunai atau bentuk deposit Perbendaharaan, draf bank atau jaminan bank atau jaminan polisi insurans yang diluluskan senilai dengan 5% daripada jumlah harga kontrak bagi pematuhan dan pelaksanaan projek ini.

Semakan Audit mendapati bagi Daerah Kota Belud, pihak kontraktor telah memilih kaedah Bon Pelaksanaan berbentuk potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga kontrak bernilai RM250,000. Jumlah ini dikembalikan kepada pihak Kontraktor selepas berakhir tempoh tanggungan kecacatan pada 17 Februari, 2005. Pihak Kontraktor di Daerah Sipitang pula memilih kaedah Bon Pelaksanaan bernilai RM690,000 secara Jaminan Bank dan sah sehingga 16 September, 2007. Sementara pihak Kontraktor di Daerah Sandakan juga memilih kaedah Bon Pelaksanaan bernilai RM1.75 juta secara jaminan bank dan sah sehingga 15 Oktober, 2007.

e) Polisi Insurans Tanggungan Awam Dan Insurans Kerja

Syarat kontrak menetapkan bahawa pihak kontraktor hendaklah mengambil insurans terhadap semua jenis aktiviti kerja yang dilaksanakan termasuk segala jenis bahan dan kelengkapan yang digunakan mengikut nilai sepenuhnya dari nilai kontrak. Begitu juga dengan Polisi Insurans Tanggungan Awam iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta mengikut jumlah yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Semakan Audit terhadap Polisi Insurans Tanggungan Awam mendapati pihak Kontraktor bagi projek di Daerah Kota Belud, Sipitang dan Sandakan telah menyerahkan polisi Insurans Tanggungan Awam yang meliputi semua jenis perkara yang dinyatakan dalam syarat kontrak daripada Progressive Insurance Sdn. Bhd. bernilai RM200,000 masing-masing. Bagi Polisi Insurans Kerja pula, pihak Kontraktor bagi ketiga-tiga daerah tersebut menyerahkan polisi dari syarikat Insurans yang sama. Nilai Insurans Kerja bagi projek di Daerah Kota Belud ialah RM5 juta, Daerah Sipitang ialah RM13.8 juta dan Daerah Sandakan ialah RM35 juta. Tempoh perlindungan polisi berkuatkuasa dari 24 Disember 2002 hingga 17 Februari 2005 bagi Daerah Kota Belud. Sementara tempoh perlindungan polisi bagi Daerah Sipitang berkuatkuasa dari 17 Mac 2003 hingga 16 Jun 2006. Bagi projek di Sandakan pula, tempoh perlindungan polisi berkuatkuasa dari 16 April 2003 hingga 15 Oktober 2006.

f) Tempoh Tanggungan Kecacatan

Syarat kontrak menghendaki tempoh tanggungan kecacatan setiap projek adalah 12 bulan dari tarikh projek siap. Oleh itu sekiranya berlaku sebarang kekurangan atau kerosakan dalam tempoh tersebut, maka pihak kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembaikan dan kos yang perlu dilakukan.

Semakan Audit mendapati projek penggantian paip di Daerah Kota Belud telah tamat tempoh tanggungan kecacatan pada 17 Februari 2005 dan sepanjang tempoh tersebut, tidak ada sebarang kerosakan dilaporkan.

Pada pendapat Audit, pihak kontraktor telah mematuhi semua syarat yang dikehendaki dengan memuaskan.

25.2.7 Tempoh Dan Jadual Pelaksanaan

Projek ‘Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil Negeri Sabah’ di Daerah Kota Belud yang melibatkan kos RM5 juta telah dimulakan pada 24 Disember 2002 dan siap dalam tempoh 60 minggu iaitu pada 17 Februari 2004. Semakan Audit mendapati, projek ini telah disahkan siap dan diserahkan kepada Jurutera Air Bahagian Kota Belud sebagai wakil Pegawai Pengguna bagi kontrak ini pada 17 Februari 2004. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 31 Julai 2004. Semasa pengauditan dijalankan, tempoh liabiliti kecacatan telah tamat pada 17 Februari 2005 dan Jurutera Daerah telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan pada 28 Februari 2004.

Projek ‘*Replacement/Reinforcement Of Water Pipelines (NRW) In Sipitang Division*’ yang melibatkan kos RM13.8 juta telah dimulakan pada 17 Mac 2003 dan sepatutnya siap dalam tempoh 24 bulan iaitu pada 16 Mac 2005. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah memohon lanjutan masa sehingga 16 Mei 2005 akibat kekurangan modal pusingan. Pemeriksaan Audit mendapati pihak Kontraktor tidak menerima bayaran semenjak projek ini dimulakan disebabkan Kerajaan Negeri mengalami masalah aliran tunai. Bayaran projek ini melibatkan sistem imbuhan balik dimana Kerajaan Negeri membuat bayaran terlebih dahulu dan mendapatkan imbuhan balik daripada Kerajaan Persekutuan. Apabila Kerajaan Persekutuan lewat membuat bayaran imbuhan balik maka masalah aliran tunai Kerajaan Negeri juga turut terjejas. Oleh itu, pihak Kontraktor telah menangguhkan projek ini pada bulan September 2004. Bagaimanapun, pada hujung bulan Disember 2004, pihak Kontraktor telah menerima pembayaran berjumlah RM11.07 juta berbanding dengan jumlah tuntutan sebenar iaitu RM13.13 juta. Pihak Kontraktor menyambung semula projek tersebut pada bulan Februari 2005 setelah menerima bayaran dan bekalan bahan binaan. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada 16 Mei 2005 dengan tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan.

Projek ‘Pembangunan Bekalan Air Daerah Sandakan’ yang melibatkan kos RM35 juta telah dimulakan pada 16 April 2003 dan dijangkakan siap dalam tempoh 30 bulan iaitu pada 15 Oktober 2005.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek adalah memuaskan kecuali bagi daerah Sipitang yang memerlukan lanjutan masa. Bagaimanapun, lanjutan masa tersebut bukan disebabkan kegagalan kontraktor menjalankan kerja dengan memuaskan tetapi kerana Kerajaan Persekutuan lewat membuat bayaran imbuhan balik kepada Kerajaan Negeri yang menyebabkan tuntutan pihak Kontraktor tidak dapat dijelaskan dan pihak Kontraktor terpaksa memberhentikan kerja kerana kehabisan modal pusingan.

25.2.8 Prestasi Pelaksanaan

a) Prestasi Fizikal

Semakan Audit mendapati di Daerah Kota Belud, penggantian paip telah dilaksanakan di seluruh kawasan Pekan lama Kota Belud dengan menggunakan paip jenis *ABS*, *MSCL* dan *DI*. Bagi Daerah Sipitang, penggantian paip telah dilaksanakan di 7 kawasan dengan menggunakan paip jenis *DI*. Sementara bagi Daerah Sandakan pula, penggantian paip sedang dilaksanakan di 24 kawasan dengan menggunakan paip jenis *uPVC*, *MSCL* dan *DI*.

Lawatan fizikal di Daerah Kota Belud dan Sipitang mendapati projek telah dilaksanakan dan siap 100% sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak. Bagaimanapun, projek di Daerah Sipitang masih lagi dalam tempoh tanggungan kecacatan yang akan tamat pada bulan Mei 2006. Lawatan fizikal di Daerah Sandakan mendapati pelaksanaan projek telah menjangkau 97% dan telah dilaksanakan mengikut jadual. **Foto 26** dan **Foto 27** menunjukkan hasil penggantian paip yang telah dilaksanakan di Daerah Kota Belud dan Daerah Sipitang sementara **Foto 28** menunjukkan kerja-kerja penggantian paip yang sedang dilaksanakan di Daerah Sandakan.

Foto 26
Paip ‘Rise Up’ Di Pekan Kota Belud



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 17 Ogos 2005

Lokasi : Pekan Kota Belud

Foto 27
‘Pipe Bridge’ Di Simpang Kuala Mengalong, Sipitang



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20 Julai 2005

Lokasi : Kuala Mengalong, Sipitang

Foto 28
Proses Pemasangan Paip Di Jalan Batu Sapi, Sandakan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 4 Ogos 2005

Lokasi : Jalan Batu Sapi, Sandakan

Lawatan fizikal di tiga daerah tersebut mendapati hanya Daerah Sipitang sahaja yang mempunyai kes melibatkan beberapa penutup *manhole* yang menempatkan kekunci air di beberapa kawasan projek telah hilang. Contoh adalah seperti di **Foto 29** Keadaan *manhole* yang terdedah begini boleh mengakibatkan ranting kayu, batu dan sebagainya memasuki *manhole* tersebut dan akan menyukarkan Jabatan menjalankan pemeriksaan kelak.

Foto 29
Keadaan Manhole (Kekunci Air) Yang Terdedah Di Sipitang



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20 Julai 2005

Lokasi: Daerah Sipitang

b) Prestasi Kewangan

Mengikut rekod Jabatan, setakat bulan Disember 2005 Daerah Kota Belud telah menerima bayaran kemajuan sepenuhnya iaitu RM5 juta atau 100%, sementara Daerah Sipitang dan Sandakan masing-masing berjumlah RM13.77 juta atau 100% dan RM33 juta atau 94%.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek di tiga daerah yang terbabit adalah memuaskan. Bagaimanapun, Jabatan perlu memastikan semua aset Kerajaan dilindungi agar berada dalam keadaan yang selamat untuk digunakan.

25.2.9 Struktur Pengurusan

Struktur pengurusan yang lengkap dan mencukupi adalah penting bagi memastikan pelaksanaan projek dapat berjalan lancar dan teratur. Jabatan sedang mengambil tindakan menyusun semua struktur organisasi. **Jadual 63** menunjukkan bilangan jawatan yang telah diisi berbanding dengan jawatan yang diluluskan.

Jadual 63
Bilangan Jawatan

Bil.	Bahagian	Bilangan Jawatan Diluluskan	Bilangan Jawatan Diisi	Kekosongan
1.	Perancangan Dan Pembangunan	33	18	15
2.	Operasi Dan Penyelenggaraan	8	8	-
3.	Kualiti Air	29	19	10
4.	Agihan Dan Kebocoran	32	32	-
5.	Kontrak Dan Tuntutan	9	6	3
6.	Kewangan	41	36	5
Jumlah		152	119	33

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Analisis Audit menunjukkan masih terdapat kekosongan jawatan penting dan di bahagian kewangan, perancangan dan kualiti air.

Selain Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah dan 6 Bahagian yang dinyatakan di peringkat Ibu Pejabat, di peringkat daerah pula, Jurutera Air Bahagian, Unit Pengesan Kebocoran dan *Unit Digital Mapping* (GIS) turut terlibat secara langsung dengan projek berkenaan.

Semakan Audit mendapati dibawah program NRW Kota Belud, Jurutera Air Bahagian berperanan sebagai Wakil Pegawai Pengguna. Selain itu, Juruteknik, Tukang Paip dan Pengawas ditugaskan di Unit Pengesahan Kebocoran. Adalah didapati Juruteknik yang sama juga ditugaskan di Unit *Digital Mapping* untuk menyediakan pangkalan data rangkaian paip air projek yang dijalankan oleh Jabatan.

Mengikut syarat kontrak, pemasangan set GIS disertakan dengan latihan kemahiran kepada kakitangan Jabatan daripada Pakar Runding yang dilantik oleh Kontraktor. Bagaimanapun, semasa pengauditan dijalankan, pangkalan data masih belum siap sepenuhnya kerana Juruteknik tersebut memegang dua tugas dalam satu masa. Oleh itu beliau tidak dapat memberi sepenuh tumpuan untuk mengemaskini pangkalan data tersebut.

Semakan Audit bagi program NRW Sipitang pula mendapati Jurutera Air Bahagian Beaufort berperanan sebagai Wakil Pegawai Pengguna. Selain itu, seorang Pembantu Teknik berjawatan Pegawai Kerja Air Daerah (PKAD), dua Juruteknik, dua Pembantu Rendah Awam Khas yang ditugaskan di Unit Pengesahan Kebocoran dan Unit GIS serta seorang pemandu di Jabatan Air Daerah Sipitang terlibat dalam projek berkenaan. Manakala bagi program NRW di Daerah Sandakan, semakan Audit mendapati selain daripada Jurutera Air Bahagian yang berperanan sebagai Wakil

Pegawai Penguasa, satu Jurutera Jentera, satu pelukis pelan yang ditugaskan di Unit Digital Mapping, satu pembantu tadbir dan dua pekerja rendah awam ditugaskan di Unit Pengesanan Kebocoran serta seorang pemandu di Jabatan Air Daerah Sandakan terlibat dengan projek tersebut.

Pada pendapat Audit, bilangan jawatan yang sedia ada tidak mencukupi dan kekosongan jawatan yang tidak diisi telah menjelaskan prestasi pelaksanaan projek. Langkah penstrukturkan semula yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan adalah langkah baik untuk mengatasinya. Jabatan memerlukan tambahan kakitangan mahir untuk ditempatkan di Unit GIS kerana Unit tersebut bukan setakat memerlukan kepakaran teknologi malah pegawai yang dapat menjalankan tugas sepenuh masa.

Jabatan Audit berpendapat pelaksanaan penggantian paip di Kota Belud, Sipitang dan Sandakan adalah memuaskan dan telah memberi kesan positif terhadap matlamat bagi mengurangkan kadar kehilangan air tak berhasil di Negeri Sabah. Mutu kerja yang disiapkan juga adalah memuaskan.

25.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang sistematik dan berterusan adalah penting bagi memastikan pelaksanaan projek yang dirancang dilaksanakan dengan berkesan. Masalah yang timbul juga boleh dikenal pasti dan diatasi dengan segera supaya matlamat projek tercapai. Pemantauan projek dibuat di 2 peringkat seperti berikut:

25.3.1 Semasa Pelaksanaan Projek

Pemantauan semasa kerja pemasangan paip dibuat melalui mesyuarat tapak antara wakil Jabatan dengan pihak kontraktor. Minit mesyuarat dan laporan kemajuan keseluruhan projek telah disediakan untuk menunjukkan status kemajuan projek. Pihak Jabatan Air juga menempatkan wakilnya di tapak projek untuk memantau kerja pemasangan. Selain itu, Mesyuarat Koordinasi Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) Negeri Sabah turut diadakan sebagai usaha pemantauan di peringkat Ibu Pejabat diantara pihak Kementerian Pembangunan Infrastruktur, Jabatan dan pihak Kontraktor.

25.3.2 Selepas Pemasangan Siap Dan Beroperasi

Selepas pemasangan paip siap dilaksanakan, pemantauan dibuat semasa tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan dari tarikh projek disiapkan. Bagi Daerah Kota Belud dan Sipitang, pemeriksaan setelah projek siap sepenuhnya telah dijalankan dengan menyediakan senarai semak yang tertera dalam dokumen kontrak.

Pada pendapat Audit, aspek pemantauan semasa pelaksanaan projek dan selepas projek disiapkan adalah memuaskan.

26. RUMUSAN DAN SYOR

Pada keseluruhannya, projek penggantian paip di bawah program NRW telah membantu Jabatan mencapai matlamatnya untuk mengurangkan kadar NRW di Negeri Sabah. Berdasarkan kepada rekod Jabatan kadar NRW di daerah terbabit telah menurun ke tahap yang disasarkan. Bagaimanapun, bagi Daerah Sipitang, kadar NRW yang disasarkan sebanyak 36% tidak tercapai. Namun penurunan NRW menjadi 45.3% hasil dari pelaksanaan projek penggantian paip telah memberi kesan positif dari segi peningkatan kutipan hasil. Bagi memastikan kadar NRW menurun ke tahap yang boleh diterima, adalah disyorkan supaya perkara berikut diberi pertimbangan untuk tindakan segera:

- a) Enam Projek Program NRW di bawah RMK-8 yang masih belum dilaksanakan hendaklah diteruskan di bawah RMK-9. Pelaksanaan projek ini akan memberi impak yang besar terhadap pengurangan NRW dan kutipan hasil jualan air.
- b) Untuk memastikan pembayaran kepada kontraktor tidak terjejas, sistem bayaran imbuhan balik daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri perlu dipercepatkan kerana kelewatan membuat bayaran imbuhan bayaran balik akan menjelaskan aliran wang tunai Kerajaan Negeri.
- c) Jabatan juga disarankan agar terus berusaha mengurangkan kadar kehilangan air di daerah lain dan menyediakan kakitangan yang mahir dalam bidang teknologi maklumat khusus untuk mengendalikan Unit GIS sepenuh masa bagi semua daerah yang terbabit.
- d) Jabatan hendaklah mengisi kekosongan 33 jawatan penting di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Bahagian Kualiti Air, Bahagian Kontrak dan Tuntutan serta Bahagian Kewangan.
- e) Jabatan perlu memastikan semua aset Kerajaan dijaga dan diurus dengan baik agar sentiasa berada dalam keadaan yang sempurna dan boleh digunakan untuk mengelakkan pembaziran.
- f) Jabatan Air Sabah hendaklah mempertingkatkan aktiviti pemantauan agar pelaksanaan program pengurangan air tak berhasil melalui projek penggantian paip mencapai matlamatnya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

PEMBANGUNAN TAMAN PERINDUSTRIAN KOTA KINABALU

27. LATAR BELAKANG

27.1 Taman Perindustrian Kota Kinabalu (Taman Perindustrian) telah mula dibangunkan pada tahun 1993. Tujuannya adalah untuk menyediakan kawasan perindustrian bersepadu. Taman Perindustrian ini diuruskan oleh K.K.I.P Sdn. Bhd. (KKIPSB), yang pada mulanya sebuah anak syarikat di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO). Pada tahun 1997, KKIPSB telah ditempatkan dibawah Persyarikatan Ketua Menteri dan dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah (Kementerian). Lokasi KKIP terletak di Teluk Sapangar, Kota Kinabalu yang meliputi kawasan seluas 3,367.10 hektar. KKIP dibahagikan kepada 10 kawasan mengikut klasifikasi kegunaan tanah diantaranya ialah kawasan perindustrian (704.18 hektar), kediaman (735.34 hektar), pusat bandar dan perniagaan (98.75 hektar), kemudahan pendidikan dan komuniti (149.74 hektar), pertanian (50.59 hektar) dan taman semulajadi (809.40 hektar). Projek KKIP merupakan projek perindustrian bersepadu iaitu industri berdasarkan sumber asli dan industri bukan berdasarkan sumber asli. Jenis industri berdasarkan sumber asli antaranya industri berdasarkan kayu, rotan, getah dan herba. Manakala industri bukan berdasarkan sumber asli pula antaranya industri elektrik dan elektronik, tekstil dan alat ganti. Projek ini akan dibangunkan secara berperingkat mengikut fasa dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2016. Tumpuan utama pembangunan projek adalah kawasan perindustrian, komersial dan kediaman.

27.2 Pembangunan projek Taman Perindustrian dijangka akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah kerana Kota Kinabalu adalah merupakan pintu masuk ke Malaysia bagi kawasan Pertumbuhan Ekonomi Asean Timur yang terdiri daripada Brunei, Indonesia dan Filipina (BIMP-EAGA). Selain itu, Taman Perindustrian ini akan dijadikan model pelan pembangunan perindustrian Negeri Sabah pada masa hadapan. Adalah dianggarkan sejumlah RM4.3 bilion diperlukan untuk membangunkan Taman Perindustrian bagi tempoh tahun 1993 hingga tahun 2016. Pada tahun 2005, jumlah pelaburan yang dicatatkan adalah berjumlah RM940.39 juta.

28. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pembangunan Taman Perindustrian telah dirancang, dilaksana dan dipantau dengan teliti dan berkesan bagi mencapai matlamat untuk menyediakan kawasan perindustrian bersepadu.

29. SKOP DAN KADEAH PENG AUDITAN

Jabatan Audit Negara melaksanakan kajian terhadap KKIP berdasarkan kepentingan kepada pembangunan Negeri Sabah kerana projek ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah. Projek Taman Perindustrian merupakan projek jangka panjang (*on-going project*) bermula pada tahun 1993 hingga 2016. Bagi maksud kajian ini skop pengauditan yang dijalankan adalah merangkumi tahun 1993 hingga 2005. Kajian yang dijalankan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek sehingga kedudukan masa kini. Pengauditan adalah ditumpukan kepada pembangunan Taman Perindustrian dari aspek pengambilan tanah, pembangunan tanah dan kegunaannya mengikut 3 komponen utama iaitu kawasan komersial, industri dan kediaman. Selain itu, pengauditan terhadap penjualan kawasan industri, komersial dan kediaman juga dijalankan. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menganalisis dan menyemak rekod, fail dan minit mesyuarat di peringkat Kementerian dan KKIPSB serta Agensi yang terlibat secara langsung antaranya Jabatan Tanah dan Ukur (JTU), *Institute Of Development Studies*, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sabah (JPBDWS), SEDCO dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPASS). Selain itu, pemeriksaan di tapak pembangunan juga dijalankan.

30. PENEMUAN AUDIT

30.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting untuk mempastikan Taman Perindustrian dilaksanakan bagi membantu pencapaian perindustrian Negeri.

30.1.1 Dasar Perindustrian Negeri

Bagi memenuhi wawasan negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020, Kerajaan Negeri menggubal Dasar Perindustrian Negeri pada mulanya *The First Sabah Industries Master Plan* pada tahun 1995 yang kemudiannya digantikan dengan *The Sabah Industry Action Plan* (SIAP) pada tahun 2000. *The First Sabah Industrial Master Plan* (SIMP1) digubal bagi menggariskan dasar perindustrian untuk memajukan sektor perindustrian di Negeri Sabah. Ini adalah disebabkan punca pendapatan Negeri Sabah banyak bergantung kepada hasil berasaskan pertanian dan pembalakan. Bagaimanapun, dasar tersebut telah diganti dengan dasar perindustrian yang baru disebabkan kemajuan perindustrian yang tidak memuaskan dibawah SIMP1 dimana kadar pertumbuhan sektor perkilangan terutama di bidang perindustrian adalah 13% berbanding 35% Keluaran Dalam Negara kasar (KDNK) yang dicatatkan oleh negara. Oleh itu, SIAP digubal untuk membangunkan dan mempertingkatkan industri berasaskan sumber asli dan industri bukan berasaskan sumber asli di Negeri Sabah.

30.1.2 Konsep Taman Perindustrian

Projek Taman Perindustrian adalah hasil cetusan idea daripada kajian kawasan perindustrian di Eropah dan Jepun antaranya *Sweedish Wood Product Cluster*, *The Japanese Motor Workshop Machinery Cluster* dan *The Italian Packaging Machinery Cluster* yang mana untuk mewujudkan kawasan perindustrian bersepadu (*Intergrated Cluster Industrialization*). Konsep yang diterapkan adalah untuk mewujudkan kawasan taman perindustrian yang terdiri daripada kawasan perindustrian, kediaman, pejabat, perkilangan, pusat komersial, pendidikan dan taman rekreasi serta taman semulajadi.

30.1.3 Kajian Kemungkinan

Pada tahun 1994, Kerajaan Negeri telah melantik 4 syarikat juruperunding dengan kerjasama Agensi Kerajaan antaranya *Sabah Urban Development Corporation* (SUDC) dan *Institute Of Development Study* (IDS) untuk membuat kajian kemungkinan dengan bayaran sejumlah RM1.77 juta. Syarikat juruperunding yang dilantik telah memberikan pandangannya terhadap kewajaran lokasi yang dipilih iaitu meliputi kawasan di Teluk Sapanggar, Barat Daya Sungai Salut dan kawasan Utara Daerah Tuaran. Ini adalah disebabkan lokasi tersebut mempunyai rangkaian perkhidmatan pengangkutan yang baik, berdekatan dengan pelabuhan baru yang dicadangkan, lokasi mudah dihubungi oleh sistem jalan raya yang baik, pusat perniagaan baru dan berdekatan Kota Kinabalu yang merupakan pintu masuk antarabangsa bagi Malaysia dari segi pengangkutan udara. Selain itu, 83% bentuk muka buminya adalah rata.

Syarikat juruperunding yang dilantik juga telah mencadangkan penggunaan tanah seluas 3,679.05 hektar yang akan dibangunkan meliputi kawasan perindustrian seluas 702.01 hektar, kawasan kediaman 621.01 hektar, kawasan komersial 65 hektar dan kawasan pentadbiran, institusi, kawasan lapang dan alam semulajadi seluas 2,356.03 hektar. Selain itu, kajian kemungkinan yang dijalankan juga menjangkakan penggunaan keperluan asas contohnya penggunaan elektrik (360 MW), air (61,000 M³ sehari), gas (76,000 M³ sehari) dan telefon (30,000 talian).

30.1.4 Pemilihan Lokasi

Pada bulan Februari tahun 1990, SEDCO telah mengemukakan kertas cadangan mengenai pelaksanaan projek Taman Perindustrian kepada Jawatankuasa Pelaburan Negeri yang mana 4 tapak di sekitar kawasan tersebut iaitu di Telipok, Kota Raya, Sapanggar Utara dan Sapanggar Selatan dengan keluasan masing-masing 1,772.59 hektar, 1,185.77 hektar, 922.72 hektar dan 963.19 hektar telah dikenalpasti. Pada bulan April 1991, kertas kabinet No. 18/91 bertajuk "*The Development Of Industrial Parks And Estates In Sabah*" telah dibentangkan kepada Kabinet Negeri mengenai prospek mewujudkan taman perindustrian di Tanjung Batu Laut Tawau, Seguntor-Batu Sapi Sandakan dan Teluk Sapanggar, Kota Kinabalu. Pada bulan November 1991, Kabinet Negeri pada dasarnya telah meluluskan cadangan pelaksanaan projek Taman Perindustrian di Teluk Sapanggar. Kabinet memutuskan supaya menyediakan 10% kawasan lapang bagi setiap kawasan yang dibangunkan dan menyediakan anggaran

kewangan untuk pengambilan tanah. Satu Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian telah dibentuk. Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli-ahli daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, JPBDWS, Pejabat Hasil Bumi, JTU, Jabatan Pembangunan Negeri, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar, DBKK, SEDCO dan SUDC. Peranan jawatankuasa ini adalah untuk memantau pelaksanaan projek. Manakala cadangan ke atas kawasan perindustrian di Tanjung Batu Laut, Tawau dan Seguntor-Batu Sapi Sandakan belum diputuskan.

30.1.5 Pengambilan Tanah

KKIPSB telah mengenalpasti kawasan seluas 3,367.10 hektar tanah di Teluk Sapangar yang dikenalpasti di peringkat kajian kemungkinan bagi tujuan pembangunan projek Taman Perindustrian. Pengambilan tanah ini akan dibuat secara berperingkat bermula dari tahun 1996 hingga tahun 2016. Permohonan tanah yang akan dikemukakan kepada JTU dalam bentuk anggaran iaitu berdasarkan kepada luas pada geran individu dan rekod JTU bagi tanah Kerajaan. Pengukuran semula akan dibuat apabila permohonan tanah diterima daripada KKIPSB dan semua rezab seperti rezab jalan, parit, tiang lampu dan tanah perkuburan akan dikecualikan. Pada masa perancangan awal KKIP, dianggarkan sejumlah RM332.38 juta diperlukan bagi maksud ini.

30.1.6 Sasaran Pembangunan

Pembangunan Projek Taman Perindustrian akan menjadi pemacu kepada pertumbuhan industri di Negeri Sabah. Oleh yang demikian, KKIPSB selaku Agensi yang dipertanggungjawabkan ada menetapkan sasaran utama sehingga tahun 2016. Sasaran pembangunan Taman Perindustrian adalah seperti berikut:

a) Mewujudkan Bandar Baru

Menjelang tahun 2016, Taman Perindustrian akan menjadi bandar baru yang tersusun dengan pelbagai kemudahan seperti pusat rekreasi, tempat pelancongan dan pusat pameran antarabangsa serta menjadi pusat perindustrian bagi Negeri Sabah. Selain itu, Taman Perindustrian dijangka dapat menempatkan di antara 90,000 hingga 120,000 orang penduduk Sabah.

b) Menarik Pelabur Dari Dalam Dan Luar Negeri

Taman Perindustrian dijangka akan menjadi tarikan para pelabur tempatan dan luar negeri untuk melabur dalam tiga projek utama iaitu bidang perindustrian, komersial dan kediaman masing-masing meliputi kawasan 704.18 hektar, 98.75 hektar dan 735.34 hektar. Sehingga tahun 2005, dianggarkan seramai 183 pelabur dengan pelaburan berjumlah RM940.39 juta akan beroperasi di Taman Perindustrian.

c) Menyediakan Peluang Pekerjaan Kepada Masyarakat Setempat Khasnya Dan Penduduk Sabah Amnya.

Pembangunan Taman Perindustrian ini dijangka dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih kurang 90,000 orang meliputi peringkat pengurusan, eksekutif dan bukan eksekutif.

30.1.7 Pelan Pembangunan

Ordinan Perancangan Bandar dan Desa, Bab 141 pindaan tahun 2002, Seksyen 28C (1) menetapkan setiap perancangan untuk tujuan pembangunan mestilah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan melampirkan maklumat berkaitan, pelan pembangunan dan menyertakan yuran yang ditetapkan. Selain itu, Seksyen 28D, ordinan yang sama menetapkan pelan pembangunan hendaklah mengandungi ukuran bagi kawasan yang dilindungi dan dibangunkan yang melibatkan perubahan kepada bentuk tanah, ukuran bagi kawasan yang dikekalkan, ukuran pembangunan landskap, menyediakan kawasan lapang, kawasan tanah yang dibangunkan dan gambaran atau lukisan kerja yang akan dijalankan. Kabinet menetapkan agar 10% kawasan lapang disediakan bagi setiap kawasan yang akan dibangunkan. Selain itu, adalah menjadi syarat supaya pelan pembangunan projek Taman Perindustrian mendapat kelulusan daripada JPASS dan JPBDWS.

30.1.8 Agensi Pelaksana

Penubuhan KKIPSB adalah bertujuan untuk menguruskan semua aktiviti berkaitan projek Taman Perindustrian dari aspek pembangunan dan pembinaan projek sehingga kepada penjualan lot tapak dan lot bangunan. Selaku Agensi Pelaksana, adalah menjadi tanggungjawab KKIPSB merancang, melaksana dan memantau pembangunan projek Taman Perindustrian berjalan dengan lancar dan memenuhi inspirasi Kerajaan.

30.1.9 Komponen Taman Perindustrian

Kawasan Taman Perindustrian adalah seluas 3,367.10 hektar akan dibangunkan secara berperingkat. Oleh yang demikian, KKIPSB akan membahagikan kawasan tersebut kepada 10 komponen dengan keluasan masing-masing seperti **Jadual 64**.

Jadual 64
Komponen Taman Perindustrian Dan Keluasannya

Komponen	Peruntukan Kawasan (Hektar)	Peratus (%)
Kediaman	735.34	21.8
Perindustrian	704.18	20.9
Komersial	98.75	2.9
Pejabat Kerajaan Dan Institusi	52.61	1.6
Kemudahan Pendidikan Dan Komuniti	149.74	4.5
Taman Semulajadi	809.40	24.0
Taman Rekreasi Dan Pelancongan	188.59	5.6
Landskap Dan Kawasan Lapang	202.35	6.0
Kawasan Pertanian	50.59	1.5
Jalan Raya, Keretapi Dan Kemudahan Awam	375.56	11.2
Jumlah	3,367.10	100

Sumber : Rekod Bahagian Pemasaran KKIPSB.

a) Kawasan Kediaman

Pembangunan projek kediaman adalah meliputi kawasan seluas 735.34 hektar atau 21.8% daripada keseluruhan kawasan Taman Perindustrian dan akan dilaksanakan secara berperingkat. Projek pembangunan dijangka bermula pada tahun 2002 hingga tahun 2016. Adalah dianggarkan sejumlah 17,000 unit rumah pelbagai jenis seperti rumah kos rendah, sederhana dan mewah akan dibina untuk kediaman 87,000 hingga 110,000 penghuni. KKIPSB tidak merancang bilangan unit rumah yang akan dibina bagi tahun 2005.

b) Kawasan Perindustrian

Tapak industri yang akan dibangunkan adalah meliputi kawasan seluas 704.18 hektar atau 20.9% daripada keseluruhan kawasan Taman Perindustrian secara berperingkat. Adalah dianggarkan projek akan dimulakan pada tahun 1996 hingga tahun 2016. Kawasan industri merupakan kawasan tanah rata yang terletak di sepanjang kawasan selatan hingga ke timur Teluk Sapanggar. Selain itu, kawasan industri ini akan dibahagikan kepada 6 zon perindustrian iaitu zon ringan, pelbagai, perniagaan bebas, pergudangan, berteknologi tinggi dan sokongan. Pada tahun 2005, dianggarkan 215 lot tapak industri dengan keluasan 316.15 hektar akan dibangunkan daripada 704.18 hektar jumlah keseluruhan yang diperuntukkan. Lot ini terdiri daripada 178 lot tapak tanah, 28 lot bangunan dan 9 lot institusi dengan keluasan masing-masing 229.96 hektar, 6.06 hektar dan 86.19 hektar.

c) Kawasan Komersial

Sejumlah 98.75 hektar tanah diperuntukkan sebagai kawasan komersial. Pembangunan komponen komersial akan dibahagikan kepada 4 peringkat pembangunan yang akan bermula pada tahun 2001 hingga tahun 2016. Di komponen komersial ini akan diwujudkan pusat bandar yang berperanan sebagai

pusat pentadbiran dan perniagaan. Dengan mewujudkan kawasan pusat bandar dijangka ia akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 40,000 orang. Pada tahun 2001 hingga 2005, dianggarkan 24 unit bangunan komersial di kawasan V19 Fasa 4 akan dibina meliputi kawasan seluas 1.21 hektar.

d) Kawasan Pentadbiran Kerajaan Dan Institusi

Antara ciri Taman Perindustrian bersepadu adalah terdiri daripada kawasan industri, kediaman, komersial dan pentadbiran. Oleh itu, KKIPSB juga memperuntukkan kawasan seluas 52.61 hektar bagi pembinaan bangunan pentadbiran kerajaan dan institusi.

e) Kemudahan Sekolah Dan Komuniti

KKIPSB akan menyediakan kemudahan pendidikan dan komuniti di kawasan seluas 149.74 hektar iaitu 4.5% daripada keluasan kawasan Taman Perindustrian. Mengikut perancangan, sejumlah 24 sekolah rendah dan 8 sekolah menengah akan dibina. Selain itu, bagi kemudahan komuniti, KKIPSB akan membina 692 unit rumah untuk menempatkan semula penduduk yang terlibat semasa pengambilalihan tanah bagi tujuan pembangunan projek.

f) Kawasan Taman Semulajadi

Bagi menjadikan Taman Perindustrian berimej bandar hijau dan mempunyai kawasan taman semulajadi, seluas 809.40 hektar atau 24% daripada keluasan kawasan Taman Perindustrian akan dikenalkan. Kawasan ini terbentang sepanjang pantai Teluk Mengkabong hingga ke Teluk Salut. Kawasan ini dikenalkan untuk keperluan eko-sistem dan alam semulajadi.

g) Kawasan Taman Rekreasi Dan Pelancongan

Seluas 188.59 hektar atau 5.6% daripada keseluruhan kawasan akan dibangunkan bagi tujuan taman rekreasi dan pelancongan yang terletak di sebelah utara dan barat kawasan Taman Perindustrian. Kemudahan yang akan disediakan termasuklah *Adventure Park*, *Water Theme Park*, padang golf dan *Century Club* yang bertujuan memenuhi keperluan pengunjung tempatan dan luar negeri.

h) Kawasan Lanskap Dan Kawasan Lapang

Kawasan seluas 202.35 hektar atau 10% daripada kawasan yang dibangunkan akan dijadikan sebagai kawasan lapang dan lanskap untuk menjadikan kawasan Taman Perindustrian berkonsepkan bandar hijau. Selain itu, tebing Sungai Telipok akan dibina dengan lanskap indah bercirikan kawasan hijau termasuk menyediakan kawasan bersenam dan berbasikal. Manakala di pusat bandar, kawasan lapang akan diwujudkan untuk kemudahan awam seperti menyediakan tempat berehat, taman dan taman permainan kanak-kanak.

i) Kawasan Pertanian

Bagi memenuhi konsep Taman Perindustrian yang bersepadu, KKIPSB akan mengekalkan kawasan lembah seluas 50.59 hektar atau 1.5% untuk kawasan pertanian bagi orang kampung.

j) Jalan Raya, Keretapi Dan Kemudahan Awam

Seluas 375.56 hektar atau 11.2% diperuntukkan bagi pembinaan jalan raya, jalan keretapi dan kemudahan awam. Kawasan ini juga termasuk rizab kawasan bagi syarikat pengeluaran gas.

30.1.10 Penyediaan Infrastruktur

Infrastruktur yang akan disediakan adalah bagi kemudahan para penduduk, pengusaha dan pelabur yang berurus dengan Taman Perindustrian. Infrastruktur yang disediakan meliputi dua jenis iaitu infrastruktur asas dan infrastruktur perindustrian. KKIPSB menganggarkan RM3.21 bilion bagi tujuan ini iaitu masing-masing RM693 juta bagi Infrastruktur Asas dan RM2.52bilion bagi Infrastruktur Perindustrian. Penyediaan 2 infrastruktur ini akan dilaksanakan melalui Agensi Kerajaan atau khidmat juruperunding.

30.1.11 Kaedah Pelaksanaan

Projek Taman Perindustrian akan dilaksanakan melalui dua kaedah pelaksanaan iaitu melalui penyediaan tapak lot tanah dan penyediaan infrastuktur iaitu membina lot bangunan. Bagi penyediaan tapak lot tanah, pembeli lot akan membangunkan lot tersebut berdasarkan kehendak pembeli itu sendiri. Manakala bagi penyediaan infrastruktur bagi kawasan industri, kediaman dan komersial termasuk landskap adalah melalui kaedah tender terbuka atau rundingan terus yang akan dilaksanakan oleh syarikat juruperunding yang dilantik oleh KKIPSB.

30.1.12 Jadual Pelaksanaan

Jadual pelaksanaan projek Taman Perindustrian adalah berdasarkan kepada 3 komponen utama iaitu kawasan komersial, industri dan kediaman. Oleh yang demikian, KKIPSB akan membangunkan projek tersebut berdasarkan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 65**.

Jadual 65
Jadual Pelaksanaan Taman Perindustrian Mengikut Komponen
Bagi Tempoh Tahun 1993 Hingga 2005

Bil.	Komponen	Zon	Keluasan (Hektar)	Tahun
1.	Industri	IZ-1	43.71	1996
		IZ-2	67.99	1997
		IZ-3	42.09	2002
		IZ-4	68.8	2002 hingga 2004
		IZ-13	71.23	2002 hingga 2003
		IZ-15	28.73	2004 hingga 2006
2.	Komersial	CZ-1	6.07	2002 hingga 2010
		CZ-2	14.27	1997 hingga 2004
		CZ-3	3.83	2003
		CZ-4	6.37	2000
3.	Kediaman	V-19	4.85	2002
		V-21	10.60	2004
		V-28	4.04	2003 hingga 2005
Jumlah			372.58	

Sumber : Rekod Bahagian Pemasaran KKIPSB.

30.1.13 Galakan Dan Promosi Pelaburan

Pada tahun 2005, peruntukan sejumlah RM190,000 disediakan untuk tujuan galakan dan promosi pelaburan bagi tujuan menarik lebih ramai pelabur melabur di Taman Perindustrian. Selain itu, Kerajaan dan KKIPSB juga akan memberi rebat kepada pembeli lot tanah yang memenuhi syarat tawaran berjumlah RM2.00 hingga RM4.00 setiap kaki persegi dalam tempoh promosi. Syarat tawaran tersebut ialah pembeli mestilah membangunkan lot tanah dalam tempoh 18 bulan dari tarikh pembelian. Manakala tempoh tawaran rebat akan dilaksanakan secara dua peringkat iaitu dari tahun 1992 hingga 2003 sejumlah RM2.00 dan dari bulan September 2003 hingga September 2004 berjumlah RM4.00.

30.1.14 Keperluan Kewangan

Anggaran kos keseluruhan projek Taman Perindustrian adalah berjumlah RM4.3 bilion dan akan dipohon secara berperingkat. Sumber kewangan untuk membiayai projek Taman Perindustrian akan diperolehi melalui dua cara iaitu pemberian geran oleh Kerajaan Negeri dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta bank komersial.

a) Pemberian Geran oleh Kerajaan Negeri

KKIPSB telah memohon peruntukan berjumlah RM479.12 juta sebagai geran bagi membiayai projek. Untuk Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), anggaran

pemberian geran yang akan disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM32.30 juta.

b) Pinjaman

Projek Taman Perindustrian juga akan dibiayai melalui pinjaman daripada dua sumber iaitu Kerajaan Persekutuan dan bank komersial. Bagi maksud ini, KKIPSB akan memohon pinjaman sejumlah RM482.45 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Manakala, pinjaman daripada 3 bank komersial yang terdiri daripada bank RHB, Malayan Banking Berhad (MBB) dan Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) pula adalah masing-masing berjumlah RM25 juta, RM42 juta dan RM267 juta.

c) Syarat Perjanjian Pinjaman

Perjanjian pinjaman yang ditandatangani antara KKIPSB dengan Kerajaan Persekutuan dan KKIPSB dengan bank menetapkan jadual pembayaran balik pinjaman termasuk kadar faedah yang dikenakan. Antara syarat pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan adalah kadar faedah sebanyak 2% hingga 6% akan dikenakan dan pembayaran balik akan dilakukan selepas 5 tahun daripada pinjaman diterima. Manakala, bagi pinjaman daripada bank komersial, bayaran balik pinjaman hendaklah dibuat selepas 18 hingga 30 bulan dari tarikh pengeluaran pertama dengan kadar faedah 6% setahun melalui kaedah baki berkurangan.

30.1.15 Pengurusan Sumber Manusia

Kejayaan sesuatu aktiviti yang dirancang adalah berkait rapat dengan kecekapan pengurusan sumber manusia yang ada. Selaku agensi pelaksana, perlu merancang penggunaan sumber manusia dengan berkesan. Mengikut struktur organisasi, KKIPSB diterajui oleh Lembaga Pengarah dengan seorang Ketua Eksekutif dan organisasinya dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Bahagian Operasi dan Bahagian Perkhidmatan Korporat.

30.1.16 Penjualan Komponen

Bagi menjadikan Taman Perindustrian sebagai satu kawasan perindustrian bersepadu, penglibatan pihak swasta amat diperlukan. Oleh yang demikian, KKIPSB telah mensasarkan penjualan 3 komponen utama iaitu industri, kediaman dan komersial seperti berikut:

a) Industri

Mengikut rekod KKIPSB, anggaran jualan yang akan diperolehi daripada komponen industri adalah RM214.67 juta yang melibatkan penjualan tapak lot industri seluas 213.32 hektar iaitu dari tahun 1996 hingga 2003. Kawasan tersebut merupakan 30.29% daripada 704.18 hektar jumlah keseluruhan komponen industri yang akan

dibangunkan. **Jadual 66** menunjukkan luas tapak lot tanah industri dan anggaran jualan.

Jadual 66
Anggaran Penjualan Lot Industri Bagi Tempoh Tahun 1996 Hingga 2003

Zon Industri	Luas (Hektar)	Cadangan Pembangunan	Harga Sekaki Persegi (RM)	Amaun (RM Juta)	Tempoh Pelaksanaan
IZ-1	31.23	Lot Industri Pelbagai	7.00-10.00	28.57	1996 hingga 1997
IZ-2	55.38	Lot Industri Pelbagai	7.00-12.00	56.63	1997 hingga 1998
IZ-3	22.10	Lot Industri - Lot 17	7.00-12.00	22.60	2002
IZ-4	47.57	Lot industri utama berasaskan industri kayu – Lot 18	7.50-12.00	48.64	2003
		FSM Scheme: 24 units, Semi-D & Terrace, 2-Storey			
		Tanah lot Industri untuk aktiviti industri pelbagai.			
IZ-13	56.95	Tanah lot Industri untuk aktiviti industri pelbagai.	7.00-12.00	58.23	2002 hingga 2003
Jumlah	213.23			214.67	

Sumber : Rekod Bahagian Pemasaran KKIPSB.

b) Komersial

Kawasan komersial terdiri daripada pejabat dan lot rumah kedai. Pada tahun 1993 hingga tahun 2005, dianggarkan seluas 30.54 hektar daripada 98.75 hektar tapak lot komersial bagi 4 zon iaitu CZ-1 seluas 6.07 hektar, CZ-2 seluas 14.27 hektar, CZ-3 seluas 3.83 hektar dan CZ-4 seluas 6.37 hektar akan dijual dengan jumlah jualan RM19.79 juta.

c) Kediaman

Kawasan yang diperuntukkan bagi komponen kediaman adalah seluas 735.34 hektar. Pada tahun 2003 hingga 2005, KKIPSB merancang penjualan terhadap 2 lot tapak kediaman seluas 9.76 hektar dan 9.92 hektar dengan anggaran jualan RM11.69 juta. Selain itu, KKIPSB juga merancang untuk membangunkan sebanyak 40 unit apartment di atas tapak seluas 4.04 hektar dengan anggaran jualan berjumlah RM5.52 juta.

30.1.17 Kawalan Keselamatan

Bagi meyakinkan pelabur, KKIPSB perlu menyediakan sistem kawalan keselamatan yang baik. Aspek keselamatan ini merangkumi keperluan sumber manusia dan perundangan.

a) Keselamatan Taman Dan Premis

KKIPSB akan memohon daripada pihak polis untuk menempatkan pondok polis di kawasan perindustrian. Selain itu, KKIPSB juga akan mewujudkan jawatankuasa khas untuk memantau keselamatan di sekitar kawasan perindustrian yang

dianggotai oleh pihak polis dan pihak syarikat yang beroperasi di kawasan Taman Perindustrian. Bagi keselamatan premis, adalah menjadi tanggungjawab pemilik premis itu sendiri untuk melantik syarikat kawalan keselamatan.

b) Perundangan

KKIPSB tidak menyediakan perancangan terhadap kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan Taman Perindustrian daripada dicerobohi dengan memaparkan tanda kawasan larangan untuk mengelakkan daripada kawasan dicerobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

30.1.18 Kaedah Pemantauan

KKIPSB komited untuk membangunkan projek Taman Perindustrian ke tahap standard antarabangsa. Kejayaan pelaksanaan ini adalah berasaskan kepada peruntukan yang mencukupi, pengurusan yang cekap dan sistem infrastruktur yang berkualiti tinggi. Bagi mencapai standard tersebut, Unit Perkhidmatan Teknikal KKIPSB akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan *Quality Assurance Plan* terhadap semua kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek. Manakala Unit Audit Dalaman ditubuhkan adalah berperanan melaporkan kemajuan aktiviti yang dilaksanakan kepada pihak pengurusan. Selain itu, KKIPSB juga menubuhkan Jawatankuasa Kewangan untuk memantau pengurusan kewangan.

Pada pandangan Audit, perancangan pembangunan projek KKIP adalah menyeluruh dan terperinci dari segi penyediaan pelan pembangunan, jadual pelaksanaan dan sasaran penjualan. Selain itu, kaedah pemantauan yang jitu turut disediakan.

30.2 PELAKSANAAN

KKIPSB telah merangka perancangan terhadap pengurusan projek KKIP dengan sewajarnya. Keberkesanan perancangan tersebut adalah bergantung kepada pelaksanaan yang dijalankan seperti berikut:

30.2.1 Dasar Perindustrian Negeri

Dasar Perindustrian Negeri yang dilaksanakan adalah sejajar dengan Dasar Perindustrian Negara. Semakan Audit terhadap pelaksanaan Dasar Perindustrian Negeri telah memfokuskan kepada perindustrian berdasarkan sumber asli dan bukan sumber asli. Industri berdasarkan sumber asli adalah seperti industri kayu, rotan, getah dan herba. Manakala industri bukan berdasarkan sumber asli adalah seperti tekstil, elektrik dan elektronik dan alat ganti. Setakat tahun 2004, jumlah pertumbuhan sektor perindustrian Negeri Sabah adalah 11% daripada KDNK.

Pada pendapat Audit, Dasar Perindustrian Negeri adalah selari dengan Dasar Perindustrian Negara.

30.2.2 Konsep Taman Perindustrian

Semakan Audit mendapati pelaksanaan pembangunan yang dijalankan untuk Taman Perindustrian dan replika pembahagian kawasan yang dibina adalah mengikut konsep kawasan perindustrian bersepadu selari dengan rancangan yang dibuat yang mana wujud kawasan perindustrian, kawasan komersial, kawasan kediaman, kawasan pertanian di kampung Laya-laya, kawasan institusi dan pentadbiran kerajaan, taman semulajadi iaitu kawasan hutan bakau di Sungai Salut dan Mengkabong.

Pada pendapat Audit, konsep kawasan perindustrian bersepadu telah dilaksanakan seperti yang dirancang.

30.2.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan yang dijalankan terhadap lokasi yang ditetapkan oleh Kabinet Negeri telah memberi keyakinan kepada Kerajaan Negeri untuk terus melaksanakan projek Taman Perindustrian di kawasan Teluk Sapanggar kerana lokasi tersebut adalah strategik dari segi geografi dan faktor ekonomi. Ini kerana kawasan yang dipilih adalah terletak di kawasan tanah rata, berdekatan dengan pusat bandar Kota Kinabalu yang memiliki pelbagai kemudahan seperti kuasa membeli, kemudahan perbankan, mempunyai rangkaian jalan raya yang baik, berhampiran dengan pelabuhan Kota Kinabalu dan pelabuhan baru yang akan dibina di Teluk Sapanggar serta jarak dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu hanya 30 Kilometer yang merupakan salah satu pintu masuk utama ke Sabah.

30.2.4 Pemilihan Lokasi

Pemilihan lokasi telah ditetapkan oleh Kabinet Negeri setelah mendapat penerangan terperinci daripada SEDCO. Kementerian dan Agensi yang terlibat telah mengambilkira aspek pengambilalihan tanah yang melibatkan tanah milik individu dan tanah kerajaan serta bayaran pampasan. Selain itu, kedudukan perancangan 2 pekan yang bersebelahan dengan Taman Perindustrian iaitu Pekan Telipok dan Kuala Menggatal juga telah diambilkira. Bagaimanapun, cara untuk mengatasi banjir tidak dicadangkan.

Pada pendapat Audit, pemilihan lokasi oleh Kabinet Negeri dan disokong oleh Kementerian dan Agensi yang terlibat adalah sesuai kerana Taman Perindustrian ini berpotensi kepada perkembangan bidang industri di Negeri Sabah. Bagaimanapun, cara untuk mengatasi banjir tidak diambil kira dalam kajian kemungkinan.

30.2.5 Pengambilan Tanah

Sehingga tahun 2005, seluas 1,857.07 hektar daripada 3,367.10 hektar yang diperlukan telah diambil alih iaitu masing-masing 1,470.64 hektar tanah bergeran individu dan 386.43 hektar tanah kerajaan.

a) Permohonan Tanah

Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2005, kesemua permohonan ambil alih tanah individu telah diluluskan oleh JTU iaitu dengan keluasan 1,470.64 hektar. Manakala bagi permohonan tanah kerajaan seluas 300.77 hektar daripada 386.43 hektar belum diluluskan disebabkan permohonan masih di peringkat penyemakan iaitu sama ada di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, DBKK atau JPBDWS sebelum diluluskan oleh JTU. Perkara yang perlu disemak adalah seperti keluasan, bayaran pengukuran dan semakan semula pelan kawasan. Setakat ini, tidak ada tindakan susulan berkesan yang diambil oleh KKIPSB bagi memastikan kelulusan tanah tersebut dapat disegerakan. **Jadual 67** menunjukkan tujuan penggunaan 14 permohonan tanah yang belum diluluskan oleh JTU:

Jadual 67
Permohonan Tanah Dan Tujuan Penggunaannya Yang Belum Diluluskan
Bagi Tahun 1993 Hingga 2005

Bil.	Tujuan	Permohonan	
		Tarikh	Luas (Hektar)
1.	Gas Pipeline Reserve, KK	30.03.2000	2.27
2.	Teluk Sapangar, KK	Tidak diperolehi	16.19
3.	Package 3, Tuaran	Sda	64.75
4.	Industrial Area (Warehousing), KK	Sda	5.87
5.	Reminder of Pelbagai Guna, Tuaran	Sda	101.18
6.	Reminder of Pelbagai Guna, Tuaran	Sda	20.24
7.	Tambalugu, Tuaran	Sda	22.66
8.	KPD Land near LPPB Jln Sapangar, KK	Sda	29.14
9.	State Land near Salut Resettlement Scheme, KK	Sda	14.16
10.	Part of NT013067591, KK	Sda	2.83
11.	State Land within Salut Scheme Area, KK	Sda	1.62
12.	NT013059106 at Malawa, KK	Sda	2.87
13.	Road reserve at B & C, KK	Sda	5.26
14.	SESB reserve (60m) IZ1 & 2/IZ3 & 4	Sda	11.74
Jumlah			300.78

Sumber : Rekod Bahagian Pentadbiran Tanah KKIPSB.

Perbezaan keluasan tanah yang dipohon adalah disebabkan tanah yang diambil alih adalah termasuk rezab bagi jalan, parit dan tiang lampu seluas 86.65 hektar.

Pada pendapat Audit, Agensi terlibat perlu memberi perhatian kepada permohonan tanah yang belum diberi kelulusan supaya projek perindustrian dapat dilaksanakan mengikut jadual.

b) Bayaran Pampasan

Semakan Audit mendapati anggaran kos pembayaran pampasan tanah kepada pemilik adalah berjumlah RM332.38 juta. Sehingga tahun 2005, sejumlah RM219 juta atau 65.9% telah dibayar sebagai pampasan bagi 1,556.30 hektar tanah. Tanah tersebut adalah terdiri daripada 1,470.64 hektar bergeran individu dan 85.66 hektar tanah kerajaan. Bagaimanapun JTU hanya meluluskan seluas 1,429.28 hektar setelah pengukuran semula dibuat setelah mengambilkira semua rezab jalan, tiang lampu dan parit. Semakan Audit terhadap 80 geran atau 10% daripada jumlah 793 geran individu yang diambil alih mendapati perkara berikut:-

i) Pampasan Dibayar Penuh

Sejumlah 52 atau 65% daripada 80 sampel geran yang dipilih telah dibayar pampasan sepenuhnya. Pembayaran ini melibatkan kos berjumlah RM43.05 juta bagi keluasan 263.60 hektar tanah milik individu.

ii) Pampasan Dibayar Sebahagian

Berdasarkan kepada jumlah sampel yang dipilih, 9 daripada 80 geran atau 1.3% dengan keluasan 29.03 hektar tanah milik individu telah dibayar sebahagian sahaja iaitu berjumlah RM2.25 juta. Baki berjumlah RM1.31 juta lagi masih belum dibayar oleh kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh KKIPSB dan pertikaian nilai tanah oleh pemilik.

iii) Pampasan Belum Dibayar

Semakan Audit mendapati sejumlah 19 atau 23.8% daripada 80 sampel geran yang dipilih belum dibayar pampasan melibatkan tawaran berjumlah RM7.84 juta oleh kerana pemilik tidak bersetuju dengan harga yang ditawarkan.

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya bayaran pampasan telah dibuat secara teratur dan mengikut masa yang ditetapkan kecuali bagi kes yang mempunyai bantahan daripada pemilik tanah yang tidak bersetuju terhadap nilai tanah yang ditawarkan.

c) Bayaran Premium Tanah

Setiap penjualan tanah kepada pembeli atau pelabur perlu dibayar premium kepada Kerajaan Negeri. Kadar yang dikenakan adalah RM43,560 bagi setiap satu hektar. Semakan Audit mendapati harga tanah yang ditawarkan oleh KKIPSB kepada pembeli meliputi kos pengambilan tanah, kos infrastruktur dan premium. Sehingga tahun 2005, seluas 352.19 hektar lot tanah telah dijual dengan harga jualan berjumlah RM306.73 juta termasuk bayaran premium berjumlah RM37.91 juta. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005, KKIPSB belum menjelaskan premium tersebut kepada Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, bayaran premium berjumlah RM37.91 juta perlu dijelaskan kepada Kerajaan Negeri kerana ia merupakan hasil Kerajaan.

30.2.6 Kemajuan Pengambilan Tanah

Semakan Audit mendapati sejumlah RM219 juta telah dibayar bagi maksud pengambilan tanah. Jumlah tersebut adalah bersamaan 65.9% daripada jumlah yang diperuntukkan. Namun demikian, keluasan tanah yang diambil alih adalah berjumlah 1,556.30 hektar bersamaan 46.2% daripada 3,367.10 hektar tanah yang akan diambil alih. Baki sejumlah RM113.38 juta (34%) adalah tidak mencukupi untuk menampung baki pengambilan seluas 1,810.81 hektar bersamaan 53.8% daripada keseluruhan kawasan tanah. Kekurangan peruntukan menjadi lebih serius lagi sekiranya tunggakan bayaran pampasan berjumlah RM9.15 juta diambil kira.

Pada pendapat Audit, jumlah peruntukan RM332.28 juta yang disediakan bagi pengambilan tanah seluas 3,367.10 hektar adalah tidak mencukupi. Pihak Kementerian dan KKIPSB perlu mendapatkan peruntukan tambahan yang sepatutnya.

30.2.7 Prestasi Pembangunan Taman Perindustrian

Projek Taman Perindustrian dibangunkan untuk tujuan menyediakan satu kawasan perindustrian bersepadu yang terdiri daripada kawasan industri, kediaman dan komersial. Sasaran utama selain membangunkan kawasan perindustrian adalah bertujuan menarik pelabur dari dalam dan luar negeri untuk melabur di Taman Perindustrian khasnya dan Sabah amnya. Selain itu, ianya diharap dapat memberikan pekerjaan kepada rakyat Sabah. Pada masa kini projek Taman Perindustrian tertumpu kepada *core business* iaitu penjualan kawasan industri dan sedikit kawasan kediaman serta komersial. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2005, jumlah syarikat yang melabur di kawasan Taman Perindustrian adalah 244 buah dengan jumlah pelaburan RM946.08 juta dan menyediakan 4,586 peluang pekerjaan.

Pada pendapat Audit, sasaran pelabur dan jumlah pelaburan yang ditetapkan oleh KKIPSB pada tahun 2005 telah tercapai. Bagaimanapun, pencapaian sebenar belum dapat diukur sepenuhnya kerana projek Taman Perindustrian sedang dibangunkan dan hanya dijangka siap pada tahun 2016.

30.2.8 Agensi Pelaksana

Kerajaan telah menubuhkan KKIPSB selaku Agensi Pelaksana yang bertanggungjawab menguruskan semua aktiviti projek Taman Perindustrian dari aspek pembangunan dan pembinaan projek sehinggalah kepada penjualan lot tanah dan bangunan. Pelaksanaan projek secara penswastaan ini adalah bagi menjamin kecekapan dan kelancaran pelaksanaan. Semakan Audit mendapati Agensi Pelaksana telah berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan pembangunan Taman

Perindustrian termasuk mencari sumber kewangan luaran oleh kerana bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri adalah tidak mencukupi.

Pada pendapat Audit, kerajaan telah mengambil langkah yang betul dengan menubuhkan KKIPSB sebagai Agensi Pelaksana supaya penumpuan sepenuhnya terhadap pembangunan projek Taman Perindustrian dapat dilakukan mengikut perancangan.

30.2.9 Pelan Pembangunan

Pada tahun 1995, pelan pembangunan projek telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Kota Kinabalu dan Majlis Daerah Tuaran), JPASS dan JPBDWS. Pandangan oleh pihak JPASS dan JPBDWS yang dikemukakan terhadap pelaksanaan projek Taman Perindustrian adalah positif kerana mereka berpendapat kesan daripada pembangunan projek ini terhadap alam sekitar adalah bersifat sementara dan hanya memerlukan kawalan yang optimum, memenuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Garis Panduan Penempatan Industri. Sekiranya KKIPSB mematuhi peraturan dan garis panduan kualiti alam sekitar maka kesan negatif terhadap alam sekitar adalah di tahap minimum. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Pelan Pembangunan utama belum diluluskan di peringkat Lembaga Pusat yang dipengerusikan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan kerana bertindih dengan pelan awal pembangunan Pekan Telipok dan Kuala Menggatal. Selain itu, DBKK telah meluluskan sub-pelan pembangunan bagi kawasan industri yang beroperasi yang telah dipohon dan dibangunkan serta sijil menduduki telah dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, pihak Majlis telah menjalankan tanggungjawabnya dengan meluluskan sub-pelan pembangunan untuk melicinkan pelaksanaan projek sungguhpun pelan pembangunan induk masih di peringkat semakan oleh Lembaga Pusat.

30.2.10 Pembangunan Projek

Seluas 3,367.10 hektar tanah telah dikenalpasti untuk dibangunkan dan dibahagikan kepada 10 komponen projek seperti berikut:

a) Kawasan Perindustrian

KKIPSB telah mengenal pasti kawasan seluas 704.18 hektar tanah bagi tujuan industri yang berpotensi untuk dibangunkan dan dijual. Sehingga tahun 2005, seluas 316.14 hektar tanah atau 44.9% telah dijual dengan nilai RM280.02 juta. Daripada sejumlah 316.14 hektar tanah yang dijual, seluas 65.12 hektar tanah telah dibangunkan dan telah beroperasi, seluas 2.08 hektar telah disiapkan tetapi belum beroperasi, satu kilang seluas 0.42 hektar telah ditutup, seluas 42.14 hektar dalam pembinaan dan seluas 86.19 hektar telah dibangunkan sebagai institusi. Bagaimanapun, kawasan seluas 120.19 hektar tanah atau 38% yang dibeli oleh

individu dan syarikat swasta belum dimajukan. Pada masa ini, jenis industri yang beroperasi adalah seperti yang dirancang iaitu industri kayu, makanan, elektrik, elektronik, plastik dan alat ganti. Peratus kawasan yang belum dibangunkan adalah 72.2% daripada 704.18 hektar tanah yang dikenalpasti. Contoh kilang Industri Logam yang sedang beroperasi di Taman Perindustrian adalah seperti **Foto 30**.

Foto 30
Kilang Industri Logam Yang Sedang Beroperasi



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Sabah
Tarikh : 29 Mac 2006
Lokasi : Taman Perindustrian Kota Kinabalu

Pada pendapat Audit, dari aspek penjualan kawasan industri adalah memuaskan. KKIPSB telah menjual tapak lot tanah dan lot bangunan industri sebanyak 44.9%. Bagaimanapun, setelah 10 tahun pelaksanaan projek, pembangunan kawasan industri agak perlahan dimana hanya 195.95 hektar atau 27.8% tapak lot tanah yang dijual dan tanah yang dibangunkan oleh KKIPSB telah dimajukan.

b) Kawasan Komersial

Sejumlah 98.75 hektar tanah bersamaan 13.4% daripada jumlah keseluruhan kawasan Taman Perindustrian diperuntukkan sebagai kawasan komersial. Pada tahun 2001 hingga 2005, seluas 10.21 hektar atau 10.3% daripada 98.75 hektar telah dimajukan. Semakan Audit mendapati pembangunan hanya melibatkan pembersihan tapak untuk membina 16 unit bangunan 2 tingkat dan 18 unit bangunan 3 tingkat. Selain itu, pada tahun 2000 KKIPSB telah menjual tanah seluas 16.29 hektar komponen komersial kepada 1 Agensi Kerajaan dan 2 syarikat swasta dengan nilai RM13.24 juta namun demikian tanah tersebut masih

belum dibangunkan. Oleh itu, peratus kawasan yang belum dibangunkan adalah 89.7%.

Pada pendapat Audit, pembangunan kawasan komersial adalah perlahan kerana setelah 10 tahun projek ini dilancarkan hanya 10.3% kawasan sahaja telah dibangunkan. Jika ini berterusan adalah sukar bagi KKIPSB untuk menyiapkan kawasan komersial pada tahun 2016.

c) Kawasan Kediaman

Komponen kediaman adalah meliputi kawasan seluas 735.34 hektar atau 21.8% daripada keseluruhan kawasan Taman Perindustrian. Tapak kediaman akan dimajukan melalui 2 kaedah iaitu oleh pihak swasta dan juga KKIPSB sendiri. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2002 hingga 2005, KKIPSB telah menjual tanah seluas 19.68 hektar dengan nilai jualan berjumlah RM11.70 juta kepada 2 syarikat swasta. Pada tahun 2005, satu syarikat telah memulakan kerja pembersihan tapak seluas 9.92 hektar. Manakala satu syarikat lagi belum memulakan kerja pembinaan di atas tapak dengan keluasan 9.76 hektar selepas 2 tahun dari tarikh pembelian tanah. Sementara itu, KKIPSB pula sedang memulakan kerja pembinaan ke atas tapak seluas 4.04 hektar. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu kawasan seluas 3.84 hektar telah ditukar tujuannya menjadi kawasan komersial dan telah dijual tetapi masih belum dibangunkan. Oleh yang demikian, daripada 735.34 hektar hanya 13.96 hektar atau 1.9% sahaja kawasan kediaman mula dimajukan.

Pada pendapat Audit, pembangunan kawasan kediaman adalah tidak memuaskan oleh kerana semenjak pelancaran projek Taman Perindustrian pada tahun 1995 hanya 1.9% sahaja kawasan kediaman mula dimajukan.

d) Kawasan Pentadbiran Kerajaan Dan Institusi

KKIPSB telah menjual tanah seluas 92.26 hektar berbanding 52.61 hektar yang dirancang dengan jualan berjumlah RM31.41 juta kepada beberapa Agensi Kerajaan. Kawasan tersebut telah dibangunkan untuk tujuan pusat latihan dan institusi. Antara pusat latihan dan Institusi yang sedang beroperasi seperti MARDI, Institut Kemahiran MARA, Sabah Skills Technology Centre, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Politeknik Kota Kinabalu dan Malaysian Timber Industry Board. Selain itu, beberapa Agensi Kerajaan telah menempatkan pusat dan cawangan pentadbiran di Taman Perindustrian seperti KKIPSB, SIRIM dan MARDI. Ini bermakna keluasan kawasan yang telah dibangunkan adalah 157.4%. Bagaimanapun, adalah didapati *prime land* iaitu tanah yang strategik dan berdekatan dengan jalan utama yang sepatutnya dijadikan kawasan industri telah dijual dan dibangunkan sebagai institusi atau pusat latihan seperti Politeknik dan ILP. **Foto 31** menunjukkan contoh kawasan yang terlibat.

Foto 31
Gambar Politeknik Kota Kinabalu



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Sabah

Tarikh : 2 Disember 2005

Lokasi : Taman Perindustrian Kota Kinabalu

Pada pendapat Audit, pembangunan kawasan institusi dan pusat latihan telah tercapai. Ini disebabkan oleh permintaan terhadap pusat latihan dan institusi serta cawangan pentadbiran Agensi Kerajaan adalah tinggi. Pembangunan kawasan pentadbiran kerajaan dan institusi telah melebihi sasaran sebanyak 57.4% dan ini amat menggalakkan. Oleh yang demikian, sekiranya permintaan kawasan ini berterusan maka KKIPSB perlu menyemak semula pelan pembangunannya terhadap pengagihan kawasan tanpa menjelaskan dasar dimana kawasan Taman Perindustrian sebagai pusat perindustrian Negeri Sabah.

e) Pembinaan Sekolah Dan Kemudahan Komuniti

KKIPSB telah membina rumah untuk masyarakat setempat yang diambil alih tanah mereka untuk projek Taman Perindustrian. Sehingga tahun 2005, sebanyak 165 unit rumah telah dibina untuk menempatkan 165 daripada 692 keluarga yang terlibat dalam pengambilalihan tanah. Selain itu, KKIPSB telah mengecualikan pengambilalihan tanah seluas 134.72 hektar yang didiami oleh syarikat dan orang kampung antaranya Syarikat MGR (10.73 hektar), West Coast Furniture (37.14 hektar) dan Kampung Rugading Tuaran (67.58 hektar). Bagaimanapun, kemudahan lain seperti sekolah rendah dan menengah belum dibina.

Pada pendapat Audit, sungguhpun penduduk yang terlibat diberi kemudahan perumahan percuma namun usaha yang lebih gigih perlu diambil untuk menyediakan kemudahan sekolah dengan kerjasama Kementerian Pelajaran.

f) **Kawasan Taman Semulajadi**

Bagi mewujudkan bandar dalam taman, KKIPSB mengenalpasti satu kawasan hutan bakau seluas 809.40 hektar atau 24% untuk dijadikan taman semulajadi yang terbentang di sepanjang pantai Teluk Mengkabong hingga ke Teluk Salut. Semakan Audit mendapati kawasan ini masih dikekalkan bagi keperluan sistem ekologi. **Foto 32** adalah kawasan yang dimaksudkan.

Foto 32
Kawasan Hutan Bakau Di Teluk Mengkabong



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Sabah

Tarikh : 20 April 2006

Lakasi : Taman Perindustrian Kota Kinabalu

Pada pendapat Audit, pengekalan kawasan hutan bakau sebagai taman semulajadi bukan sahaja dapat menjamin sistem ekologi tetapi juga keadaan persekitaran yang selesa dan lebih menarik.

g) **Kawasan Taman Rekreasi Dan Pelancongan**

Selain mengekalkan hutan simpan, KKIPSB juga akan membangunkan kawasan taman dan rekreasi bagi keselesaan penghuni bandar Taman Perindustrian. Bagi tujuan tersebut, seluas 180.50 hektar telah dikenalpasti iaitu di utara dan barat Taman Perindustrian. Semakan Audit mendapati kawasan tersebut belum dimajukan oleh kerana KKIPSB memberi keutamaan kepada pembangunan komponen utama seperti kawasan industri, komersial dan kediaman.

Pada pendapat Audit, pemberian keutamaan kepada komponen yang lebih penting merupakan satu langkah yang baik walaupun taman rekreasi dan pelancongan adalah perlu.

h) Kawasan Lanskap Dan Kawasan Lapang

Sejajar dengan kehendak Kabinet Negeri untuk mewujudkan kawasan lapang iaitu 10% daripada jumlah kawasan yang hendak dimajukan, seluas 202.35 hektar perlu disediakan untuk dijadikan kawasan lapang dan lanskap. Ini adalah penting supaya keadaan sekeliling adalah lebih kondusif untuk keselesaan pekerja. Semakan Audit mendapati bahawa keluasan kawasan lapang yang disediakan adalah 202.35 hektar bersamaan dengan ketetapan kabinet.

Pada pendapat Audit bagi menjamin suasana yang kondusif di persekitaran Taman Perindustrian, tindakan menyediakan 10% kawasan lapang telah disediakan.

i) Kawasan Pertanian

KKIPSB telah mengenalpasti satu kawasan lembah seluas 50.59 hektar iaitu di Kg. Laya-laya dan Kg. Gayang di daerah Tuaran. Kawasan ini telah dikenal pasti dan dikekalkan sebagai kawasan pertanian untuk orang kampung yang boleh menjadi tarikan pelancong selain dari mengekalkan peluang pekerjaan orang kampung.

Foto 33 menunjukkan kawasan pertanian yang dikekalkan.

Foto 33
Kawasan Pertanian Di Kg. Laya-Laya Tuaran



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Sabah

Tarikh : 20 April 2006

Lokasi : Taman Perindustrian Kota Kinabalu

Pada pendapat Audit, langkah mengekalkan kawasan pertanian akan menjadikan persekitaran Taman Perindustrian mesra alam disamping memajukan perindustrian.

j) Infrastruktur Dan Kemudahan Awam

Infrastruktur yang mantap seperti jalan raya, pelabuhan dan lapangan terbang adalah penting bagi menjamin kecekapan perhubungan di antara Taman Perindustrian dengan pelabur lain yang mempunyai hubungkait atau urusniaga dengan pengusaha di kawasan tersebut. Untuk itu, bagi tujuan jalan raya, keretapi dan kemudahan awam seluas 375.56 hektar bersamaan 11.5% daripada jumlah keseluruhan kawasan Taman Perindustrian telah diperuntukkan. Semakan Audit mendapati KKIPSB telah membina jalanraya untuk kemudahan kepada pengusaha industri dan orang awam di sekitar kawasan perindustrian. Sepanjang 40 kilometer jalan raya telah dibina dengan kos sejumlah RM80 juta. Jalan raya tersebut menghubungi kawasan Taman Perindustrian dengan bandar Kota Kinabalu, lapangan terbang, pelabuhan Sapanggar dan destinasi yang penting di Sabah untuk urusniaga domestik atau antarabangsa. Selain dari itu, kemudahan utiliti seperti bekalan elektrik dan telefon telah disediakan dengan secukupnya. Pembinaan jalan keretapi yang menghubungkan destinasi penting seperti pelabuhan dan bandar utama di Sabah adalah di peringkat perancangan.

Pada pendapat Audit, daya usaha yang diambil untuk menyediakan kemudahan infrastruktur adalah komprehensif yang dapat menjamin kecekapan perhubungan di kawasan Taman Perindustrian dengan dunia luar.

30.2.11 Penyediaan Infrastruktur

Infrastruktur yang disediakan adalah bagi kemudahan para penduduk, pengusaha dan pelabur yang berurus dengan Taman Perindustrian. Infrastruktur yang disediakan meliputi dua jenis iaitu infrastruktur asas dan infrastruktur perindustrian. Semakan Audit mendapati perkara berikut:-

- a)** Infrastruktur asas yang disediakan adalah seperti jalan raya, utiliti air dan elektrik serta perparitan. Infrastruktur ini dibina oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air, SESB atau syarikat konsultan yang dilantik. Sehingga tahun 2005, sejumlah RM330 juta iaitu Jalan Persekutuan (KK-Sulaman), jalan sekitar kawasan industri RM80 juta dan RM250 juta bagi Petronas, Gas Landing dan Gas Supply telah dibelanjakan untuk membangunkan infrastruktur asas di kawasan Taman Perindustrian.
- b)** Infrastruktur perindustrian pula melibatkan pembinaan kilang, kedai, rumah kedai, jalan raya di sekitar industri dan landskap. Infrastruktur tersebut dibina oleh KKIPSB melalui tender terbuka atau rundingan terus dengan kontraktor yang

berwibawa. Sehingga tahun 2005, sejumlah RM575.75 juta telah dibelanjakan untuk membina infrastruktur perindustrian.

Pada pendapat Audit, penyediaan infrastruktur asas dan industri yang baik dan mencukupi oleh KKIPSB dapat membantu para pelabur menjalankan aktiviti perniagaan dengan lancar.

30.2.12 Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan projek adalah melalui dua kaedah iaitu penjualan lot tanah dan pembinaan bangunan. Kaedah pelaksanaan yang digunakan bagi memudahkan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar di mana pihak pelabur membina sendiri lot tanah yang telah dibeli. Manakala KKIPSB membina bangunan dan dijual kepada pelabur yang berminat dan ingin beroperasi dengan cepat. Sehingga tahun 2005, sejumlah 175.58 hektar daripada 352.09 hektar tapak lot tanah yang dijual telah dimajukan.

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan yang digunakan telah dipatuhi di mana bagi penjualan tapak lot tanah adalah mengikut kehendak pembeli sendiri. Bagaimanapun, tempoh membangunkan lot tanah yang dibeli tidak dinyatakan dalam surat perjanjian sewa beli tanah. Oleh yang demikian, terdapat tapak lot tanah yang telah dibeli belum dimajukan selepas 9 tahun. Manakala bagi lot bangunan siap telah dimajukan oleh KKIPSB dengan mempelawa secara tender atau rundingan terus. Foto 34 menunjukkan tapak lot tanah yang belum dibangunkan.

Foto 34
Lot Industri Yang Telah Dijual Tetapi Belum Dibangunkan



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Sabah
Tarikh : 2 Disember 2005
Lokasi : Taman Perindustrian Kota Kinabalu*

30.2.13 Jadual Pelaksanaan

Jadual pelaksanaan projek yang disediakan adalah bertujuan supaya pelaksanaan projek berjalan dengan lancar dan bagi memudahkan kontraktor memajukan kawasan mengikut tempoh yang ditetapkan. KKIPSB telah menetapkan jadual pelaksanaan projek berdasarkan kepada 3 komponen utama iaitu komponen industri, kediaman dan komersial. Semakan Audit mendapati perkara berikut:-

a) Kawasan Perindustrian

Seluas 334.29 hektar daripada 704.18 hektar telah dikenalpasti untuk dimajukan dan jadual pelaksanaannya juga ada disediakan. **Jadual 68** menunjukkan pelaksanaan dan pencapaian bagi kawasan perindustrian tersebut:-

Jadual 68
Jadual Pelaksanaan dan Pencapaian Bagi Kawasan Perindustrian
Bagi Tempoh Tahun 1993 Hingga 2005

Zon	Perancangan		Pelaksanaan		Luas Kawasan Yang Belum Dimajukan (Hektar)
	Luas (hektar)	Tempoh Pelaksanaan	Luas (hektar)	Tempoh Pelaksanaan	
IZ-1	43.71	1996	43.71	1996	0
IZ-2	67.99	1997	67.99	1997	0
IZ-3	42.09	2002	34.40	1997	7.69
IZ-4	68.80	2002-2004	64.75	2005	4.05
IZ-8A	11.74	2000-2005	11.74	2000-2005	0
IZ-13	71.23	2002-2003	71.23	2005	0
IZ-15	28.73	2004-2006	6.48	2005	22.25
	334.29		300.3		33.99

Sumber : Rekod Bahagian Pemasaran KKIPSB.

Daripada jadual di atas, didapati hanya seluas 300.30 hektar daripada 334.29 hektar tanah yang dirancang telah dimajukan. Ini menunjukkan bahawa KKIPSB telah mencapai sasaran pelaksanaan sebanyak 89.8%.

Pada pendapat Audit, KKIPSB telah mencapai sasaran pelaksanaan komponen industri seperti yang ditetapkan dalam jadual pelaksanaan projek.

b) Kawasan Komersial

Jadual pelaksanaan bagi komponen komersial telah ditetapkan mengikut keperluan projek. Pada peringkat pertama seluas 14.01 hektar daripada 98.75 hektar telah disediakan jadual pelaksanaannya. Pada tahun 2005, kawasan bagi zon CZ-2, CZ3 dan CZ-4 belum dimajukan. Manakala kawasan seluas 1.21 hektar di tapak komersial V-19 telah mula dibangunkan di mana tapak ini tidak termasuk dalam rancangan pembangunan KKIPSB bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Ini membuktikan bahawa jadual pelaksanaan gagal dilaksanakan kerana KKIPSB bergantung kepada permintaan pelanggan untuk melaksanakan pembangunan komponen komersial. **Foto 35** menunjukkan tapak komersial yang sedang dibangunkan.

Foto 35
Tapak Komersial V-19 Yang Sedang Dibangunkan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Sabah
Tarikh : 2 Disember 2005
Lokasi : Taman Perindustrian Kota Kinabalu

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek bagi kawasan komersial adalah tidak mengikut jadual.

c) Kawasan Kediaman

Pada peringkat perancangan iaitu tahun 2003 hingga 2005, bagi kawasan V-28 seluas 4.04 hektar daripada 735.34 hektar luas keseluruhan komponen kediaman akan dimajukan oleh KKIPSB sendiri. Semakan Audit mendapati tapak kawasan V-28 telah dibersihkan tetapi belum dimajukan. Manakala pada tahun 2002, sebuah syarikat swasta telah membersihkan tapak seluas 10.41 hektar bagi kawasan V-24 fasa 2 yang jadual pelaksanaannya dijangka pada 2003 hingga 2007. Bagaimanapun, belum ada bangunan didirikan. Selain itu, bagi tapak kawasan V-20 fasa 1, seluas 3.84 hektar daripada 10.85 hektar telah dijual dan dijadikan kawasan komersial tetapi belum dimajukan. **Foto 36** menunjukkan tapak kawasan V-28 yang sedang dibangunkan.

Foto 36
Tapak Kawasan Kediaman V-28 Yang Telah Dibersihkan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Sabah

Tarikh : 2 Disember 2005

Lokasi : Taman Perindustrian Kota Kinabalu

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pembangunan kawasan kediaman tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Ini disebabkan oleh permintaan terhadap komponen kediaman masih kurang berbanding dengan komponen industri dan komersial.

30.2.14 Galakan Dan Promosi Pelaburan

Galakkan dan promosi memainkan peranan penting untuk memperkenalkan KKIP kepada pelabur. Melalui promosi yang berkesan ia boleh menarik lebih ramai pelabur melabur di KKIP. Semakan Audit mendapati KKIPSB telah membelanjakan sejumlah RM99,000 daripada RM190,000 peruntukan yang disediakan. Sebagai galakkan kepada pelabur, KKIPSB telah memberikan rebat jualan kepada pelabur yang membeli tanah atau bangunan semasa musim promosi.

Pada pendapat Audit, promosi secara lebih agresif perlu dibuat bagi menarik minat lebih banyak pelabur untuk beroperasi di kawasan yang disediakan.

30.2.15 Prestasi Kewangan

Pembangunan Taman Perindustrian telah dibiayai melalui dua sumber kewangan iaitu geran Kerajaan Negeri, pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta bank komersial.

a) Pemberian Geran Oleh Kerajaan Negeri

Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2005, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM340.37 juta kepada KKIPSB. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM302.12 juta telah dibelanjakan termasuk RM219 juta atau 72.5% yang merupakan bayaran pampasan tanah kepada pemilik geran individu dan tanah kerajaan yang didiami oleh orang tempatan. Selain itu, KKIPSB juga membuat pinjaman daripada Kerajaan Negeri pada awal pelaksanaan projek iaitu pada tahun 1994 hingga 1995 berjumlah RM151.72 juta. Daripada pinjaman tersebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menukarkannya kepada pemberian geran dan pegangan ekuiti kerajaan berjumlah RM147.71 juta dan RM7 juta.

b) Pinjaman

Semakan Audit mendapati KKIPSB melalui jaminan Kerajaan Negeri telah membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan bank komersial. Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM134.75. Manakala pinjaman daripada bank komersial adalah berjumlah RM147 juta iaitu RM5 juta dari bank RHB, RM37 juta dari bank MBB dan RM105 juta dari BPIMB. Bagaimanapun, KKIPSB hanya mengeluarkan pinjaman daripada *Malayan Banking Berhad* sejumlah RM30 juta daripada RM37 juta yang diluluskan. Sehingga tahun 2005, KKIPSB telah mengeluarkan dan membelanjakan pinjaman berjumlah RM191.01 juta iaitu RM120.52 juta bagi pinjaman Kerajaan Persekutuan dan RM70.49 juta bagi pinjaman bank komersial.

c) Bayaran Balik Pinjaman

Semakan Audit mendapati KKIPSB telah membuat pembayaran balik pinjaman dari tahun 1998 hingga 2005 berjumlah RM41.90 juta kepada bank komersial. Selain dari pembayaran balik pinjaman komersial, KKIPSB telah mengurangkan tanggungan pinjaman melalui penebusan dalam tahun 2005 dimana pinjaman daripada BPIMB dikurangkan sebanyak RM401,449. Pinjaman daripada 2 bank iaitu RHB dan MBB telah dibayar sepenuhnya. Manakala, bagi pinjaman di BPIMB bayaran pertama telah dilakukan pada bulan November 2005 berjumlah RM2.66 juta. Bagaimanapun, KKIPSB tidak pernah membuat bayaran balik bagi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan semenjak KKIPSB membuat pinjaman pada tahun 1997. Bayaran balik sepatutnya bermula pada tahun 2003 dan jumlah tunggakan bayaran balik bagi pinjaman Persekutuan adalah berjumlah RM4.18 juta termasuk faedah bagi tahun 2003 dan 2005.


Pada pendapat Audit, KKIPSB telah berusaha dan berjaya memperolehi sumber kewangan yang diperlukan untuk membangunkan Taman Perindustrian seperti mana yang dirancangkan. Selain itu, prestasi pembayaran balik pinjaman terutama kepada bank perdagangan adalah baik kerana pembayaran adalah mengikut jadual dan pinjaman daripada dua buah bank telah selesai dibayar berjumlah RM41.90 juta. Bagaimanapun, tambahan sumber kewangan masih

diperlukan terutama bagi menampung kos pengambilan tanah yang belum selesai. KKIPSB juga perlu melunaskan pinjamannya kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengelakkan liabiliti terus bertambah dan ia boleh menjelaskan peluang meminjam di masa hadapan.

30.2.16 Struktur Guna Tenaga Dan Latihan

Kejayaan sesuatu aktiviti yang dirancang adalah berkait rapat dengan sumber manusia yang mencukupi dan cekap. Semakan Audit mendapati struktur organisasi, KKIPSB diterajui oleh Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab menentukan dasar dan halatuju Taman Perindustrian. Manakala pengurusan organisasi pula diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif dan organisasi ini dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Bahagian Operasi dan Bahagian Perkhidmatan Korporat dengan jumlah anggota seramai 71 orang. Semakan Audit mendapati setiap Bahagian telah memainkan peranan masing-masing bagi memastikan projek berjalan dengan lancar. Sebagai contoh, Bahagian Pemasaran sentiasa membuat *road show* dan mengeluarkan risalah melalui internet dan *pamphlet* untuk menarik para pelabur melabur di Taman Perindustrian. **Carta 6** menunjukkan carta organisasi KKIPSB.

Carta 6
Carta Organisasi KKIPSB



Sumber: Rekod Bahagian Pengurusan Dan Korporat KKIPSB.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi KKIPSB telah dibentuk dan dibahagikan mengikut keperluan dan keutamaan sesuai dengan matlamat pembangunan Taman Perindustrian. Manakala sumber manusia yang sedia ada pula telah diurus dengan cekap.

30.2.17 Kemajuan Taman Perindustrian

Semakan Audit mendapati keseluruhan kawasan yang dibangunkan adalah 607.23 hektar daripada 3,367 hektar. Kemajuan projek adalah tidak seimbang antara komponen yang dibangunkan. Contohnya, kemajuan komponen industri memuaskan dimana 44.9% telah dimajukan berbanding dengan komponen komersial dan kediaman

masing-masing 10.3% dan 1.9%. Selain itu, kemajuan pembangunan Taman Perindustrian ini agak lembap akibat sumber kewangan KKIPSB yang terhad. Sumber kewangan yang terhad ini telah mendorong KKIPSB menjual tanah berdasarkan kepada permintaan pelanggan dan tidak mengikut jadual pelaksanaan projek yang dirancang. Di samping itu, sumber kewangan yang terhad telah mendorong KKIPSB menukar sebahagian kawasan kediaman ditukar kepada kawasan komersial seluas 3.84 hektar dan kawasan komersial dijadikan kawasan institusi seluas 6.07 hektar. Selain itu, KKIPSB tidak menyediakan insentif yang lebih menarik kepada pelanggan sehingga menyebabkan 120.19 hektar tapak perindustrian yang dibeli belum dimajukan selepas 2 hingga 9 tahun. Disamping itu, faktor kewangan terhad KKIPSB dapat dilihat dengan merujuk kepada prestasi pembangunan dua komponen utama iaitu kediaman dan komersial yang masing-masing mencatatkan 1.9% dan 10.3% selepas 10 tahun projek dilaksanakan dan terpaksa bergantung kepada pelanggan untuk membangunkan kawasan tersebut. Walaupun KKIPSB mendapat pinjaman daripada pihak bank dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM639.09 juta namun jumlah tersebut hanyalah 14.9% daripada anggaran pembangunan projek Taman Perindustrian yang berjumlah RM4.3 bilion.

Pada pendapat Audit, prestasi kemajuan pembangunan Taman Perindustrian kurang memuaskan oleh kerana selepas 10 tahun pelaksanaannya hanya 18.3% kawasan yang telah dibangunkan.

30.2.18 Penjualan Komponen Utama Projek Taman Perindustrian

KKIPSB selaku Agensi Pelaksana kepada projek Taman Perindustrian adalah bertanggungjawab memastikan semua komponen utama projek iaitu industri, komersial dan kediaman dapat dijual mengikut perancangan yang disediakan. Berikut adalah pencapaian jualan terhadap 3 komponen utama projek semenjak ia dilancarkan pada tahun 1995.

a) Kawasan Industri

Seluas 213.23 hektar tanah dibahagikan kepada 5 zon dengan anggaran jualan RM214.67 juta. Pada tahun 2005, seluas 220.33 hektar daripada 704.18 hektar atau 31.29% daripada kawasan yang diperuntukkan telah berjaya dijual dengan jumlah RM230.06 juta. Jumlah jualan yang lebih tinggi berbanding anggaran ini adalah disebabkan oleh KKIPSB telah menjual kawasan IZ-8A dengan keluasan 7.04 hektar dan IZ-15 dengan keluasan 4.57 hektar masing-masing dengan nilai RM8.96 juta dan RM5.91 juta walaupun perancangan jualan bagi kedua-dua zon adalah pada tahun 2013 hingga 2016. Keterangan lengkap adalah seperti di **Jadual 69**.

Jadual 69
Penjualan Lot Industri Bagi Tempoh Tahun 1993 Hingga 2005

Zon/ Luas	Anggaran Jualan				Jualan Sebenar			
	Luas (Hektar)	Harga Sekaki Persegi (RM)	Jumlah (RM Juta)	Tempoh Penjualan	Harga Sekaki Persegi (RM)	Luas (hektar)	Jumlah (RM)	Tempoh Penjualan
IZ-1	31.23	7.00-10.00	28.57	1996-1997	7.00-12.00	31.23	27.96	1996 - 2005
IZ-2	55.38	7.00-12.00	56.63	1997-1998	7.00-12.00	55.38	52.55	1997-2004
IZ-3	22.10	7.00-12.00	22.60	2002	2.88-15.00	22.10	22.92	1997-2005
IZ-4	47.57	7.50-12.00	48.64	2003	7.50-12.00	43.06	52.75	1998-2005
IZ-8A	-	-	-	-		7.04	8.96	200-2005
IZ-13	56.95	7.00-12.00	58.23	2002-2003	7.00-12.00	56.95	59.01	1997-2004
IZ-15	-	-	-	-		4.57	5.91	2005
	213.23		214.67			220.33	230.06	

Sumber : Rekod Bahagian Pemasaran KKIPSB.

Analisis Audit mendapati, jualan Lot Industri telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, KKIPSB juga telah mendahului jadual penjualan lot bagi dua zon industri yang sepatutnya akan dijual pada tahun 2013 hingga 2016 disebabkan oleh permintaan pembeli.

Pada pendapat Audit, dari aspek penjualan KKIPSB telah mencapai sasaran.

b) Kawasan Komersial

Pada tahun 1997 hingga 2016, KKIPSB ada menyediakan anggaran jualan seluas 30.54 hektar yang akan dijual dengan nilai RM19.79 juta. Sehingga tahun 2005, KKIPSB telah menjual tapak lot komersial seluas 63.41 hektar dengan jualan berjumlah RM23.65 juta. Keterangan lengkap adalah seperti di **Jadual 70**.

Jadual 70
Penjualan Lot Komersial Bagi Tempoh Tahun 1997 Hingga 2005

Zon	Anggaran Jualan				Jualan Sebenar			
	Luas (Hektar)	Harga Sekaki Persegi/ Unit (RM)	Jumlah Jualan (RM Juta)	Tempoh Penjualan	Luas (Hektar)	Harga Sekaki Persegi/ Unit (RM)	Jumlah Jualan (RM Juta)	Tempoh Penjualan
CZ-1	6.07	7.65	11.87	2002-2010	6.07	7.65	5.0	2004
CZ-2	14.27	12.00	4.14	1997-2016	14.27	5.00-12.00	10.40	1997-2004
CZ-3	3.83	10.00	1.67	2000-2010	3.83	10.00	3.10	2003
CZ-4	6.37	7.50	2.11	2000-2001	6.37	7.50	5.15	2000
	30.54		19.79		30.54		23.65	

Sumber : Rekod Bahagian Pemasaran KKIPSB.

Analisis Audit mendapati, prestasi penjualan lot komersial adalah baik dimana jumlah jualan melebihi sasaran sejumlah RM3.86 juta. Bagaimanapun, dari segi penjualan didapati ia tidak seperti yang dirancang dimana zon CZ-2 yang sepatutnya dijual sebagai lot komersial telah dijual dan dijadikan institusi seperti SIRIM dan MTIB. Ini disebabkan KKIPSB terpaksa bergantung kepada permintaan pelanggan dan tidak kepada perancangan asal.

Pada pendapat Audit, KKIPSB telah mencapai sasaran penjualan kawasan komersial lebih awal berbanding jadual pelaksanaannya iaitu sehingga tahun 2016.

c) Kawasan Kediaman

Semakan Audit mendapati pada tahun 2005, KKIPSB telah menjual kawasan V-24 seluas 8.39 hektar dengan jumlah RM3.29 juta. Selain itu, satu kawasan iaitu V-20 fasa 2 seluas 3.84 hektar telah dijual dengan nilai RM8.40 juta dan dijadikan kawasan komersial. Oleh yang demikian, jumlah kawasan yang dijual bagi komponen kediaman adalah seluas 12.23 hektar dengan nilai RM11.7 juta. Ini membuktikan KKIPSB kurang memberi perhatian kepada penjualan komponen kediaman jika dibandingkan dengan keluasan yang diperuntukkan seluas 735.34 hektar iaitu hanya 1.7%.

Pada pendapat Audit, semenjak pelaksanaan projek 10 tahun lepas, KKIPSB terlalu fokus terhadap penjualan komponen industri dan komponen komersial dan kediaman terabai dari segi prestasi jualan.


30.2.19 Kawalan Keselamatan

Kawalan keselamatan merupakan aspek yang penting bagi memastikan kawasan perindustrian sentiasa tenteram, harmoni dan aman. Oleh yang demikian, kawalan keselamatan yang baik perlu wujud supaya para pelabur berkeyakinan untuk melabur di Taman Perindustrian. Aspek keselamatan adalah merangkumi keperluan sumber manusia, logistik dan perundangan.

a) Pengawal Keselamatan

Semakan Audit mendapati pihak Polis telah mendirikan Pondok Polis dan menempatkan anggotanya di Taman Perindustrian untuk memudahkan aduan dan kawalan keselamatan. Selain itu Jawatankuasa Keselamatan peringkat Taman Perindustrian yang dianggotai oleh polis dan kakitangan Taman Perindustrian telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2005 dan membincangkan keadaan keselamatan di sekitar Taman Perindustrian dan buat masa ini tidak ada kes-kes yang berat dilaporkan. Selain itu, KKIPSB juga ada melantik syarikat swasta untuk menjaga kawasan pejabat selama 24 jam. **Foto 37** menunjukkan pondok polis yang dibina di kawasan Taman Perindustrian.

Foto 37
Pondok Polis Di Kawasan Taman Perindustrian



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Sabah

Tarikh : 20 April 2006

Lokasi : Taman Perindustrian Kota Kinabalu

b) Perundangan

Kuasa perundangan adalah perlu bagi menjamin kawasan perindustrian tidak dicerobohi. Semakan Audit mendapati KKIPSB tidak pernah memohon kepada pihak berkuasa untuk mengenakan tindakan undang-undang kepada sesiapa yang didapati menceroboh kawasan perindustrian. Seterusnya, pemeriksaan Audit pada bulan November 2005, di JTU Daerah Tuaran mendapati seorang pemilik asal *Native Title* (NT) telah menjual tanah kepada pemilik restoran pada tahun 1994. Kawasan ini termasuk dalam Taman Perindustrian. Pemeriksaan lanjut mendapati pemilik baru tanah tersebut telah membangunkan kawasan ini sebagai restoran tanpa merujuk kepada KKIPSB dan JTU daerah. Selain itu, geran tersebut belum ditukar daripada NT kepada *Country Lease* (CL) kerana pembinaan restoran tersebut tidak merujuk terlebih dahulu kepada JTU. Ini telah mengakibatkan JTU daerah tidak dapat mengutip hasil daripada pertukaran syarat dan bayaran premium.

Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan yang disediakan oleh KKIPSB adalah mencukupi. Bagaimanapun, kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan Taman Perindustrian telah dibangunkan tanpa pengetahuan KKIPSB dan ini akan mengganggu perancangan yang telah dibuat.

Jabatan Audit Negara berpendapat pelaksanaan pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu telah diurus dengan teratur. Selain kekal dengan objektif asalnya untuk menyediakan kawasan perindustrian bersepadu, komponen lain seperti taman

semulajadi, kawasan pertanian, kemudahan pendidikan dan komuniti turut disediakan. Sungguhpun begitu, taman ini masih gagal menarik ramai pelabur dan penduduk walaupun telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan infrastruktur.

30.3 PEMANTAUAN

Mekanisma pemantauan perlu diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan sesuatu projek adalah konsisten dan berkesan. Ini dapat membantu pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang timbul pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan pembaikan dengan segera. Semakan Audit terhadap mekanisme pemantauan mendapat bagi memastikan pembangunan Taman Perindustrian dilaksanakan dengan cekap dan teratur terdapat 2 peringkat pemantauan seperti berikut:

30.3.1 Pemantauan Di Peringkat KKIPSB

Di peringkat KKIPSB, pemantauan terhadap pembangunan Taman Perindustrian adalah di bawah tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah. Ahli Lembaga Pengarah ini terdiri daripada seorang Pengerusi dan 9 orang ahli. Ahli Lembaga Pengarah akan mengadakan mesyuarat bulanan. Peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah ini ialah untuk menerima dan membincangkan laporan kemajuan dan pencapaian Taman Perindustrian yang dikemukakan oleh pihak pengurusan. Bagi isu-isu yang perlu dikenyah, Lembaga Pengarah akan mengemukakan laporan kepada jawatankuasa pemandu di peringkat kementerian.

30.3.2 Pemantauan Di Peringkat Kementerian

Di peringkat Kementerian, pemantauan terhadap Taman Perindustrian adalah dibawah pengawasan Jawatankuasa Pemandu. Jawatankuasa ini terdiri daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan, Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sabah, Pejabat Hasil Bumi, Jabatan Tanah Dan Ukur, Jabatan Pembangunan Negeri, Lembaga Pembangunan Perumahan Bandar, DBKK, SEDCO dan SUDC diketuai oleh Menteri Pembangunan Perindustrian. Jawatankuasa ini berperanan dan bertanggungjawab membincangkan serta memutuskan apa jua isu dan permasalahan yang diutarakan oleh KKIPSB. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2005 untuk dibentangkan kepada Kabinet. Manakala isu yang masih dalam tindakan pula diantaranya ialah pertikaian tanah dan masalah kewangan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap projek yang dilaksanakan perlu dipergiatkan supaya projek ini dapat dilaksanakan mengikut jadual.

31. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya dari aspek perancangan K.K.I.P Sdn.Bhd. telah menyediakan kertas kerja yang memuaskan terhadap perancangan projek Taman Perindustrian iaitu

meliputi pembahagian tanah, pembahagian kawasan dan pembangunan tanah bagi tujuan mewujudkan satu kawasan perindustrian yang bersepadu. Selain itu, ia menjadikan pusat pelaburan bagi Negeri Sabah dan mewujudkan peluang pekerjaan. Bagaimanapun, perancangannya mempunyai kelemahan dari aspek pemilihan lokasi kerana ia telah ditentukan terlebih dahulu tanpa mengambilkira lokasi lain dan perancangan terhadap kaedah mengatasi masalah banjir dan pelan pembangunan tidak mengambilkira perancangan bandar yang sedia ada bagi Pekan Telipok dan Kuala Menggatal. Ini menyebabkan kelewatan kepada kelulusan pelan pembangunan. Selain itu, tanah yang diambilalih untuk projek Taman Perindustrian tidak ditentukan bilangan tanah bergeran individu dan tanah kerajaan supaya kos yang diperuntukan lebih realistik. Dari aspek memajukan tanah bagi 3 komponen utama iaitu komponen industri, komersial dan kediaman didapati perancangannya tidak seimbang kerana terlalu menumpukan kepada komponen industri 85.9% diikuti komponen komersial 64% dan 15.1% komponen kediaman.

Dari aspek pelaksanaan, adalah didapati antara kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti terlalu mementingkan penjualan tapak lot tanah industri semata-mata sehingga penjualan komponen kediaman dan komersial terabai. Tanah seluas 149.02 hektar daripada 306.02 hektar tidak dibangunkan selepas 2 hingga 9 tahun dibeli melibatkan 110 syarikat. Manakala komponen komersial dan kediaman masing-masing 72.9% dan 98.7% tanah yang diperuntukkan belum dibangunkan.

Dari aspek pemantauan adalah memuaskan dimana Unit Perkhidmatan Teknikal telah diwujudkan yang berperanan untuk menilai kualiti kerja kontraktor. Selain itu, Ahli Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat setiap bulan bagi menilai dan memantau pelaksanaan projek Taman Perindustrian. Demikian juga, Jawatankuasa Pemandu di peringkat Kementerian telah memainkan peranannya bagi memastikan pelaksanaan projek Taman Perindustrian sentiasa berada di landasan betul bagi mencapai dasar kerajaan dan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri.

Bagi mencapai kejayaan pelaksanaan projek Taman Perindustrian selaras dengan hasrat kerajaan, adalah disyorkan agar KKIPSB mengambilkira perkara berikut:-

- a) Meningkatkan program promosi bagi menarik minat pelabur supaya dapat menjana lebih banyak dana untuk pelaksanaan projek pembangunan.
- b) Bagi pelabur/syarikat yang telah membeli lot tanah, Kota Kinabalu Industrial Park Sdn. Bhd. perlu mengadakan perbincangan, memberi dorongan dan galakkan serta insentif lain yang wajar supaya mereka membina bangunan di tanah tersebut secepat mungkin.
- c) Memastikan semua *Prime Land* dijual kepada pelabur yang terlibat secara langsung dengan pekilang dan perindustrian bukan dijadikan institusi. Ini kerana *Prime Land* adalah kawasan yang strategik bagi pengusaha perindustrian. Manakala untuk institusi, kawasan yang lebih tenang dan selesa adalah sesuai.

Contohnya, pembinaan Politeknik baru dijalan Sulaman Baru berdekatan dengan kawasan perkilangan adalah tidak berapa sesuai dan kawasan ini adalah *Prime Land* iaitu di tepi jalan utama.

- d) K.K.I.P Sdn. Bhd. juga perlu menyemak semula pelan pembangunan untuk disesuaikan dengan keadaan semasa. Selain itu, peruntukan untuk pengambilalihan tanah perlu dikaji semula kerana baki peruntukan yang dianggarkan adalah tidak mencukupi.
- e) Semua agensi yang terbabit perlu menggembung usaha dan tenaga dengan mengenalpasti punca kelemahan supaya prestasi pembangunan Taman dapat dipertingkatkan.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PROJEK MENAIK TARAF SALIRAN DI BATU 1.5 JALAN UTARA SANDAKAN

32. LATAR BELAKANG

32.1 Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) bertanggungjawab terhadap pengurusan dan fungsi pembangunan saliran utama bandar setelah ianya diserahkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada akhir bulan Disember 1997. Fungsi JPS adalah untuk merancang, mereka bentuk, melaksana dan menyelenggara infrastruktur saliran di kawasan perbandaran di Sabah. Matlamat pembinaan projek di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan adalah untuk menyelesaikan masalah banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut pada musim tengkujuh.

32.2 Pembahagian tanggungjawab ke atas pembangunan infrastruktur saliran di kawasan perbandaran melibatkan 3 agensi Kerajaan, iaitu JPS, JKR dan Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah di mana Jabatan bertanggungjawab ke atas saliran utama, JKR bertanggungjawab ke atas saliran di tepi jalan manakala Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah bertanggungjawab ke atas sistem saliran dalam kawasan estet perumahan. Antara fungsi utama JPS yang melibatkan pembangunan saliran adalah menjalankan kerja tebatan banjir untuk mengurangkan berlakunya banjir melalui kerja penyenggaraan dan pembaikan sungai seperti mengorek, melencong dan membenteng sungai. Selain itu, ia juga menjalankan kerja tebatan banjir bandaran dan mengadakan kemudahan saliran utama bagi kawasan Bandar.

32.3 Kawasan Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan kerap mengalami banjir di musim tengkujuh, mengakibatkan pengguna jalan raya selalu mengalami kesesakan lalu lintas serta berlaku kemasuhan harta benda. Banjir ini berlaku disebabkan saliran yang sedia ada kecil dan tidak dapat menampung limpahan air yang banyak sewaktu hujan lebat. Bagi mengatasi masalah banjir, JPS telah seterusnya melaksanakan Projek Menaik Taraf Saliran di kawasan ini. Projek tersebut dilaksanakan oleh kontraktor dengan penyeliaan oleh JPS, Daerah Sandakan. Nilai kontrak pembinaan projek tersebut adalah berjumlah RM3.2 juta dalam tempoh masa selama 2 tahun mulai awal bulan Jun 2002 hingga Jun 2004.

33. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada Projek Menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

34. SKOP DAN KAE DAH PENGAUDITAN

Jabatan Audit memilih projek ini untuk dikaji adalah berdasarkan kepentingan projek kepada penduduk setempat dan pengguna jalan raya di batu 1.5 Jalan Utama Sandakan yang sering mengalami banjir akibat hujan. Skop pengauditan tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Projek Menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan. Tempoh pengauditan bermula dari projek dirancang pada tahun 2000 sehingga projek siap pada tahun 2004. Kajian ini dijalankan dengan menganalisis dan menyemak fail, dokumen dan rekod kewangan seperti laporan pelan induk dan kajian kemungkinan, perjanjian kontrak, buku vot, baucar bayaran, minit mesyuarat, laporan kemajuan kerja dan buku harian tapak yang diselenggarakan oleh Jabatan di Sandakan dan Ibu Pejabat di Kota Kinabalu. Temu bual juga dibuat dengan pegawai Jabatan dan penduduk di sekitar projek serta lawatan dilakukan di tapak projek tersebut.

35. PENEMUAN AUDIT

35.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan perkara penting sebelum sesuatu program/aktiviti atau projek dilaksanakan. Antara perkara yang perlu dititikberatkan semasa merancang sesuatu projek atau program adalah penentuan objektif atau matlamat projek, anggaran kos, komponen projek dan tempoh masa projek. Kajian Audit terhadap aspek tersebut mendapati perkara berikut:

35.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Pengairan dan Saliran Negeri Sabah adalah untuk membangun dan mengurus pengairan, saliran, kejuruteraan sungai dan kejuruteraan pantai melalui pembangunan yang berterusan dan pengurusan air bersepadu serta sumber berkaitan di Negeri Sabah. Di samping itu Jabatan bertanggungjawab untuk memelihara keindahan alam semulajadi dengan mengekalkan parit dan sungai serta tasik yang sedia ada.

35.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Bagi mencapai objektif beberapa undang-undang diguna pakai oleh JPS untuk melaksanakan projek yang berkaitan dengan saliran. Undang-undang dan peraturan berkaitan adalah seperti berikut:-

a) Ordinan Parit Dan Taliair 1956

Ordinan Parit Dan Taliair 1956 menjelaskan tentang tanggungjawab JPS terhadap pengurusan saliran dan pengairan di Negeri Sabah. Antara lain ordinan ini menyentuh tentang penubuhan sebuah Jawatankuasa bagi mengurus sesuatu kawasan yang terlibat dengan kerja pengurusan saliran dan pengairan. Berdasarkan Seksyen 14 Ordinan ini bayaran pampasan boleh dibuat kepada pemilik tanah yang terlibat dengan pembinaan saliran dan pengairan.

b) Enakmen Parit Dan Talair (Pindaan) 1983

Enakmen Parit Dan Talair (Pindaan), 1983 hanya melibatkan takrifan *Executive Officer* yang terkandung dalam Seksyen 2 Ordinan Parit Dan Talair 1956 dengan menggantikan perkataan *Assistant Engineer as the Director of Public Works* dengan perkataan *Technical Assistant as the Director of Drainage and Irrigation*. Seksyen 21 dan 22(3) Ordinan Parit Dan Talair 1956 juga dipinda dengan menggantikan perkataan *Public Works Department* dan *Director of Public Works* dengan perkataan *Drainage and Irrigation Department* dan *Director of Drainage and Irrigation*.

c) Enakmen Sumber Air Negeri 1998


Enakmen ini adalah untuk menentukan pengurusan sumber air adalah teratur dan cekap untuk memaksimakan faedah ekonomi, sosial dan alam sekitar. Seksyen 39 Enakmen ini menjelaskan tentang keperluan mengawal aktiviti di kawasan yang dikenal pasti berlaku banjir bagi mengurangkan kerosakan akibat banjir. Enakmen ini juga menjelaskan tentang penubuhan sebuah *Water Resource Council* yang antara lain berfungsi untuk membuat cadangan penambahaikan terhadap kuantiti dan kualiti air.

35.1.3 Pelan Induk Dan Kajian Kemungkinan

Pelan Induk dan Kajian Kemungkinan terhadap saliran di Sandakan ada disediakan. Bagaimanapun, memandangkan JPS baru sahaja mengambil alih pengurusan saliran Bandar pada akhir bulan Disember 1997 yang dahulunya dikendalikan sepenuhnya oleh JKR maka Pelan Induk dan Kajian Kemungkinan bagi Saliran Bandar di Sandakan telah disediakan oleh pihak JKR dengan menggunakan khidmat kepakaran daripada syarikat luar negara dengan kerjasama syarikat tempatan pada tahun 1981. Pelan Induk Saliran Sandakan tersebut adalah meliputi tempoh bermula pada tahun 1981 hingga 2000, iaitu selama 20 tahun.

Kawasan yang dikenalpasti terdedah kepada banjir sebagaimana yang dinyatakan dalam Pelan Induk tersebut adalah meliputi 11 kawasan utama. Kawasan tersebut melibatkan 5 lokasi di sepanjang Jalan Utara, 2 lokasi di Jalan Labuk, 2 lokasi di Jalan Sibuga dan masing-masing 1 lokasi di Jalan Batu Sapi dan Jalan Leila. Sejak mengambil alih pengurusan Saliran Utama Bandar daripada JKR, pihak JPS Sandakan telah melaksanakan satu projek saliran yang terletak di Batu 1.5, Jalan Utara Sandakan seperti di **Peta 3**.

Peta 3
Peta Menunjukkan Kawasan Yang Terdedah Kepada Masalah Banjir
Di Sekitar Bandar Sandakan



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Menurut Pelan Induk tersebut, masalah banjir yang berlaku di beberapa kawasan adalah disebabkan oleh saiz *culvert* jalan yang terlalu kecil untuk mengalirkan air apabila berlakunya hujan lebat. Aktiviti pembangunan di kawasan tanah tinggi juga meningkatkan lagi kawasan takungan air di tebing jalan. Kurangnya kerja penyenggaraan terhadap saliran utama juga merupakan masalah utama peningkatan berlakunya banjir. Selain itu, *culvert* jalan yang tersumbat kayu, sampah sarap dan bahan buangan juga menyebabkan berlakunya banjir.

35.1.4 Pemilihan Projek

Pemilihan projek yang akan dilaksanakan adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Untuk Menyelesaikan Masalah Kawasan Yang Terdedah Kepada Banjir Dan Tanah Runtuh di Sandakan yang telah diadakan pada akhir bulan Julai tahun 2000. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Jurutera Daerah JKR, Sandakan. Lokasi yang dikenal pasti adalah berdasarkan kawasan yang sering mengalami banjir kilat apabila berlaku hujan lebat.

Tapak projek yang dipilih terletak di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan di mana kawasan ini sering mengalami banjir pada setiap akhir tahun dan akan berlarutan sehingga awal tahun berikutnya. Tempoh pembinaan projek ini dianggarkan selama 2 tahun. **Foto 38** menunjukkan keadaan banjir di Batu 1.5 Jalan Utara sebelum pembinaan projek ini pada januari 2000.

Foto 38
Banjir Berlaku Sebelum Projek Dibina



Sumber: Keratan Akhbar Harian Ekpress Bertarikh 19 Januari 2000

Lokasi: Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan

35.1.5 Kaedah Pelaksanaan Projek

Kaedah pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

a) Pemilihan Kontraktor

Pemilihan kontraktor akan dibuat melalui proses tender bagi mendapatkan kontraktor yang berkelayakan dan mampu untuk menyiapkan projek yang melibatkan kos tinggi.

b) Perlantikan Sub-Kontraktor

Perlantikan sub-kontraktor akan mengikut prosedur di mana sub-kontraktor diperlukan oleh kontraktor utama bagi melicinkan lagi kerja agar sesuatu projek dapat disiapkan mengikut jadual serta mematuhi standard yang telah ditetapkan. Sub-kontraktor akan dilantik berdasarkan syarat yang terkandung di dalam perjanjian serta lain-lain peraturan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.

35.1.6 Perjanjian Kontrak

Bagi menjamin hak Kerajaan dan kontraktor yang dipilih, satu perjanjian kontrak akan disediakan dengan menggunakan dokumen kontrak standard yang dikeluarkan oleh JKR.

35.1.7 Kawasan Tanah Sekitar Projek

Penentuan siapa pemilik tanah yang terlibat dalam kawasan projek akan dijalankan dengan menghubungi pihak Jabatan Tanah Dan Ukur Daerah Sandakan. Kesan terhadap tanah di kawasan yang terlibat dengan pelaksanaan projek juga dikenalpasti untuk tujuan perancangan.

35.1.8 Koordinasi Antara JPS Dengan Agensi Lain

Koordinasi antara JPS dengan agensi yang terlibat perlu diambil kira sebelum projek ini dimulakan. Pihak JPS perlu menghubungi Majlis Perbandaran Sandakan jika sekiranya kawasan pembinaan projek itu melibatkan penebangan pokok. Begitu juga dengan pemindahan tiang elektrik dan tiang telefon, JPS akan menghubungi *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* dan Telekom Malaysia Berhad. Hal-hal yang berkaitan dengan pemindahan saluran paip air dan melencong jalan, JPS akan menghubungi pihak Jabatan Air dan JKR. Untuk menentukan pemilik tanah di kawasan yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini JPS akan menghubungi pihak Jabatan Tanah dan Ukur.

35.1.9 Penyenggaraan Selepas Projek Siap

Selepas projek diserahkan milik kepada Kerajaan Negeri termasuk tempoh kecacatan, kerja penyenggaraan perlulah ditentukan dan dilaksanakan bagi memastikan projek dapat mencapai tahap penggunaan maksimum bagi mencapai objektif pelaksanaan projek tersebut. Dalam tempoh kecacatan pihak kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap struktur binaan. Manakala kerja-kerja penyenggaraan kebersihan adalah menjadi tanggungjawab pihak JPS.

35.1.10 Sasaran Projek

Pelaksanaan pembinaan Projek Menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan akan memberikan faedah kepada penduduk, peniaga, pejabat Kerajaan dan swasta serta juga kepada semua pengguna jalan raya di sepanjang Jalan BDC dan Batu 1.5 Jalan Utara.

35.1.11 Peruntukan Kewangan

Sumber kewangan bagi menjayakan projek ini hendaklah dikenal pasti dan anggaran juga perlu dibuat bagi mendapat kelulusan awal dengan justifikasi yang kukuh supaya projek dapat dilaksanakan. Jumlah peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan projek ini adalah RM3.2 juta seperti yang ditunjukkan di **Jadual 71** yang akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

Jadual 71
Pecahan Peruntukan Yang Diperlukan

Bil.	Perkara	Amaun (RM)
1.	<i>Preliminaries</i>	285,100
2.	<i>Construction Of Drain</i>	2,104,388
3.	<i>Construction Of Reinforced Concrete (R.C.) Culvert</i>	294,082
4.	<i>Underground Services</i>	516,430
Jumlah		3,200,000

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

35.1.12 Pemantauan Projek

Bagi memastikan projek berjalan dengan lancar dan dilaksanakan mengikut spesifikasi, ianya akan dipantau dari semasa ke semasa. Pemantauan juga bertujuan untuk memastikan tahap kemajuan pelaksanaan projek mengikut jadual supaya projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu, pemantauan juga akan dibuat untuk menentukan kemajuan kerja terkini supaya bayaran dapat dibuat mengikut peratusan siap kerja sebenar. Pemantauan terhadap projek ini dibuat melalui 2 peringkat iaitu di peringkat JPS Ibu Pejabat dan juga di peringkat daerah.

Pada pandangan Audit, perancangan projek menaik taraf saliran di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan adalah memuaskan.

35.2 PELAKSANAAN

35.2.1 Dasar Kerajaan

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk membangun dan mengurus pengairan, saliran, kejuruteraan sungai dan kejuruteraan pantai melalui pembangunan yang berterusan dan pengurusan air bersepadu. Pemeriksaan Audit mendapati dasar ini sedang dilaksanakan oleh JPS Sabah.

35.2.2 Pelan Induk Dan Kajian Kemungkinan

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah projek yang telah dilaksanakan seperti mana dalam Pelan Induk kerana semasa penyerahan pengendalian pengurusan Saliran Bandar Sandakan kepada JPS oleh JKR tidak dinyatakan secara terperinci pelaksanaan projek yang meliputi tempoh pelaksanaan Pelan Induk tersebut. Dengan itu adalah sukar pihak Audit untuk membuat perbandingan pelaksanaan projek ini dengan Pelan Induk. Bagaimanapun, dokumen penyerahan ini ada menyenaraikan saliran utama di Sandakan dan projek yang telah siap serta projek yang sedang dalam pelaksanaan yang perlu diteruskan oleh pihak Jabatan.

Pada pendapat Audit, projek ini tidak dirancang dengan baik kerana pihak JPS tidak membuat kajian kemungkinan dan pemantauan projek secara terperinci.

35.2.3 Justifikasi Projek

Masalah banjir di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan telah mendapat perhatian setelah menerima aduan daripada penduduk sekitar kawasan berkenaan. Perkara ini kemudiannya telah dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa *ad-hoc* Untuk Menyelesaikan Masalah Banjir Di Sepanjang Jalan Utara pada awal bulan Mac 2000. Ia seterusnya dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Untuk Menyelesaikan Masalah Kawasan Yang Terdedah Kepada Masalah Banjir Dan Tanah Runtuh Sandakan pada akhir bulan Julai 2000.

Lanjutan daripada masalah banjir ini yang berlaku di kawasan tersebut, pihak Jabatan dalam laporannya yang bertajuk Rancangan Tebatan Banjir Bandaran BDC Sandakan telah membuat anggaran perbelanjaan pelaksanaan projek ini yang berjumlah RM22.50 juta. Adalah dijangkakan pelaksanaannya bermula pada tahun 2002 dan dijangka siap pada tahun 2010. Menurut laporan itu peruntukan sejumlah RM19.76 juta diperlukan dalam RMK-8 dan selebihnya berjumlah RM2.74 juta adalah di bawah peruntukan RMK-9.

Dalam laporan ini dinyatakan bahawa Rancangan Tebatan Banjir Bandaran BDC adalah sejauh 3.831 Kilometer dari hulu ke Laut Sulu. Juga dinyatakan akibat jajaran dan reka bentuk bahagian hulu sungai yang bengkang-bengkok, pembuangan sampah sarap yang tidak terkawal dan hakisan tanah di bahagian hulu sungai telah mengakibatkan banjir sering berlaku. Banjir ini telah memusnahkan harta awam yang berada di kawasan hilir sungai terutama sekali kawasan komersial Bandaran BDC, Sandakan. Banjir juga melumpuhkan sistem lalu lintas di kawasan yang berhampiran terutama sekali di sepanjang Jalan BDC dan Batu 1.5 Jalan Utara. Oleh itu langkah yang positif perlu dilakukan untuk mengatasi masalah banjir yang membahayakan keselamatan dan harta awam.

Mengikut maklumat yang ada di JPS Sandakan, saliran yang sedia ada telah dibina oleh JKR dan diserahkan kepada JPS pada akhir bulan Disember 1997. Semakan Audit terhadap rekod JPS mendapati kapasiti saliran bagi 2 saliran yang sedia ada mampu menampung isipadu air sebanyak 921m^3 dan $1,326\text{m}^3$ masing-masingnya dan ini tidak dapat menampung aliran air pada musim hujan lebat.

Pada pendapat Audit, projek ini wajar dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan berkaitan.

35.2.4 Pemilihan Kontraktor

Menurut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 2 Tahun 1995, keputusan untuk menimbang semua tender yang bernilai melebihi RM500,000 adalah dibuat oleh Lembaga Tawaran Negeri. Selain itu, Perenggan 8.5 dalam Buku

Panduan Perolehan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia menyatakan bahawa kontrak kerja secara Rundingan Terus boleh dibuat sekiranya projek yang terlibat mendesak dan perlu dilaksanakan dengan segera.

Semakan Audit terhadap fail kontrak mendapati surat daripada Kementerian Kewangan yang ditujukan kepada Jabatan telah memaklumkan bahawa kelulusan telah diberikan kepada JPS untuk melaksanakan Projek Menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan dengan nilai RM3.2 juta. Dalam surat yang sama dinyatakan juga nama kontraktor yang telah dilantik dan kontraktor tersebut adalah dilantik secara rundingan terus dan dikecualikan daripada tatacara secara tender. Hasil temu bual dengan pegawai JPS mendapati tatacara tender tidak dapat dilaksanakan memandangkan keadaan yang mendesak dan kerja pembinaan ini perlu dilaksanakan dengan segera demi kepentingan orang awam.

Pada pendapat Audit, projek ini perlu dilaksanakan dengan segera demi untuk mengelak daripada kemusnahan harta awam akibat daripada banjir. Bagaimanapun, sekiranya perolehan dibuat secara tender pihak JPS akan mendapat harga yang lebih rendah dan memilih kontraktor yang lebih baik.

35.2.5 Perjanjian Kontrak

Perjanjian kontrak perlulah disediakan dengan selengkap mungkin dengan mengambil kira undang-undang dan peraturan yang sedia ada dari semasa ke semasa. Menurut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 2 Tahun 1995, dokumen kontrak perjanjian perlulah disediakan dengan menggunakan Borang Kontrak JKR Siri 203/83.

Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian kontrak yang telah ditandatangani bagi projek ini adalah satu dokumen kontrak yang dikeluarkan oleh JKR seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling tersebut. Sebelum perjanjian kontrak ditandatangani antara pihak Kerajaan dengan kontraktor pada akhir bulan Julai 2002, satu Surat Setuju Terima Tender telah dikeluarkan oleh Kerajaan pada akhir bulan April 2002.

Pada pendapat Audit, dokumen kontrak perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua belah pihak adalah teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan.

Semakan lanjut Audit terhadap kontrak perjanjian yang telah ditandatangani antara pihak Kerajaan dengan kontraktor mendapati perkara seperti berikut:-

a) Penyerahan Tapak

Klausula 38(b) dalam dokumen perjanjian kontrak menjelaskan bahawa pemilikan tapak hendaklah diberi sebelum atau pada tarikh pemilikan tapak yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima Tender. Para 8, Surat Setuju Terima Tender

menyatakan bahawa tarikh pemilikan tapak bina adalah pada awal bulan Jun 2002. Dengan itu pihak kontraktor telah memulakan pelaksanaan projek ini pada tarikh yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima Tender tersebut.

Pada pendapat Audit, penyerahan pemilikan tapak bina kepada kontaktor dibuat dengan teratur dan mengikut masa yang ditetapkan.

b) Penyerahan Hak Kontrak

Menurut klausula 28(b) dalam dokumen perjanjian kontrak, pegawai penguasa boleh mengarahkan kontraktor secara bertulis untuk mendapatkan tender daripada sub-kontraktor yang dicalonkan bagi melaksanakan kerja atau perkhidmatan bagi kerja *Prime Cost Sums* dan *Provisional Sums* yang terkandung dalam dokumen perjanjian kontrak. Dalam klausula ini juga dinyatakan tentang keperluan penyediaan dokumen sub-kontrak dengan menggunakan dokumen kontrak standard Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam klausula 28(c). Dalam klausula ini telah dibuat pindaan ada menerangkan tentang pembayaran boleh terus dibuat kepada sub-kontraktor yang dilantik bagi kerja yang telah dilaksanakan oleh pihak tersebut. Manakala klausula 27(d) menjelaskan kontraktor tidak boleh menyerahkan kerja kontrak kepada pihak lain tanpa kelulusan secara bertulis daripada pihak Kerajaan.

Semakan Audit mendapati, pihak kontraktor tidak melantik sub-kontraktor untuk memenuhi klausula 28(b) ini. Bagaimanapun, pada pertengahan bulan Mei 2002 pihak kontraktor melalui Surat Perwakilan Kuasa telah menyerahkan pelaksanaan projek ini kepada kontraktor lain untuk bertindak bagi pihaknya dalam semua hal berkaitan dengan pembinaan dan penyiapan projek ini.

Pihak Audit juga telah menyemak satu Perjanjian Pengurusan Projek yang telah ditandatangani oleh pihak kontraktor dan wakilnya pada pertengahan bulan Mei 2002.

Antara isi kandungan perjanjian ini menjelaskan perkara seperti berikut:-

- i) Pihak kontraktor (*First Party*) menyerahkan pelaksanaan projek ini kepada wakilnya (*Second Party*).
- ii) Semua tuntutan terhadap kerja yang telah dilaksanakan bagi projek ini akan dibayar terus ke dalam akaun bank wakil kontraktor (*Second Party*).
- iii) *Second Party* bersetuju membayar 3% *management fees* kepada *First Party* bagi setiap bayaran yang dibuat oleh JPS.
- iv) *Second Party* bersetuju untuk melaksanakan kerja yang termaktub dalam dokumen perjanjian kontrak.
- v) *Second Party* mengambil Polisi Insurans Pampasan Pekerja, Tanggungan Awam dan lain-lain polisi insurans yang berkaitan seperti mana yang disyaratkan dalam kontrak perjanjian ke atas projek tersebut.

Kontraktor telah memaklumkan kepada pihak JPS berhubung dengan penyerahan pelaksanaan projek ini kepada kontraktor lain secara bertulis pada pertengahan bulan Mei 2002. JPS dalam maklum balasnya menjelaskan pihaknya tidak mempunyai halangan berhubung dengan hasrat berkenaan. JPS juga bersetuju untuk membayar tuntutan yang dibuat bagi projek ini terus kepada wakil kontraktor.

Menurut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 2 Tahun 1995 perenggan 5.1, urusan untuk menimbang semua tender yang bernilai melebihi RM500,000 adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Tawaran Negeri. Oleh itu tindakan kontraktor yang telah ditawarkan kontrak ini mengeluarkan surat perwakilan kuasa kepada kontraktor lain untuk melaksanakan projek ini bagi pihaknya. **Tindakan pihak JPS untuk membenarkan pihak kontraktor menyerahkan pelaksanaan projek ini kepada kontraktor lain adalah sesuatu yang bertentangan dengan kehendak Surat Pekeliling ini.**

Berdasarkan dengan kehendak klausa 27(d) dalam dokumen perjanjian kontrak dan juga Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 2 Tahun 1995, sepatutnya pihak kontraktor merujuk semula kepada Lembaga Tawaran Negeri tentang hasrat penyerahan kerja kontrak tersebut kepada pihak lain.

Semakan lanjut Audit terhadap Baucar Bayaran mendapati Baucar Bayaran tersebut telah disediakan atas nama wakil kontraktor. Dalam hal yang berkaitan, perlantikan sub-kontraktor hendaklah berdasarkan klausa 28(b) dan telah memenuhi syarat kontrak seperti yang dinyatakan dalam klausa 28(c). Semakan Audit ke atas perkara ini tidak mengesan sebarang bukti bahawa wakil kontraktor yang bertindak bagi pihak kontraktor asal untuk melaksanakan projek ini telah memenuhi kehendak klausa 28(b) dan 28(c) tersebut. Dengan itu, pembayaran oleh pihak JPS terus kepada wakil kontraktor tidak sepatutnya berlaku.

Pada pendapat Audit, tindakan oleh kontraktor menyerahkan pelaksanaan kerja kontrak kepada kontraktor lain adalah melanggar peraturan.

c) Pematuhan Syarat Kontrak

Dalam dokumen Perjanjian Kontrak antara Kerajaan dan kontraktor, terdapat syarat perjanjian yang perlu dipatuhi oleh kontraktor sebelum sebarang kerja dimulakan. Berikut adalah syarat yang perlu dipatuhi:

i) Bon Pelaksanaan

Klausa 37(a) dalam dokumen Perjanjian Kontrak menerangkan bahawa pihak kontraktor perlu menyediakan Bon Pelaksanaan berjumlah 5% daripada harga kontrak. Klausa 37(b) pula menjelaskan bahawa Bon Pelaksanaan ini perlu sah laku dalam tempoh yang ditetapkan. Untuk maksud ini, pihak Jabatan melalui

surat Pemberitahuan Penerimaan Tender pada akhir bulan April 2002 yang ditujukan kepada kontraktor menjelaskan bahawa tempoh sah laku jaminan Bon Pelaksanaan adalah bermula pada awal bulan Jun 2002 hingga bulan Disember 2005.

Pemeriksaan Audit mendapati pihak kontraktor telah mengambil Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank berjumlah RM160,000. Tempoh yang dijamin oleh pihak bank adalah mengikut tempoh yang ditetapkan.

Bon Pelaksanaan yang diserah oleh kontraktor sebagai jaminan kepada pelaksanaan projek Kerajaan dapat menjamin Kerajaan jika kontraktor gagal melaksanakan kontrak atau melakukan sebarang pelanggaran kewajipan seperti yang dinyatakan dalam dokumen Perjanjian Kontrak.

Pada pendapat Audit, Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank yang telah diambil oleh kontraktor adalah dibuat dengan teratur.

ii) Insurans

Klausula 33 dalam dokumen Perjanjian Kontrak menjelaskan tentang keperluan pihak kontraktor menyediakan Polisi Insurans Tanggungan Awam iaitu insurans terhadap bencana kepada orang dan kerosakan kepada harta. Klausula 34 pula menerangkan tentang keperluan kontraktor untuk mengambil polisi Insurans Pampasan Pekerja iaitu polisi bagi melindungi semua pekerja yang dilantik oleh kontraktor dan sub-kontraknya yang menjalankan kerja di tapak binaan. Klausula 35 pula menjelaskan bahawa kontraktor tidak perlu menyediakan polisi Insurans Pampasan Pekerja jika pekerja di dalam projek ini dilindungi oleh Skim Perlindungan Pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO), 1969. Manakala Klausula 36 adalah berkaitan dengan keperluan pengambilan Insurans Kerja.

Sejajar dengan kehendak peraturan yang dinyatakan di atas, pihak Jabatan dalam Surat Setuju Terima Tender telah menyatakan tentang keperluan pihak kontraktor menyerahkan kepada Kerajaan sebelum memulakan kerja Nombor Pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) serta Polisi Insurans Tanggungan Awam dan juga Polisi Insurans Kerja yang bernilai masing-masing tidak kurang RM200,000 dan RM3,200,000.

Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah mematuhi perkara ini dengan menyediakan Polisi Insurans dan Skim Perlindungan Pekerja yang dikehendaki.

Bagaimanapun, semakan lanjut Audit terhadap dokumen caruman kepada PERKESO yang disertakan dalam dokumen perjanjian kontrak mendapati hanya seorang pekerja dilindungi bagi skim ini. Pihak Audit tidak dapat

mengesahkan sama ada para pekerja yang dilantik oleh wakil kontraktor yang terlibat di tapak binaan telah dilindungi insurans kerana tidak ada bukti yang boleh menunjukkan bahawa insurans terhadap pekerja yang dilantik oleh wakil kontraktor tersebut telah disediakan.

Polisi Insurans dan Skim Perlindungan Pekerja yang perlu disediakan oleh kontraktor sebelum memulakan kontrak kerja dapat menjamin Kerajaan, pihak kontraktor, orang awam dan harta benda awam daripada bahaya kemalangan dan kerosakan yang tidak diduga. Dengan perlindungan ini, pihak yang berkenaan boleh membuat tuntutan seperti yang ditetapkan dalam Polisi Insurans dan Skim Perlindungan Pekerja tersebut jika sekiranya berlaku kemalangan atau kerosakan.

Pada pendapat Audit, kepentingan awam, harta awam, kontraktor dan Kerajaan bagi projek ini adalah terjamin kerana kontraktor telah memenuhi syarat perjanjian kontrak berhubung dengan penyediaan insurans. Bagaimanapun, langkah untuk melindungi para pekerja di tapak binaan perlu dilakukan dengan mengambil polisi insurans yang berkaitan.

d) Wang Pendahuluan

Special Provision To The Conditions Of Contract dalam Perjanjian Kontrak, menyatakan tentang kelayakan kontraktor untuk memohon wang pendahuluan sebanyak 15% daripada harga kerja binaan iaitu harga kontrak tidak termasuk kos prima (*prime costs*), wang peruntukan sementara (*provisional sums*) dan perkara kontigensi yang telah diambil kira di dalam harga kontrak. Kos harga kerja binaan setelah ditolak *provisional sums* adalah RM2,479,600. Ini bermakna 15% daripada jumlah ini adalah RM371,940. Bagi kontrak kerja bernilai lebih daripada RM1 juta, jaminan terhadap Wang Pendahuluan dalam bentuk jaminan bank perlu diperolehi oleh kontraktor.

Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati pihak kontraktor telah memohon peruntukan wang pendahuluan berjumlah RM371,940 dan telah dibayar oleh pihak Jabatan pada pertengahan bulan Jun 2002. Di samping itu, pihak kontraktor juga telah menyediakan jaminan bank bagi wang pendahuluan ini dengan nilai yang sama.

Dalam syarat kontrak ada menjelaskan bahawa wang pendahuluan perlu dibayar balik apabila jumlah terkumpul nilai kerja binaan yang ditunjukkan dalam Sijil Pembayaran Interim telah mencapai 25%.

Berdasarkan semakan Audit terhadap pembayaran yang telah dibuat oleh Jabatan kepada wakil kontraktor, adalah didapati potongan telah dibuat secara berperingkat bermula dari pembayaran interim kedua pada akhir bulan Oktober

2002 sehingga bayaran interim keempat pada akhir bulan Disember 2002. Jumlah keseluruhan Wang Pendahuluan yang telah diterima balik melalui pemotongan daripada Sijil Pembayaran Interim adalah berjumlah RM371,940.

Pihak JPS telah melepaskan jaminan bank terhadap Wang Pendahuluan pada pertengahan bulan Mac 2003. Ini bersesuaian dengan syarat kontrak yang membenarkan Kerajaan menamatkan liabiliti bagi jaminan bank apabila keseluruhan Wang Pendahuluan telah diperolehi sepenuhnya daripada kontraktor.

Dengan memberi kemudahan Wang Pendahuluan kepada kontraktor, ianya dapat membantu pihak kontraktor memulakan kerja kontrak dalam tempoh yang ditetapkan dengan berkesan. Di samping itu, jaminan Wang Pendahuluan dalam bentuk jaminan bank yang dikemukakan oleh kontraktor dapat menjamin Kerajaan untuk mendapatkan semula sejumlah wang yang telah didahulukan kepada kontraktor.

Kemudahan ini telah memberi faedah kepada kedua belah pihak kerana kontraktor dapat memulakan kerja pada masa yang ditetapkan dan Kerajaan dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang telah dirancang.

Pada pendapat Audit, bayaran wang pendahuluan telah dibuat dengan teratur.

e) Tempoh Penyiapan Projek

Menurut klausa 40 dalam dokumen perjanjian kontrak menjelaskan jika pihak kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan atau setelah mengambil kira tambahan masa seperti mana yang dinyatakan dalam klausa 43 pihak kontraktor boleh dikenakan denda sejumlah RM701 sehari bagi setiap tempoh kelewatan. Pegawai Penguasa akan mengesahkan perkara ini secara bertulis berkenaan kegagalan dalam menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan. Dengan itu Pegawai Penguasa akan menolak sejumlah wang bayaran yang masih belum dijelaskan kepada pihak kontraktor bagi menampung bayaran denda yang dikenakan kepada kontraktor.

Mengikut syarat perjanjian, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 2 tahun, iaitu mulai daripada tarikh milik tapak pada awal bulan Jun 2002 hingga awal bulan Jun 2004. Semakan Audit terhadap perkara ini mendapati pihak kontraktor telah menyiapkan projek ini termasuk kerja tambahan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sijil Perakuan Siap Kerja menyatakan kerja telah siap dengan memuaskan pada akhir bulan Mei 2004. Oleh kerana projek ini telah disiapkan dalam tempoh yang

ditetapkan maka tidak ada denda yang dikenakan berhubung dengan kelewatan menyiapkan projek.

Syarat kontrak seperti dalam *Appendix To The Conditions Of Contract* ada menyatakan tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan. Dengan itu tempoh tanggungan kecacatan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Perakuan Siap Kerja adalah bermula pada akhir bulan Mei 2004 dan berakhir pada akhir bulan Mei 2005.

Pada pendapat Audit, projek ini telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan kerana penyeliaan yang memuaskan oleh pihak JPS terhadap syarat-syarat perjanjian kontrak kerja.

35.2.6 Reka Bentuk Dan Spesifikasi

Selepas kajian dijalankan oleh Bahagian Kejuruteraan Sungai Dan Pantai JPS, satu pelan tapak dan reka bentuk saliran telah disediakan berkaitan dengan spesifikasi dan komponen utama projek. Komponen utama projek ini adalah pembinaan *cast in-situ concrete channel* dan *precast concrete channel*. Pelan dan komponen projek yang disediakan telah diguna pakai dalam perjanjian kontrak antara kontraktor dengan Kerajaan. Terdapat 2 jenis saiz saliran yang dibina iaitu saliran yang mempunyai kelebaran 4 meter dan 6 meter masing-masing.

Berdasarkan pelan lukisan, saliran 4 meter lebar diukur dari Stesen Minyak Shell hingga ke penghujung berhampiran dengan Masjid BDC (kedudukan dalam pelan ditunjukkan pada **STN A** hingga **STN I**). Panjang saliran ini adalah 314.30 meter dengan ketinggian 1.6 meter. Terdapat 2 buah *twin cell road culvert* di kawasan saliran 4 meter lebar iaitu di hadapan Masjid BDC dan berhampiran dengan kuarters Kerajaan Negeri. Ukuran *twin cell road culvert* masing-masing adalah 4 meter lebar, 1.5 meter tinggi dan 4 meter panjang serta 4 meter lebar, 1.5 meter tinggi dan 7 meter panjang.

Bagi saliran 6 meter lebar pula, ianya diukur dari SMK Sandakan hingga ke penghujung berhampiran dengan Masjid BDC (kedudukan dalam pelan ditunjukkan pada **STN 1** hingga **STN 20**). Panjang saliran adalah 450 meter dengan ketinggian 1.6 meter. Terdapat 2 buah *twin cell road culvert* yang dibina di kawasan saliran 6 meter lebar iaitu di Jalan Utara dan di hadapan Masjid BDC. Ukuran *twin cell road culvert* masing-masing adalah 6 meter lebar, 1.5 meter tinggi dan 25.1 meter panjang serta 6 meter lebar, 1.5 meter tinggi dan 4 meter panjang. Kedua jenis saliran ini mengalirkan air ke saliran sedia ada sebelum sampai ke laut seperti yang ditunjukkan di **Foto 39** dan **Foto 40**.

Foto 39

Pertemuan Di Antara Saliran 4 Meter Dan
Saliran 6 Meter Lebar Sebelum Air
Mengalir Ke Saliran Sedia Ada



Foto 40

Air Dari Saliran 4 Meter Dan 6 Meter Lebar
Mengalir Ke Saliran Sedia Ada Sebelum
Sampai Ke Laut



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 13.10.2005

Lokasi: Berhampiran Masjid BDC

Pada akhir bulan Oktober 2005, pihak Audit bersama dengan pegawai Jabatan telah menjalankan pemeriksaan fizikal di tapak projek. Pemeriksaan mendapati projek tersebut telah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. **Foto 41** hingga **Foto 44** menunjukkan perbandingan saliran asal dan saliran baru yang telah siap dibina.


Foto 41

Saliran Asal



Foto 42

Saliran Baru Yang Berukuran 4 Meter Lebar



Sumber: Fail Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran

Foto 43
Saliran Asal



Sumber: Fail Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran
Tarikh : Sebelum Projek Dimulakan Pada Bulan Jun 2002
Lokasi: Berhampiran Masjid BDC

Foto 44
**Saliran Baru Yang Berukuran
6 Meter Lebar**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 13.10.2005
Lokasi: Berhampiran Masjid BDC

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan telah menyediakan reka bentuk yang sesuai bagi pembinaan saliran yang baru bagi menambah baik saliran yang asal untuk mengatasi masalah banjir.

35.2.7 Kapasiti Padu Saliran

Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati kapasiti saliran bagi saliran yang diukur dari Stesen Minyak Shell hingga ke penghujung berhampiran Masjid BDC (**STN A** hingga **STN I**) dan saliran yang diukur dari SMK Sandakan hingga ke penghujung juga berhampiran dengan Masjid BDC (**STN 1** hingga **STN 20**) masing-masing telah bertambah dari 921m^3 kepada $1,974\text{m}^3$ dan $1,326\text{m}^3$ kepada $4,264\text{m}^3$ seperti yang ditunjukkan di **Jadual 72**.

Jadual 72
Kapasiti Padu Saliran Sebelum Dan Selepas Dinaik Taraf


Saliran	Sebelum Dinaik Taraf		Selepas Dinaik Taraf	
	STN A Hingga STN I	STN 1 Hingga STN 20	STN A Hingga STN I	STN 1 Hingga STN 20
Kapasiti Saliran (Meter Padu)	921	1,326	1,974	4,264

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Rekod Jabatan menunjukkan bahawa dengan mengambil kira kapasiti saliran yang telah dibina, banjir tidak akan berlaku pada tahap ukuran hujan 150 milimeter dalam masa

satu jam hujan. Ini bermakna banjir hanya akan berlaku jika sekiranya ukuran hujan melebihi 150 milimeter dalam masa satu jam hujan. Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia, hujan tertinggi di Sandakan dalam masa sejam adalah 131 milimeter. Berdasarkan maklumat ini saliran yang telah dibina adalah berkemampuan untuk menampung limpahan air hujan. Perbandingan yang jelas kapasiti padu saliran sebelum dan selepas dinaik taraf adalah seperti di **Carta 7**.

Carta 7
Kapasiti Padu Saliran Sebelum Dan Selepas Dinaik Taraf



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan dan Saliran

Pada pendapat Audit, JPS telah berjaya meningkatkan kapasiti padu saliran selepas projek pembinaan saliran siap. Peningkatan kapasiti ini dapat mengatasi masalah banjir.

35.2.8 Fasa Dan Jadual Pelaksanaan

Jadual pelaksanaan kerja digunakan sebagai asas untuk membuat perbandingan antara kemajuan kerja yang hendak dicapai mengikut jadual dengan pencapaian kemajuan pelaksanaan kerja yang sebenar. Penyediaan jadual pelaksanaan kerja ini dapat membantu memudahkan kerja pemantauan terhadap pelaksanaan sesuatu projek. Semakan Audit terhadap fail kontrak tidak dapat mengesan Jadual Kerja Pelaksanaan Projek yang disediakan oleh pihak kontraktor. Bagaimanapun, pihak

Jabatan telah mengemukakan salinan Jadual Kerja Pelaksanaan tersebut selepas mesyuarat exit.

Pada pendapat Audit, salinan jadual pelaksanaan kerja ini perlu disimpan dalam fail kontrak sebagai bahan rujukan dan pemantauan.

35.2.9 Kawasan Tanah Di Sekitar Projek

Projek yang dilaksanakan bukanlah merupakan projek baru, ianya adalah merupakan kerja menaik taraf sistem saliran yang sedia ada yang mana saliran tersebut tidak mampu lagi mengalirkan limpahan air yang banyak apabila berlaku hujan lebat dan seterusnya menyebabkan berlakunya banjir. Tanah yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini perlulah dikenal pasti kedudukannya iaitu dari segi pemilikannya sebelum memulakan kerja.

Menurut pihak JPS di Sandakan, hasil daripada semakan yang dibuat oleh JPS di Pejabat Tanah Dan Ukur terhadap kedudukan pemilikan tanah yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini ialah tanah yang terbabit dengan pelaksanaan projek adalah milik Kerajaan Negeri. Terdapat juga beberapa buah rumah Kerajaan yang dimiliki oleh JKR. Akibat daripada pembesaran saliran yang sedia ada terdapat beberapa struktur binaan tambahan yang telah dibuat oleh penghuni sendiri terpaksa diroboh. Surat berkaitan dengan pemberitahuan untuk merobohkan struktur binaan tersebut ada dikeluarkan sebelum tindakan meroboh dilakukan.

Selain itu, pihak Audit telah dimaklumkan oleh pihak JPS di Sandakan bahawa tanah yang terbabit dengan pembinaan projek ini diuruskan dengan cara dibuang di tapak pelupusan sampah Majlis Perbandaran Sandakan. Memandangkan projek saliran ini telah siap pada akhir bulan Mei 2004, adalah sukar pihak Audit untuk memastikan secara fizikal tanah yang telah dibuang di kawasan pelupusan sampah tersebut.

Pada pendapat Audit, tindakan untuk meroboh struktur binaan yang terdapat dalam kawasan tapak projek adalah teratur dan mengikut peraturan.

35.2.10 Koordinasi Antara Jabatan/Agensi Lain

Semasa projek dijalankan, pihak Jabatan telah mendapat kerjasama daripada lain-lain agensi seperti Majlis Perbandaran Sandakan, *Sabah Electricity Sdn Bhd.*, Telekom Malaysia Berhad, Jabatan Air, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tanah dan Ukur. Kerjasama telah diberikan oleh Majlis Perbandaran Sandakan yang terlibat dengan penebangan pokok. Begitu juga dengan pemindahan tiang elektrik, tiang telefon, saluran paip air dan melencong jalan, pihak Jabatan telah mendapat kerjasama masing-masing daripada *Sabah Electricity Sdn. Bhd.*, Telekom Malaysia Berhad, Jabatan Air dan Jabatan Kerja Raya. Untuk menentukan pemilik tanah di sekitar projek Jabatan mendapat kerjasama daripada pihak Jabatan Tanah Dan Ukur.

Pada pendapat Audit, kerjasama yang baik di antara Jabatan/Agensi dalam melaksanakan projek ini telah membantu projek ini disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

35.2.11 Penyenggaraan Projek

Bagi memastikan saliran yang sedia ada dan juga yang baru siap dibina berada dalam keadaan yang baik, kerja penyenggaraan yang berterusan perlulah dilaksanakan. Penyenggaraan yang dimaksudkan adalah seperti mana yang digariskan dalam Dokumen Kontrak, Item 'G' iaitu '*Specifications*', perenggan 12 secara ringkasnya menyatakan kebersihan saliran dari segala sampah sarap, lumpur, kayu-kayu dan lain-lain bahan buangan serta mendapan tanah yang menyekat pengaliran air. Penyenggaraan juga meliputi sekitar saliran yang termasuk dalam kawasan simpanan saliran iaitu sehingga 2 meter dari tebing saliran.

Kontrak penyenggaraan saliran bandar bagi sekitar bandar Sandakan ditawarkan kepada kontraktor bagi tempoh Julai 2002 sehingga April 2005 melalui kontrak Penyenggaraan Saliran Utama Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan (Saliran Bandar) Pakej 1, Sandakan. Dengan termeterainya perjanjian kontrak tersebut kerja penyenggaraan dilaksanakan untuk menentukan saliran yang telah dibina dapat mencapai matlamatnya iaitu mencegah kejadian banjir. Projek saliran di Batu 1.5 Jalan Utara bagi kajian ini adalah termasuk di dalam kontrak penyenggaraan berkenaan. Kontrak penyenggaraan tersebut telah tamat pada bulan April 2005 dan ianya telah disambung semula dan ditawarkan kepada kontraktor lain mulai bulan Mei 2005 hingga bulan Mei 2008.


Lawatan Audit ke kawasan projek yang telah siap mendapati kawasan berhampiran dari SMK Sandakan ke Jalan Utara berdekatan dengan *twin cell road culvert 1* bagi saliran 6 meter lebar terdapat mendapan tanah setebal 0.3 meter dan juga ada air bertakung di kawasan tersebut. Manakala di kawasan berhampiran dengan Masjid terdapat juga mendapan tanah setebal 0.1 meter. **Foto 45** dan **Foto 46** menunjukkan mendapan tanah dan air bertakung.

Foto 45
Mendapan Tanah Dan Takungan Air
Di Saliran 6 Meter Lebar



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran Twin Cell Road Culvert 1
Tarikh: 24.10.2005

Foto 46
Mendapan Tanah Di saliran
6 Meter Lebar



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi: Berhampiran Masjid BDC
Tarikh: 24.10.2005

Semakan lanjut terhadap kontrak perjanjian, berkaitan dengan kekerapan penyenggaraan yang perlu dilakukan tidak dinyatakan, ianya bergantung kepada arahan oleh Pegawai Penguasa bagi menentukan saliran mana yang patut dibuat pembersihan pada satu-satu masa bagi saliran yang tersenarai di dalam kontrak perjanjian.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan saliran ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa dengan membuang mendapan tanah bagi mengekalkan kemampuan kapasiti parit ini untuk mengalirkan air.

35.2.12 Prestasi Kewangan

Projek Menaik Taraf saliran ini telah diluluskan oleh pihak Kementerian pada akhir bulan Mac 2002 dengan anggaran kos berjumlah RM3.2 juta yang melibatkan penggunaan peruntukan di bawah Saliran Bandar Sandakan. Kelulusan peruntukan kewangan ini adalah sejajar dengan maklum balas oleh pihak Jabatan pada awal bulan Mac 2002 terhadap beberapa maklumat yang diperlukan oleh pihak Kementerian sebelum projek ini diluluskan.

Berdasarkan laporan anggaran perbelanjaan Negeri Sabah bagi tahun 2004, anggaran peruntukan bagi melaksanakan projek Saliran Bandar Sandakan di bawah RMK-8 adalah berjumlah RM6.1 juta. Daripada jumlah anggaran peruntukan ini, sejumlah RM3.45 juta telah dibelanjakan untuk membiayai projek ini seperti yang ditunjukkan di **Jadual 73**.

Jadual 73
Kedudukan Pembayaran Bagi Tempoh Tahun 2002 Hingga 2004

Bil	No. Baucar	Tarikh	Peringkat Pembayaran	Amaun (RM)
1.	000472-131	10.06.2002	Bayaran Pendahuluan	371,940.00
2.	000717-131	06.08.2002	Bayaran Interim Pertama	470,818.00
3.	001117-131	28.10.2002	Bayaran Interim Kedua	375,500.15
4.	001274-131	25.11.2002	Bayaran Interim Ketiga	273,798.65
5.	001451-131	31.12.2002	Bayaran Interim Keempat	597,088.74
6.	000163-131	20.03.2003	Bayaran Interim Kelima	443,697.56
7.	000599-131	15.07.2003	Bayaran Interim Keenam	133,985.00
8.	000551-131	07.07.2004	Bayaran Interim Terakhir	782,260.78
Jumlah				3,449,088.88

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran


Analisis Audit menunjukkan jumlah perbelanjaan sebenar melebihi peruntukan yang telah diluluskan. Ini berlaku akibat adanya tambahan kos bagi perubahan kerja yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan lanjutan daripada permohonan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja melalui Arahan Variasi.

Pada pendapat Audit, anggaran perbelanjaan yang diperlukan hendaklah dibuat dengan lebih teliti supaya perbelanjaan sebenar tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

35.2.13 Prestasi Projek

Pelaksanaan projek ini telah dapat disiapkan lebih awal daripada tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati, dalam tempoh kecacatan tidak ada aduan berkaitan dengan struktur binaan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak bersama dengan pihak Jabatan pada akhir bulan Oktober 2005 mendapati saliran 6 meter lebar berdekatan dengan SMK Sandakan hingga ke Jalan Utara iaitu berhampiran dengan *Twin Cell Road Culvert 1* terdapat takungan air dan juga mendapan tanah setebal 0.3 meter. Ini dapat dilihat di **Foto 47**.

Foto 47
Takungan Air Dan Mendapan Tanah Di Saliran 6 Meter Lebar




Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi: Berhampiran SMK Sandakan Menghala Ke Twin Cell Road Culvert 1 Di Jalan Utara

Tarikh : 24.10.2005

Hasil temu bual dengan pihak JPS mendapati perkara ini berlaku disebabkan terdapatnya Saluran Paip Pembentungan yang tidak dapat dialihkan merentasi saliran 6 meter lebar berdekatan dengan *Twin Cell Road Culvert 1*. Ini telah menyebabkan aliran air tersekat di lokasi tersebut akibat kedudukan binaan saliran pada lokasi berkenaan terpaksa dibuat mengikut kedudukan Saluran Paip Pembentungan tersebut. **Rajah 1** menunjukkan kedudukan Saluran Paip Pembentungan dan juga takungan air serta mendapan tanah.

Rajah 1
Gambarajah Keratan Rentas Yang Menunjukkan Kedudukan
Saluran Paip Pembentungan Dan Takungan Air Serta Mendapan Tanah



Sumber: Rekod JPS

Menurut JPS, pihaknya ada membuat pertanyaan dan seterusnya mendapatkan maklumat awal daripada pihak yang berkenaan mengenai kewujudan sistem saluran paip dan lain-lain struktur binaan bawah tanah yang terdapat di sepanjang tapak binaan tersebut sebelum projek ini dimulakan. Namun demikian, Saluran Paip Pembentungan tersebut tidak dapat dipastikan dengan tepat kedudukannya kerana ketiadaan maklumat terperinci. Menurut pihak JPS, Saluran Paip Pembentungan yang terdapat di lokasi yang dinyatakan di atas tidak dapat dialihkan oleh kerana ia melibatkan kerja mengalihkan seluruh sistem Saluran Paip Pembentungan tersebut yang melibatkan kos yang tinggi.

Projek yang dilaksanakan ini mengambil masa selama 2 tahun untuk disiapkan. Dalam masa pelaksanaan projek tersebut laporan kemajuan kerja perlu disediakan dan dikemukakan oleh wakil Pegawai Penguasa iaitu Jurutera Daerah Sandakan kepada Pegawai Penguasa iaitu Pengarah JPS dalam tempoh 2 minggu sekali sebagai langkah pemantauan. Semakan Audit mendapati laporan kemajuan kerja bagi projek ini ada disediakan dengan teratur dan kemas kini sehingga projek siap.

Pada pendapat Audit, takungan air dan mendapan tanah ini tidak akan berlaku sekiranya kedudukan Saluran Paip Pembentungan itu telah diambil kira sebelum memulakan kerja binaan.

35.2.14 Kesan Projek

Hasil temu bual dengan penduduk di sekitar projek mendapati penduduk berkenaan berpuas hati dengan adanya saliran baru ini oleh kerana sejak pembinaan saliran ini siap, tiada lagi banjir kilat berlaku di kawasan tersebut. Projek ini telah berjaya memberi faedah kepada penduduk sekitar dan pengguna jalan raya yang mana sebelum ini sering mengalami banjir kilat. Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ini telah berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk menyelesaikan masalah banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut.

Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat, walaupun projek ini dilaksanakan dengan baik dan telah mencapai matlamatnya tetapi secara keseluruhannya masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah tindakan kontraktor mewakilkan kepada kontraktor lain untuk melaksanakan projek ini dan penyenggaraan yang kurang memuaskan selepas diserah milik kepada Kerajaan.

35.3 PEMANTAUAN

Pemantauan adalah penting untuk menentukan sesuatu program berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya. Pemantauan terhadap projek ini dibuat melalui 2 peringkat seperti berikut:-

35.3.1 Peringkat Jabatan

Projek ini adalah di bawah seliaan Bahagian Kejuruteraan Sungai dan Pantai di peringkat Ibu Pejabat JPS. Untuk menentukan projek ini berjalan dengan lancar, pihak Ibu Pejabat menerima laporan kemajuan kerja projek sekali dalam tempoh 2 minggu daripada daerah. Selain itu, untuk menyelesaikan sesuatu masalah, perbincangan di peringkat Jabatan antara Pengarah Jabatan dengan Jurutera Daerah dibuat dari semasa ke semasa.

35.3.2 Peringkat Daerah

Pemantauan di peringkat daerah dibuat dengan melakukan pemeriksaan mengejut ke tapak projek oleh pegawai Jabatan di Sandakan. Hasil daripada pemeriksaan tersebut satu laporan kemajuan pelaksanaan projek dihantar ke Ibu Pejabat JPS sekali dalam tempoh setiap 2 minggu. Selain itu, perbincangan antara pihak kontraktor dan pihak Jabatan di daerah juga dibuat dari semasa ke semasa untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi berhubung dengan pelaksanaan projek tersebut. Buku Harian Tapak juga diwujudkan untuk merekod setiap daripada hasil pemeriksaan tersebut sebagai bahan rujukan dan juga untuk merekod setiap tindakan yang perlu diambil.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan adalah berkesan dan memuaskan. Dengan adanya pemantauan yang berkesan, projek ini dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

36. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhan projek ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk mengatasi masalah banjir di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan. Rancangan Tebatan Banjir Bandaran Sandakan hendaklah diteruskan bagi kawasan yang belum dilaksanakan di bawah RMK-9. Untuk menentukan pelaksanaan sesuatu projek dibuat mengikut peraturan dan berkesan JPS perlulah mengambil perhatian terhadap perkara seperti berikut:-

- a) JPS perlulah merujuk kepada perjanjian kontrak dengan teliti atau kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah berkaitan dengan penyerahan kerja oleh kontraktor kepada kontraktor lain bagi memastikan pelaksanaan kerja kontrak dibuat mengikut peraturan.
- b) JPS hendaklah memastikan pekerja di tapak binaan telah dilindungi dengan insurans yang diperlukan.
- c) Kajian yang lebih teliti perlu dilaksanakan di tapak binaan sebelum memulakan kerja binaan terutama yang melibatkan struktur binaan bawah tanah untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan projek.
- d) Penyenggaraan perlulah dibuat dari semasa ke semasa bagi mengekalkan kemampuan kapasiti saliran untuk mengalirkan air.
- e) Anggaran perbelanjaan yang diperlukan hendaklah dibuat dengan teliti supaya perbelanjaan sebenar tidak melebihi peruntukan yang diluluskan.
- f) pemantauan projek yang baik oleh JPS Ibu Pejabat dan JPS daerah serta kerjasama yang erat dengan pihak JKR serta agensi lain hendaklah dijadikan panduan untuk melaksanakan projek salian di bawah RMK-9.

JABATAN PELABUHAN DAN DERMAGA NEGERI SABAH

PENGURUSAN KEMUDAHAN TERMINAL FERI DAN PUSAT TUKAR BARANGAN (BARTER TRADE) TAWAU

37. LATAR BELAKANG PROJEK

37.1 Terminal Feri Dan Dermaga Tawau telah wujud sejak tahun 1870an sebagai tempat pendaratan feri dan kapal perdagangan daripada Negara Indonesia dan Filipina. Terminal Feri Dan Dermaga ini telah dijadikan Pusat Tukar Barang antara Negara Indonesia, Filipina dengan Malaysia. Perniagaan seperti ini telah menjadi tradisi bagi para peniaga dari Negeri Sabah bermiaga dengan para peniaga daripada Indonesia dan Filipina.

37.2 Pada awal pembinaannya, pusat ini hanya mampu menampung 1 feri untuk pendaratan dan 1 feri untuk pelepasan. Bagi dermaga pula, lima atau 6 kapal dagang sahaja boleh berlabuh pada satu-satu masa untuk pemunggahan dan memuatkan barang. Kemudahan di pusat ini telah uzur akibat hakisan, telah berusia dan dengan keadaan sedemikian Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.06 juta pada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) untuk menaik taraf dan membina kemudahan di Pusat Tukar Barang dan Terminal Feri Penumpang Tawau bertujuan untuk menampung peningkatan urus niaga tukar barang dan pertambahan kapal yang tiba dan keluar.

37.3 Pengurusan Terminal Feri Dan Dermaga Tawau ini terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah (Jabatan) berpandu kepada *The Merchant Shipping (Government Wharves) Regulations 1961 Amendment 1996* dan Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002.

38. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk mengesahkan sama ada pengurusan kerja menaik taraf terminal feri dan pusat tukar barang dirancang dengan teratur, dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

39. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Jabatan Audit memilih projek ini untuk dikaji adalah berdasarkan kepentingan kemudahan terminal feri dan dermaga kepada para penumpang dan perniagaan di Tawau. Skop pengauditan meliputi perancangan awal, pelaksanaan, pemantauan, pengurusan, kerja menaik taraf Terminal Feri Dan Dermaga dan Pusat Tukar Barang bagi tahun 2003 hingga tarikh pengauditan. Pengauditan akan memberi tumpuan khusus kepada pengurusan dan kerja menaik taraf kemudahan di Terminal Feri Dan Dermaga dengan mengkaji, menyemak dan menganalisis rekod, fail dan dokumen berkaitan yang diselenggara di Ibu Pejabat, Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga (Labuan), Jabatan Kerja

Raya Sabah (Kota Kinabalu), Jabatan Pelabuhan Cawangan Tawau dan Jabatan Kerja Raya (Tawau). Lawatan ke tapak serta temu bual dengan pegawai yang berkaitan juga diadakan.

40. PENEMUAN AUDIT

40.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting untuk memastikan projek yang akan dilaksanakan berjalan dengan lancar. Aspek perancangan Jabatan seharusnya menjurus kepada pencapaian sasaran Kerajaan dan kepuasan pengguna keseluruhannya.

40.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk memberi kemudahan prasarana yang selesa dan memuaskan kepada semua rakyat untuk meningkatkan aktiviti perniagaan dan sosio-ekonomi yang lain seperti tukar barang. Pembinaan pusat ini juga bertujuan untuk mengimbangi projek pembangunan antara wilayah selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional.

Selain itu, Negeri Sabah yang terletak di tengah-tengah kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur BIMP-EAGA akan menyumbang kapada peluang pelaburan yang baik kepada pelabur tempatan dan asing. Untuk merebut peluang ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan kemudahan yang selesa untuk menarik lebih ramai para peniaga melibatkan diri dalam bidang perniagaan secara tukar barang dan seterusnya boleh menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Dalam melaksanakan dasar ini, Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah (Jabatan) akan bertanggungjawab untuk menaik taraf dan membina kemudahan di Pusat Tukar Barang dan Terminal Feri di Tawau.

40.1.2 Kajian Kemungkinan

Pelan Induk Pembangunan Kawasan Tawau akan menyenaraikan projek pembangunan yang akan dilaksanakan dalam masa jangka pendek (1-5 tahun) dan jangka panjang (1-10 tahun) untuk memastikan pembangunan dapat diteruskan.

Pusat Tukar Barang di Tawau akan dinaik taraf untuk keselesaan para pedagang dari Indonesia dan Filipina dan juga untuk menampung peningkatan ketibaan kapal dari negara jiran. Unit Perancang Ekomomi Negeri (UPEN) Sabah akan dipertanggungjawab untuk menyediakan 1 kertas putih berkenaan kerja menaik taraf dan membina kemudahan di Pusat Tukar Barang dan Terminal Feri di Tawau. Cadangan untuk rancangan jangka pendek dan jangka panjang pusat ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Untuk rancangan jangka pendek UPEN akan membuat perbandingan tapak ke atas 3 kawasan iaitu:

- a) Tapak Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah (LPPS)
- b) Tapak Pusat Tukar Barang, dan
- c) Kawasan *Sabah Fish Marketing S/B (SAFMA)*

Lima aspek yang dikaji adalah keselamatan reka bentuk fasiliti sedia ada, kesediaan pelaksanaan, kesesuaian tapak, kos, dan tempoh pelaksanaan.

Untuk rancangan jagka panjang, dua kawasan iaitu Tapak *Integrated Timber Centre* (ITC) Sungai Imam Pasir Putih dan tapak kawasan Estet Perindustrian Apas akan dipilih untuk dibuat perbandingan. Aspek yang akan dipertimbangkan antaranya ialah keselamatan, kesediaan pelaksanaan, potensi tapak, keseimbangan tapak dan kos pembangunan.

40.1.3 Konsep *Barter Trade*

Perdagangan secara tukar barang (*barter trade*) secara tradisionalnya adalah nilai barang yang diimport ditukar dengan nilai barang yang dieksport oleh pedagang tanpa melibatkan pertukaran mata wang. Pada masa kini, perdagangan secara tukar barang boleh didefinisikan sebagai pengimportan dan pengeksportan barang yang didagangkan menggunakan transaksi pertukaran mata wang asing di antara para pedagang tempatan dengan para pedagang negara jiran seperti Indonesia dan Filipina dan dilakukan antara peniaga dengan peniaga.

Perdagangan secara tukar barang ini dimulakan oleh pedagang *British North Borneo Chartered Company* sekitar tahun 1870-an. Perdagangan seumpama ini telah menjadi tradisi bagi peniaga i Negeri Sabah bermula dengan rakan mereka dari Indonesia dan Filipina. Di Negeri Sabah, Pusat Perdagangan Tukar Barang (*barter trade*) bertempat di Kudat, Sandakan dan Tawau. Di Tawau, pusat ini terletak di kawasan Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga iaitu bersebelahan pasar ikan dan Lembaga Pelabuhan Sabah. Para peniaga hendaklah memohon lesen daripada Majlis Perbandaran Tawau dan ditapis oleh agensi keselamatan seperti Jabatan Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Permit untuk bermula di pusat ini akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan berdaftar dengan Jabatan Kastam. Jabatan Kastam akan bertanggungjawab untuk menguatkuaskan Akta Kastam 1967 dan juga Arahan (Larangan Mengimport Dan Mengeksport) Kastam 1998.

Pada awal pelaksanaannya, pusat ini digunakan oleh para peniaga untuk menukar barang yang dibawa masuk dari Indonesia dan Filipina dengan barang di Malaysia. Barang/komoditi yang dieksport dari pusat ini ke Indonesia adalah antaranya seperti minyak masak, minuman ringan, gula, makanan ringan dan alat-alatan (*hardware*) manakala komoditi yang diimport dari Indonesia antaranya ialah produk kayu, ikan basah, koko kering, sabun dan makanan. Pengeksportan

barang/komoditi ke Negara Filipina pula antaranya ialah biskut dan gula bertapis. Barang yang diimport dari Negara Filipina ialah rumpai laut dan kayu balak.

40.1.4 Komponen Tukar Barang (Barter Trade)

Pusat Tukar Barang di Tawau mempunyai beberapa komponen dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan akan dilaksanakan oleh agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam urusan tukar barang dan pihak swasta di bawah bidang kuasa masing-masing seperti **Jadual 74**.

Jadual 74
Senarai Komponen Dan Perkhidmatan Di Pusat Tukar Barang

Bil.	Komponen	Agensi Terlibat
1.	Kemudahan-kemudahan di Pusat Tukar Barang.	Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga
2.	Perkhidmatan Stevedoring Dan Storage	Y.S Decor (Swasta) Kawasan dipajak daripada Lembaga Pelabuhan Dan Dermaga Sabah.
3.	Import Dan Eksport Barang	Jabatan Kastam Dan Eksais DiRaja Malaysia.
4.	Kuarantin	Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian Jabatan Haiwan dan Jabatan Hutan
5.	Krew-krew Kapal Dan Penumpang	Jabatan Imigresen
6.	Keselamatan	Jabatan Keselamatan Negara Jabatan Polis, Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut.

Sumber : Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Tawau

40.1.5 Justifikasi Projek

Pusat Tukar Barang di Tawau dipilih untuk dinaik taraf kerana pusat ini adalah pintu masuk utama bagi penumpang dan pedagang dari Negara Indonesia dan Filipina. Selain daripada itu, kemudahan yang sedia ada terlalu uzur, tebingnya runtuh akibat hakisan, kayu lantai jeti telah reput dan merbahaya kepada penumpang. Peningkatan kapal dan feri yang keluar dan masuk, peningkatan perniagaan dan penumpang menyebabkan kawasan Pusat Tukar Barang menjadi sempit dan sesak. Penyediaan infrastruktur bertaraf dunia dijangka mampu menarik pelaburan ke Negeri Sabah kerana ia terletak di tengah-tengah kawasan BIMP-EAGA dan juga untuk memberi keselesaan kepada penumpang dan peniaga di pusat ini.

40.1.6 Sasaran Projek

Pembinaan dan kerja menaik taraf kemudahan di Pusat Tukar Barang dan Terminal Feri Tawau bermula pada bulan September 2003. Tempoh pembinaannya akan mengambil masa 9 bulan dan dijangka akan siap pada bulan Jun 2004. Dengan siapnya kemudahan di pusat ini, ia dijangka mampu untuk menampung 6 pendaratan kapal perdagangan di dermaga dan 2 buah feri penumpang di jeti dalam satu-satu

masa. Jabatan akan menganggarkan bilangan penumpang feri dan anak kapal keluar-masuk akan meningkat daripada 200,000 orang kepada 300,000 orang setahun. Jabatan menganggarkan hasil yang akan dikutip akan meningkat daripada RM190,000 pada tahun 2002 kepada RM700,000 pada tahun 2005. Nilai eksport negara melalui dermaga ini juga dijangka akan meningkat daripada RM32 juta kepada RM90 juta.

40.1.7 Komponen Projek

Jabatan telah merancang kerja-kerja pembinaan kepada dua iaitu jangka pendek dan juga jangka panjang. Untuk rancangan jangka pendek, kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan sedia ada adalah seperti **Jadual 75**.

Jadual 75
Komponen Projek

Bil.	Perkara	Amaun (RM)
1.	Kos Permulaan Kontrak	94,000
2.	Pontun	450,000
3.	Kerja Pembinaan	240,000
4.	Kerja-kerja Elektrik (Pendawaian)	70,000
5.	Menanam Cerucuk	1,101,240
6.	Jeti	527,849
7.	Kerja Pelbagai	476,700
Jumlah		2,959,789

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

Manakala bagi rancangan jangka panjang, cadangan pembinaan pusat ini di Pasir Putih dijangka bernilai antara RM12 juta hingga RM15 juta.

40.1.8 Pelantikan Kontraktor

Kerja membina dan menaik taraf di pusat ini akan dilaksanakan secara kontrak. Pemilihan kontraktor adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan kontraktor yang akan dipilih hendaklah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Kementerian Kewangan dalam hal ini boleh menggunakan 2 kaedah untuk memilih kontraktor.

Kaedah pertama adalah melalui tender terbuka mengikut proses antara lainnya seperti membuat publisiti projek dalam surat khabar utama, Notis Sebut Harga diletakkan di tempat yang mudah dilihat oleh orang awam, hendaklah membentuk Jawatankuasa Pembukaan Dan Pemilihan Tender dan penender hendaklah berdaftar dengan pihak Jabatan Kerja Raya.

Kaedah kedua adalah melalui pemberian terus dimana kontraktor yang akan dipilih antara lainnya hendaklah berpengalaman membuat kerja seumpama ini, mempunyai

tenaga kerja, peralatan dan jentera yang mencukupi untuk menjalankan projek ini dan mempunyai rekod yang bersih.

40.1.9 Perjanjian Kontrak

Syarat kontrak yang akan diguna pakai adalah seperti yang terkandung dalam peraturan am kontrak dan akan ditentukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Sabah. Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga kontrak asal secara jaminan bank atau wang jaminan pelaksanaan akan dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga jumlah 5% harga kontrak. Polisi Insurans Tanggungan Awam iaitu insurans terhadap bencana kepada orang awam dan kerosakan kepada harta akan disediakan termasuk nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

40.1.10 Penyerahan Tapak Kepada Kontraktor

Jabatan akan menyerahkan tapak pembinaan dan menaik taraf pusat ini kepada kontraktor pada awal bulan September 2003. Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana akan memastikan kerja pembinaan dan menaik taraf dimulakan dengan segera dan mengawalselia kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Kontraktor akan menyerahkan pusat ini kepada Jabatan setelah semua kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan siap dijalankan. Jabatan akan menerima pusat ini setelah berpuas hati dengan kerja yang dijalankan dan akan menguruskan infrastruktur yang terdapat di pusat ini.

40.1.11 Pengurusan Jeti/Dermaga

Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Cawangan Tawau akan bertanggungjawab untuk mengurus terminal feri dan dermaga ini. Beberapa unit akan diwujudkan bagi melicinkan operasi seperti di **Jadual 76**.

Jadual 76

Senarai Unit / Tanggungjawab Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Tawau

Bil.	Nama Unit	Peranan
1.	Jeti Penumpang dan Tukar Barang	Mengawal selia ketibaan dan keberangkatan kapal termasuk penumpang dan kargo
2.	Pentadbiran Am Dan Kutipan Hasil	Mengendalikan urusan pentadbiran pejabat dan kutipan hasil
3.	Operasi	Menjalankan pengoperasian di pelabuhan dan dermaga
4.	Pemeriksaan Dan Pelesenan Kapal Kecil	Mengendalikan urusan pemeriksaan dan menyediakan perlesenan kapal kecil
5.	Penguatkuasaan Dan Lanca Kerajaan	Mengendalikan lanca Kerajaan dan melaksanakan penguatkuasaan

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

Semua unit ini akan beroperasi berdasarkan peraturan yang terkandung dalam *The Merchant Shipping (Government Wharves) Regulations 1961 Amendment 1996* dan Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002. Untuk melincinkan pengurusan di pusat ini, beberapa perjawatan akan diwujudkan bagi mengendalikan operasi Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Cawangan Tawau seperti di **Jadual 77**.

Jadual 77
Senarai Jawatan Yang Diwujudkan

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan Kakitangan Yang Diperlukan
1.	Pegawai Laut	A 41	1
2.	Penolong Pegawai Laut	A 36	1
3.	Merinyu Kapal	N 22	1
4.	Merinyu Kapal	N 17	3
5.	Pembantu Tadbir	N 17	2
6.	Juruisyarat	N 11	3
7.	Pekerja Dermaga	R 1	2
8.	Pengawal Keselamatan	KP 10	1
9.	Kakitangan Kapal	-	10
Jumlah			24

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga

Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Cawangan Tawau akan diketuai oleh seorang Pegawai Laut Gred A41, seorang Penolong Pegawai Laut Gred A36 dan dibantu oleh 22 pegawai sokongan.

40.1.12 Peraturan Penggunaan Jeti Dan Dermaga

Undang-undang dan peraturan yang akan dikuatkuasakan oleh Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah seperti yang terkandung dalam *The Merchant Shipping (Government Wharves) Regulations 1961 Amendment 1996* dan Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002 adalah antara lainnya seperti berikut:

a) Had Kapal Dan Feri Penumpang Menggunakan Terminal Feri Dan Dermaga

Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga menganggarkan 6 buah jongkong/kumpit yang akan berlabuh pada satu-satu masa. Jumlah kumpit/jongkong yang berlabuh bergantung kepada saiz kapal dan juga turun naik air pasang. Kapal dengan beratnya melebihi 75 tan tidak akan dibenarkan berlabuh di dermaga.

b) Pengisytiharan Muatan dan Bilangan Penumpang

Nakhoda kapal yang bertanggungjawab akan melaporkan ketibaan kapalnya kepada Pegawai Pelabuhan sebelum dibenarkan berlabuh dengan mengemukakan borang ‘*Shipping Arrival Report*’ dan akan menjelaskan segala caj yang akan

dikenakan oleh Jabatan. Selain itu, muatannya juga hendaklah diisyiharkan kepada pihak Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja untuk pemeriksaan dan bayaran cukai. Anak-anak kapalnya hanya akan dibenarkan meninggalkan kapal selepas mendapat permit/pas sementara daripada Jabatan Imigresen.

- c) Feri penumpang juga harus melapor ketibaannya kepada Pegawai Pelabuhan dan penumpangnya diurus oleh pihak Jabatan Imigresen.

40.1.13 Caj Jeti, Dermaga Dan Pelabuhan

Kapal dan feri penumpang yang menggunakan jeti dan dermaga akan dikenakan caj yang terkandung dalam Jadual Kedua (Peraturan 24) Cukai Pelabuhan seperti berikut:

a) Cukai Pelabuhan/Dermaga

Kadar cukai pelabuhan akan dikutip adalah seperti di **Jadual 78**.

Jadual 78
Kadar Cukai Pelabuhan

Bil.	Jenis Kapal	Caj
1.	Kapal laut dalam	5 sen/tan untuk kurang daripada 12 jam dan RM 2 untuk melebihi 12 jam
2.	Kapal pesisir pantai/kapal-kapal kecil	RM10 untuk 1 tahun
3.	Kapal yang membawa minyak kelapa sawit dan petroleum	RM1.50 untuk 1 tan

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga

b) Caj Pengendalian

Kadar caj yang dikenakan adalah mengikut masa dan panjang sesebuah kapal seperti di **Jadual 79**.

Jadual 79
Kadar Caj Pengendalian

Bil.	Masa		Kapal Melebihi 300 Kaki Panjang (RM)	Kapal Tidak Melebihi 300 Kaki Panjang (RM)
	Dari	Hingga		
1.	6.00 am	6.00 pm	25	15
2.	6.00 pm	10.00 pm	50	30
3.	10.00 pm	6.00 am	100	60

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga

Kadar caj ini akan dinaikkan 1 kali ganda pada hari minggu dan cuti umum.

c) Caj Pendaratan

Kapal yang membawa muatan akan dikenakan caj pendaratan seperti berikut:

- i) RM1 bagi kapal yang membawa muatan tidak merbahaya.
- ii) RM2 bagi kapal yang membawa muatan merbahaya seperti petroleum.
- iii) RM2 ke atas setiap haiwan yang dibawa.
- iv) 20 sen ke atas setiap ternakan ayam dan
- v) Caj pelbagai.

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Jabatan menganggarkan dapat mengutip hasil sejumlah RM 1.63 juta seperti di **Jadual 80**.

Jadual 80
Anggaran Kutipan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Jenis Hasil	Tahun 2003 (RM)	Tahun 2004 (RM)	Tahun 2005 (RM)	Jumlah (RM)
Cukai Pelabuhan	12,000	25,000	25,000	62,000
Pelbagai	25,000	15,000	20,000	60,000
Kapal Kecil Dan Perikanan	15,000	15,000	15,000	45,000
Cukai Dermaga	138,000	600,000	725,000	1,463,000
Jumlah	190,000	655,000	785,000	1,630,000

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga

40.1.14 Keperluan Kewangan

Dalam RMK-8 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.06 juta untuk membina dan menaik taraf kemudahan di Pusat Tukar Barang Tawau. Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan bertanggungjawab untuk menguruskan kemajuan kerja dan pembayaran kepada kontraktor. Pihak kontraktor akan membuat tuntutan bayaran interim berdasarkan kepada peratusan kemajuan kerja yang akan disiapkan. JKR Daerah Tawau akan mengesahkan kemajuan kerja dan mengemukakan dokumen ini ke Ibu Pejabat JKR untuk proses pembayaran. Bayaran akan dibuat setelah semua dokumen sokongan disahkan, lengkap dan sempurna oleh Jurutera JKR Daerah Tawau.

40.1.15 Penyenggaraan Jeti/Dermaga

Jeti/Dermaga akan diselenggarakan setiap tahun mengikut keperluan. Jabatan akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan kemudahan yang terdapat di jeti dan dermaga Sabah. Bagi tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM0.29 juta akan dipohon daripada Kerajaan Negeri iaitu masing-masingnya RM0.09 juta bagi tahun 2003 dan RM0.10 juta setiap tahun bagi tahun 2004 dan 2005. Peruntukan yang dipohon adalah untuk menyenggara semua terminal feri dan dermaga di Negeri Sabah.

40.1.16 Kemudahan Awam

Pusat Tukar Barang ini yang menjadi pusat perniagaan dan tempat tumpuan awam akan dilengkapkan dengan kemudahan awan antara lainnya seperti tandas, tempat pembuangan (tong) sampah, tempat duduk dan pili bomba.

40.1.17 Kaedah Pemantauan

Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kerja menaik taraf kemudahan di Pusat Tukar Barang. Antara proses pemantauan yang akan dilaksanakan ialah dengan menempatkan seorang pegawai di tapak pembinaan, lawatan ke tapak, mesyuarat tapak, menilai dan memperakarkan kemajuan kerja dan akan melaporkan segala perkembangannya ke Ibu Pejabat Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga untuk dinilai dan diteliti sebelum ia dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur selaku pembiaya projek ini.

Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Tawau pula akan bertanggungjawab terhadap aktiviti harian penggunaan jeti dan dermaga ini. Laporan terhadap pengurusan jeti dan dermaga ini akan diserah ke Ibu Pejabat, Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga untuk tindakan.

Pada pandangan Audit, perancangan menaik taraf dan membina kemudahan Pusat Tukar Barang dan Terminal Feri Penumpang di Tawau adalah memuaskan mengikut cadangan yang telah dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi rancangan jangka pendeknya. Namun begitu, tandas awam sebagai kemudahan asas yang sangat diperlukan telah tidak dimasukkan dalam perancangan menaik taraf kemudahan di pusat ini.

40.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan sesuatu projek perlu mengikut perancangan dan garis panduan yang telah ditetapkan di peringkat perancangan untuk memastikan projek/aktiviti ini dilaksanakan mengikut jadual dan mencapai objektif. Kejayaan sesuatu pengurusan/aktiviti bergantung kepada keberkesanannya pelaksanaan dan penglibatan semua pihak.

40.2.1 Dasar Kerajaan - Dasar Pembangunan Nasional

Semakan Audit mendapati dasar Kerajaan Negeri sama juga dengan Dasar Pembangunan Nasional telah berjaya memperkuatkan dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan, mengimbangi ekonomi antara wilayah dan kemampuan untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa. Infrastruktur yang baik dan pengurusan yang efisyen telah berjaya menarik pedagang menggunakan terminal ini dengan jumlah ekspor ke Negara Filipina dan Indonesia meningkat dari sejumlah RM63.17 juta pada tahun 2002 kepada RM161.33 juta pada tahun 2003 dan menurun kepada RM95.62 juta pada tahun 2004 disebabkan pembinaan pusat ini sedang giat dijalankan. Jumlah import dari kedua-dua negara jiran itu menurun dari sejumlah

RM88.27 juta pada tahun 2002 kepada RM63.69 juta pada tahun 2004 iaitu penurunan sejumlah RM24.58 juta. Selain itu, jumlah penumpang masuk juga telah menunjukkan penurunan daripada 251,900 orang pada tahun 2002 kepada 158,058 orang pada tahun 2004. Bagaimanapun, setakat bulan Julai 2005, jumlah penumpang yang mendarat telah mencecah angka melebihi 350,000 orang.

Pada pendapat Audit, dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan telah berjaya menambah nilai perdagangan tukar barang di Pusat ini.

40.2.2 Kajian Kemungkinan

Pada tahun 2002, Unit Perancang Ekonomi Negeri telah mengeluarkan 1 kertas kajian menaik taraf kemudahan Pusat Tukar Barang dan Terminal Feri Penumpang di Tawau berkenaan dengan Pusat Tukar Barang di Tawau dengan mengesyorkan 2 opsyen untuk pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Negeri.

Semakan Audit ke atas laporan kajian kemungkinan mendapati opsyen pertama yang dicadangkan untuk perancangan jangka pendeknya antara lainnya ialah untuk menyedia/menaik taraf kemudahan di kawasan Pusat Tukar Barang Tawau (BTC). Faktor yang menyebabkan perancangan ini adalah disebabkan kawasan sedia ada mempunyai kawasan penyimpanan kargo yang luas di samping agensi Kerajaan terlibat dalam penguatkuasaan aktiviti tukar barang. Selain itu, kawasan ini sesuai untuk semua saiz kumpit/jongkong berlabuh dalam semua keadaan paras air dan kawasan ini mempunyai kemudahan infrastruktur jalan raya yang baik. Tempoh masa untuk menyiapkan kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan di Pusat ini dijangka mengambil masa 9 bulan dengan anggaran kos RM3.28 juta. Cadangan ini telah diterima oleh Kerajaan Negeri Sabah pada bulan November 2002 dan setelah menelitiinya, Bahagian Pengurusan Dan Kewangan, Kementerian Kewangan Negeri telah diarah menyediakan peruntukan untuk cadangan jangka pendek. Sejumlah RM0.50 juta telah diluluskan pada tahun 2002 dan tambahan peruntukan RM2.78 juta telah diluluskan pada tahun 2003 untuk kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan yang sedia ada di pusat ini.

Opsyen kedua bagi perancangan jangka panjang ialah kawasan kelompok Industri Kayu-Kayan Bersepadu, Pasir Putih, Sungai Imam telah dicadangkan. Sebab utama kawasan ini dipilih kerana kawasan ini mempunyai kedalaman air yang baik dan keluasan yang mencukupi bagi menampung jongkong/kapal dan feri penumpang. Kawasan ini juga didapati strategik kerana terletak di laluan laut yang telah ditetapkan. Di samping itu, kawasan ini perlu dibangunkan agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi dan kos dianggarkan berjumlah antara RM12 juta hingga RM15 juta.

Pada pendapat Audit, cadangan yang dikemukakan untuk menaik taraf kemudahan sedia ada adalah untuk langkah jangka pendek namun kemudahan

baru yang lebih sempurna, selesa dan bersepada perlu diambil kira dalam rancangan jangka panjang dengan mengambilkira terutamanya faktor keselamatan dan ekonomi boleh dipercepatkan.

40.2.3 Konsep Tukar Barang (Barter Trade)

Semakan yang dijalankan mendapati kapal tukar barang yang tiba diurus oleh agensi atau syarikat yang mempunyai lesen perdagangan daripada Majlis Perbandaran Tawau dan permit untuk bermiaga di pusat ini daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Jabatan Kastam bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kastam 1967 dan juga Arahan (Larangan Mengimport Dan Mengeksport) Kastam 1998 berkenaan dengan pengimportan dan pengeksportan barang di pusat ini. Para peniaga mengisyiharkan barang dengan mengemukakan Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport (Kastam No.1 Pin. 9/2002) dan Borang Pengakuan Barang-Barang Yang Dieksport (Kastam No.2 Pin. 9/2002) untuk penyemakan, pengesahan dan penilaian cukai oleh Pegawai Kastam yang bertugas. Kelonggaran untuk mengimport barang larangan boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran atau lesen untuk mengimport barang larangan seperti di Jadual Kedua Akta Kastam 1967 daripada pihak berkuasa berkaitan.

Krew kapal, pedagang yang mendarat pula diurus oleh Jabatan Imigresen mengikut kehendak Akta Imigresen, 1959.

Pada pendapat Audit, perdagangan seumpama ini adalah baik kerana boleh melibatkan penyertaan ramai peniaga untuk berurusan tanpa memerlukan modal yang banyak. Nilai perdagangan juga meningkat dan seterusnya menambah hasil negeri dan negara.

40.2.4 Komponen Tukar Barang (Barter Trade)

Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Negeri Sabah bertanggungjawab untuk menyedia dan menyelenggara kemudahan di Pusat Tukar Barang Tawau. Semakan Audit mendapati Jabatan juga bertanggungjawab untuk menguruskan pusat ini dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah *The Merchant Shipping (Government Wharves) Regulations 1961 Amendment 1996* dan Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002. Selain itu, sebuah syarikat swasta bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pemunggahan dan penyimpanan barang kerana mempunyai kawasan lapang yang dipajak daripada Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah.

Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bertanggungjawab untuk mengawal dan menguruskan pengimportan dan pengeksportan barang dengan menguatkuasakan Akta Kastam 1967 serta mengawal pengimportan dan pengeksportan barang larangan di bawah Arahan (Larangan Mengimport Dan Mengeksport) Kastam 1998.

Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan Jabatan Perhutanan bertanggungjawab untuk mengkuarantinkan tumbuhan, binatang dan bibit yang dibawa masuk mengikut akta dan kuasa masing-masing. Jabatan Imigresen bertanggungjawab untuk menguatkuasa Akta Imigresen 1959 berkenaan dengan penumpang feri dan kapal yang masuk dan keluar melalui pusat ini. Keselamatan di pusat ini dan laluan kapal adalah menjadi tanggungjawab bersama Jabatan Keselamatan Negara, Jabatan Polis, Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut.

Pada pendapat Audit, agensi yang terlibat di Pusat *Barter Trade* ini telah memainkan peranan mereka dengan cekap. Bagaimanapun, usaha harus dipertingkatkan lagi untuk mengawasi kelancaran perdagangan, laluan kapal dan kawalan keluar masuk penumpang untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

40.2.5 Perlantikan Kontraktor

Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan telah melantik kontraktor secara rundingan terus untuk menjalankan kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan di Pusat Tukar Barang Tawau yang telah dirancang dengan nilai kontrak berjumlah RM2.96 juta. Penyerahan tapak kepada kontraktor ialah pada awal bulan September 2003. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk melukis pelan pembinaan dan telah dipersetujui oleh Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana dan Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga.

Pada pendapat Audit, penawaran kontrak secara rundingan terus adalah sesuai memandangkan kemudahan sedia ada telah uzur dan perlu diperbaiki dengan segera. Namun demikian pemilihan secara rundingan terus tidak memberi ruang kepada persaingan harga. Tanpa melalui proses tawaran tender terbuka, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Kerajaan Negeri telah memperolehi harga yang munasabah dan paling menguntungkan.

40.2.6 Perjanjian Kontrak

Semakan Audit mendapati syarat kontrak pembinaan dan menaik taraf kemudahan di Pusat Tukar Barang Tawau bernilai RM2.96 juta telah dipatuhi. Antara syaratnya ialah:

- a) Tempoh kontrak berkuatkuasa 9 bulan.
- b) Tempoh tanggungan kecatatan telah ditetapkan selama 12 bulan selepas tarikh sijil siap kerja dikeluarkan.
- c) Kontraktor telah mengambil insurans bernilai RM0.20 juta dan berdaftar dengan PERKESO.
- d) Pegawai Penguasa atau wakilnya dilantik untuk menyelia kerja yang dijalankan di tapak projek.

- e) Telah membayar Bon Pelaksanaan bernilai RM0.15 juta yang merupakan 5% daripada kontrak asal secara jaminan bank.

Pada pendapat Audit, perjanjian yang ditandatangani telah mengambil kira kepentingan Kerajaan, kebijakan pekerja serta risiko yang akan ditanggung oleh kontraktor.

40.2.7 Prestasi Kerja Dan Bayaran Kemajuan

Lawatan ke tapak projek menaik taraf kemudahan di Pusat Tuklar Barang pada 7 Julai dan 26 Ogos 2005 mendapati semua kerja telah siap dijalankan. Semakan ke atas bayaran yang dibuat di Ibu Pejabat JKR pada bulan Julai 2005 mendapati kemajuan pembayaran bagi komponen projek adalah di antara 87% hingga 99%. Secara keseluruhannya, sejumlah RM2.57 juta telah dijelaskan kepada kontraktor untuk 87% kerja yang telah disiapkan seperti di **Jadual 81**.

Jadual 81
Peratusan Kerja Dan Kemajuan Bayaran

Bil.	Kos Kontrak		Jumlah Bayaran Setakat Tarikh Pengauditan (RM)	Peratusan Kemajuan Bayaran (RM)	Peratusan Kerja Siap (%)
	Perkara	Amaun (RM)			
1.	Kerja-kerja Am	94,000	92,710	98.6	100
2.	Pontun	450,000	441,200	98	100
3.	Kerja-kerja Pembinaan	240,000	233,400	97.3	100
4.	Kerja-kerja Elektrikal	70,000	61,200	87.4	100
5.	Menanam Cerucuk	1,101,240	1,066,040	96.8	100
6.	Jeti	527,849.50	520,737.50	98.7	100
7.	Kerja-kerja Pelbagai	476,700	160,400	33.6	100
Jumlah		2,959,789.50	2,575,687.50	87	

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

Hingga kini sejumlah RM 0.38 juta belum lagi dijelaskan kepada kontraktor. Sejumlah RM 0.15 juta adalah Bon Pelaksanaan, RM 0.20 juta adalah Polisi Insurans Tanggungan Awam dan RM 0.03 juta merupakan bayaran kemajuan kerja yang belum dijelaskan.

Pada pendapat Audit, kemajuan pembayaran adalah selaras dengan prestasi kerja projek. Semua tuntutan yang dibuat oleh kontraktor telah disahkan dan diluluskan oleh pihak JKR dan proses pembayaran adalah sempurna.

40.2.8 Penyerahan Balik Tapak

Tapak pembinaan dan menaik taraf kemudahan di pusat ini sepatutnya diserah kepada Jabatan pada bulan September atau Oktober 2004, namun pihak Jabatan tidak bersetuju untuk menerimanya. Antara sebab dan alasan Jabatan tidak mahu menerimanya ialah terdapat beberapa kerja yang belum siap sepenuhnya seperti:

- a) Kerja pembongkaran jeti lama masih belum dilaksanakan sepenuhnya;
- b) Permukaan tanah di kawasan pintu/keluar bagi *Sunken Barge* dan kawasan yang dibangunkan tidak diratakan;
- c) Pintu masuk/keluar sebelah kiri *Sunken Barge* adalah didapati senget;
- d) Kawasan dalam dan luar Pejabat Tadbir Pusat Tukar Barang tidak dibersihkan; dan
- e) Pemasangan kayu penghadang (beruti) di sekeliling jeti didapati tidak sempurna.

Semakan Audit mendapati tapak tersebut telah diserah kepada Jabatan pada awal bulan Januari 2005 setelah semua kerosakan diperbaiki dan kawasan kerja dibersihkan. **Foto 48** hingga **Foto 51** menunjukkan keadaan jeti dan dermaga sebelum dan selepas dinaik taraf.

Foto 48
Keadaan Jeti Sebelum Naik Taraf – Sibuk Dan Sempit



Sumber : Fail Foto Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

Tarikh : 30 November 2001

Lokasi : Pusat Barter Trade Tawau

Foto 49
Keadaan Jeti Selepas Naik Taraf – Selesa Dan Luas



Sumber : Fail Foto Jabatan Jabatan Audit Negara

Tarikh : 26 Oktiber 2005

Lokasi : Pusat Barter Trade Tawau

Foto 50
Keadaan Dermaga Sebelum Naik Taraf – Sempit Dan Sesak



Sumber : Fail Foto Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

Tarikh : 30 November 2001

Lokasi: Pusat Barter Trade Tawau

Foto 51
Keadaan Dermaga Selepas Naiktaraf – Selesa Dan Teratur



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 26 Oktober 2005

Lokasi: Pusat Barter Trade Tawau

Pada pendapat Audit, Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga telah bertindak bijak kerana menerima pusat berkenaan hanya selepas kerosakan dibaik pulih dan kawasan kerja dan sekitarnya telah dibersihkan.

40.2.9 Pencapaian Projek

Kerja pembinaan dan menaik taraf kemudahan di pusat ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang sepatutnya siap pada 2 Jun 2004. Tempoh perlanjutan masa telah dipohan oleh Kontraktor pada 24 Mei 2004. Lanjutan tempoh masa sebanyak 90 hari telah diluluskan setelah mengambil kira faktor cuaca dan kerja tambahan laluan trafik di kawasan pasar Tawau yang perlu persetujuan daripada pihak Ibu Pejabat JKR, Majlis Perbandaran Tawau dan kontraktor. Justeru itu, pembinaannya telah siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2004. Tempoh tanggungan kecatatan yang dipersetujui adalah selama 12 bulan iaitu sehingga bulan Ogos 2005.

40.2.10 Pengurusan Jeti Dan Dermaga

Pengurusan jeti dan dermaga terletak dibawah tanggungjawab Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah. Semakan Audit mendapati penyediaan infrastruktur yang baik dan pengurusan yang berkesan telah berjaya mencapai objektif pembinaannya seperti berikut:

a) Kapasiti Feri dan Kapal Perdagangan Berlabuh

Jeti feri baru yang telah dibina berukuran 160 kaki panjang dan 20 kaki lebar dan pontun baru berukuran 80 kaki panjang dan 20 kaki lebar adalah mengikut ukuran dalam perancangan pembinaannya. Lawatan ke tapak pada 7 Julai 2005 mendapati hanya 2 feri penumpang boleh rapat ke jeti dan pontun. Untuk mengendalikan 6 buah feri yang masuk dan keluar pada satu-satu masa, feri ini dibenarkan untuk rapat ke jeti dan pontun secara bersebelahan antara satu sama lain.

Begitu juga dengan jeti Pusat Tukar Barang baru yang telah siap dibina berukuran 180 kaki panjang dan 18 kaki lebar dirancang untuk menampung 5 hingga 6 buah kapal perdagangan untuk berlabuh pada satu-satu masa. Semasa lawatan ke tapak dijalankan terdapat antara 10 hingga 12 kapal sedang berlabuh. Keadaan ini dibenarkan kerana ruang tidak mencukupi. Bilangan kapal perdagangan yang menggunakan kemudahan di Pusat ini adalah seperti di **Jadual 82**.

Jadual 82

Bilangan Kapal Keluar - Masuk Di Pusat Tukar Barang Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga Tahun 2005

Tahun	Negara		Jumlah
	Filipina	Indonesia	
2003	584	969	1,553
2004	533	917	1,450
2005	474	3,347	3,821

Sumber:Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga

Bilangan kapal perdagangan yang menggunakan jeti di Pusat ini telah meningkat 149% iaitu dari 1,533 buah pada tahun 2003 kepada 3,821 buah pada tahun 2005.

b) Kapasiti Penumpang

Pusat Tukar Barang dan Terminal Feri ini adalah satu daripada pintu keluar-masuk yang penting bagi penumpang dan pedagang di Tawau. Lawatan ke tapak pada waktu ketibaan feri penumpang mendapati terminal ini adalah sangat sesak, walaupun telah dianggarkan mampu menampung 500 hingga 1,000 penumpang pada satu-satu masa.

Jadual 83 di bawah menunjukkan bilangan penumpang tiba dan berlepas melalui terminal feri bagi tahun 2003 hingga 2005.

Jadual 83
Bilangan Penumpang Tiba Dan Berlepas Melalui Terminal Feri
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga Tahun 2005

Tahun	Masuk	Keluar	Jumlah
2003	116,400	67,970	184,370
2004	158,050	62,310	220,360
2005	342,696	143,641	486,337
Jumlah	617,146	273,921	891,067

Sumber: Rekod Jabatan Imigresen

Dari tahun 2003 hingga bulan Julai 2005, seramai 891,067 orang penumpang telah menggunakan pusat ini. Daripada jumlah tersebut seramai 617,146 orang adalah penumpang yang tiba manakala 273,921 orang adalah penumpang yang keluar.

c) Prestasi Kutipan Hasil

Prestasi kutipan hasil di Jabatan tidak mencapai sasaran atau anggaran yang ditetapkan oleh Jabatan seperti pada **Jadual 84**.

Jadual 84
Kutipan Hasil Mengikut Jenis Caj

Jenis Hasil	2003		2004		2005	
	Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Anggaran (RM)	Sebenar (RM)
Cukai Pelabuhan	12,000	7,575	25,000	3,341	25,000	8,315
Kapal Kecil Dan Perikanan	15,000	14,380	15,000	13,611	15,000	17,059
Cukai Dermaga	138,000	723,915	600,000	571,271	725,000	341,787
Pelbagai	25,000	18,150	15,000	23,560	20,000	29,516
Jumlah	190,000	764,020	655,000	611,783	785,000	396,677

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga

Penurunan kutipan Cukai Pelabuhan yang begitu besar adalah kerana pembinaan pelabuhan giat dijalankan pada tahun 2004 dan kapal yang tiba menggunakan jeti SAFMA. Keadaan penurunan Cukai Pelabuhan ini masih juga berterusan pada tahun 2005.

Perbandingan yang dibuat ke atas bilangan kapal yang keluar-masuk menggunakan jeti dan dermaga dengan kutipan sebenar Cukai Pelabuhan yang telah dikutip pada tahun 2003 berbanding dengan tahun 2004 mendapati perbezaan kapal keluar-masuk adalah sebanyak 103 buah iaitu penurunan sebanyak 6.6% dan kutipan Cukai Pelabuhan berjumlah RM4,234 iaitu penurunan sebanyak 55.9%. Bagi tahun 2005, bilangan kapal yang keluar masuk berjumlah 3,821 buah iaitu peningkatan sebanyak 2,268 buah atau 146% melebihi jumlah sebenar jumlah kapal pada tahun 2003. Hasil yang dikutip adalah berjumlah

RM8,315 iaitu peningkatan sejumlah RM740 atau 9.8% berdasarkan perbandingan kutipan antara tahun 2003 dengan kutipan tahun 2005. Bagaimanapun, prestasi kutipan cukai pelabuhan berbanding dengan jumlah kapal yang menggunakan dermaga kurang memuaskan kerana peningkatan hasil yang dipungut tidak selari dengan peningkatan kapal.

d) Prestasi Perdagangan

Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2005, nilai eksport daripada pusat ini ke Negara Indonesia dan Filipina berjumlah RM429 juta manakala import daripada kedua-dua negara jiran itu berjumlah RM282 juta. **Jadual 85** di bawah menunjukkan prestasi nilai perdagangan antara Malaysia, Filipina dan Indonesia mengikut tahun.

Jadual 85
Nilai Barangang Import Dan Eksport

Tahun	Indonesia		Filipina		Jumlah	
	Import (RM)	Eksport (RM)	Import (RM)	Eksport (RM)	Import (RM)	Eksport (RM)
2002	77,633,531	59,726,885	10,635,394	3,442,655	88,268,925	63,169,540
2003	52,158,309	154,337,129	2,972,007	6,993,267	55,130,316	161,330,396
2004	57,183,753	89,699,335	6,501,355	5,921,702	63,685,108	95,621,037
2005	62,431,138	101,554,385	12,743,423	7,801,801	75,174,561	109,356,186
Jumlah	249,406,731	405,317,734	32,852,179	24,159,425	282,258,910	429,477,159

Sumber: Rekod Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

Pada pendapat Audit, projek yang telah dirancang telah mencapai matlamat pembinaannya dan Jabatan perlu mengambil perhatian sewajarnya terhadap pusat ini memandangkan Bandar Tawau adalah pintu masuk bagi pedagang dan penumpang dari Indonesia dan Filipina. Selain itu, Sabah terletak di tengah-tengah kawasan pertumbuhan Ekonomi Asia Timor dan berpotensi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, kapasiti terminal feri dan dermaga bagi feri dan kapal tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Begitu juga dengan sasaran kutipan hasil yang tidak mencapai anggaran yang ditetapkan. Anggaran hasil hendaklah dibuat berdasarkan kepada jangkaan bilangan kapal yang akan menggunakan jeti dan dermaga ini.

40.2.11 Struktur Pengurusan Jeti/Dermaga

Pengurusan jeti/dermaga adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah. Beberapa unit telah diwujudkan untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah *The Merchant Shipping (Government Wharves) Regulations 1961 Amendment 1996* dan Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002. Peranan dan tanggungjawab bagi setiap unit adalah seperti di **Jadual 86**.

Jadual 86
Senarai Unit / Tanggungjawab Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Tawau

Bil.	Nama Unit	Peranan
1.	Jeti Penumpang Dan Tukar Barang	Mengawal selia ketibaan dan keberangkatan kapal termasuk penumpang dan kargo
2.	Pentadbiran Am Dan Kutipan Hasil	Mengendalikan urusan pentadbiran pejabat dan kutipan hasil
3.	Operasi	Menjalankan pengoperasian di Pelabuhan dan Dermaga
4.	Pemeriksaan Dan Pelesenan Kapal Kecil	Mengendalikan urusan pemeriksaan dan menyediakan perlesenan kapal kecil
5.	Penguatkuasaan Dan Lanca Kerajaan	Mengendalikan lanca kerajaan dan melaksanakan penguatkuasaan

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

Untuk memastikan semua unit berfungsi dengan licin dan sempurna, beberapa jawatan telah pun diisi seperti **Jadual 87**.

Jadual 87
Perjawatan Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Tawau

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan Kakitangan Yang Diperlukan	Jawatan Diisi	Kekosongan
1.	Pegawai Laut	A 41	1	-	1
2.	Penolong Pegawai Laut	A 36	1	-	1
3.	Merinyu Kapal	N 22	1	1	2
4.	Merinyu Kapal	N 17	3	1	-
5.	Pembantu Tadbir	N 17	2	2	-
6.	Juruisyarat	N 11	3	3	-
7.	Pekerja Dermaga	R 1	2	2	-
8.	Pengawal Keselamatan	KP 10	1	1	-
9.	Kakitangan Kapal	-	10	10	-
Jumlah			24	20	4

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga

Semakan Audit mendapati terdapat 4 kekosongan jawatan penting iaitu Jawatan Pegawai Laut Gred A41 dan Penolong Pegawai Laut Gred A36 belum lagi diisi. Oleh itu, Jabatan diketuai oleh seorang Merinyu Kapal Gred N22 yang menanggung tugas sebagai Penolong Pegawai Laut Gred A36.

Pada pendapat Audit, semua unit di bawah jagaan Penolong Pegawai Pelabuhan telah berfungsi dengan memuaskan mengikut kehendak *The Merchant Shipping (Government Wharves) Regulations 1961 Amendment 1996*. Bagaimanapun, kekosongan jawatan penting telah menjelaskan keberkesanan pelabuhan dan Dermaga tawau.

40.2.12 Peraturan Penggunaan Jeti Dan Dermaga

Semakan Audit di Pejabat Pelabuhan Dan Dermaga Tawau dan lawatan ke tapak mendapati undang-undang dan peraturan yang terkandung dalam *The Merchant Shipping (Government Wharves) Regulation 1961 Amendment 1996* dan Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002 telah dikuatkuasa dan dipatuhi oleh semua pengguna jeti dan dermaga.

Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan yang sedang dikuatkuasakan sekarang adalah lengkap dan sesuai untuk digunakan.

40.2.13 Caj Jeti, Dermaga Dan Pelabuhan

Semakan Audit yang dijalankan ke atas resit yang dikeluarkan kepada pembayar mendapati bayaran yang dikutip adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan dalam Jadual Kedua *The Merchant Shipping (Government Wharves) Regulations 1961 Amendment 1996*. Bagaimanapun, kadar tersebut belum dikaji semula selepas tahun 1996.

Pada pendapat Audit, kadar caj yang dikutip adalah rendah dan ia pada masa ini perlu dikaji semula memandangkan kali terakhir kadar ini dikaji semula pada tahun 1996.

40.2.14 Prestasi Kewangan

Peruntukan yang diluluskan untuk projek ini di bawah RMK-8 berjumlah RM3.06 juta. Kos pembinaan bagi menaik taraf dan membina kemudahan pusat tukar barang dan terminal feri penumpang di Tawau adalah berjumlah RM2.96 juta. Semasa tarikh pengauditan, kemajuan fizikal kerja projek adalah 100%. Bagaimanapun, bayaran yang telah dibuat kepada kontraktor berjumlah RM2.58 juta atau 87% daripada kemajuan kerja fizikal yang telah disiapkan dan sejumlah RM0.38 juta belum lagi dijelaskan Bos pelaksanaan projek ini kontraktor. Sejumlah RM0.15 juta Polisi Insurans Tanggungan Awam berjumlah RM0.20 juta dan RM0.03 juta merupakan bayaran kemajuan kerja yang belum dijelaskan.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang telah diberi untuk rancangan jangka pendek adalah mencukupi dan proses pembayaran telah dilakukan dengan sempurna mengikut peraturan dan maksud yang ditetapkan. Bagaimanapun bayaran kemajuan lewat dijelaskan.

40.2.15 Penyenggaraan Jeti/Dermaga

Setiap tahun, pihak Jabatan diberi peruntukan kewangan bagi tujuan penyenggaraan jeti dan dermaga. Jenis penyenggaraan yang dibuat adalah mengikut keperluan atau keadaan. **Jadual 88** berikut adalah jumlah peruntukan yang telah diterima daripada Kerajaan Negeri sepanjang tempoh 3 tahun.

Jadual 88
Jumlah Peruntukan Yang Diterima

Tahun	Peruntukan Di Terima (RM)	Kos Penyenggaraan Di Tawau (RM)
2003	60,000	8,650
2004	130,000	14,450
2005	100,000	39,216
Jumlah	190,000	62,316

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga

Peruntukan yang diterima adalah untuk menyenggara semua pusat tukar barang dan terminal feri di Sabah. Dari sejumlah RM190,000 yang diterima, sejumlah RM62,316 telah dibelanjakan untuk penyenggaraan di Pusat Tukar Barang Tawau.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang telah diterima digunakan sebaik mungkin mengikut keperluan penyenggaraan.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat pelaksanaan projek pembinaan dan menaik taraf kemudahan di Pusat Tukar Barang Tawau adalah baik dan memuaskan. Namun begitu, kesesakan penumpang, feri dan kapal masih berlaku di Pusat ini. Dengan keadaan sedemikian, pembinaan pusat baru di tapak yang telah dicadangkan oleh UPEN hendaklah disegerakan untuk keselesaan semua pengguna. Kerajaan Negeri boleh memohon bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk maksud ini.

40.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berterusan adalah penting bagi memastikan projek dan pengurusan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di mana masalah yang timbul boleh dikenal pasti dan diatasi dengan segera. Kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

40.3.1 Peringkat Kementerian

Kementerian Pembangunan Infrastruktur selaku pembiaya utama projek ini bertanggungjawab tehadap kecekapan, keberkesanan dan kelancaran projek. Untuk maksud ini, laporan berkeraan dengan status kemajuan kerja, minit mesyuarat tapak yang diadakan dan aduan jika ada dikemukakan oleh Jabatan untuk penambahan

peruntukan. Selain itu, lawatan ke tapak juga dilakukan oleh pegawai daripada Kementerian. Sepanjang tempoh pembinaan pusat ini, satu lawatan telah dilakukan oleh Menteri dan rombongan dari kementerian ini. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Cawangan Tawau mengemukakan laporan bulanan berkenaan dengan pengurusan Ibu Pejabat, Jabatan untuk menilai kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan yang dilaksanakan.

40.3.2 Peringkat Jabatan

a) Ibu Pejabat Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah

Laporan kemajuan kerja dan minit mesyuarat tapak yang telah dikemukakan oleh Jabatan Kerja Raya Tawau diteliti untuk menentukan kerja telah dilaksana mengikut spesifikasi dan siap dalam jangka masa yang ditetapkan. Segala kerosakan yang berlaku semasa pembinaan telah dipantau dan menentukan tindakan telah diambil untuk membaiki kerosakan. Laporan bulanan yang dikemukakan oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Tawau juga diteliti bertujuan untuk menilai pengurusan jeti dan dermaga diurus dengan cekap dan berkesan.

b) Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Tawau

Sepanjang tempoh pembinaan dijalankan pegawai dari Jabatan ini telah menghadiri 3 mesyuarat tapak yang telah dipengerusikan oleh Jurutera Jabatan Kerja Raya, Tawau. Laporan bulanan berkaitan dengan prestasi pengurusan pejabat telah dikemukakan ke Ibu Pejabat di Labuan untuk makluman dan tindakan.

c) Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya

Jabatan bertanggungjawab untuk meneliti dan menilai laporan dan prestasi kemajuan kerja yang telah dikemukakan oleh Jabatan Kerja Raya Tawau untuk urusan pembayaran. Selain itu, minit mesyuarat yang telah dikemukakan diteliti supaya khidmat nasihat boleh diberi kepada penyelia projek di peringkat daerah. Sepanjang tempoh pembinaan pusat ini, 2 lawatan telah dilakukan oleh pihak Ibu Pejabat untuk menentukan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut spesifikasi dan siap dalam tempoh yang telah ditetapkan.

d) Jabatan Kerja Raya Tawau

Jabatan adalah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek ini. Seorang juruteknik telah ditempatkan di tapak pembinaan untuk memantau kemajuan projek. Sepanjang tempoh pembinaan pusat ini, tiga mesyuarat tapak telah diadakan yang dihadiri oleh wakil daripada JKR Tawau, Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Tawau, Jabatan Imigresen Tawau dan Kontraktor. Minit Mesyuarat ini telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan Ibu Pejabat Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga. Selain itu, Laporan Kemajuan Kerja yang telah dikemukakan oleh Kontraktor disahkan dengan kemajuan fizikal kerja untuk menentukan peratusan kerja telah dicapai dan diserahkan kepada Ibu Pejabat JKR bagi tujuan

pembayaran. Lawatan ke tapak telah dilakukan oleh Jurutera Tawau dan wakilnya untuk menentukan kerja dilaksanakan adalah seperti yang dirancang. Namun begitu, kekerapan Jurutera melawat tapak tidak dapat ditentukan kerana Buku Harian Tapak tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.

Pada pendapat Audit, Jabatan dan agensi berkenaan telah menjalankan pemantauan yang memuaskan.

41. RUMUSAN DAN SYOR

Pengurusan dan kerja menaik taraf dan membina kemudahan di Pusat Tukar Barang dan Terminal Feri Penumpang telah diurus dengan baik dan memuaskan seperti yang telah disyorkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri. Memandangkan Pusat Tukar Barang ini berpotensi untuk berkembang kerana Sabah terletak di tengah-tengah kawasan BIMP-EAGA, Pusat yang sedia ada sekarang tidak mampu menampung ketibaan dan pelepasan kapal dan para penumpang. Tempoh hayat jangka pendek penggunaan terminal feri dan dermaga tidak dinyatakan. Sehubungan dengan itu, adalah disyorkan supaya Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Tawau mengambil tindakan seperti berikut :

- a) Pembinaan pusat yang baru ditempat yang lebih sesuai dan selesa perlu dilaksanakan dengan cepat dan isu-isu yang berbangkit boleh diatasi dan ditangani melalui penglibatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan jika ingin menjadikan Pusat Tukar Barang ini berdaya maju dan berdaya saing di peringkat negeri, negara dan antarabangsa.
- b) Promosi memperkenalkan Pusat Tukar Barang ini perlu dilakukan supaya lebih ramai peniaga melibatkan diri dalam perniagaan tukar barang.
- c) Mengkaji semula kadar, caj jeti, dermaga dan pelabuhan supaya dapat disesuaikan dengan keadaan semasa.
- d) Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan 4 kekosongan jawatan penting Pegawai Laut dan Merinyu Kapal sedia ada hendaklah diisi dengan segera untuk membolehkan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Tawau mampu melaksanakan aktiviti pengurusan terminal dan pusat '*Barter Trade*' dengan cekap dan berkesan.

BAHAGIAN II
PERKARA AM

42. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lepas.
- b) Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang masih belum selesai.
- c) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi.

43. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2004

43.1 JABATAN PERIKANAN SABAH

Projek Penternakan Rumpai Laut

- a) Kawasan laut seluas 6,228 hektar di Daerah Semporna didapati sesuai untuk ternakan rumpai laut. Kawasan seluas 113 hektar yang telah diusahakan melibatkan 140 peserta. Kawasan ladang seluas 20 hektar telah diwartakan dan selebihnya masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.
- b) Pusat pengeluaran bibit di Pulau Salakan tidak mampu membekal bibit yang mencukupi bagi menampung permintaan penternakan disebabkan terdapat penternak di Pulau Salakan yang tidak aktif.
- c) Jabatan tidak mempunyai stor khusus untuk menyimpan stok rumpai laut kering sebelum dijual.
- d) Rekod peserta dan pengagihan bantuan peralatan disimpan di daerah yang terlibat.
- e) Baki pinjaman peserta terus meningkat.
- f) Jabatan menghadapi kekurangan tenaga kerja untuk menguruskan projek ternakan rumpai laut.

Kedudukan Masa Kini

- a) Keluasan ladang yang diusahakan telah meningkat kepada 500 hektar dengan bilangan peserta meningkat menjadi 214 orang. Keluasan kawasan ladang yang diwartakan tidak berubah.

- b)** Jabatan telah menjadikan penternakan di kawasan lain sebagai pengeluar bibit kepada penternakan baru selain daripada mengeluarkan rumpai laut kering.
- c)** Jabatan telah membina stor khusus untuk menyimpan stok rumpai laut kering sebelum dijual.
- d)** Rekod peserta dan pengagihan bantuan telah diselenggarakan dengan baik.
- e)** Baki pinjaman peserta terus meningkat disebabkan bilangan peserta yang tidak aktif meningkat dan tidak berupaya untuk menjelaskan pinjaman.
- f)** Tidak ada pertambahan bilangan pegawai yang menguruskan projek ini.

43.2 JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK

Pengurusan Projek Lembu Tenusu

- a)** Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak mengimport lembu tenusu jenis kacukan *Friesian Sahiwal* dari New Zealand dan Australia setiap tahun. Kos purata seekor lembu adalah berjumlah RM6,367 dan dibayar melalui *Crown Agent*. Bagaimanapun dokumen kontrak tidak dikemukakan untuk semakan Audit bagi menentukan ketetapan harga dan syarat-syaratnya.
- b)** Susu yang dihasilkan oleh penternak lembu tenusu pada tahun 2004 adalah sebanyak 4.78 juta liter dan rekod menunjukkan sebanyak 0.13 juta liter atau 2.7% telah rosak. Antara sebab berlakunya kerosakan susu adalah penternak tidak mengendalikan susu mengikut standard kebersihan yang ditetapkan, kapasiti tempat penyimpanan susu di Pusat Pengumpulan Susu tidak mencukupi, kenderaan mengangkut susu ke kilang adalah terhad dan tidak ada set generator pengganti kuasa elektrik di Pusat Pengumpulan Susu apabila bekalan elektrik terputus.
- c)** Lembu yang dibekalkan kepada penternak adalah dijual secara kredit dengan harga subsidi RM3.50 sekilogram. Bayaran balik dilakukan melalui potongan 25% dari hasil susu yang dijual kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak. Sehingga akhir tahun 2004 sejumlah RM32,816 harga lembu masih belum dijelaskan oleh penternak yang telah berhenti mengusahakan projek lembu tenusu di daerah Keningau sejak tahun 1998.
- d)** Susu yang dihasilkan oleh penternak akan dibeli oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak dengan harga RM1.00 seliter dan kemudiannya dijual ke syarikat pengilang dengan harga yang sama. Pada akhir tahun 2004 syarikat pengilang masih berhutang kepada Jabatan sejumlah RM6.59 juta terhadap susu yang dijual.

Kedudukan Masa Kini

- a)** Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak masih gagal mengumumkan kontrak atau sebarang dokumen mengenai pengimportan lembu tenusu untuk semakan pihak Audit.
- b)** Jabatan telah mengambil tindakan untuk mengurangkan kerosakan susu dengan membimbang penternak mematuhi standard kebersihan yang ditetapkan semasa pengendalian susu serta melawat ladang penternakan. Jabatan juga telah

mendapat peruntukan dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM2.9 juta pada tahun 2005 dan telah membekal sebanyak 6 tangki penyimpanan berkapasiti 6,000 liter dan 2 lori pengangut susu berkapasiti 10,000 liter. Manakala Jabatan telah mempelawa sebut harga dari pembekal untuk membekalkan set generator bagi dibekalkan ke Pusat Pengumpulan Susu yang sering mengalami gangguan bekalan elektrik seperti di Keningau.

- c) Kementerian Kewangan telah meluluskan sejumlah RM32,816 harga lembu yang tertunggak untuk dihapus kira kerana penternak berhenti menyertai projek penternakan.
- d) Syarikat pengilang telah menjelaskan sejumlah RM3.37 juta pada tahun 2005 terhadap bayaran jualan susu dan sehingga bulan Mac 2006 sejumlah RM4.29 juta masih belum dijelaskan. Manakala baki hutang dari tahun 2003 hingga 2004 sebanyak RM6 juta telah ditukarkan kepada ekuiti Kerajaan dalam syarikat berkenaan.

43.3 JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan Program Latihan Institut Latihan Teknikal Dan Perdagangan

- a) Institut sedang menjalankan kajian keberkesanan terhadap 4 kursus untuk menentukan sama ada kursus tersebut relevan mengikut perkembangan semasa dan permintaan pasaran buruh iaitu:
 - i) Kursus Pengurusan Dalam Pengajian Perniagaan
 - ii) Kursus Sains Kesetiausahaans
 - iii) Kursus Kecantikan dan Pendandan Rambut
 - iv) Kursus Sijil Perniagaan Kecil.
- b) Institut telah menetapkan tempoh kursus selama 6 bulan dan 1 tahun mengikut bidang kursus yang ditawarkan. Pada pendapat Audit, tempoh kursus kurang dari 1 tahun tidak memadai untuk melahirkan tenaga kerja mahir.
- c) Satu Jawatankuasa perlu diwujudkan bagi memantau sukatan pelajaran yang ditetapkan supaya dilaksanakan dengan sewajarnya.

Kedudukan Masa Kini

- a) Kajian keberkesanan terhadap 4 kursus masih diteruskan dan dijangka siap pada bulan Jun 2006.
- b) Tempoh kursus yang ditawarkan oleh Institut telah diseragamkan selama 1 tahun bagi semua kursus mulai tahun 2006.
- c) Institut bersetuju memantapkan lagi fungsi Jawatankuasa Hal Ehwal Akademik dengan menetapkan Mesyuarat Akademik sebanyak 2 kali setahun di samping mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan mengenai sukatan pelajaran pada tahun 2005.

43.4 KORPORASI PEMBANGUNAN DESA

Projek Ternakan Ayam Daging

Pihak Korporasi Pembangunan Desa (KPD) telah menandatangani kontrak dengan Desa Hatchery Sdn. Bhd. (DHSB) bagi mendapatkan bekalan anak ayam, makanan ayam dan ubat-ubatan. Bagaimanapun, DHSB tidak berupaya memenuhi sepenuhnya keperluan bekalan input pertanian bermula tahun 2002.

Kedudukan Masa Kini

Mulai tahun 2004 kontrak perjanjian antara KPD dengan DHSB telah ditamatkan dan kontrak penternakan ayam hanya melibatkan dua pihak iaitu antara KPD dan para penternak. KPD juga telah menyewa kandang penternak yang masih berminat meneruskan program ternakan ayam secara kontrak dan mengusahakan ternakan ayam secara komersial. Setakat akhir tahun 2005, empat buah kandang telah disewa oleh KPD untuk membekalkan input pertanian iaitu anak ayam, makanan ayam dan ubat-ubatan.

43.5 MAJLIS PERBANDARAN TAWAU

Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan

Tempoh kelulusan sebenar sesuatu permohonan lesen baru tidak dapat dipastikan kerana rekod yang dikemukakan tidak lengkap di mana borang permohonan lesen tidak difaikkan dalam fail individu. Selain itu, sebanyak 43 kes di mana tarikh permohonan tidak direkodkan di fail individu menyebabkan tempoh kelulusan lesen tidak dapat ditentukan.

Kedudukan Masa Kini

Majlis telah mengambil tindakan untuk memastikan semua borang permohonan pembaharuan lesen atau permohonan lesen baru difaikkan pada fail individu.

43.6 MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

Penswastaan pungutan Sampah

a) Bon Pelaksanaan

Pihak kontraktor telah menyediakan Bon Pelaksanaan seperti kehendak perjanjian yang berjumlah RM19,000 melalui surat jaminan bank. Jumlah ini adalah merupakan 5% daripada nilai bulanan kontrak dan merangkumi tempoh keseluruhan kontrak iaitu selama 10 tahun. Bagaimanapun, mengikut peraturan kewangan pihak kontraktor sepatutnya menyediakan Bon Pelaksanaan bernilai RM228,000 yang merupakan 5% daripada nilai kontrak bagi satu tahun yang berjumlah RM4.56 juta.

b) Tuggakan Hutang Majlis

Setakat tahun 2004, pihak Majlis mempunyai tuggakan hutang kepada kontraktor berjumlah RM3.26 juta.

c) Keperluan Kenderaan Dan Peralatan Lain

Berasaskan norma kerja harian 19 lori kompaktor diperlukan untuk menampung kutipan sampah setiap hari berbanding dengan 17 lori yang ada. Selain itu pembekalan tong sampah yang secukupnya adalah penting untuk memastikan sampah tidak dibuang di merata tempat.

d) Jadual Pungutan Sampah

Pihak kontraktor ada menyediakan jadual pemungutan sampah. Bagaimanapun, jadual tersebut tidak mengandungi butiran secara spesifik hari pungutan yang akan dibuat. Jadual tersebut hanya mengandungi kekerapan pungutan, sebagai contoh sekali bagi tempoh 2 hingga 3 hari bagi kawasan perumahan, setiap hari bagi kawasan bandar dan 1 hingga 2 kali sehari bagi kawasan pasar.

e) Jawatankuasa Perunding Bersama

Jawatankuasa Perunding Bersama tidak bermesyuarat pada setiap bulan seperti mana yang disyaratkan dalam perjanjian kontrak.

Kedudukan Masa Kini

a) Bon Pelaksanaan

Pihak Majlis masih lagi berbincang dengan pihak kontraktor untuk mendapatkan tambahan Bon Pelaksanaan sejumlah RM209,000 sebagai tambahan kepada Bon Pelaksanaan yang telah diambil terdahulu.

b) Tunggakan Hutang Majlis

Pihak Majlis telah berusaha untuk mengurangkan tunggakan hutang kepada kontraktor di mana tunggakan hutang tersebut telah berkurangan daripada RM3.26 juta pada tahun 2004 menjadi RM1.08 juta pada akhir bulan April 2006.

c) Keperluan Kenderaan Dan Peralatan Lain

Pihak kontraktor sedang menimbang untuk menambah bilangan lori kompaktor tersebut. Bagi keperluan tong sampah pula, pihak Majlis telah mendapat sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pihak perseorangan. Bilangan tong sampah yang diperolehi pada tahun 2005 ialah 384 unit Chute Bin, 168 unit Sulo Bin dan 126 unit Konkrit Bin.

d) Jadual Pungutan Sampah

Pihak Majlis dan kontraktor sedang mengkaji untuk menetapkan kekerapan pungutan sampah mengikut hari tertentu dalam seminggu.

e) Jawatankuasa Perunding Bersama

Jawatankuasa ini tidak dapat mengadakan mesyuarat pada setiap bulan seperti mana yang disyaratkan dalam perjanjian kontrak. Sepanjang tahun 2005 hanya 3 kali mesyuarat telah diadakan.

44. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SEBELUM TAHUN 2004 DAN MASIH BELUM SELESAI

44.1 JABATAN AIR NEGERI SABAH

Penswastaan Bekalan Air

- a) Menurut perjanjian, kos penyegaraan ditanggung oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun pada tahun 2002, dua projek membaiki tebing Sungai Tuaran masing-masing bernilai RM355,000 dan RM505,000 telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri.
- b) Kerajaan Negeri telah gagal membuat bayaran tetap bulanan dan bayaran pukal air kepada 3 syarikat konsesi.

Kedudukan Masa Kini

- a) Kerajaan Negeri telah berunding dengan syarikat konsesi dan mereka telah bersetuju untuk menanggung semua kos membaik pulih tebing Sungai Tuaran.
- b) Setakat akhir bulan Mac 2006, Kerajaan Negeri masih belum membayar tunggakan berjumlah RM1.02 bilion kepada 3 syarikat konsesi tersebut.

44.2 TAMAN-TAMAN SABAH

Program Penswastaan Perkhidmatan Dan Kemudahan Pelancongan

Mengikut syarat yang ditetapkan dalam perjanjian yang ditandatangani antara Taman-Taman Sabah dengan 4 syarikat konsesi, pihak konsesi perlu membina kemudahan pelancongan dan menaik taraf kemudahan yang melibatkan Taman Taman Pulau Tiga dan Taman Pulau Penyu. Bagaimanapun, kemudahan pelancongan yang baru di pulau tersebut belum dibina.

Kedudukan Masa Kini

Setakat bulan April 2006, Kemudahan pelancongan yang baru di Taman Pulau Penyu dan Taman Pulau Tiga masih belum dibina oleh syarikat konsesi.

44.3 KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

Penggunaan Geran Modal Dan Geran Khas Oleh Pihak Berkuasa Tempatan

Pasar Awam Baru Beaufort yang bernilai RM6.29 juta telah siap dibina pada bulan Disember 2002. Bagaimanapun, hanya aras bawah sahaja telah digunakan sejak bulan Januari 2004 sebagai pasar kain, sayur, buah-buahan dan pasar ikan kering. Manakala aras 1 dan 2 masih belum beroperasi / digunakan.

Kedudukan Kemas Kini

Setakat bulan April 2006, aras 1 dan 2 Pasar Awam Baru Beaufort tersebut masih belum digunakan. Bagaimanapun, Majlis sedang dalam tindakan perundingan supaya ruang tersebut disewakan kepada sebuah syarikat tempatan.

45. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Mengikut Perkara 112(A) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai aktiviti dan kajian khas Kementerian/Jabatan/Agensi bagi tahun 2004 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2005.

46. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri telah bermesyuarat pada 22 dan 23 April 2005 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2003. Sebanyak 3 tema iaitu Dasar Dan Perkembangan Bekalan Air, Dasar Dan Program Membasmi Kemiskinan di Negeri Sabah dan Dasar Dan Kemajuan Serta Isu-isu Perumahan di Negeri Sabah. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk mewujudkan Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Audit yang terkini , membuat lawatan ke tapak projek, mengkaji kes-kes lama yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti Kerajaan Negeri Sabah. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad dan kekurangan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada terus berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

3 Julai 2006

LAMPIRAN I

Jabatan Air Negeri Sabah
Jenis Paip, Kelebihan Dan Syor Pemasangan

Bil.	Jenis Paip	Kelebihan	Syor Pemasangan	Daerah/Tempat Pemasangan
1.	<i>Unplasticised polyvinyl chloride (UPVC)</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Kalis hakisan - Ringan - Mudah disambungkan - Murah - Mudah lentur 	<ul style="list-style-type: none"> - Saluran graviti - Jalanraya kecil - Dalam tanah (laluan kurang sibuk) 	Daerah Sandakan: 1. Flat LPPB 2. Taman Hing Lee 3. Taman Tying 4. Taman Merpati & Rajawali 5. Taman Tsun Ngen 6. Sim Sim Highway 7. Taman Lucky & Wemin 8. Taman Sentosa 9. BDC Industry Estate 10. Taman Sibuga 11. Taman Pertama 12. Taman Indah Jaya Phase 1 & 1B
2.	<i>Ductile Iron (DI)</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Daya ketahanan mekanikal yang tinggi - Penentangan kelemahan dalam logam yang tinggi - Mudah disambungkan - Kedap gas dan pencemaran organik - Mudah dikesan sekiranya berlaku kebocoran 	<ul style="list-style-type: none"> - Saluran pengepam - Jalanraya besar - Dalam tanah (laluan kurang sibuk) 	Daerah Kota Belud: 1. Pekan Lama Kota Belud Daerah Sipitang: 1. Bangunan Yun Fah 2. Kg. Tg. Banting 3. Kg. Tg. Pagar 4. Jalan Pelakat 5. Kg. Pasir Putih Pantai 6. Loji Air Sindumin hingga Simpang K. Mengalong 7. Loji Air Sindumin hingga Kg. Bahagia Daerah Sandakan: 1. Bandar Indah
3.	<i>Steel (S) /Mild Steel Cement Lining (MSCL)</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Tinggi kekuatan dan ketahanan mekanikal - Kalis kelemahan dalam logam akibat ketegasan - Daya ketahanan yang tinggi sekiranya dilindungi dengan sempurna daripada hakisan luaran dan dalaman 	<ul style="list-style-type: none"> - Saluran pengepam - Jalanraya besar - Dalam kawasan pencemaran organik 	Daerah Kota Belud: 1. Pekan Lama Kota Belud Daerah Sandakan: 1. Jalan Bomba & Sedco Industrial Estate 2. Pasir Putih 3. Kompleks Polis 4. Transmission Main at KM 45, Jalan Labuk 5. Jln. Airport & Jln. Airport Perimeter

Bil.	Jenis Paip	Kelebihan	Syor Pemasangan	Daerah/Tempat Pemasangan
		<ul style="list-style-type: none"> - Mudah lentur - Tidak mudah terdedah kepada pencemaran gas dan organik - Mudah dikesan sekiranya berlaku kebocoran - Mudah dibaiki 		6. Tapak JAS 7. Jln. Batu Sapi & Kwsn. Karamunting 8. Jalan Sibuga 9. BDC Forest 10. Taman Sunny Estate 11. S.K Sri Tg. Papat ke SMK Berhala Darat 12. Sedco Industries Est.1 13. Jalan Seguntor Batu 14 – 16 14. Batu 10 – 11 & Jln Sg. Batang 1
4.	<i>Acrylonitrile Butadiene Styrene (ABS)</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Kalis hakisan - Tegar - Kuat - Kurang berat dibandingkan dengan jenis yang lain - Tahan impak -Tahan cuaca - Mudah penyambungan 	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan pantai - Kawasan berair seperti paya, sungai, parit 	Daerah Kota Belud: 1. Pekan Lama Kota Belud

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah